

TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH
TANJUNG PAUH, JITRA, KEDAH:
SATU KAEDAH TAZKIYAT *AL-NAFS*

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Siswazah sebagai
memenuhi keperluan pengijazahan Sarjana Sastera
(Sosiologi Agama) Universiti Utara Malaysia

oleh

Mustafa Kamil Bin Hj. Ramli



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA TESIS
(Certification of Thesis Work)**

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(*We, the undersigned, certify that*)

MUSTAFA KAMIL BIN HAJI RAMLI

calon untuk Ijazah Sarjana Sastera (M.A)
(*candidate for the degree of*) _____

telah mengemukakan tesisnya yang bertajuk
(*has presented his/her thesis of the following title*)

TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH: SATU KAEDAH TAZKIYAT AL-NAFS

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis
(*as it appears on the title page and front cover of thesis*)

bahawa tesis tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan, dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(*that the thesis is acceptable in form and content, and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the thesis*).

AJK Tesis
(*Thesis Committee*)

Nama Wan Abdul Rahman Khudzri
(Name) : _____
(*Penyelia Utama/Principal Supervisor*)

Tandatangan
(Signature) : _____

Nama Prof. Madya Abdul Rahman Hj. Mustafa
(Name) : _____
(*Fondatangan*) _____
(*Signature*) : _____

Tarikh
(Date) : 20 - 10 - 2000

SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini adalah sebagai memenuhi keperluan pengajian lepasan ijazah Universiti Utara Malaysia mempamerkan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan, Sekolah Siswazah Universiti Utara Malaysia. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan dan lain kegunaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dibuat dengan menulis kepada :

DEKAN SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK, JITRA,
KEDAH DARUL AMAN

ABSTRAK

Penyelidikan ini dibuat untuk melihat kedudukan Tarekat Tasawuf dalam Islam khususnya Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Tumpuan kajian ialah tentang konsep **Murid**, Syeikh dan salasilahnya, ajaran-ajaran dasar dan perjalanan serta **amalan-amalannya**. Kayu ukur yang digunakan sebagai penilai terhadap tarekat ini ialah suatu Resolusi Tarekat Tasawuf yang Mu'tabar yang didasarkan kepada beberapa prinsip yang diakui secara sepakat dengan merujuk kepada **al-Quran**, **al-Sunnah**, **al-Ijma'**, **al-Qiyas** dan kaedah-kaedah yang diperakukan oleh ahli Sunnah wa Jamaah. Tarekat ini memberi pendekatan kepada umat Islam dalam usaha mereka melaksanakan tazkiyat **al-nafs**. Mekanism yang diamalkan dalam tarekat ini bagi mencanai **al-nafs** dalam proses tazkiyah ialah melalui zikir mengikut maqam-maqam tertentu. Perbincangan dimulakan dengan pembahagian tasawuf dan istilahnya serta istilah tarekat. Beberapa aspek penting berkaitan dengan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ditumpukan antaranya Sejarah Ringkas, perubahan-perubahan (reformasi) yang berlaku dalam tarekat ini sehingga wujud Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah, penyebaran dan pengaruh tarekat ini sehingga sampai ke Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Selanjutnya dibincangkan tarekat yang berpusat di sini dari aspek penubuhannya, latar belakang pemimpin dan menyentuh tentang amalan-amalan yang dipraktikkan seperti bai'ah, **talqin**, zikir, **tawassul**, **kha tam khawajakan**, **tawajjuh**, **tahlil**, majlis ilmu dan program **suluk**. Di akhir penyelidikan ini beberapa ulasan dan kesimpulan dibuat antaranya ditegaskan bahawa Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah adalah satu tarekat yang boleh diterima pakai yang bersumberkan syariat dan selari dengan kaedah ilmu Tasawuf yang tujuannya sebagai tazkiyat **al-nafs** dan untuk mencapai kemuliaan Islam, Iman dan Ihsan.

ABSTRACT

The study is done to assess the position of the Tarekat Tasawuf order from the Islamic point of view, with special interest on Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah of their religious centre in Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. This discussion basically, centres on the concept of 'Murid', 'Syeikh' and 'chains' of tutelage (*salasilah*), basic principles (doctrines) and their practices. The Yardstick for this analysis is based on The Resolution of The Tarekat Tasawuf by JAKIM. The resolution is based on the al-Quran, al-Hadis, al-Ijma, al-Qiyas and certain method or accepted principles of the members of Sunnah wa Jamaah. This tarekat provides way for the Moslem to tazkiyat al-nafs (performself spiritual cleansing). The mechanism for self education of the tazkiyat al-nafs is through the zikir which is done according to prescribed stage. The discussion starts by explaining the various divisions of tasawuf and the definitions of 'tarekat' and 'tasawuf'. In addition, the discussion is about several important aspects of Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah. Some of these aspects include a brief history of Tarekat Naqsyabandiyah which discusses its formation and evolution and the spread of influence of the same Tarekat to Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. This is followed by discussion of Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah in Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, in terms of its establishment, the background of its leaders and its practices *bai'ah*, *talqin*, *zikir*, *tawassul*, *khatam khawajakan*, *tawajjuh*, *tahlil*, scripture studies and solitude programmes (*Khalwat/Suluk*). At the end of the study, comments and conclusions are made. The conclusion stresses that Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah, in Tanjung Pauh, Jitra, Kedah is a true tarekat is based on true Islamic faith with the aim of tazkiyat al-nafs and achieving the ideal of Islam, Iman and Ihsan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan rasa rendah diri penulis panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. yang memiliki segala keagungan. Penulis bersyukur kerana dengan limpahan cahaya hidayah dan inayahNya kajian ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., kepada keluarganya dan para sahabatnya.

Dalam usaha melaksanakan kajian ini penulis amat berterima kasih kepada penyelia pertama dan penyelia kedua iaitu Encik Wan Abdul Rahman Khudzri dan Prof. Madya Lt. Kolonel Abdul Rahman Bin Haji Mustafa yang sangat banyak memberi bimbingan, kritikan dan nasihat dari semasa ke semasa sehingga siap kajian ini. Tidak lupa juga setinggi-tinggi terima kasih kepada bekas penyelia yang lalu iaitu Encik Shukri Bin Ahmad yang membantu kerja-kerja awal dalam kajian ini.

Penulis juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Syed Muhammad Aqail Bin Ali al-Mahdaly, Dekan Kulliyyah Usulluddin, INSANIAH, Kedah selaku penyelia luar.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga disampaikan kepada Encik Iran Herman dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengajar penulis tentang metodologi kajian, Prof. Dr. Ahmad Fawzi Basri yang menyampaikan kuliah tentang kaedah penulisan dan Prof. Datuk Dr. Mohd Yusof Hassan, kuliah Epistemologi Ilmu.

Penulis juga menyampai penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada ikhwan kumpulan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, terutama kepada syeikhnya Tuan Haji Muhammad Yatim Bin Haji Ismail yang telah mengizinkan penulis menjadikan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di bawah pimpinan beliau sebagai kajian kes. Ucapan setinggi terima kasih juga kepada khalifahnya Encik Habib Syah dan sahabat penulis yang juga ahli tarekat tersebut iaitu Encik Zainal Abidin yang banyak membantu mendapatkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat tentang tarikat ini.

Tidak lupa juga penulis menyampaikan penghargaan dan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada kawan-kawan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Baling terutama kepada

Ustaz Mohd Fuad Bin Alias, Ustaz Abdul Razak, Ustaz Alias Bin Mat, Encik Basil Jude Surin dan Encik Zulkifli Bin Abdul Kadir, yang bersedia membantu dan menegur penulis dalam usaha menterjemahkan istilah dan perkataan bahasa Arab juga bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia.

Akhirnya penulis mengabadikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri penulis yang tercinta, Puan Hajjah Siti Fatihah Abdul Muin, anak-anak, Mursyida, Mustakim, Mahfuz, Mifdhal dan Musyrif yang telah memberikan pengorbanan yang tidak ternilai harganya malah mereka menjadi sumber inspirasi dan kekuatan kepada penulis untuk meneruskan kajian ini sehingga selesai.

Semoga . Allah s.w.t. yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang melimpahkan pelbagai kurnia, rahmat dan keredhaaNya kepada semua pihak yang terlibat sama ada

secara langsung atau tidak langsung dalam kesempatan hidup di dunia yang fana ini, dan sebagai saham yang dividennya akan nikmati di akhirat kelak.

Sekian, wassalam.

MUSTAFA KAMIL HJ.RAMLI
SEKOLAH PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
KEDAH DARUL AMAN.

K A N D U N G A N

H A L A M A N

KEBENARAN MENGGUNA

i

ABSTRAK

ii

ABSTRACT

iii

PENGHARGAAN

iv

KANDUNGAN

v

SENARAI SINGKATAN

vi

PENGENALAN

vii

viii

BAB 1. TAREKAT TASAWUF

1.0. Pendahuluan	1
1.1. Tarekat Tasawuf: Istilah dan Pengertian	2
1.2. Definisi Tarekat	9
1.1. Kedudukan Tarekat Tasawuf dalam Islam	16
1.2. Hubungan Antara Syariat, Tarekat dan Hakikat	28
1.5. <i>Tazkiyat al-Nafs</i>	37
1.6. Tarekat Tasawuf: Sejarah Perkembangan	44
1.1. Perkembangan Tarekat Tasawuf di Nusantara	49
Nota Bab 1	52

BAB II TAREKAT NAQSYABANDIYAH

2.0. Pendahuluan	66
2.1. Sejarah Ringkas kewujudan Tarekat Naqsyabandiyah	67
2.2. Pembaharuan Dalam Tarekat Naqsyabandiyah	71
2.1. Salasilah Tarekat Naqsyabandiyah	75
2.1. Perkembangan Dan Penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah	84
2.5. Perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ke Malaysia	101
2.6. Ajaran-ajaran Dasar/Doktrin Asas Tarekat Naqsyabandiyah	104
Nota Bab II	128

**BAB III TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH
TANJUNG PAUH, JITRA, KEDAH.**

3.0. Pendahuluan	137
3.1. Penubuhan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah dan Riwayat Hidup Pemimpinnya	138
3.2. <i>Murid (Salik)</i> Dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Pusat Tanjung Pauh, Jitra, Kedah	147
3.3. Syeikh Dalam Tarekat Naqsyabandiyah Pusat Tanjung Pauh, Jitra, Kedah	165
3.4. <i>Bai'ah Dan Talqin Zikir</i>	186
3.1. <i>Tawassul</i>	208
3.6. Mengamalkan Zikir	234
3.1. <i>Khatam Khawajakan, Tawajjuh Dan Tahsil</i>	266
Nota Bab III	284

RAB IV AMALAN RIADAH ATAU SULUK

4.0. Pendahuluan	299
4.1. Riadah Atau Bersuluk Dalam Tarekat Tasawuf	300
4.1. Kaedah Bersuluk Dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah	313
4.3. Amalan-amalan Dalam Suluk	325
4.4.1. Perkara-perkara Yang Perlu Dilaksanakan Sebelum Suluk/Khalwat	336
4.4.2. Adab-adab Semasa Suluk	342
4.4.1. Adab-adab Selepas Suluk	361
4.5. Peningkatan Maqam Atau Darjat Zikir	364
Nota Bab IV	392

BAB V RUMUSAN

5.1. Rumusan	403
5.1. Kesan Dan Pengaruh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah	420
5.3. Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Objektif Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Tidak Mencapai Seratus Peratus	426
5.4. Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Kurang Mendapat Sambutan Di Kalangan Masyarakat.	427
5.5. Saranan	428
BIBLIOGRAFI	437

SENARAI SINGKATAN

BAHASA ARAB

- a.s Alaihi salam, selamat sejahtera ke atasnya.
- r.a. Radiyallahu `anhu, semuga Tuhan meredhainya.
- s.a.w. Salallahu `alaihi wa sallam, semuga Tuhan memberkatinya dan damai atasnya.
- s.w.t. Subhanahu wa Taala, Maha suci Allah Yang Maha Tinggi.

BAHASA INGGERIS

- ed. Edition, editor, edited by, edisi dieait oleh.
- Et. al. Et cetere, dan pengarang-pengarang lain
- Ibid Ibidem, pada tempat, kitab, fsal dan halaman yang sama.

BAHASA MALAYSIA

- Band Bandingkan
- hal Halaman
- H Hijrah
- Jld Jilid
- m Meninggal dunia, mati
- M Masihi
- t.t. Tanpa tarikh
- t.p. Tanpa tempat
- t.pt. Tanpa penerbit

1. PENGENALAN.

Tarekat ialah jalan atau amalan berbentuk kerohanian yang tertentu bagi mereka yang berusaha menuju kepada Allah s.w.t. yang akan mengharungi berbagai-bagai rintangan atau melalui peningkatan kerohanian dalam berbagai-bagai maqam. Tarekat menjadi jalan kerohanian Islam yang penting dan tidak boleh dipisah-pisahkan dari hakikat Islam yang sebenar. Dalam Islam tarekat boleh dikelaskan kepada dua iaitu :


a - Tarekat Umum .


b - Tarekat Khusus.

Tarekat Umum ialah al-Din agama Islam seperti mengucap dua kalimah syahadat, sembahyang fardu lima waktu, berpuasa , membayar zakat menunai fardu haji, melaksanakan perkara-perkara yang diwajibkan, menjauhi perkara-perkara yang diharamkan, demikian juga melaksanakan perkara-perkara yang disunatkan serta menjauhkan perkara-perkara yang dimakruhkan. Kepatuhan ini tertakluk kepada hukum syarak iaitu yang wajib, sunat, haram, makruh dan harus yang bertunjangkan asas-asas tauhid dan rukun-rukun iman yang melayakkan seseorang itu mencapai darjah Jhsan¹.

Tegasnya, tarekat umum ini ialah jalan agama Islam yang pokok berasaskan tiga perkara iaitu Islam, iman dan ihsan. Islam melahirkan ilmu fekah, iman melahirkan ilmu tauhid dan ihsan melahirkan ilmu tasawuf.

Kelengkapan Asas Agama Islam





Tarekat Khusus ialah tarekat atau jalan yang pernah ditanya oleh Saidina 'Ali bin Abi Talib kepada Nabi s.a.w.

سَأَلَتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ، يَا رَسُولَ اللَّهِ دَلِنِي عَلَى أَقْرَبِ الْطُّرُقِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى وَأَسْهَلِهَا عَلَى عِبَادِهِ وَأَفْضَلِهَا عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَا عَلَى عَلَيْكَ بِمَدَاوِمَةِ ذِكْرِ اللَّهِ عَزَّوَجَلَ سَرَا وَجَهْرَا .²

Maksudnya:

Telah bertanya aku kepada Rasulullah s.a.w. kataku Ya Rasulullah. Tunjukkanlah akan daku atas amal jalan yang terlebih hampir kepada Allah Taala dan jalan yang terlebih mudah atas hambanya dan jalan yang terlebih afdal pada sisi Allah. Maka sabda Rasulullah. Hai `Ali, lazimkan olehmu dengan zikirullah secara sirr (di dalam hati tanpa suara dan secara terang).

Pengajaran daripada peristiwa yang berlaku di atas, menunjukkan bahawa, Rasulullah s.a.w. mengajar satu jalan (tarekat) yang khusus bagi memudahkan umat Islam mencapai matlamat iman, iaitu melalui jalan atau tarekat berzikrullah secara sirr di hati atau secara terang dengan lisan. Berzikrullah akan menjamin seseorang itu mendapat kebahagian di dunia dan akhirat seperti firman Allah s.w.t.

وَذَكِّرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ^٣

Maksudnya:

Dan sebutlah olehmu akan Allah Taala dengan banyak. Mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.

Syeikh Abdul Qadir Al- Jailani menegaskan :

و طریق الوصول الى الله تبارک و تعالی
محافظة الجسم على الصراط المستقيم لاحکام
الشريعة ليلا ونهارا ويد اوم على ذكر الله تعالی
سرا و جهرا دوامه فرض قائم على الطلاب كما قال
عز من قائل (فاذکروا الله قیاما وقعدا وعلی
جنوبهم ویتفکرون فی خلق السموات والارض) ^٤

Maksudnya: *Jalan untuk sampai kepada Allah s.w.t. ialah selalu menjaga diri pada jalan yang benar, selalu melakukan segala hukum syariat siang dan malam melazimkan zikrullah dengan sirr (dalam hati) mau pun jelas (bersuara) melazimkan zikir hukumnya fardu yang harus dilakukan oleh manusia yang ingin mendekati Allah s.w.t. Allah berfirman dalam surah Al-Imran ayat 191:"Ingatlah Allah dalam keadaan berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi".*

Kenyataan-kenyataan di atas, menunjukkan zikrullah adalah jalan paling hampir untuk mendekati Allah s.w.t. Ia juga suatu amalan yang paling senang dikerjakan serta paling mulia pada sisi Allah untuk mencapai hakikat hamba Allah yang sebenar.

Tarekat Khusus ini diperturunkan dari satu salasilah kepada salasilah selepasnya dan dinamakan mengikut orang yang mengasaskan atau mempeloporinya dengan satu kaedah seperti Tarekat Naqsyabandiyah dinisbahkan kepada Imam Naqsyaband, Tarekat Syazaliyah dinisbahkan kepada Imam Asy-Syazali dan Tarekat Ahmadiyah dinisbahkan kepada Imam Ahmad bin Idris.⁵

Tarekat Naqsyabandiyah dipelopori oleh Muhammad Baha al-Din Shah Naqsyaband (717 H-791 H/1317 M-1389M) pada tahun 1388 M di Bukhara.⁶ Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah adalah merupakan cabang daripada Tarekat Naqsyabandiyah.⁷ Pengamalnya terdiri daripada ulama-ulama terkenal di Nusantara seperti Syeikh Muhammad Khatib Sambas, Syeikh Muhammad Salleh al-Zawawi, Syeikh Abdul Samad al-Palembangi, Syeikh Ismail al-Minangkabawwi, Syeikh Daud al-Fatani, syeikh Arshad al-Banjari dan Syeikh Abdul Wahab Rokan Babus Salam.⁸

Kemasyhuran Tarekat Naqsyabandiyah telah mencatat sejarah gemilang dari perkembangannya yang melewati negara-negara seperti Mesir, India, Turki, Turkestan, Soviet Union dan Nusantara. Tetapi akhir-akhir ini khususnya di Malaysia kewujudan dan kesahihannya masih ada pertikaian. Ini mungkin dipengaruhi oleh dakwaan, sebagai ajaran sesat ke atas beberapa tarikat yang ada di Malaysia, seperti Tarekat Naqsyabandiyah Kadirun Yahya.

Selain itu Kor Agama Angkatan Tentera telah menyenaraikan 50 Ajaran sesat yang dikenalpasti bersama dengan nama-nama guru atau pemimpinnya. Sebanyak 26 Ajaran sesat telah didakwa oleh Jabatan Agama Islam negeri masing-masing dan mengenalpasti taburan Ajaran sesat di Malaysia mengikut negeri.⁹

Walaupun Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah tidak termasuk dalam senarai tersebut, tetapi masyarakat Islam kini begitu bimbang untuk mendekati tarekat ini. Keadaan ini menyebabkan apabila segolongan orang Islam yang menumpukan perhatian ke alam kerohanian khususnya mengamalkan amalan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah, maka muncul pula golongan menganggap bahawa ikatan kepada sesuatu jalan atau tarekat keagamaan itu sebagai kebekuan sikap, serta merupakan ajaran sesat.

Sebenarnya, yang dikatakan ajaran sesat ialah yang diciptakan oleh tokoh-tokoh tertentu dengan menterjemah dan mentafsirkan konsep tasawuf dan nas-nas syarak sesuka hati semata-mata untuk kepentingan diri.

Misalnya ilmu kebatinan dan persilatan, dukun-dukun atau bomoh-bomoh yang mengamalkan ilmu hitam bagi memenuhi cita-cita mereka. Menurut penjelasan *Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat* yang diterbitkan oleh Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah mentakrifkan ajaran sesat seperti berikut:

Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang di dakwanya berdasarkan kepada ajaran Islam, tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariat Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.¹⁰

Ajaran kerohanian di dalam tarekat kerohanian atau kesufian, pada umumnya mempunyai tujuan yang murni, tetapi mungkin ada sebahagian tarekat yang amalan baiknya bercampur amalan buruk, berpunca dari kelemahan-kelemahan sebagai seorang insan yang tidak maksum.

Justeru, terdapat tokoh-tokoh tertentu menterjemah dan mentafsirkan konsep tasawuf dan nas-nas syarak sesuka hati semata-mata untuk kepentingan diri. Ada tarekat tasawuf yang menghayati ajaran yang tidak bertentangan dengan konsep-konsep asas di dalam Islam, tetapi mengambil sebahagiannya sahaja, sehingga menjadikannya tidak lengkap, atau tarekat itu memang berasaskan ajaran-ajaran Islam dari sumbernya yang asal, akan tetapi ia menggunakan disiplin yang diambilnya dari sumber yang bukan Islam.

Termasuklah di dalam kategori ini, tarekat-tarekat yang disusun atur berasaskan amalan-amalan atau ritual khas, doa-doa yang disusun sendiri. Kegawatan ini ditambah lagi dengan beberapa kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian pengikut atau pengamal Tarekat Naqsyabandiyah yang turut merosakkan pemikiran masyarakat terhadap tarekat ini.

Seperti juga orang lain, di antara mereka ada yang kurang mendalami tentang hukum-hukum syariat. Oleh sebab itu mereka melakukan beberapa kesilapan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan syariat. Umpamanya memadai menunaikan haji di Medan, Indonesia sahaja kalau tidak mampu ke Mekah dalam ajaran Tarekat Naqsyabandiyah yang dipelopori oleh Prof. Dr. Hj. Sidi Sheikh Kadirun Yahya.¹¹

Ada di antara mereka suka menceritakan perkara-perkara yang tidak sepatutnya diceritakan kepada orang yang bukan ahli, misalnya pengalaman-pengalaman kerohanian dan seumpamanya. Ada pula di antara mereka terpengaruh dengan perkara-perkara ghaib yang diperlihatkan kepada mereka, seperti keramat yang memang benar terjadi kepada mereka yang hampir dengan Allah.

Namun begitu mengikut Syeikh Abdul Qadir Jailani :

Orang yang mempunyai keramat itu masih tidak selamat dari ujian Allah. Mereka mungkin terjerumus ke dalam lembah syirik iaitu dosa yang paling besar, kalau tidak berhati-hati dan tidak mengembalikan kejadian keramat itu kepada Allah s.w.t. Dibimbangi mereka beranggapan bahawa keramat itu hak mereka sendiri lalu membuat sewenangnya.¹²

Oleh itu sebagai umat Islam yang telah menyedari akan hal ini menerusi berbagai-bagai media, perlulah menyelidik dan membongkar permasalahan yang dihadapi supaya minat kepada kerohanian terus terpimpin dan dipimpin dengan seimbang di bawah lunas-lunas dan garis-garis yang telah tercatat di dalam wahyu dan sunnah Rasulullah s.a.w.

Bagaimanapun perlu dipastikan dahulu bahawa seluruh sistem diwujudkan di bawah naungan kerohanian Naqsyabandiyah Khalidiyah ini mestilah mampu membuktikan bahawa dia bergerak menuju kepada kekuatan umat Islam dalam semua bidang di dunia menuju ke akhirat. Semoga mereka yang terpimpin dan dipimpin oleh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini boleh diketengahkan sebagai model kepada masyarakat Islam yang lain.

Abu Ula Afifi, menekankan bahawa:

Kerohanian sebagai satu amalan yang mesti diterima dengan erti kata yang seluas-luas supaya ia benar-benar menjadi pendorong yang menggerakkan semangat revolusi dalam kerja, semangat revolusi terhadap kebekuan sikap, revolusi terhadap penyelewengan, revolusi perusahaan, revolusi perindustrian dan seterusnya. Revolusi yang berteraskan kekuatan kerohanian akan dapat menghindarkan rasa tamak dan sompong dan membendung semangat kebendaan dari bermaharajalela menguasai denyut nadi dan jantung¹³

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa jika kita hendak bertarekat, bukanlah kita beramal dengan amalan yang melalaikan kita, sehingga tidak menghiraukan alam sekeliling, membiarkan bumi kita diceroboh yang menyebabkan umat menjadi terancam lantaran kezuhudan mencari kedamaian tetapi kita bertarekat untuk menyuci dan menguatkan kerohanian kita bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam perjuangan sebagai khalifah di muka bumi ini, melaksanakan perintah-perintah Allah dan meninggalkan laranganNya untuk mendapat keredhaanNya di akhirat kelak.

2. PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Tarikat merupakan amalan berbentuk kerohanian yang tidak boleh dipisah-pisahkan daripada hakikat Islam yang sebenar dan dapat memberikan sumbangan yang besar dalam mempertingkatkan iman dan taqwa seseorang pengamalnya.

Oleh itu penulis merasakan satu kajian tentang tarekat perlu dilakukan. Jadi penulis memilih Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, sebagai kes kajian. Pendedahan perjalanan dan amalan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ini dapat menyedarkan masyarakat tentang wujudnya suatu bentuk amalan kerohanian yang boleh menjadi dorongan kepada mereka untuk mengkaji serta meninjau sendiri ke lokasi berkenaan.

Menerusi dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan para ulamak yang dikemukakan terhadap tarekat dan dikaitkan pula dengan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini, penulis yakin dapat merungkai beberapa masalah dan dapat menghilangkan beberapa keraguan serta kegelapan berhubung dengan

tarekat, khususnya Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini.

Jadi kepada sesiapa yang berminat tentang amalan kerohanian amnya dan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah khususnya, dapat memberi pertimbangan dengan sewajarnya untuk menentukan ianya hak atau batil. Dengan pengalaman ini mudah-mudahan dapatlah pula sesiapa daripada masyarakat Islam yang berminat dengan amalan tasawuf untuk mengetahui mana-mana satu tarekat sufiyah yang benar, yang patut diamalkan dan tarekat-tarekat yang batal yang mesti dijauhi dan dihalang daripada mempelajari dan mengamalkannya. Sabda Rasulullah s.a.w.

من سلك طريقا يطلب فيه علمه سهل الله

له طريقا الى الجنة - رواه البخاري.¹⁴

Maksudnya:

Barang siapa mensulukkan akan sesuatu jalan (yakni menjalani sesuatu tarekat) untuk mendapatkan padanya akan sesuatu pengetahuan (iaitu pengetahuan kerohanian) maka dimudahkan Allah s.w.t. baginya jalan ke syurga.

3. ULASAN KARYA

Tarekat Umum ialah jalan kepada agama Islam yang asas berdasarkan kepada tiga perkara iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Manakala Tarekat Khusus pula jalan atau cara yang memudahkan umat Islam mencapai matlamat Iman iaitu dengan cara berzikirullah secara sirr di hati dan secara terang dengan lisan.

Dalam Tarekat Khusus ini dapat kita lihat wujudnya beberapa tarekat yang diajarkan kepada orang-orang yang kemudian yang diberi nama sesuai dengan orang yang mengasas atau mempeloporinya seperti Tarekat Naqsyabandiyah dinisbahkan kepada Imam Naqsyaband, Tarekat Syazaliah dinisbahkan kepada Imam Asy- Syazali dan Tarekat Ahmadiah dinisbah kepada Imam Ahmad bin Idris.¹⁵

Sheikh Muhammad Husin al-Sheikh Sulaiman al- A`la , ada menjelaskan tentang maksud asal-usul perkataan Naqsyabandiyah dengan mengaitkan bahawa kumpulan Tarekat Naqsyabandiyah sebagai kumpulan ahli sufi yang dinisbahkan kepada Sheikh Muhammad Baha` al -Din Naqsyabandiyah¹⁶.

H.A.R. Gibb, dan J.H. Kramers, mencatatkan tulisan tentang riwayat hidup pengasas Tarekat Naqsyabandiyah iaitu Muhammad Baha al-Din Shah Naqsyaband.¹⁷

Perkara ini diperkuuhkan lagi oleh Yusuf bin Ismail al-Nibhani yang mendalami tentang riwayat hidup pengasas Tarekat ini dan dikemukakan juga tokoh-tokoh pemimpin Tarekat Naqsyabandiyah yang lain seperti Muhammad Ma'sum, Muhammad Hanif al-Kabali, Muhammad Saif al-Din al-Faruqi al-Naqsyabandiyah dan lain-lain.¹⁸

P. Archer, Nathaniel membincangkan Tarekat Naqsyabandiyah dan zikir-zikirnya.¹⁹ Selanjutnya Sheikh Muhammad Najm al-Din Amin al-Kurdi (1368 H) mengemaskan lagi dengan mengutarakan tentang ketokohan pengasas Tarekat Naqsyabandiyah, salasilah dan juga zikirnya.²⁰

Saiyid Athar Abbas Rizvi menjelaskan tentang sejarah Tarekat Naqsyabandiyah serta dasar-dasar penting tarekat tersebut.²¹ Sementara B.Lewis, V.L. Menage Ch.Pellot, dan J. Schacht, menambah beberapa perkara penting serta kedudukan tarekat ini di India .²²

Abd al-Qadir Ahmad 'Ata', membicarakan tentang Tarekat Naqsyabandiyah yang merangkumi masalah rabitah, meraqabah dan manhaj dalam amalan Tarekat Naqsyabandiyah.²³ Sebaliknya Abd Rahman al-Dimashqiyah, merupakan seorang tokoh yang mengkritik amalan-amalan Tarekat Naqsyabandiyah.

Beliau mempertikaikan pelbagai aspek seperti kedudukan *zikir, rukyah Allah, tawakal, fana*, *baqa* dan *wahdat al-wujud* yang difahami dan dipegang oleh tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah.²⁴

Aboebakar Atjeh, dalam membahaskan ajaran-ajaran Ilmu Tasawuf beliau menghubungkaitkan dengan amalan-amalan Tarekat Naqsyabandiyah.²⁵ Hal ini diperkemaskan lagi oleh Fuad Said, membincangkan tentang Tarekat Naqsyabandiyah dalam pelbagai aspek seperti; salasilah, ajaran dasar, kaifiat zikir, masalah rabitah, bersuluk, khatam khawajakan, syarat-syarat mursyid dan adab-adab dalam Tarekat Naqsyabandiyah.²⁶

Drs. Imran Aba, memperkembangkan lagi dengan menjelaskan masalah-masalah yang sering ditujukan terhadap tarekat ini seperti masalah tidak boleh makan daging ketika sedang

bersuluk, ajaran tarekat bukan berasal daripada sunnah Nabi Muhammad s.a.w. dan masalah rabitah.²⁷

Seterusnya Dr. Haji Jalaluddin, membincangkan Tarekat Naqsyabandiyah secara umum serta memberi penekanan kepada zikir dan kepentingannya, maqam-maqam zikir, mendedahkan beberapa tarekat yang salah sambil mengketengahkan Tarekat Naqsyabandiyah, juga mengaitkan amalan-amalan Tarekat Naqsyabandiyah dengan rukun Islam yang lima.²⁸ Begitu juga al-Sheikh Muhammad Amin al-Kurdi, membincangkan Tarekat Naqsyabandiyah secara umum dan tiada tumpuan khusus kepada Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah dengan merujuk kepada lokasi tertentu.²⁹

Martin Van Bruinessen (1992), membicarakan tentang perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah di Asia Tengah, India dan Semenanjung Arab pada penghujung abad ke sembilan belas. Seterusnya secara khusus membincangkan kehadiran tarekat ini di Nusantara. Beliau secara eksplisit menghubungkan perkembangan tarekat ini di Indonesia dengan Timur Tengah dan membicarakan bagaimana munculnya Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang menjadi begitu berpengaruh di Nusantara pada separuh kedua abad


ke 19. Dibicarakan dengan terpeinci perkembangan tarekat ini di daerah-daerah penting di Indonesia. Beliau juga membincangkan prinsip-prinsip dasar dan teknik spiritual Naqsyabandiyah sebagaimana dirumuskan oleh para pendokong tarekat ini dan kemudian dikembangkan oleh para pengikutnya.³⁰

Rosnaaini Bt. Hamid (1997) memfokuskan kajian beliau tentang penganalisisan aspek doktrin dan metode pengamalan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh di bawah pimpinan Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail. Kajian ini berhasil mendapati bahawa tarekat ini menepati kehendak syariat Islam dan selari dengan ajaran Ilmu Tasawuf di mana doktrin dan metode pengamalannya masih menepati doktrin dan metode pengamalan Tarekat Naqsyabandiyah yang awal dan telah diakui sah oleh masyarakat Islam.³¹

Sungguh pun kajian telah dibuat terhadap Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, ini tetapi penulis merasakan beberapa aspek yang tidak kurang pentingnya perlu dilihat dan dibincangkan untuk pengetahuan masyarakat Islam amnya dan kepada mereka yang berminat dalam amalan kerohanian khususnya. Umpamanya tata cara sesuatu amalan

seperti *Zikir*, *Khatam Khawajakan*, *Tawajjuh* dan *Tahlil*. Meneliti program *suluk* dari segi pelaksanaan dan adab-adabnya dan seterusnya melihat peningkatan kerohanian melalui amalan-amalan dalam tarekat ini.

4. KERANGKA TEORITIKAL



5. OBJEKTIF KAJIAN.

Kajian ini dibuat adalah untuk memenuhi beberapa perkara seperti berikut:

1. Mengkaji tasawuf dan tarekat samada bersesuaian atau bertentangan dengan Islam berpandukan kepada dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah Nabi s.a.w. serta pandangan ulamak.
2. Mengkaji untuk mengetahui kedudukan syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah dan salasilah mereka.
3. Mengkaji kaedah pelaksanaan sesuatu amalan dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah.
4. Mengkaji program yang menjadi tunggak kepada Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah, Tanjung Pauh, Jitra, Kedah dari segi adab-adab pelaksanaannya.
5. Mengkaji peningkatan kerohanian melalui amalan-amalan dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, kedah.

6. METODOLOGI

Penyelidikan ini akan dibuat menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian perpustakaan, kajian kes serta tempat dan analisis data. Pemilihan kaedah kualitatif diyakini dapat memenuhi objektif kajian kerana penyelidikan ini merujuk kepada konsep-konsep, mengenai makna, pentakrifan, ciri-ciri, doktrin dan ~~fahaman~~-fahaman. Menurut Bogdon dan Taylor

kaedah-kaedah kualitatif membolehkan kita mengkaji konsep yang intipatinya akan hilang jika pendekatan penyelidikan yang lain digunakan. Konsep seperti kecantikan, kesakitan, iman penderitaan, kekecewaan, harapan dan kasih sayang boleh dikaji melalui apa yang ditakrifkan dan yang dialami oleh manusia dalam kehidupan harian mereka.³²

Oleh itu jika dibandingkan kaedah kualitatif dengan kaedah kuantitatif, kaedah kualitatif dapat memberi tumpuan yang lebih kepada kesubjektifan maksud. Kajian kes merupakan kajian ke atas satu kes sebagai satu sistem yang unik. Tujuan utama kajian kes ini ialah untuk mengkaji situasi daripada pandangan pengamalnya. Menurut Loo:

"Tujuan muktamad kajian kes ialah mengkaji situasi-situasi daripada pandangan peserta

iaitu mengkaji cara-cara peserta mentafsir pengalaman-pengalaman dan mengkaji bagaimana mereka bertindak dan membina realiti sosial berasaskan fahaman mereka mengenai alam sosial” ³³

Kajian ini bertujuan melihat perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah dan cabang-cabangnya serta kedudukan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Jadi data-data yang diperlukan merupakan maklumat-maklumat kualitatif seperti catatan atau ingatan tentang sejarah, tafsiran sesuatu kedudukan, maklum balas tentang tahap-tahap martabat iman dan sebagainya.

Kaedah kualitatif juga membolehkan penggunaan pelbagai kaedah untuk mencungkil maklumat dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Kaedah-kaedah pengumpulan data termasuklah kajian perpustakaan, kajian lapangan, temubual/wawancara dan analisis data atau maklumat

1. Kajian Perpustakaan.

Kajian ini melibatkan bahan-bahan bertulis yang terdiri daripada dokumen-dokumen asal atau sumber kedua

misalnya al-Quran, al-Sunnah, buku-buku, jurnal, ensaiklopedia. Bahan-bahan ini dikaji dan dianalisis bagi memperolehi dalil-dalil yang sahih dan kukuh serta membawa hasil kajian yang tepat. Bahan-bahan yang ada memuatkan aspek kerohanian yang merangkumi tasawuf, tarikat khususnya Tarekat Naqsyabandiyah akan diteliti dan dinilai secara kritikal. Bahan-bahan seumpama ini merupakan salah satu sumber yang dapat memberikan maklumat dan menjelaskan tentang tajuk yang akan dikaji.

2. Kajian lapangan.

Di bawah kajian lapangan, penyelidikan dibahagikan kepada bahagian berikut :

a- Pemerhatian Terkawal (Controlled Observation).

Iaitu pemerhatian ke atas mereka (subjek) yang hendak dikaji dalam suasana tertentu.³⁴ Penyelidik atau penulis akan membuat pemerhatian ke atas ahli-ahli Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di lokasi berkenaan (Tanjung Pauh, Jitra, Kedah) untuk mendapat maklumat tentang amalan-amalan yang dipraktikkan oleh mereka semasa menjalankan sesuatu amalan kerohanian.

b- Pemerhatian Tidak Terkawal (Uncontrolled Observation).

Pemerhatian dibuat ke atas mereka yang hendak dikaji pada semua keadaan.³⁵ Iaitu memerhati keseluruhan tindakan mereka samada gerak laku, tutur bicara dan lain-lain aktiviti sebelum dan selepas sesuatu amalan kerohanian dijalankan. Pemerhatian dibuat samada dipusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah ataupun lain-lain lokasi. Dengan ini penulis dapat mengetahui sejauh manakah amalan tarekat ini dapat meninggalkan kesan kepada individu berkenaan.

c- Pemerhatian melalui partisipasi (Participant Observation).

Penulis akan turun kelapangan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti amalan yang dilakukan oleh pengikut-pengikuf Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam, penulis akan mengikuti program kerohanian yang diamalkan, cuba bergaul dan berbual dengan pengikut-pengikut tarekat ini. Penulis yakin melalui kaedah ini akan menghasilkan maklum balas yang lebih memuaskan.

xxxx

3. Temubual/wawancara.

Penulis akan menemubual pemimpin Tarekat Naqsyabandiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah Tuan Guru Hj. Mohammad Yatim bin Hj. Ismail, (sebagai pemimpin) pengikut-pengikut dan ulamak-ulamak untuk mendapatkan penjelasan yang lebih tepat dan terperinci.

4. Analisis Data/maklumat.

Penulis akan mengumpulkan data-data atau maklumat-maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan ini seterusnya penulis akan mencerakinkan dan membuat kesimpulan untuk menguatkan penyelidikan. Kaedah penganalisisan data maklumat yang akan digunakan dalam kajian ini ialah:

- a- Kaedah Induktif - satu kaedah menganalisis data dengan kesimpulan dari keadaan yang bersifat khusus kepada sesuatu yang bersifat umum. Beberapa kenyataan hujah mengenai sesuatu perkara akan dikemukakan yang kemudiannya akan dijadikan suatu kesimpulan baru bersifat umum dan menyeluruh.

Umpamanya dalam mengatasi kekeliruan tentang salasilah pendokong-pendokong Tarekat Naqsyabandiyah. Terdapat salasilah yang turutannya dikatakan terputus kerana penerima dan pengijazah tidak hidup sezaman. Penyelesaian yang digunakan ialah dengan merujukkan kepada kaedah Ilmu Musthalah Hadis yang menggunakan hadis Mursal yang terputus-putus sanadnya.

b- Kaedah Deduktif - ialah sesuatu penetapan kesimpulan yang bersifat khusus yang didapati daripada hujah-hujah atau kenyataan yang bersifat umum.

Daripada kesimpulan atau kenyataan yang bersifat umum kemudiannya akan dijuruskan kepada kesimpulan bersifat khusus.

Seperti pemberian sedekah kepada guru sesudah sesuatu amalan Tarekat Naqsyabandiyah dilakukan. Sesungguhnya amalan sedekah kepada sesiapa sahaja adalah dituntut, bertujuan membuang sifat kikir dan bakhil di samping mengharapkan keredaan Allah s.w.t.

c. Kaedah Perbandingan - ialah sesuatu kenyataan atau kesimpulan yang didapati hasil daripada perbandingan yang dibuat dengan kenyataan atau kesimpulan yang sedia wujud dan membandingkan hujah tokoh-tokoh tertentu dan kemudian diambil kesimpulan baru hasil daripada perbandingan tersebut.

Contoh : Membandingkan kaedah zikir yang diajarkan oleh pemimpin Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh dengan kaedah zikir yang diamalkan oleh Tarekat Naqsyabandiyah yang awal yang dipelopori oleh ulamak-ulamak muktabar untuk menentukan kesahihannya.

BAB 1.

TAREKAT TASAWUF

1.0. PENDAHULUAN.

Tarekat-tasawuf adalah suatu bentuk amalan kerohanian yang menggunakan cara *al-mujahadah*, menghilangkan sifat-sifat tercela dan mempunyai matlamat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Amalan-amalan tersebut dilaksanakan dengan kaedah-kaedah yang praktikal dan tatacara yang murni umpamanya hubungan murid dengan guru, *khalwah* (mengasingkan diri), zikrullah dan lain-lain.

Amalan-amalan tarekat tasawuf yang tulen dan menepati syariat Islam telah menjadi pegangan dan falsafah hidup sebahagian besar masyarakat Islam yang sebelum ini hanya terdapat di kalangan individu tertentu sahaja yang tidak ada hubungannya antara mereka. Sebenarnya roh Islamiah inilah yang menjadi landasan dan benteng kepada mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman.

Dalam perbincangan selanjutnya penulis cuba membincangkan tarekat sebagai suatu institusi dari ahli tasawuf di bawah pimpinan seorang syeikh sebagai ketua. Mereka patuh kepada tatacara yang ditentukan dalam usaha untuk membentuk peribadi dan mencapai ghayah atau matlamat yang dicita-cita iaitu al-Qurb al-Wusul (keadaan mendekatkan diri kepada Allah dengan membanyakkan ibadat dan taat secara berterusan sehingga mencapai mengenal Allah), al-makrifah (mengenal hakikat Allah dan rahsia-rahsiaNya) dan al-Musyahadah (penyaksian kepada Yang Maha Haq dengan mata hati seolah-olah melihat dengan mata kasar).

1.1. TAREKAT TASAWUF - ISTILAH dan PENGERTIAN.

Perkataan sufi atau tasawuf dikatakan muncul sebelum akhir kurun ke dua Hijrah³⁶. Ini bermakna istilah ini muncul setelah wafat Rasulullah s.a.w. dan selepas zaman Sahabat dan Tabi'in. Sebenarnya ciri-ciri sufi atau tasawwuf telah ada khususnya kepada golongan ahli-ahli zuhud dan ahli-ahli ibadah tetapi orang-orang Islam yang sezaman dengan Rasulullah berpendapat

adalah lebih mulia bagi mereka menamakan diri mereka dengan panggilan Sahabat. Begitu juga generasi selepas mereka, panggilan al-Tabi'in kepada mereka adalah satu kemuliaan³⁷.

Ada sesetengah pendapat mengatakan istilah tersebut telah digunakan lebih awal dari masa tersebut, malah ada yang mengatakan istilah ini telah dikenali oleh orang-orang Arab sejak zaman Jahiliyah lagi³⁸. Namun demikian, perselisihan pendapat dalam menentukan masa kemunculan istilah tasawuf tidak sehebat perselisihan pendapat tentang asal usul istilah sufi ini.

Pelbagai pendapat diutarakan dalam pengkajian asal-usul istilah tasawuf. Mengikut seorang sarjana Islam Abu al-Rayhan al-Bayruni (m. 440 H) mengatakan ia berasal daripada perkataan Yunani. Sofia bererti al-Hikmah. Kenyataan ini dipetik daripada buku beliau "Tahqiq Mali'l-Hindi Min Muqulah Ma'qullah fi al-'Aqal Aw Mardhulah". Di antara kenyataannya bermaksud:

"Al-Sufiah ialah para hukamak kerana sofia dalam bahasa Yunani membawa erti hikmah, dengan ini mereka digelar sebagai Philosofia yang bererti pencita hikmah".³⁹

Pendapat ini disokong oleh Gourgi Zidan seorang penulis Arab melalui kenyataan dalam bukunya "Adab al-Lughah al-Arabiyah", antaranya bermaksud:

"Saya berpendapat bahawa perkataan ini berasal dari Yunani. Sofia bererti hikmah. Gelaran ini telah diberikan kepada golongan seperti ini yang dikaitkan dengan hikmah."

Seterusnya ditegaskan lagi yang bermaksud:

"Ahli sufi atau tasawuf juga menyelidik pendapat orang Yunani sama ada yang berbentuk pertuturan atau tulisan yang sekiranya tanpa sokongan bahan-bahan ini golongan sufi tidak dapat menghasilkan ilmu ini. Yang jelas ilmu ini dihasilkan selepas penterjemahan buku-buku Yunani ke dalam bahasa Arab, iaitu selepas kemasukan perkataan falsafah dalam bahasa Arab."⁴⁰

Sebaliknya ada pendapat yang mengatakan istilah ini berasal daripada perkataan Arab sendiri, cuma perselisihan berlaku dari segi asal kalimah yang menjadi punca pengambilannya:

Pertama: Pendapat yang mengatakan bahawa ia berasal daripada perkataan al-Safa yang bermaksud bersih dan jernih. Mengikut R.A.Nicholson perkataan dan konsep al-Safa merupakan unsur terpenting dalam tasawuf dan sufi, malah tasawuf dan sufi dibina daripada konsep al-Safa.⁴¹

Kedua : Pendapat yang mengatakan bahawa berasal dari perkataan *al-Sufah*. *Al-Sufah* ialah gelaran yang telah diberikan kepada seorang pemuda Arab pada zaman Jahiliyah. Nama sebenarnya ialah *al-Ghauth bin Murr* yang telah mengkhususkan hidupnya semata-mata untuk berkhidmat kepada Baitullah, Ka'bah. Ahli-ahli tasawuf diberi gelaran demikian kerana fenomena berkenaan bersamaan dengan Sufah iaitu keadaan penyerahan diri dan hidupnya hanya untuk mengabdikan diri kepada Allah⁴².

Ketiga : Pendapat yang menegaskan bahawa istilah ini dari perkataan *al-Suffah* iaitu suatu ruang dibahagian belakang Masjid Rasulullah s.a.w. di Madinah. Ruang ini dijadikan tempat tinggal para sahabat Rasulullah s.a.w. yang fakir dan hidup terlalu zuhud. Mereka tidak mempunyai keluarga dan tempat tinggal. Anggaran bilangan ahli Suffah di dalam masjid ini kira-kira 400 orang. Mereka digambarkan terpaksa bekerja untuk mencari rezeki tetapi dalam pekerjaan mereka tidak terlalai dari amalan hidup zuhud untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.⁴³

Keempat : Pendapat yang mengatakan bahawa istilah ini dari perkataan *al-Saff* yang bermaksud barisan hadapan dalam sembahyang berjemaah. Fenomena ini disamakan dengan golongan

sufi yang lazimnya mereka berada dalam barisan pertama di hadapan Allah s.w.t. dari segi kesungguhan mereka mengabdikan diri kepada Allah ataupun di barisan hadapan dalam medan jihad⁴⁴.

Kelima : Pendapat yang mengaitkan dengan perkataan *al-Sufanah* yang bermaksud sejenis tumbuhan yang sangat kecil. Keadaan ini dikaitkan dengan fenomena ahli sufi yang mengamalkan cara makan dan minum dengan kadar dan sukatan yang kecil atau sedikit⁴⁵

Keenam : Pendapat yang menyatakan ia berasal daripada perkataan *al-Suf* yang bermaksud kain kasar yang diperbuat daripada bulu kambing. Pendapat ini walaupun tidak diterima secara mutlak, tetapi mengikut Dr.Ibrahim Bisyuni pendapat ini dipersetujui oleh beberapa orang tokoh Islam yang masyhur antaranya Ibnu Taimiah, Ibnu Khaldun, al-Qadi 'Iyad dan beberapa orang tokoh sufi seperti Abdul Qadir bin Abdullah al-Shahrawardi, Abu al-Nasr al-Sarraj al-Tusi, Abu Na'im dan al-Ghazali.⁴⁶

Alasan atau hujah untuk menguatkan pendapat ini ialah :

1. Dari segi kaedah bahasa Arab atau ilmu sarf atau etimologi pengambilan kalimat sufi atau tasawuf dari perkataan al-suf adalah lebih sesuai dan lebih tepat. Menurut al-Qusyairi yang mengakui kemungkinan alasan ini mempunyai kebenarannya dengan mengatakan istilah sufi atau tasawuf dari al-suf (kain dari bulu) seperti dikatakan pada seseorang itu (dalam bahasa Arab) *Tasawwafa* (memakai baju suf) apabila memakai baju dari al-Suf, sebagaimana dikatakan *Taqammasa* (memakai qamis iaitu baju) apabila memakai qamis.⁴⁷
2. Pengambilan punca kalimat tasawuf dan sufi dari al-suf mempunyai hubungan yang rapat dengan amalan-amalan tasawuf seperti hidup zuhud, rasa cenderung untuk mengabdi dan tanassuk. Hubungan antara fenomena ketasawufan seperti hidup zuhud dengan pemakaian kain bulu (al-suf) adalah suatu yang intim. Lebih-lebih lagi hidup zuhud dan tanassuk ini menjadi amalan dan perjalanan hidup para Nabi-nabi dan Rasul-rasul juga para mukmin yang salih, para awliya' dan al-asfiya' (hamba-hamba yang suci).

Mereka ini menjadikan pakaian dari kain bulu (al-suf) dan warna putih sebagai pakaian biasa dalam hidup mereka.⁴⁸

3. Adanya hubungan makna antara pakaian bulu (al-suf) dengan mereka yang hidup zahud dan hidup tanassuk kepada Allah, yang merupakan suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan, bahkah pakaian bukanlah hanya merupakan lambang yang lahir tetapi mempunyai hubungan yang rapat juga dengan makna yang bersifat batin, tegasnya antara lahir dan gambaran batin seseorang.⁴⁹

Malah mengikut Mohd Sulaiman Haji Yasin pendapat ini juga dipersetujui oleh penyelidik zaman sekarang seperti pengasas dan guru falsafah Islam pada zaman moden, Ustaz al-Akbar, Dr. Syeikh Abdul Raziq dan Dr. Zaki Mubarak. Begitu juga penyelidik-penyelidik dari barat seperti Noldeke, Goldziher, Casa de Vaux, C.Hoir, Massignon dan Margoliouth.⁵⁰

Para sarjana berpendapat orang ramai tidak begitu mengetahui bahawa perkataan tasawuf ini ada digunakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah, dan begitu juga ianya tidak digunakan oleh para sahabat dan Tabi'in, sedangkan mereka dianggap oleh Rasulullah s.a.w. sebagai khair al-Qurun.⁵¹

1.2. Definisi Tarekat

Istilah tarikat "طريقة" berasal daripada perkataan Arab, yang telah diterima dan digunakan dalam bahasa Melayu membawa maksud "jalan", "cara", "kedudukan", "keyakinan", "agama", (mazhab, cara, sistem dan kebiasaan).

Istilah tarikat "طريقة" adalah kata terbitan bagi perkataan "طريق" feil madhi manakala feil mudhariknya ialah "بطرق" yang bermaksud telah berjalan atau sedang berjalan.

الطرق Kata jamak bagi istilah tarikat "طريقة" ialah "الطرق" ، الطرائق، الأطرق، الطرق، الطرق، الطرقات" yang bermaksud beberapa jalan.

Menurut Elias Anthon dan Edward Elias, tarikat ialah "way" (cara atau jalan) "methode" dan sistem of belief (method and satu sistem kepercayaan).

Istilah tarikat disebut oleh Allah di beberapa tempat di dalam al-Quran, antaranya:

ولقد أوحينا إلى موسى أن أسر بعبادى فاضرب
لهم طريقا فى البحر يبسألا تخاف دركا ولا
⁵²
تخسى

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya telah kami wahyukan kepada Musa. Pergilah kamu dengan hambaku (Bani Israil) di malam hari, maka buatlah untuk mereka jalan yang kering di laut itu, kamu tidak usah khawatir akan tersulut dan tidak usah takut (akan tenggelam)"

Istilah tarikat dalam ayat ini bermaksud "jalan" di laut, dan terbelahnya Laut Merah membentuk jalan bagi Nabi Musa dan pengikut-pengikutnya itu setelah beliau memukul tongkatnya.

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ إِذْ يَقُولُ امْثَالُهُمْ طَرِيقَةً
ان لبّتتم الا يوما .⁵³

Maksudnya:

"Kami lebih mengetahui apa yang mereka katakan ketika berkata orang yang paling lurus jalannya di antara mereka, kamu tidak berdiam (di dunia) melainkan hanyalah sehari saja".

Maksud "lurus jalannya" dalam ayat ini, ialah orang yang agak lurus fikirannya atau amalannya di antara orang-orang yang berdosa itu.

قَالُوا يَا قَوْمِنَا أَنَا سَمِعْنَا كِتَابًا أَنْزَلْتَ مِنْ بَعْدِ
مُوسَى مَحْدُوقًا لِمَا بَيْنِ يَدِيهِ إِلَى الْحَقِّ وَإِلَى
طَرِيقٍ مُسْتَقِيمٍ.⁵⁴

Mereka berkata:

"Hai kaum kami, sesungguhnya kami telah mendengar kitab (al-Quran) yang telah diturunkan sesudah Musa yang membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya lagi memimpin kepada kebenaran dan kepada jalan yang lurus".

وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَائِقَ وَمَا كَنْتَ عَنِ الْخَلْقِ
غَفِيلٌ.⁵⁵

" Dan sesungguhnya kami telah menciptakan di atas kamu tujuh buah jalan (tujuh buah langit) dan kami tidaklah lengah terhadap ciptaan (kami). "

وَإِنَّا مِنَ الصَّالِحِينَ وَمِنَ الدُّونِ ذَلِكَ كُنَا طَرَائِقَ

" Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan di antara kami ada (pula) yang tidak demikian halnya. Adalah kami menempuh "jalan yang berbeza-beza".⁵⁶

Maksud "كنا طرائق فددا" dalam ayat ini, ialah (kunna firaqan mukhtalifah) bermakna adalah kami beberapa kelompok yang berbeza-beza.

وَأَن لَوْ اتَسْقَمُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لَا سَقَمَا هُمْ مَا عَذَقُوا .⁵⁷

" Dan bahwasanya jikalau mereka tetap berjalan lurus di atas jalan itu (agama Islam), benar-benar kami akan memberi minum kepada mereka air yang segar (rezeki yang banyak)".

Istilah tarekat di sini bermakna "agama Islam". Perkataan Tarikat turut digunakan dalam beberapa buah hadis, di antaranya Nabi s.a.w. menyebut:

أَعُوذُ بِكَ مِنْ طُوَارِقِ اللَّيْلِ إِلَّا طَارِقًا يَطْرُقُ

بَخِيرٌ .⁵⁸

Maksudnya:

" Aku berlindung dengan Engkau ya Allah dari semua kejadian yang berlaku pada waktu malam, kecuali kejadian yang akan berlaku dengan membawa kebaikan."

Perkataan *yatruku* di dalam hadis ini bermakna berlaku atau akan terjadi. Dalam hadis lain perkataan *tariq* digunakan dengan makna jalan seperti sabda Rasulullah s.a.w.

عن أبي هريرة رضي الله عنه ان رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: من سلك طريقة يلتمس فيه علما سهل الله له طريقة الى الجنة.⁵⁹

Maksudnya:

"Dari Abi Huraifrah r.a., sesiapa yang menjalani sesuatu jalan (Allah) untuk mencari satu ilmu, maka Allah memudahkan baginya satu jalan ke syurga."

Selain daripada istilah tarikat, Allah juga menggunakan istilah seperti "الصراط المستقيم ، الصراط ، السبيل" memberikan maksud yang sama dengan "الطريق دان الطريقة". Iaitu bermaksud jalan yang lurus yang direndai Allah s.w.t.

Pengertian ini dapat diperjelaskan lagi dengan definisi oleh Syeikh al-Jurjani (m. 816 H) katanya:

الطريقة هي السيرة المختصة بالسالكين إلى الله تعالى من قطع المنازل والترفى في المقامات.⁶⁰

Maksudnya:

"Tarikat itu ialah sirah (jalan kerohanian) yang khusus bagi orang-orang yang berjalan menuju kepada Allah yang (pasti) mengharungi berbagai-bagai rintangan dan melalui peningkatan (rohani) dalam berbagai-bagai maqam".

Menurut Syeikh Najm al-Din Kubra (m. 618 H) pula, mendefinisikan tarikat dengan katanya:

الطريقة هي التقوى والتقرب إلى الله تعالى من قطع المنازل والترفى في المقامات.⁶¹

Maksudnya:

"Tarikat itu ialah melakukan taqwa dan perkara-perkara yang dapat menghampirkan diri kepada Allah yang pasti melalui berbagai-bagai rintangan dan berbagai maqam".

Mengikut penyelidik pada zaman moden ini, terutama orientalis Barat seperti Gibbs dan Kramers pada abad ke 11 Masehi sehingga ke beberapa abad kemudian mendefinisikan ilmu tarikat dengan menyatakan ianya merupakan seluruh sistem upacara latihan kerohanian yang dilakukan oleh suatu kumpulan yang bergiatan dari satu organisasi dalam tasawuf.⁶²

Sememangnya perkataan tarekat wujud di dalam al-Quran. Tetapi penggunaannya adalah dari sudut bahasa dan tidak dari segi istilah sebagaimana yang difahami oleh para Sufi dan para pengkaji tarekat tasawuf. Di samping itu, sekiranya kita melihat penggunaan perkataan tarekat tasawuf secara istilah, maka beberapa ciri boleh dikeluarkan iaitu ia merupakan jalan atau tata cara hidup yang khusus, bimbingan dan pengawasan seorang syeikh, ketiaatan murid dan peningkatan maqam kerohanian.

1.3. KEDUDUKAN TAREKAT TASAWUF DALAM ISLAM

Menurut ulamak (*al-Muhaqqiqun*) bahawa yang dikehendaki dan dimaksudkan dengan tarekat tasawuf Islam ialah suatu ilmu Islam yang tersendiri yang tidak lahir dari pengaruh luar yang bukan Islam. Ia merupakan aktiviti kerohanian yang lahir benar-benar dari ajaran wahyu Allah s.w.t. dan syariatNya, kata-kataNya adalah kalimat al-Quran, arahan-arahannya adalah dari arahan yang berpandu kepada Rasulullah s.a.w. dan batas ibadatnya adalah berkisar di sekitar ibadat yang ditentukan oleh agama Islam sendiri.

Malah ia merupakan harakah ta'budiah (mengabdikan diri kepada Allah) yang tegak di atas aliran ibadat kepada Allah s.w.t. serta menghormati dan menjalani hukum *al-taklif al-syar'i* (wajib, sunat, haram, makruh dan harus) sama ada tentang kuantitinya ataupun caranya.⁶³

Seorang orientalis berbangsa Perancis bernama Massignon yang mengkaji masalah sumber tasawuf secara ilmiah. Menggunakan *manhaj*(dasar/asas) ilmiah yang mendalam bagi mengaitkan teorinya tentang tasawuf iaitu mengkaji istilah-istilah tasawuf dan merujukkan kepada sumber asalnya dengan

menjelaskan faktor-faktor yang mendorong kepada pertumbuhan dan perkembangan tasawwuf dalam Islam, menegaskan bahawa sumber ilmu tasawwuf ada empat:

- i -Al-Quran al-karim (sumber pertama).
- ii -Ilmu-ilmu Islam seperti hadith, fekah dan lain-lain.
- iii -Pendapat-pendapat ulamak ilmu kalam di peringkat awal.
- iv - Bahasa ilmu yang ada di sebelah timur dalam enam abad pertama masihi seperti Yunani, Parsi dan lain-lain yang telah menjadi bahasa ilmu dan falsafah.⁶⁴

Berdasarkan asas ini menunjukkan bahawa orientalis juga menyokong pendapat bahawa tasawwuf Islam keseluruhannya bersumberkan Islam, sementara pengaruh asing hanya dalam bahagian yang awal dan perkembangannya pula adalah selari dengan Islam.

Pengaruh luar ini dapat dilihat cuma pada bahagian tasawwuf falsafi (pembahagian ini telah dibincangkan dalam pengenalan) yang menerima pengaruh masihi, Neoplatonisme atau al-Ghunusiyah.⁶⁵ Manakala Tasawuf Sunni yang dianuti oleh kebanyakan ahli tasawwuf Islam, kemunculan dan perkembangannya adalah bersumberkan Islam.

Pada peringkat awal pertumbuhan tasawuf adalah bersifat akhlak. Sumber sebenar tasawuf ialah al-Quran dan al-Sunnah, kehidupan sahabat dan kata-kata mereka.

Kata-kata sahabat serta perjalanan hidup mereka pula sebenarnya bergerak di atas landasan al-Quran dan al-Sunnah. Al-Tusi menjelaskan bahawa ahli-ahli tasawuf mementingkan pekerti yang mulia dan harmoni, pembersihan jiwa, menteladani Rasulullah s.a.w., sahabat-sahabatnya serta tabi'in. Beliau menambah fenomena ini ada dijelaskan dalam kitab Allah s.w.t.⁶⁶

Tasawuf telah memaparkan satu cara atau tarekat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Cara ini dimulakan dengan jihad melawan hawa nafsu diikuti dengan peningkatan tahap-tahap berikut yang dikenali dengan *maqamat* (usaha membersihkan diri dan menghampirkan diri kepada Allah), *ahwal* (mengharapkan limpahan dan kurniaan daripada Allah) dan kemuncaknya makrifah (mengenal) Allah secara *musyahadah* (peringkat menyaksikan hakikat ketuhanan dengan mata hati seolah-olah dengan mata kasar).

Konsep tarekat tasawuf mengikut Haji Abd Aziz Ambak bin Haji Ismail dapat dibahagikan kepada dua; iaitu konsep dari aspek klasik atau ortodoks dan dari aspek organisasi.⁶⁷

Tarikat tasawuf dilihat dari aspek klasik atau ortodoks ialah tarekat yang perjalannya berpegang atau pun berdasarkan kepada prinsip dan ajaran yang terus dari al-Quran dan al-Sunnah dalam bentuk iman, ilmu dan amal soleh, tetapi tidak melalui organisasi atau institusi jamaah tasawuf yang terletak di bawah kepimpinan syeikh-syeikh tasawuf yang khusus.⁶⁸

Fenomena ini lebih tepat dikatakan Tarekat Sufiyah yang bercirikan Tarekat Muhammadiyah iaitu tatacara atau perjalanan yang dilalui oleh orang-orang yang beriman pada zaman Rasulullah s.a.w., zaman para sahabat, tabi'in dan salaf al-saleh. Iaitu tarekat tasawuf yang merujuk kepada peringkat awal pertumbuhan tasawuf itu sendiri.

Tarekat tasawuf organisasi pula berada di bawah kepimpinan seorang atau beberapa orang guru tasawuf (syeikh) yang mempunyai murid-muridnya sendiri.

Golongan tasawuf ini membuat peraturan-peraturan yang dinamakan adab dan melembagakan doktrin (dasar pegangan tersendiri), bagi organisasinya.⁶⁹ Tujuannya ialah untuk mengadakan riadah (latihan) dan berjuang menentang hawa nafsu (*jihad al-nafs*), membersihkan diri dari sifat-sifat tercela (*al-takhalli* atau *tazkiyyah al-nafs*) dan diisi dengan sifat-sifat terpuji (*al-tajalli*).

Mereka berzikir di bawah pengawasan dan tarbiah guru, beribadah dengan *ruh al-ibadah* (penghamaan diri kepada yang mutlak), mengerjakan taat, meninggalkan maksiat hingga mencapai keperingkat yang dituju iaitu *al-'arifin billah* (mengenal Allah).

Tarekat tasawuf ini berkembang beberapa abad selepas zaman Rasulullah s.a.w. khususnya abad ke enam dan ketujuh hijrah.⁷⁰ Ketika ini lahir tarekat tasawuf secara suluk. Iaitu suatu program riadah rohaniyah (latihan kerohanian) yang dilakukan di tempat yang berasingan jauh dari gangguan.

Lazimnya golongan ini mengadakan sudut-sudut khas yang dinamakan *zawiyah* atau *ribat* sebagai institusi khas yang kadang-kadang terletak di sudut-sudut masjid.

Di tempat-tempat inilah mereka memenuhi waktu untuk bersolat, berzikir dan bertafakur. Ahli-ahli sufi atau pengamal-pengamal tarekat tasawuf ini, bergaul rapat antara guru atau syeikh, murid dan sahabat-sahabatnya sebagai suatu kesatuan persaudaraan untuk bertarekat melalui aurad-aurad, riadah, *jihad al-nafs* dan lain-lain untuk sampai ke maqam masing-masing mengikut pencapaian masing-masing.

Berbalik semula kepada persoalan pokok kepada ahli-ahli tasawuf iaitu *maqamat* dan *ahwal*, kemuncaknya makrifah (mengenal) Allah secara *musyahadah*. Maksud *maqamat* ialah kedudukan hamba di sisi Allah berasaskan kepada ibadat, mujahadah dan riadah melalui *maqam taubah*, *zuhud*, *wara'*, *faqir*, *sabar*, *redha*, *tawakkal* dan sebagainya.⁷¹

Manakala *ahwal* pula keadaan rohani yang menyerap ke hati hasil daripada kesuciannya. Bukan daripada mujahadah dan ibadat seperti yang dalam *maqamat*. Antara contoh-contoh *ahwal*

ialah *muraqabah* (pemerhatian diri yang berterusan kepada Allah kerana mengharapkan rahmatNya dan takut pada azabNya), *mahabbah* (tahap rasa kasih dan pergantungan hati kepada keagungan, keindahan dan kebesaran Allah), *musyahadah* (peringkat menyaksikan hakikat ketuhanan dengan mata hati seolah-olah dengan mata kasar) dan lain-lain.⁷²

Oleh itu *ahwal* adalah kurnian, sementara *maqamat* hasil yang diusahakan, *ahwal* datang dari limpahan dan kemurahan daripada Allah s.w.t., *maqamat* dicapai melalui usaha. *Maqamat* boleh ditingkatkan dengan memperbanyakkan amal ibadat, manakala *ahwal* tertakluk kepada anugerah. Di dalam al-Quran ada dinyatakan tentang *maqamat* dan *ahwal* ini seperti firman Allah:

وَالَّذِينَ جَهَدُوا فِينَا لِنَهْدِيَنَّاهُمْ سَبِيلًا وَإِنَّ
اَللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ .⁷³

Maksudnya: Dan orang-orang yang berjihad kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.

Firman Allah lagi:

وَأَمْلَمُنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسُ عَنِ
الْهُوَى (40) فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى (41)
^{74.}

Maksudnya: Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhan (untuk dihisab amalannya) serta ia memohon dirinya dari menurut hawa nafsu. Maka sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya.

Allah menjelaskan pula dengan firmanNya:

إِنَّ النَّفْسَ لَمَارَةٌ بِالسُّوءِ .^{75.}

Maksudnya: Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan.

Berkenaan dengan maqam-maqam seperti maqam taqwa, maqam zuhud, maqam tawakkal, maqam syukur, maqam sabar, maqam reda, maqam haya' (malu), maqam faqir, maqam mahabbah, tentang makrifat, maqam khauf (takut), keadaan berharap, keadaan bedukacita, kedudukan ahli-ahli sufi, amalan munajat dan doa-doa dan amalan-amalan zikir adalah bersandarkan kepada firman Allah seperti berikut. ⁷⁶

Merujuk pula kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang dapat dikaitkan dengan amalan tarikat tasawwuf antaranya sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ اللَّهُ أَكْبَرُ
بِي وَأَنَا مَنْعِهِ حِينَ يَذْكُرُنِي إِنْ ذَكَرْنِي فِي مَلَائِكَةٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَائِكَةٍ خَيْرٍ مِّنْهُمْ وَإِنْ تَقْرَبَ إِلَيَّ شَبَرًا
تَقْرَبَ اللَّهُ ذِرْعًا وَإِنْ تَقْرَبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقْرَبَ إِلَيْهِ باعًا وَإِنْ أَتَاهُ يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً .

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah r.a. telah berkata:
Rasulullah s.a.w. telah bersabda, Allah s.w.t. telah berfirman: Aku di sisi sangkakan (keyakinan) hambaKu (bahawa dirinya itu) dengan Aku, dan Aku bersertanya apabila dia mengingati Aku, maka jika dia mengingati Aku dalam dirinya, Aku akan mengingatinya dalam diriku dan sekiranya dia mengingatiku dalam kumpulan orang ramai, Aku akan mengingatinya dalam kumpulan yang lebih baik daripada mereka (kumpulan para malaikat). Apabila dia mendekati Aku sejengkal, Aku akan mendekatinya sehasta. Jika dia mendekati Aku sehasta, Aku akan mendekatinya sedepa dan jika dia mendatangi Aku dengan berjalan, Aku akan mendatanginya dengan berlari.

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن الله تعالى قال: من عادى وليا فقد اذنته بالحرب. وما تقرب إلى عبدي بشيء أحب إلى مما افترضت عليه وما يزال عبدي يتقلب إلى بالنواول حتى أحبه فإذا أحببته كنت سمعه الذي يسمع به وبصره الذي يبصره به ويده التي يبطش بها ورجله التي يمشي بها وأن سالني أعطيته ولئن استعاذه لاعيذه.⁷⁸

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah r.a. berkata:
Dari Abu Hurairah r.a. berkata:
Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Barangsiapa memusuhi seorang wali Ku, maka sesungguhnya Aku istiharkan perang terhadapnya. Tidak ada sesuatu yang digunakan oleh hambaKu untuk mendekatkan diri kepadaKu yang lebih Aku sukai daripada perkara yang Aku fardukan keatasnya.

*Sentiasalah hambaKu berdampingan
diri kepadaKu dengan mengerjakan ibadat sunat
sehingga Aku kasih akan dia, maka apabila Aku
kasihkan dia, nescaya adalah Aku pendengarnya,
yang dia mendengar dengannya. Penglihatannya,
yang dia melihat dengannya. Pertuturan lidahnya,
yang dia bertutur dengannya. Penampar tangannya,
yang dia menampar dengannya. Berjalan kakinya,
yang dia berjalan dengannya dan jika dia memohon
sesuatu kepadaKu, nescaya Aku akan berikan kepada
nya. Jika dia meminta perlindunganKu, nescaya Aku
lindunginya.*

Seterusnya sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ أَنَّ
النَّبِيَّ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَحَبَ
لِقَاءَ اللَّهِ أَحَبَّ اللَّهَ لِقَاءَهُ وَمَنْ كَرِهَ لِقَاءَ اللَّهِ كَرِهَ
اللَّهَ لِقَاءَهُ.⁷⁹

Maksudnya:

Dr. Anas bin Malik, dari 'Ubada bin al-Somat sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang suka untuk bertemu dengan Allah s.w.t., Allah s.w.t. juga suka untuk bertemu dengannya, dan sesiapa yang benci untuk bertemu Allah s.w.t., Allah s.w.t. juga benci untuk bertemu dengannya.

Intisari daripada kedua-dua Hadis Kudsi dan Hadis Nabawi di atas, telah menjadi pemangkin atau penggerak kepada ahli tarekat tasawuf khususnya dan kaum muslimin serta muslimat amnya untuk beramal dan berusaha mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Mereka gigih mengerjakan apa yang diperintah dan melengkapannya pula dengan amalan-amalan sunat serta berusaha bersungguh-sungguh meninggalkan apa yang dilarang. Lantaran itu lahirlah berbagai *dhawq* (pencapaian tahap mengenal Allah bagi seseorang sufi menerusi rasaan rohani tanpa usaha) dan *wujdan* (kekusyukan rohani ketika menyaksikan keagungan rahsia yang boleh menghasilkan kegembiraan atau kedukaan) yang dirasai oleh mereka seperti *ittihad*, *fana*' hamba pada tuhannya dan saling cinta mencintai di antara satu sama lain.⁶⁰

Walaupun tidak ada dalil-dalil khusus tentang tarekat tasawuf daripada kedua-dua sumber utama syarak, namun ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. yang dikemukakan di atas, dapat ditakwilkan sebagai nas oleh tokoh-tokoh tasawuf untuk melaksana dan menghayati amalan mereka. Dengan adanya sandaran dan rujukan, kepada sumber-sumber Islam ini dapatlah dikatakan bahawa tarekat tasawuf adalah khazanah milik Islam.

1.4. HUBUNGAN ANTARA SYARIAT, TARIKAT DAN HAKIKAT

Syariat mengikut pengertian umum ialah Islam, kerana syariat bermaksud tiap-tiap perkara yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan ajaran-ajaran Islam seluruhnya. Syariat ini bersumberkan wahyu Allah s.w.t., sama ada al-Quran atau al-Sunnah Rasulullah s.a.w. yang merangkumi hukum-hukum akidah, hukum fekah, akhlak serta ihsan dan seterusnya.⁶¹

Dengan ini menunjukkan bahawa Islam seluruhnya adalah syariat yang mengatur hidup manusia sesama manusia atau manusia dengan Allah s.w.t. atau manusia dengan dirinya sendiri, atau keluarga atau manusia dengan makhluk-makhluk lain. Segala tuntutan dan larangan Islam adalah syariat mengikut pengertian umum ini.

Ada ulamak yang mengkhususkan syariat hanya kepada fiqh Islam sahaja.⁶² Ada pula ulamak membahagikan syariat kepada fiqh, akidah dan akhlak. Ulamak tasawuf pula membahagikan kepada fiqh, akidah dan ihsan.⁶³

Syed Mahmood Abu al-Faiid al-Manufi al-Husaini menegaskan:

الشريعة هي الأمر بالالتزام بالعوبيات.⁶⁴

Maksudnya:

Syariat ialah perintah supaya seseorang itu sentiasa tetap menjalankan tugas beribadat kepada Allah s.w.t.

Sungguh pun terdapat berbagai-bagai cara pembahagian tentang syariat, tetapi pada hakikatnya tetap satu. Pembahagian ini dibuat sebagai usaha ulamak Islam untuk mempermudahkan umat Islam memahami dan menghayati Islam. Tidak menyebabkan kekeliruan kerana syariat ini merujuk kepada apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. berdasarkan ajaran-ajaran al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama perundangan.

Sebagai peringatan Allah s.w.t. menegaskan dalam firmanNya:

شَمْ جَعَلْنَاكُمْ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنْ أَمْرِنَا فَاتَّبِعُوهَا وَلَا تَتَّبِعُوا هَوَاءَ الظِّنَنِ لَا يَعْلَمُونَ.⁸⁵

Maksudnya:

Kemudian kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dan urusan agama itu, maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.

Perbincangan tentang tarekat, lazimnya ditemui dalam ruang lingkup perbincangan ilmu tasawuf, iaitu suatu ilmu yang membicarakan tentang latihan jiwa, kewujudan hati dan hukum-hukum batin,⁸⁶ untuk membentuk akhlak yang mulia dan mencapai makrifatullah.

Tarikat didefinisikan sebagai:

الطريقة هي السيرة المختصة بالسالكين
إلى الله تعالى مع قطع المنازل والترقى في
المقامات والأحوال.^{٦٧}

Maksudnya: Tarikat itu merupakan perjalanan tertentu bagi golongan salik untuk sampai kehadrat Allah s.w.t. Perjalanan ini merentasi laluan-laluan tertentu untuk mencapai ke maqam-maqam tertentu (yang lebih tinggi)

Hakikat pula didefinisikan sebagai:

الحقيقة من حق الشيء اذا ثبت وفي العرف
ما به الشيء يكون باعتبار تحققية كحقيقة
واحد وباعتبار شخصة في ما هي معلومة.^{٦٨}

Maksudnya: Hakikat adalah kebenaran sesuatu apabila dikaitkan dengannya dan dari sudut 'uruf kefahaman Islam, apa yang ada yang pada sesuatu mengikut ketentuannya, seperti hakikat sesuatu dengan mengikut penghususan yang ada padanya mengikut pandangan umum.

Dr. Qasim Ghani pula mendefinisikan syariat, tarekat dan hakikat sebagai:

Syariat:

Ialah petanda jalan atau peraturan-peraturan iaitu hukum-hukum yang wajar diraikan dan dipatuhi oleh seseorang yang menjalani . (صراط المستقيم)

Tarekat:

Ialah orang yang berjalan di atas dasar syariat dan mematuhi hukum dan peraturan syariat. (السلوك) iaitu pengamal atau pengikut tarekat, ini bermakna syariat memberikan petunjuk dan arahan untuk mempengaruhi perjalanan ke arah yang lebih sempurna berdasarkan petunjuk dan arahan syariat. Patuh kepada arahan dan petunjuk syariat. Patuh kepada arahan dan petunjuk syariat, juga adalah perbuatan tarekat.

Hakikat:

Ialah tujuan dan matlamat daripada perjalanan tadi.⁶⁹ Perkaitan antara Syariat, Tarekat dan Hakikat, dapat dijelaskan sebagai syariat ialah beribadat kepada Allah s.w.t., tarekat ialah menuju Allah dan hakikat ialah musyahadah. Ini bererti syariat bertujuan membetulkan yang

zahir, tarikat bertujuan membetulkan rahsia-rahsia yang tersembunyi (sarair).

Usaha membetulkan yang zahir melalui cara mematuhi segala suruhan dan meninggalkan segala larangan. Manakala untuk membetulkan batin dan jiwa dengan cara membersihkan diri dan jiwa daripada segala kekotoran dan kekurangan serta dipenuhkan dengan kebaikan dan kesempurnaan. Untuk membetulkan rahsia yang tersembunyi ialah dengan cara muraqabah kepada Allah dalam setiap lintasan hati, perkataan dan perbuatan.⁹⁰

Merujuk kepada pendapat lain ada yang mengklasifikasikan bahawa Islam ialah amalan syariat, Iman pula amalan tarekat dan Ihsan adalah amalan hakikat. Ini bermakna tarekat adalah natijah syariat dan hakikat natijah tarekat. Jika dipelihara syariat maka terhasillah tarikat dan jika dipelihara tarikat maka lahirlah darinya rahsia-rahsia hakikat.⁹¹

Qadi Zakariya menegaskan bahawa tarikat ialah jalan, bertarikat bermakna berjalan di atas landasan syariat, dan syariat itu ialah perbuatan yang disyarakkan. Ini menunjukkan bahawa tarikat, syariat dan hakikat merupakan tiga unsur yang

tidak boleh dipisahkan kerana jalan untuk menuju kepada Allah s.w.t. ada dua itu zahir dan batin.

Zahir ialah syariat dan batin ialah hakikat. Jadi intipati syariat dan tarikat ialah hakikat. Motif melalui ketiga-tiga unsur ini ialah untuk melahirkan ubudiah kepada Allah s.w.t.⁹²

Dr. Qasim menjelaskan lagi bahawa hubungan di antara tarekat, syariat dan hakikat ini dapat disamakan merawat dan mengubati orang sakit yang diserang oleh berbagai-bagai jenis penyakit. Syariat diibaratkan seperti buku perubatan yang maklumat tentang cara-cara mengubati dan menyembuhkan penyakit. Tarekat pula diibaratkan seperti melaksanakan kehendak perubatan yang terkandung di dalam buku tersebut bagi mengubati penyakit itu. Sementara hakikat diibaratkan sembahnya penyakit tersebut dan tercapainya kesihatan seperti yang dikehendaki.⁹³

Walaupun syariat dan tarekat mempunyai kaitan yang sangat rapat, dan disebut bahawa tidak akan wujud tarekat atau tasawuf tanpa syariat Islam.⁹⁴ tetapi dari sudut penghayatannya mengikut ahli-ahli tasawuf kedua-dua unsur ini tetap berbeza.

Zaki Mubarak merakamkan pendapat ahli tasawuf bahawa bagi mereka amalan tasawuf untuk mencapai makrifatullah. Manakala peraturan syariat pula adalah untuk menyelamatkan seseorang daripada terjerumus ke lembah kesesatan dan azab api neraka. Mengikut mereka lagi, syurga jalannya ialah syariat sedangkan jalan kepada Allah s.w.t. ialah tasawuf.⁹⁵

‘Ali Zi’ur menjelaskan bahawa syariat didatangkan untuk menyeru manusia supaya menuai amalan-amalan zahir dan batin. Amalan zahir ialah segala amalan yang dilakukan oleh anggota zahir, manakala amalan batin ditentukan kepada amalan-amalan hati seperti *magamat* dan *ahwal*.⁹⁶

Tasawuf dan tarekat mempunyai hubungan yang begitu intim. Kedua-dua unsur ini tidak boleh dipisahkan bagi mereka yang ingin menjalani kehidupan kerohanian. Tasawuf ialah *manhaj* dan *ghayah*, manakala tarekat ialah *suluk* dan *hakikat* ialah *natijah*.⁹⁷ Oleh itu segala amalan dan tatacara tasawuf dan tarekat perlu dipraktikkan bagi mereka yang ingin menghayati kehidupan kerohanian ini.

Al-Junaid al-Bahgjadi (m. 298H/910M) menegaskan:

*'Sesungguhnya kami tidak pernah sampai kepada tasawwuf ini dengan berkata begitu dan begini kami tidak pernah sampai kepadanya dengan peperangan dan pembunuhan, tetapi kami telah menghasilkannya dengan lapar, berjaga malam dan menghalangi dunia dengan memutuskan apa yang disukainya dan apa yang menjadi perhiasan mata kami.'*⁹⁸

Hubungan tentang syariat, tarekat dan hakikat ini dapat ditegaskan dengan mengandaikan bahawa syariat adalah sebagai pintu, manakala hakikat pula sebagai rumah. Kita akan memasuki ke dalam rumah hanya melalui pintu. Ertinya kita akan mencapai hakikat yang sebenar hanyalah melalui syariat yang sah dan setiap hakikat yang tidak melalui landasan syariat yang sah, adalah batal. Demikian juga dengan syariat, jika tidak dijuruskan dengan hakikat ia mudah diselewengkan.

Seperti kata ahli tasawwuf:

الشريعة بغير الحقيقة عاطلة والحقيقة بغير

الشريعة باطلة.⁹⁹

Maksudnya: Syariat tanpa hakikat adalah sia-sia dan hakikat tanpa syariat adalah batal.

Menurut Ibrahim Dasuqi pula:

من تفقه بلا تصرف فقد تفسق ومن تصرف بلا
تفقه فقد تزندق ومن جمع بينهما فقد تحقق.¹⁰⁰

Maksudnya: *Sesiapa yang bersyariat tetapi tidak bertasawuf sesungguhnya fasik, sesiapa yang bertasawuf tetapi tidak bersyariat, sesungguhnya zindik dan sesiapa yang bertasawuf dan bersyariat, sesungguhnya dia adalah ahli haq.*

Syeikh Abdul Somad menambah dengan menyambung kata-kata ulamak:

كل صوفي فقيه وليس فقيه صوفيا .¹⁰¹

Maksudnya: *Tiap-tiap ahli sufi itu adalah fakih (ahli fekah) dan tidak tiap-tiap itu adalah ahli sufi.*

Ini menunjukkan bahawa tiap-tiap ahli sufi alim dalam ilmu fekah dan bukan setiap ahli fekah itu mengetahui atau alim dalam ilmu tasawuf. Menurut Syeikh Abdul Somad lagi, ilmu fekah diumpamakan seperti kelapa yang di luar (kulit) dan ilmu tasawwuf iaitu tarikat seperti isi kelapa dan hakikat ialah santan atau minyak kelapa.¹⁰²

1.5. TAZKIYAT AL-NAFS

Tazkiyat secara literalnya membawa maksud pembersihan. *Al-nafs* mengikut Al-Kindi adalah merupakan hakikat kepada manusia. Beliau menjelaskan bahawa manusia terdiri dari badan dan *al-nafs* (jiwa), badan adalah alat dan khadam kepada *al-nafs*. *Al-nafs* atau jiwa insan adalah merupakan *jawhar* ruhani dan tidak terhad. *Jawharnya* adalah berasal daripada *jawhar* Allah s.w.t.¹⁰³

Menurut al-Ghazali *al-nafs* adalah merujuk kepada salah satu daripada dua maksud berikut:¹⁰⁴

- i- pengertian yang merangkumi kesemua sekali kekuatan marah serta hawa nafsu yang terdapat dalam diri manusia yang merupakan punca bagi semua sifat tercela yang terdapat dalam diri manusia.
- ii hakikat diri serta zat sebenar diri manusia itu sendiri.

Al-Quran telah menyebut lebih daripada 93 kali kalimah ‘*al-nafs*’ dan hubungan dengan manusia serta kehidupan. Antaranya:

وَنَفْسٌ وَمَا سُوِّهَا فَاللَّهُمَّ هَا فَجُورُهَا وَتَقْوَاهَا .¹⁰⁵

Maksudnya:

Demi jiwa dan apa yang disempurnakannya, lalu diilhamkan Allah kepadanya jalan yang salah (fasik) dan jalan yang benar(takwa). Sesungguhnya rugilah orang-orang yang mengotorkannya.

Daripada ayat yang difirmankan oleh Allah s.w.t. ini, menerangkan sesungguhnya tiap-tiap individu mempunyai daya di dalam dirinya untuk menanggapi pelajaran dan pendidikan sama ada ke arah kebaikan atau kejahatan. *Al-nafs* atau jiwa ini pula telah digambarkan oleh Islam sebagai sesuatu yang tidak musnah seperti firman Allah s.w.t.

كَيْفَ تَكْفِرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَكُمْ ثُمَّ
يَمْبَتِكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تَرْجِعُونَ .¹⁰⁶

Maksudnya:

Mengapa kamu kufur pada Allah, padahal kamu pada mulanya adalah mati. Lalu Allah menghidupkan kamu kemudian dimatikan dan akhirnya dihidupkan kembali. Lalu kepadaNyalah kamu dikembalikan.

Rangkaikata tazkiyat al-nafs membawa maksud pembersihan diri manusia atau pembersihan hawa nafsu. *Tazkiyat al-nafs* dalam bidang kerohanian Islam adalah merujuk kepada suatu usaha gigih untuk membersihkan hakikat atau zat sejati diri manusia daripada pelbagai sifat yang rendah dan hina (madhmumah), untuk dihiasi zat-zat sejati diri manusia daripada pelbagai sifat yang rendah dan hina (madhmumah), untuk dihiasi zat sejati diri tersebut dengan pelbagai sifat yang mulia dan terpuji (mahmudah)¹⁰⁷

Dalam ungkapan lain tazkiyat al-nafs adalah merupakan satu proses usaha gigih kemanusiaan yang mengandungi dua dimensi¹⁰⁸

- i- proses pembuangan sifat-sifat tercela daripada diri sejati manusia yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-takhalli*.
- ii- proses penghiasan atau pemakaian diri sejati manusia itu dengan sifat-sifat mulia dan terpuji yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-tahalli*.

Di dalam Islam, diri atau jiwa yang bersih dan sihat, dapat dilihat dalam ayat yang telah didokumentasikan oleh dalam al-Quran seperti 'al-nafs al-mutmainnah'.

Diri atau jiwa ini adalah yang stabil, tidak mudah digugat atau dikocak oleh godaan nafsu syahwat, yang langsung tidak pernah mengenal kompromi dengan sifat-sifat tercela.

Menurut pandangan ahli-ahli tasawuf diri atau jiwa yang sihat ialah diri yang telah dibersihkan dalam proses *al-takhalli*, iaitu membersihkan diri daripada kekufuran, munafik, syirik, cintakan kemegahan cintakan pangkat atau kekuasaan, hasad, bakhil, terpedaya, marah, cintakan dunia, tunduk kepada hawa nafsu dan seumpamanya.

Untuk meninggalkan sifat-sifat yang tercela ini bukanlah satu perkara yang mudah dan banyak pula halangan yang terpaksa ditempuh. Oleh itu bagi mereka yang ingin membersihkan dirinya daripada sifat-sifat yang membinasakan, maka ia hendaklah menjalan beberapa peringkat di dalam tarekat kesufian. Proses ini dikenali sebagai *mujahadah*.

Memandangkan bahawa *tazkiyat al-nafs* berada pada satu kedudukan atau status yang cukup tinggi dan amat penting yang juga merupakan misi utama agama diturunkan ke alam ini. Dengan itu rasul-rasul diutuskan seagai pembawa *risalah*. Manakala rasul-rasul pula ditegaskan adalah contoh terbaik yang dapat dijadikan panduan, seperti firman Allah s.w.t.

لقد كان لكم في رسول الله أسوة حسنة.¹⁰⁹

maksudnya:

Sesungguhnya bagi kamu, Rasullullah s.a.w.i.tu adalah sebaik-baik contoh.

Hasil daripada bimbingan dan contoh-contoh yang telah baginda tinggalkan, akhirnya telah berjaya melahirkan peribadi-peribadi muslim yang unggul seperti yang tergambar dada diri sahabat-sahabat baginda, tabi`in, tabi` tabi`in dan seterusnya ulamak-ulamak yang dijulang sebagai pewaris nabi.

Kaedah atau cara pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* di sini adalah merujuk kepada setiap amalan yang dapat meninggalkan kesan positif ke atas diri individu atau masyarakat (*al-nafs*) tersebut. Kaedah-kaedah ini lebih merupakan mekanisme yang mampu mendidik jiwa sesuai

dengan makna *istiqamah* iaitu membersih dan memperbaiki diri (*al-nafs*) daripada martabat yang rendah kepada suatu martabat yang lebih baik.

Mekanisme-mekanisme ini adalah terangkum dalam perundangan Islam iaitu:

- i- Perintah mengerjakan amalan saleh, terutamanya amalan-amalan fardu
- ii- Perintah meninggalkan larangan-larangan Allah, terutamanya berhubung dengan larangan dan tegahan yang berkaitan dengan tujuh anggota lahir manusia iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, kaki dan tangan. Ini bermakna bahawa dalam proses perlaksanaan *tazkiyat al-nafs* anggota lahir yang tujuh ini mestilah terppelihara daripada perbuatan atau perilaku yang ditegah oleh Syari`at Islam. Hal ini dapat memberikan sumbangan yang besar kepada kemantapan *tazkiyat al-nafs*.¹¹⁰

Antara amalan utama yang dapat memberi kesan secara langsung dalam usaha *tazkiyat al-nafs* adalah seperti berikut:¹¹¹

- Sembahyang
- Puasa
- Tilawah al-Quran
- Zikir
- Bertafakur, tentang ciptaan-ciptaan Allah s.w.t.
- Mengingati mati serta pendek angan-angan
- Muraqabah, muhasabah dan mujahadah
- Jihad serta menyuruh melakukan kebaikan
sebaliknya mencegah daripada melakukan kejahatan
- Menyumbangkan khidmat kepada kalangan yang
memerlukan serta mengamalkan sifat tawaduk atau
rendah diri.

Mekanism-mekanism yang tersenarai di atas telah menjadi amalan atau cara bagi kumpulan-kumpulan tarekat khususnya Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah untuk mencanai *al-nafsnya* dalam proses *tazkiyah*.

1.6. TAREKAT TASAWUF: SEJARAH PERKEMBANGANNYA

Dalam bahagian ini akan dibincangkan sejarah perkembangan tarekat tasawuf untuk memaparkan gambaran tentang perkembangan tasawuf tarekat dan hubungannya dengan generasi awal umat Islam, iaitu umat yang dipimpin, dibimbing dan ditarbiahkan oleh Rasulullah s.a.w., sehingga ke zaman lahirnya berbagai-bagai aliran atau mazhab ilmu tarekat.

Peringkat pertama, pertumbuhan tasawuf dinamakan peringkat zuhud, berlaku dalam abad pertama dan kedua hijrah. Ketika ini terdapat beberapa orang Islam yang menumpukan separuh masanya kepada ibadah dengan berbagai-bagai cara untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Mereka berzuhud daripada makan, pakaian dan tempat tinggal.¹¹² Mereka beramal untuk akhirat, sebagai contoh di antara mereka ialah Hasan al-Basri yang meninggal pada tahun 110 H dan Rabi`ah al-`Adawiyah yang meninggal dunia pada tahun 185 H.¹¹³

Pada abad ketiga hijrah ahli tasawwuf memberi perhatian dan penekanan tentang rahsia kehalusan jiwa dan gerak laku. Maka ciri akhlak telah menonjol dalam ilmu dan amalan mereka. Tasawwuf menjadi sebagai satu bidang ilmu

akhlak Islam. Kajian mereka yang mendalam dalam akhlak telah mendorong mereka untuk mengkaji jiwa manusia dan rahsia serta kehalusannya secara mendalam. Akhirnya membawa mereka bercakap tentang ma'rifat, rasaan rohani, cara dan *manhajnya*.¹¹⁴ Bahkan lebih jauh daripada itu mereka bercakap tentang zat Allah dan hubunganNya dengan manusia, begitulah sebaliknya. Hasilnya lahirlah konsep fana' sufi seperti yang ditonjolkan oleh al-Bastami.¹¹⁵

Seperti yang dijelaskan, bahawa amalan kerohanian telah mula terarah kepada satu cara yang praktikal dan sistematik iaitu salik yang akan berada di bawah bimbingan syeikh besar atau guru mursyid.

Keadaan ini telah melahirkan aliran Tarikat Tasawwuf dengan berbagai nama. Lazimnya dikaitkan dengan guru yang mengepalai amalan tersebut, umpamanya Saqatiyah dinisbahkan kepada al-Sari al-Saqati (m.253H/867M), Taifuriyah dinisbahkan kepada Abu Yazid Taifur al-Bastami (m.261H/874M), Junaydiyah dinisbahkan kepada al-Junayd al-Baghdadi (m. 297H, 298H @299H/908M, 909M @910M), Nuriyah dinisbahkan kepada Abu Husain al-Nuri (m. 295H/907M) dan Malanitiyah atau Qasariyah dinisbahkan kepada Hamdun al-Qasar (m. 271H/884M).¹¹⁶

Pada abad ke empat hijrah Perkembangan tarikat telah tersebar begitu luas. Ini sebagai lanjutan daripada aliran tarikat tasawwuf pada abad ketiga Hijrah. Para pengikut tarikat yang menjadi murid kepada seseorang syeikh tarikat itu, menolong menyebarkan dan mengembang doktrin tarikat mereka.

Umpamanya syeikh Abu al-`Abbas Ahmad bin Sahl al-Adami (m. 341 H) iaitu salah seorang murid syeikh Abu al-Qasim al-Junayd telah menyebarkan ajaran tarikat gurunya itu ke daerah-daerah Jazirah al-Arab. Sementara Abu Bakr al-Sahibli (m. 334 H) yang pernah menjadi murid al-Junayd dan Abu al-Hasan al-Nuri tinggal di Makkah sehingga akhir hayatnya, gigih menyebarkan tarikatnya. Kedudukan beliau di Makkah dianggap sangat penting dan disebut oleh Syeikh al-Murta`ish sebagai pelita yang menerangi Tanah Haram.¹¹⁷

Di samping pengaruh dan perkembangan tarikat tasawwuf semakin meluas di kalangan masyarakat Islam, pada abad ini juga pertentangan antara golongan fuqaha dan sufiyah semakin memuncak. Tokoh Abu Husin ibn Mansur al-Hallaj (m. 309H/922M) telah merealisasikan konsep `Cinta` gurunya al-Junayd (m. 910M). Al-Hallaj menganggap bahawa Allah itu adalah kekasihnya

dalam pengucapannya, beliau menegaskan:

"Saya adalah Dia yang saya cinta, dan Dia yang saya cinta itu adalah saya. Kami adalah dua jiwa yang berada dalam satu badan. Jika engkau melihat aku, engkau melihat dia, dan jika engkau melihat dia maka engkau melihat kami berdua".¹¹⁸

Akhirnya al-hallaj merumuskan suatu formula yang ringkas bagi menggambarkan kebenaran ajarannya iaitu Ana al-Haqq. Aku adalah Haqq (Allah). Dengan pengucapan syathatnya (perkataan ganjil yang terkeluar dari kata-kata orang sufi semasa mereka berada dalam keadaan jazab (dalam keadaan yang tidak sedarkan diri) yang prodoks ini beliau telah dihukum bunuh di Baghdad pada 13 Mac. 929M/922M (309H).¹¹⁹

Pada kurun ini juga terdapat beberapa buah kitab tasawwuf dikarang. Antara yang sampai ke tangan kita ialah kitab Qut al-Qulub karangan syeikh Abu Nasr Abdullah bin `Ali al-Tusi (m.378H), kitab Tabaqat al-Sufiyah karangan Syeikh `Abd al-Rahman al-sulami (m. 412 H).¹²⁰

Selanjutnya muncul pula al-Imam al-Ghazali pada abad kelima hijrah. Beliau tidak menerima tasawwuf kecuali yang benar-benar sesuai dengan al-Quran dan al-Sunnah yang membawa kepada zuhud, hidup berpada, mendidik jiwa dan membaiki akhlak. Al-Ghazali telah mengkaji dan mendalami

teori ma`rifat sufiyah sehingga mengatasi tokoh-tokoh lain sebelumnya.

Beliau mengkritik ahli falsafah Mu`tazilah dan Batiniyah, sehingga pada akhirnya beliau berjaya meletakkan satu aliran tasawwuf yang sederhana yang serasi dengan mazhab Ahli Sunnah dan ulama kalam.¹²¹

Pada abad ke enam hijrah pengaruh tasawwuf Sunni tersebar di dunia Islam menerusi keunggulan peribadi dan kemampuan al-Ghazali dan lahirlah tokoh-tokoh tasawwuf yang agung membentuk tarekat tersendiri untuk mendidik murid-murid mereka, antaranya al-Syeikh Ahmad al-Rifa`i (m. 570 H) dan Syeikh Abdul Qadir al-Jilani (m. 651 H).

Pada abad ke tujuh hijrah pula lahir tokoh-tokoh yang lain yang mengikut aliran yang sama. Di antara mereka yang paling terkenal ialah Abu al-Hasan al-Syazali (m. 650 H) dan muridnya Ibn `Ataillah al-Sakandari (m. 709 H). Mereka ini merupakan pendokong kepada madrasah Syazaliyah dan tasawwuf mereka dianggap sebagai penerusan kepada tasawwuf al-Ghazali al-Sunni.

Pada abad ke lapan hijrah sehingga kini merupakan masa mutakhir perkembangan tasawwuf kerana dalam tempoh ini tasawwuf mula menghadapi zaman menurun atau pudar. Tokoh-tokohnya hanya

menumpukan perhatian kepada membuat ulasan dan ringkasan kitab-kitab karya tokoh sebelum mereka. Walau pun banyak bilangan pengikut tasawuf pada masa-masa mutakhir, namun demikian tidak terdapat tokoh-tokoh yang terkenal seperti tokoh-tokoh tasawuf pada peringkat awal yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam bidang kerohanian.

Sungguh pun tiada sebarang pembaharuan dalam tasawwuf tetapi ia terus berkembang dengan perbahasan yang mempunyai keindahan tersendiri. Ini menggambarkan kehebatan kerohanian dan ilmu tasawuf yang pernah dilalui oleh generasi muslim yang lepas dalam usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. serta mencari keredhaanNya dunia dan akhirat.

1.7. PERKEMBANGAN TAREKAT TASAWUF di NUSANTARA

Kehadiran Tarikat Tasawuf di Nusantara tidak dapat ditentukan tarikhnya yang tepat, tetapi kehadirannya ke rantau ini adalah berkait rapat dengan apa yang berlaku di negara-negara Islam yang lain, khususnya Timur Tengah dan Sumatera sejak abad ke dua belas dan selepasnya.

Tarekat-tarekat diperkenalkan sama ada melalui usaha gigih pedagang-pedagang dan pendakwah sufi dari Arab, India dan Parsi atau secara langsung dari Mekah melalui orang-orang haji yang kembali dari menunaikan rukun Islam yang kelima itu.

Pada kurun kelima belas dan enam belas, tasawuf telah berkembang pesat di Nusantara khususnya di Sumatera.¹²² Tokoh Tarekat Tasawuf Nusantara yang lahir pada era ini, di antaranya ialah Hamzah Fansuri yang menjadi pengikut Tarekat al-Qadariah, beliau terpengaruh dengan aliran wahdat al-wujud Ibnu Arabi, sehingga ada golongan yang menamakannya sebagai Ibnu Arabi alam Melayu.¹²³ Antara hasil pena beliau ialah *Asrar al-Arifin Fi Bayan Ilmu al-Suluk wa al-Tauhid, Syarah al-Asyiqin* atau *Zinata al-Din Muntaha*. Hasil puisi pula antaranya *Syair Jawi Fi Bayan Ilmu as-Suluk wa- Tauhid, Syair Dagang*.¹²⁴

Shamsuddin al-Sumaterani dikenali juga sebagai Shamsuddin Pasai. Beliau terpengaruh dengan aliran tasawwuf tarikat al-Junaid al-Baghdadi.¹²⁵ Karya beliau antaranya ialah *Kitab Harakah, Muru'ah al-Mukminin, Daqaiq Daerah Qhaba Qausain au Adna, Muruah al-Muhaqqiqin*.¹²⁶

Abdul Rauf Singkel, terkenal juga dengan panggilan Tengku di Kuala. Aliran tasawwuf tarikat beliau ialah Tarikat al-Syatariyah.¹²⁷ Hasil pena beliau ialah antaranya *Muru'ah al-Thullab, Daqaiq al-Huruf*.¹²⁸

Ketiga-tiga tokoh di atas hidup dan bergiat pada zaman kegemilangan pemerintahan kerajaan Islam Aceh terutamanya pada zaman pemerintahan Sultan Mahkota Alam (1636 - 1607M) dan selepasnya.

Tokoh Tarekat Tasawuf yang lain yang perlu diketengahkan di sini ialah Sheikh Abdul Somad al-Palembangi. Nama sebenar ialah Abdul Somad bin Fakeh Hussin bin Fakeh Abdullah al-Palembangi. Beliau mendapat pendidikan di Petani dan Mekah serta Madinah pada pertengahan kedua abad ke lapan belas. Seorang yang alim dalam ilmu fekah, usuluddin dan tasawuf. Beliau menerima *bai'ah* Tarekat Samaniah.¹²⁹

Di Malaysia, menurut Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, tasawuf berkembang dengan meluas di Melaka. Sebagai bukti Sultan yang memerintah Melaka pada tahun 1488 adalah seorang sufi. Sehingga tahun 1963 terdapat sebanyak sembilan tarekat di Tanah Melayu (Malaysia) yang masih aktif iaitu Qadariyah, Naqsyabandiyah, Rifa'iyyah, Shadhiliyah, Chishtiyah, Ahmadiyah (Idrisiyah), Tijaniyah, Alawiyah dan Syatariyah. Di antara tarikat yang popular di Malaysia ialah pertama Qadariyah, kedua Naqsyabandiyah dan ketiga Ahmadiyah.

Tarekat yang tertua di Malaysia ialah Qadariyah dan Naqsyabandiyah, berbanding dengan tarekat Ahmadiyah yang diasaskan oleh Ahmad ibn Idris (m. 1837 M) dari Morocco dan diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1895.¹³⁰ Tarekat Ahmadiyah dikatakan mempunyai pengikut yang ramai di Malaysia sehingga mempunyai sejumlah 60 ribu atau lebih pengikutnya.

Termasuk mufti Negeri Sembilan, mufti Selangor, mufti Kelantan dan juga Duli Yang Mulia Yang Di Pertuan Agong Malaysia yang pertama.¹³¹ Fenomena ini menunjukkan bahawa sambutan masyarakat Melayu terhadap tarekat-tarekat tasawuf adalah menggalakkan.

NOTA

1. Haji Jahid Haji Sidek, *Sheikh Dalam Ilmu Tariqah*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, Lembah Pantai, 1997) 47.
2. Isa Abdal-Qadir, *Haqaiq'an al-Tasawwuf*, ('Aman: al-Wataniyyah, 1401 H) 84.
3. al-Quran, Al-Anfal: 45.
4. Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, *Sirrul Asrar*, Terj. K.H. Zezen Zaenal Abidin Zayadi Bazul Asyhab, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, Sungai Tua, 68100 Batu Caves, 1997) 82.
5. M. Th. Houtsma, et. al., *First Encyclopaedia of Islam 1913-1936*, Jld. 8, (Leiden, The Netherlands: E. J. Brill's, 1987) 667.
6. Yusof bin Ismail al-Nibhani, *Jami' Karamat al-Awliya'*, (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halb wa Awladihi, 1987) 240.
7. Haji Muhammad Yatim, temubual, Oktober 1997.
8. Haji Jahid Haji Sidek, *Ajaran-ajaran Tariqah Naqsyabandiyah, al-Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd, 1989) VII
9. Burhanuddin Abd. Jalal, *Ajaran Sesat Satu Ancaman Terhadap Keselamatan Negara* (Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan, 1995) xiii - xviii.
10. *Penjelasan Ciri-ciri Ajaran Sesat*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, t.t.), 3.
11. Zul Baharudin Abu Bakar, *Ajaran Tarekat Naqsyabandiyah Kadirun Yahya*, dalam *Al-Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd. Jalan Chan Shaw Lin, Ogos 1997) 52-53.

12. Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, *Sirrul Asrar Fi Ma Yahtaju Ilaihi Abrar*, Terj. Syed Ahmad Semaith, *Rahsia Sufi* (Singapura: Pustaka Nasional Pte, Ltd. 1997), 240.
13. Dr. Mohd Yusof Noor, *Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan ke- 3*, Ucapan Perasmian, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1989), 6.
14. Haji Jahid, 1989, Mukadimah.
15. M.Th. Houtsma, 1987, 240.
16. syeikh Muhammad Husin al-Syeikh Sulaiman al-A`la, *Da`irat al-Ma`arif*, (Tehran: Mu`assasat al-A`lami Li Matbu`at, 1972)
17. H.A.R. Gibb dan J.H. Kramers, *Shorter Encyclopaedia of Islam*, (Leiden, The Netherlands: E.J. Brill`s, 1974)
18. Al-Nibhani, 1987.
19. P.Archer Nathariel, *The Sufi Mystery*, (London: The Octagon Press, 1980).
20. Syeikh Muhammad Najm al-Din Amin al-Kurdi, *Tanwir al-Qulub Fi Muamalat Alam al-Ghuyub*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1368 H)
21. Saiyid Athar Abbas Rizvi, *A History of Sufism In India*, (India: Munshiram Manaharlal Publishers Pvt. Ltd., 1983).
22. B.Lewis, V.L. Menage, Ch. Pellat dan J. Schachts, *The Encyclopaedia of Islam*, (Leiden, The Netherland: E.J. Brill`s, 1971).
23. Abd al-Qadir Ahmad `Ata`, *al-Tasawwuf al-Islami Bayn al-Asalat Wa al-Iqtibas Fi `Asr al-Nablis* (Lebanon: Dar al-Jail, Beirut, 1987).
24. Abd al-Rahman Dimashqiyah, *al-Naqsyabandiyah `Arad wa Tahlil*, (Riyad: Dar Tayyibah, t.t)

25. Aboebakar Atjeh, *Pengantar Ilmu Tarekat dan Tasawwuf*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1985)
26. H.A.Fuad Said, *Hakikat Tarikat Naqsyabandiyah*, (Perak: Pustaka Muda, Ipoh, 1991)
27. Drs. Imron Aba, *Di Sekitar Masalah Tarikat Naqsyabandiyah* (Indonesia: Menara Kudus, t.t.)
28. Dr. Haji Jalaluddin, *Pertahanan Tarikat Naqsyabandiyah*, (Pahang: Pustaka al-Huda, Raub, 1991)
29. Haji Jahid, 1989.
30. Martin Van Bruinessen, *Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia*, (Bandung: Penerbitan Mizan, 1992).
31. Rosnaaini Bt. Hamid, *Tarekat Naqsyabandiyah: Doktrin Dan Pengalamannya, Dengan Tumpuan Di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah*. (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997)
32. R.Bogdon dan S.J. Taylor, *Introduction To Qualitative Research Method, A Phenomenological Approach To The Social Sciences*, (New York: John Wiley and Son, 1975) 97.
33. Dr.S.P. Loo, *Case Study As A Research And Evaluative Tool* (Pulau Pinang: Unit penyelidikan Pendidikan Asas, Universiti Sains Malaysia, 1989).
34. Robert Ross, *Research: An Introduction*, (New York: Barnes And Row, Publishers, Hagerstown, 1974) 74.
35. Ibid, 75.
36. Mohd Sulaiman Haji Yasin, *Mengenal Ilmu Tasawwuf*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992) 25.
37. `Abd al-Karim al-Qushayri, *al-Risalah al-Qushayriyah*, (Cairo: Mustafa al-Babi, 1330 H) 7-8.
38. Mohd sulaiman Haji Yasin, 1992, 25.
39. Prof. Dr. Mohammad Qasim, *Dirasat Fi al-Falsafah al-Islamiyah*, Cetakan Kedkua, (Mesir, Cairo, 1967) 98.
40. Muhammad al-Ghallab, *al-Tasawwuf al-Mugaran*, (al-Qahirah: Maktabah Nahdah, t.t.) 37.

41. R.A.Nicholson, *Studies In Islamic Mysticism*, (London: Cambridge At The University Press, 1967) 28.
42. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1992, 28.
43. Syihab al-Din, Abu Hafs `Umar al-Syahrawardi, *Awarif al-Ma`arif* (al-Qahirah: Matba`ah al-Sa`adiah, 1971) 16.
44. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1992, 33.
45. Ibid, 31-32.
46. Dr.Ibrahim al-Bisyuni, *Nas`ah al-Tasawwuf al-Islami*, (Mesir: Dar al-Ma`arif, Cairo, 1969) 16.
47. Abu al-Qasim Abdul Karim, *al-Risalah al-Qushayriyah*, Tahqiq Abdul Halim Mahmud, (al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1972) 164.
48. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1992, 33.
49. Ibid,
50. Abd al-Bari al-Nadwi, *Baina al-Tasawwuf wa al-Hayah*, (Damsyik: Maktabah Dar al-Fath, 1963) 4.
51. Ibid
52. Al-Quran, Thoha: 77.
53. Al-Quran, Thoha: 104.
54. Al-Quran, al-Ahqaf: 30.
55. Al-Quran, al-Mu`minun: 16.
56. Al-Quran, al-Jin: 11.
57. Al-Quran, al-Jin: 16.
58. Haji Jahid bin Haji Sidek, *Sheikh Dalam Ilmu Tariqah* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1997) 2.
59. Muslim, *Sahih Muslim*, Jil.I, (Cairo: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah, t.t.) 67.
60. Ali bin Muhammad bin Ali al-Jurjani, *al-Ta`rifat*, (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1985) 183.

61. al-Hakim Abu Abdullah Muhammad Bin ali al-Hassan,
Khatam al-Awliya`, (Beirut: al-Khathulikiyah,t.t.) 475.
62. H.A.R. Gibb dan J.H. Kramers, *Shorter Encyclopaedia Islam*, (New York: Cornell University Press, 1953) 573.
63. Haji Abdul Aziz Ambak Bin Haji Ismail, Beberapa Konsep Tarikat Tasawwuf Yang Mu'tabar, dalam *Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan kali ke 8* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992) 7.
64. Prof.Dr. Abdul Shukor, 1996, 37-38.
65. Ibid, 38.
66. Abi Nasr al-Tusi al-Siraf, *Al-Luma`*, Ed. Dr. Abd al-Halim Mahmud dan Taha Abd al-Baqi Surur, (Mesir: Dar al-Kitab al-Hadithah, t.t.) 31.
67. Haji Abdul Aziz Ambak, 1992, 9.
68. Ibid
69. Ibid, 16.
70. Di bincangkan dengan lebih lanjut di bawah tajuk 1.4 Sejarah Perkembangan Tarikat Tasawwuf, Bab I.
71. Prof. Dr. Abdul Shukor, 1996, 39-40.
72. Ibid, 40
73. Al-Quran al-Ankabut: 69.
74. Al-Quran, al-Nazi`at, 40-41.
75. Al-Quran, Yusof, 53.
76. Berkenaan dengan maqam seperti maqam taqwa boleh disandarkan kepada firman Allah, surah al-Hujurat:13
ان اکرمکم عند الله أتقکم
Maksudnya: Sesungguhnya semulia-mulia kamu disisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya.

Firman Allah lagi, dalam surah al-Hasyr:9

وَيُؤْثِرُونَ عَلَى أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاَةٌ.

Maksudnya:*Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah lebih daripada diri mereka sekalipun mereka dalam kekurangan dan sangat-sangat berhajat.*

- Maqam tawakal berdasarkan firman Allah, surah al-Talaq:3

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ.

Maksudnya:*Sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah maka cukuplah baginya.*

Firman Allah lagi, dalam surah al-Taubah:51

وَعَلَى اللَّهِ فَلَيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ.

Maksudnya:*Maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang beriman bertaqwa.*

- Maqam syukur berdasarkan firman Allah, surah al-Ibrahim:7

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدُنَّكُمْ.

Maksudnya:*Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku tambahi nikmatKu kepada kamu.*

- Maqam sabar berdasarkan firman Allah , surah al-Nahl:127

وَاصْبِرْ وَمَا صَبْرُوكَ إِلَّا بِاللَّهِ.

Maksudnya:*Dan bersabarlah dan tidaklah berhasil kesabaranmu melainkan dengan pertolongan Allah s.w.t.*

Firman Allah lagi, dlam surah al-Baqarah: 155

وَبَشِّرْ الصَّابِرِينَ.

Maksudnya:*Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.*

- Maqam redha berdasarkan firman Allah, surah al-Maidah: 119

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ.

Maksudnya:*Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia.*

- Maqam haya` (malu) berdasarkan firman Allah, surah al-'Alaq: 14

أَلَمْ يَعْلَمْ بِأَنَّ اللَّهَ يُرِيَ.

Maksudnya: *Tidaklah ia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat.*

- Maqam fakir bermaksud bergantung harap kepada Allah berdasarkan firman Allah, surah al-Baqarah: 273

لِلْفَقَرَاءِ الَّذِينَ أَحْصَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يُسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ.

Maksudnya: *Bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya pada jalan Allah yang tidak berupaya mengembala di muka bumi.*

FirmanNya lagi, dalam surah Muhammad: 38

وَإِنَّ اللَّهَ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمُ الْفَقَرَاءُ.

Maksudnya: *Dan Allah maha kaya sedangkan kamu semua miskin.*

- Maqam mahabbah di antara hamba dengan Allah berdasarkan firman Allah, surah al-Maidah: 54

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا مَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسُوفَ يَأْتِي اللَّهُ تَقْوَمٌ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ.

Maksudnya: *wahai orang-orang yang beriman sesiapa di antara kamu berpaling tada daripada agamanya maka Allah akan mendatangkan pula satu kaum yang kasihkan mereka dan mereka juga kasih kepadanya.*

Pendapat ahli-ahli tasawwuf tentang makrifat, boleh didapati melalui taqwa, akhlak dan ilham berasaskan kepada beberapa firman Allah seperti dalam surah al-Baqarah: 282

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيَعْلَمُكُمْ اللَّهُ.

Maksudnya: *Dan kamu bertaqwalah kepada Allah dan (ingatlah) Allah akan mengajar kamu.*

FirmanNya lagi, surah al-Kahfi:65

فوجدا عبدا من عبادنا أتى نه رحمة من
عندنا وعلمنه من لدنا علماء .

Maksudnya: *Lalu mereka dapati seorang daripada hamba-hamba Kami yang telah Kami kurniakan kepadanya rahmat daripada Kami dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu dari sisi Kami.*

- Maqam khauf(takut) berdasarkan firman Allah, al-Sajadah: 16

يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خُوفًا وَطُمِعاً .

Maksudnya: *Mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut serta dengan perasaan ingin memperolehi keredhaanNya.*

- Keadaan berharap berdasarkan firman Allah, al-Ankabut:5

مَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ اللَّهِ فَإِنَّ أَجَلَ اللَّهِ
لَا تُؤْتَ وَهُوَ السَّمِعُ الْعَلِيمُ .

Maksudnya: *Sesiapa yang mengharapkan bertemu dengan Allah, maka masa yang ditetapkan oleh Allah akan tiba.*

- Keadaan dukacita berdasarkan firman Allah, surah al-fatir: 34

إِلَّا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ
يَحْزَنُونَ .

Maksudnya: *Ketahuilah sesungguhnya wali-wali Allah tidak ada kebingungan terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.*

Dalam riadah ahli-ahli tasawwuf tarikat diselang-seli dengan munajat dan doa-doa. Amalan ini diasaskan kepada firman Allah, surah al-Ghafir: 60

وَقَالَ رَتْكَنُ ارْعُونَى أَسْتَجِبْ لَكُمْ .

Maksudnya: *Dan Tuhan kamu berfirman. Pintalah kepada Aku. Aku akan memperkenankan permohonan kamu.*

Dan firman Allah lagi, surah al-Naml: 62

أَمْنٌ يُجِيبُ الْمُضطَرُ أَذْدَعًا هـ

Maksudnya: Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila ia berdoa kepadaNya.

Amalan-amalan ahli-ahli tarikat tasawwuf terutamanya zikir boleh dirujukkan kepada firman Allah, surah al-Ahzab: 41

يَا يَهَا الَّذِينَ أَمْنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذَكْرًا كَثِيرًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan sebanyak-banyaknya.

Merujuk pula kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang dapat dikaitkan dengan amalan tarikat tasawwuf antaranya sabda

وَسَلَمٌ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : أَنَا عَنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي
وَأَنَا مَعَهُ حِينَ يَذْكُرُنِي أَنْ ذَكْرَنِي فِي نَفْسِهِ
ذَكْرَتْهُ فِي نَفْسِي وَإِنْ ذَكْرَنِي فِي مَلَائِكَةِ ذَكْرَتْهُ
فِي مَلَائِكَةِ خَيْرِ مِنْهُمْ وَإِنْ تَقْرَبَ إِلَى شَبْرًا تَقْرَبْتُ
إِلَيْهِ ذَرْعًا وَإِنْ تَقْرَبَ إِلَيْهِ .
بَا عَا وَإِنْ أَتَابَ إِلَيْهِ يَمْشِي أَتَيْتَهُ هَرْوَلَةً .

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a.telah berkata:

Rasulullah s.a.w. telah bersabda, Allah s.w.t. telah berfirman: Aku di sisi sangkakan (keyakinan) hambaKu (bahawa dirinya itu) dengan Aku, dan Aku bersertanya apabila dia mengingati Aku, maka jika dia mengingatiku dalam kumpulan orang ramai, Aku akan mengingatinya dalam kumpulan yang lebih baik daripada mereka (kumpular para malaikat). Apabila dia mendekati Aku sejengkal, Aku akan mendekatinya sehasta. Jika dia mendekatinya sedepa dan jika dia mendatangi Aku dengan berjalan, Aku akan mendatanginya dengan berlari.

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ان الله تعالى قال : من عادى ولينا فقد اذنته بالحرب . وما تقرب الى عبدى بشئ أحب الى مما افترضت عليه وما يز ال عبدى يتقرب الى بالنوافل حتى أحبه فاءذا أحببته كنت سمعه الذي يسمع به وبصره الذي يبصره به ويده التي يبطش بها ورجله التي يمشي بها وان سألنى أعطيته ولئن استعاذه الأعذنه .

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Barangsiapa memusuhi seorang wali Ku, maka sesungguhnya Aku istiharkan perang terhadapnya. Tidak ada sesuatu yang digunakan oleh hambaKu untuk mendekatkan diri kepadaKu yang lebih Aku suka daripada perkara yang Aku fardukan ke atasnya. Sentiasalah hambaKu berdampingan diri kepadaKu dengan mengerjakan ibadat sunat sehingga Aku kasih akan dia, maka apabila Aku kasihkan dia, nescaya adalah Aku pendekarnya, yang dia mendengar dengannya. Penglihatannya, yang dia melihat dengannya. Pertuturan lidahnya yang dia bertutur dengannya. Penampar tangannya yang dia menampar dengannya. Berjalan kakinya, yang dia berjalan dengannya dan jika dia memohon sesuatu kepadaKu, nescaya Aku akan berikan kepadanya. Jika dia meminta perlindunganKu, nescaya Aku lindunginya.

Seterusnya sabda Rasulullah s.a.w.:

ان أنس بن مالك عن عبادة بن الصامت ان النبي الله صلى الله عليه وسلم قال من أحب الله لقاءه ومن كره لقاء الله كره الله لقاءه .

Maksudnya: Dari Anas bin Malik, dari 'Ubudah bin al-Somat sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang suka untuk bertemu dengan Allah s.w.t., Allah s.w.t. juga suka untuk bertemu dengannya, dan sesiapa yang benci untuk bertemu Allah s.w.t., Allah s.w.t. juga benci untuk bertemu dengannya.

77. Al-Muslim, Imam Abi Husin, 1978, *Kitab al-Zikr Wa al-Du`a wa al-Tauba wa al-Istighfar*, Bab al-Hath `Ala Zikr Allah Ta`ala.
78. Imam al-Muhaddis al-Hafiz Mahyu al-Din Abi Zakaria Yahya Bin Sharif al-Nawawi, *Riyad al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*, Edisi Riduan Muhammad Riduan, (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1973) Bab `Alamat Hub Allah Ta`ala al-`Abd.
79. Al-Muslim, Imam Abi Husin, 1978, *Kitab al-Zikr wa al-Du`a wa al-Tauba wa al-Istighfar*, Bab Man Ahab Liqa` Allah Ahab Allah Liqa`ah wa Man Karaha Liqa`a Allah Karaha Allah Liqa`ah.
80. Muhammad Mustafa Hilmi, *al-Hayat al-Ruhyyah Fi Islam*, (Mesir: al-Hai`ah al-Misriyyah al-`Ammah, Lita`lif wa Nashr, 1970) 29
81. Dr. Yusof Musa, *Madkhal al-Dirasah al-Fiqh al-Islami*, (Mesir: Darul Fikri al-Arabi, 1966) 9.
82. Ibid, 10.
83. Dr. Mahmud Saedon Bin Awang Othman, *Sejarah Perkembangan Tarikat/Tasawwuf dan Persoalan Mengenainya*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992) 47-48.
84. Datuk Haji Ismail Yusof merujuk Syed Muhammad Abu al-Fa`id al-Manufi al-Husaini, *Jamhara al-Aulia`*, Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan kali ke tiga (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987) 4.
85. Al-Quran, al-Jathiyah: 18
86. Muhammad Mustafa Hilmi, 1970, 95.
87. Datuk Haji Ismail Yusof, 1987, 4.
88. Ibid

89. Ahmad Taufiq `Iyad, *al-Tasawwuf al-Islami*, (Qahirah: Maktabah Anja`u al-Masriyah, 1970) 152-153.
- 90.. Ibid, 185.
91. Ibrahim Hilmi al-Qadiri, *Madarij al-Haqiqah Fi al-Rabitah Ainda Ahl al-Tariqah* (al-Iskandariah: al-Nasir, `Adil Muhammad al-Bahi, 1966) 12.
92. Dr.Qasim Ghani, *Tarikh al-Tasawwuf Fi al-Islam*, (Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1970) 288.
93. Ibid
94. William Stoddart, *Sufism: The Mystical Doctrines and Methods of Islam*, (Northampton Shire: The Aquarian Press Wellingborough, 1984) 19.
95. Zaki Mubarak, *al-Tasawwuf al-Islami Fi al-Adab wa al-Akhlaq*, Jil. 2 (Beirut: al-Maktabah al-`Asriyyah Li Taba`ah wa al-Nashr, t.t) 15.
96. `Ali Zi`ur, *Fi al-`Aqliyah al-Sufiyah wa Nafsaniyah al-Tasawwuf*, (Beirut: Dar al-Tali`ah, 1979) 153.
97. Abd al-Halim Mahmud, *Qadiyah al-Tasawwuf al-Madrasaj al-Shadhiliyyah*, (Qahirah: Dar al-Ma`arif, 1983) 437.
98. Dr.Qasim Ghani, 1970, 35.
99. Ibid, 616.
100. Muhammad Ahmad al-Shami, *al-Islam wa al-Tasawwuf*, (Qahirah: Dar al-`Itism, 1979) 66.
101. Syeikh Abdul Somat al-Palimbangi, t.t., 11.
102. Ibid.
103. Muhammed al-Sayyid Naim dan Aud Allah Jar Hijazi, *Fi Falsafah al-Islamiyyah wa Silatuha bi al-Falsafah al-Yunaniyah* (Qahirah. Dar al-Tabaaah al-Muhammadiyah, 1959) 208.

104. Al-Ghazali, *Ihya `Ulum al-Din*, Jil 3, (Beirut: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah, t.t.) 5.
105. Al-Quran, al-Syams: 7-9.
106. Al-Quran, al-Baqarah: 28
107. Zakaria Stapa, 1997, 88.
108. Ibid.
109. Al-Quran, al-Ahzab, 21
110. Mohd Sulaiman Yasin, *Akhlik dan Tasawwuf*, (Bangi:Yayasan Salmon, 1992) 222.
111. Zakaria Stapa, 1997, 92-93.
112. Ahmad Taufiq Iyad, *al-Tasawwuf al-Islami*, (Qahirah: Maktabah Anjalu al-Misriyyah, 1970) 13-15.
113. Al-Bir Nasr Nadir, *al-Tasawwuf al-Islami Nusus Jam`aha wa Qaddam Laha*, (Beirut: al-Maktabah al-Kathulikian, 1960) 17.
114. Dr.Abu al-Wafa` al-Ghanimi al-Taftanzani, *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*, (Qahirah: Dar al-Thaqafah, t.t.), 111-112.
115. Y.M. Prof. Madya Engku Ibrahim, 1988, 18.
116. Muhammad Mustafa Hilmi, 1970, 45.
117. Haji Jahid, 1997, 79.
118. S.T. Arnold dan A. Guiloume, *Mysticism, The Legacy of Islam*, (London: Oxford University Press, 1968) 218.
119. Y.M. Prof. Madya Engku Ibrahim, 1988, 19.
120. Haji Jahid, 1997, 80-81.
121. Prof. Dr. Abdul Shukor, 1996, 19-20.

122. Al-Attas, 1963, 21-25.
123. Ibid, 23.
124. Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1977), 202.
125. Al-Attas, 1963, 28.
126. Nik Abdul Aziz, 1977, 202.
127. Al-Attas, 1963, 28.
128. Nik Abdul Aziz, 1977, 202.
129. Muhammad Uthman el-Muhammady, *Peradaban Dalam Islam*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972) 167.
130. Al-Attas, 1963, 30-33.
131. Ibid

BAB II

TARIKAT NAQSYABANDIYAH

2.0. PENDAHULUAN :

Tarikat Naqsyabandiyah adalah salah satu tarekat tasawuf yang terbesar dan mempunyai pengikut yang tersebar luas di beberapa tempat di dunia. Dalam usaha untuk mendekati tarekat ini penulis akan cuba mengketengahkan beberapa elemen penting tentang Tarekat Naqsyabandiyah yang merangkumi ringkasan sejarah Tarekat Naqsyabandiyah, pembaharuan yang berlaku dalam tarekat ini, salasilah perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah, kemasukan Tarekat Naqsyabandiyah ke Malaysia dan ajaran-ajaran dasar Tarekat Naqsyabandiyah.

Elemen-elemen ini merupakan pengenalan pokok dan menjadi dasar kepada Tarekat Naqsyabandiah. Ia juga dilihat bertujuan untuk menentukan secara tepat tentang kedudukan Tarekat Naqsyabandiah dalam Islam di samping menentukan kedudukan pengamalnya.

2.1. SEJARAH RINGKAS - KEWUJUDAN TAREKAT NAQSYABANDIYAH

Tarekat Naqsyabandiyah diasaskan oleh Muhammad bin Muhammad Baha' al-Din al-Bukhara (717 - 791 H/ 1317 - 1388 M). Beliau dikenali sebagai Syeikh Baha' al-Din Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad al-Husaini al-Hasani al-Uwaisi al-Bukhara atau lebih dikenali dengan panggilan Syah Naqsyaband.¹

Perkataan Naqsyabandiyah diambil daripada perkataan Naqsyaband yang berasal dari bahasa Parsi. Perkataan ini adalah gabungan dari dua perkataan iaitu *Naqsh* dan *Band*. *Naqsh* bererti ukiran atau lukisan yang dicap pada sebatang lilin atau benda lainnya. *Band* pula bererti ikatan iaitu kekalnya ukiran atau lukisan itu tanpa terhapus.² Perkataan *Band* juga bermaksud bendera atau layar besar.³

Dengan ini Naqsyaband membawa erti 'ukiran atau lukisan yang berkekalan, juga bererti 'ukiran atau lukisan yang terlukis pada sesuatu benda, melekat serta tidak terhapus atau luput seperti yang tertera pada

bendera atau layar besar.⁴ 'Syah dalam bahasa Parsi bermaksud pemimpin kerohanian, yang dinisbahkan kepada beliau sebagai penghormatan atas jasa-jasa beliau dalam memberi didikan kerohanian. Dikaitkan dengan al-Uwasi kerana pertalian kekeluargaan dengan Uwais al-Qarni seorang tokoh yang terkenal dalam bidang tasawuf Islam.⁵

Perkataan ini bermaksud kesan zikir yang diamalkan oleh pengamal Tarekat Naqsyabandiyah, berzikir secara sirr (di dalam hati) sehingga zikir tersebut terukir atau terpahat dalam hati.

Terdapat juga sebahagian sejarawan mengaitkan perkataan Naqsyaband dengan tempat kelahiran Syeikh Baha al-Din iaitu sebuah kampung yang terletak satu farsakh (empat batu) dari Bukhara dalam negeri Turkestan, Soviet Union.⁶

Gelaran Naqsyaband diberikan kepada Syeikh Baha al-Din juga dikaitkan dengan peristiwa Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani telah mengukir Ism al-A'zam (Allah) dengan jari telunjuk beliau ke dada (hati) Syeikh Baha al-Din setelah mendapat isyarat dari Nabi Khidir a.s.

Peristiwa ini dinyatakan berlaku melalui ru'ya (mimpi benar).⁷ Menurut Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi tarekat ini dinamakan Tarekat Naqsyabandiah kerana Syeikh Baha`al-Din berzikir dengan hatinya sehingga terukir lafaz al-Jalalah (Allah) pada permukaan hatinya.⁸

Sementara Prof. Dr. Hj. Aboe Bakar Acheh pula menegaskan bahawa gelaran ini dikaitkan dengan Syeikh Baha` al-Din kerana beliau dikatakan mahir atau ahli dalam menafsir kehidupan yang ghaib.⁹

Syeikh Baha` al-Din diceritakan mendapat ilmu agama melalui didikan tarikat daripada Syeikh-syeikh tarikat yang tinggal di sekitar Bukhara. Menjelang usianya 18 tahun (735 H/1335 M) beliau berhijrah ke Sammas (tiga batu dari Bukhara) untuk mempelajari Ilmu Tasawwuf daripada Syeikh Muhammad Baba al-Sammasi (m.740 H @ 755 H/1340 M @ 1354 M).¹⁰

Selepas kematian Syeikh Muhammad Baba al-Sammasi beliau merantau lagi ke beberapa tempat untuk melanjutkan pengajian sehingga ke Nasaf dan bertemu

dengan Amir Kulal (m. 772 H/1317 M) seorang khalifah kepada Syeikh Mohammad Baba al-Sammasi. Di sini beliau menerima talqin zikir nafi ithbat secara sirr (zikir khafi). Setelah itu pergaulannya agak meluas terutama dengan tokoh-tokoh agama dan berpeluang mendalami ilmu syariat, mempelajari hadis-hadis sehingga mempengaruhi keperibadian beliau sesuai dengan apa yang dituntut oleh syara'.¹¹

Beliau seterusnya menetap di beberapa kampung yang berdekatan dengan Bukhara. Kesempatan di sini tidak dilepaskan begitu sahaja, tetapi digunakan untuk melanjutkan pengajiannya dengan Maulana 'Arir al-Dikirani iaitu seorang khalifah kepada Amir Kulal selama tujuh tahun.¹² Selanjutnya beliau terus mendalami lagi ilmu-ilmu agama dan ilmu tasawuf daripada seorang lagi tokoh kerohanian dan ulamak besar iaitu Qatham Shaykh.¹³

Beliau juga dikatakan telah mendapatkan pengajaran ilmu tasawuf secara rohaniah daripada 'Abd al-Khalid al-Ghujdawani¹⁴ seorang guru mursyid Tarekat Naqsyabandiah (dalam salasilah kedudukannya berada pada bilangan 12).¹⁵

Di sini Syeikh Muhammad Baha' al-Din telah diijazahkan zikir secara sirr (khafi) dan dijadikan zikir utama dalam Tarekat Naqsyabandiyah. Bermula dengan doktrin-doktrin asas yang diperkenalkan oleh 'Abd al-Khalid al-Ghujdawani, Syeikh Muhammad Baha' al-Din telah melengkapkan lagi dengan menambah tiga lagi doktrin dasar iaitu Wuquf Zamani, Wuquf 'Adadi dan Wuquf Qalbi menjadikan doktrin dasar Tarekat Naqsyabandiyah sebanyak sebelas perkara dengan resminya.¹⁶

Syeikh Muhammad Baha' al-Din juga dikatakan telah menyumbang jasa yang penting dalam hal pentadbiran negara iaitu bertindak sebagai penasihat kepada kesultanan Khalil selama 12 tahun.¹⁸ Pada penghujung usianya beliau kembali tempat kelahirannya iaitu Qasr al-'Arifi, dan tekun melakukan amal ibadat kepada Allah s.w.t. Di sini beliau telah mendirikan rumah suluk (ribat) untuk aktiviti Tarekat Naqsyabandiyah¹⁹, sehingga beliau meninggal dunia pada 3hb. Rabi al-awal 791 H/ 2hb. Mac 1389 M.²⁰

2.2. PEMBAHARUAN DALAM TAREKAT NAQSYABANDIYAH

Kemasyhuran Tarikat Naqsyabandiyah dikaitkan dengan Syeikh Muhammad Baha' al-Din tetapi susur galur yang awal dikaitkan dengan Saidina Abu Bakar al-Siddiq dan dikenali sebagai Siddiqiyah. Mengikut salasilah Tarekat Naqsyabandiyah Saidina Abu bakar menduduki susunan yang pertama selepas Rasulullah s.a.w. berdasarkan bahawa beliau adalah pengganti Rasulullah s.a.w. yang mewarisi ilmu dan petunjuk baginda.²¹

Menurut ahli Tarekat Naqsyabandiyah, Rasulullah s.a.w. pernah mengajar (talqin) zikir secara sirr (khafi) kepada Saidina Abu Bakar di dalam gua Thur, ketika mereka berdua dalam perjalanan ke Madinah.²² Al-Quran telah merakamkan peristiwa ini dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Taubah (ayat: 40)

..... اذ هما في الغار اذ يقول لصا حبه لا تحزن

..... ان الله معنا ²³

Maksudnya:...ketika kedua-dua berada di dalam gua, ketika dia (Rasulullah s.a.w) berkata kepada sahabat-nya (Saidina Abu Bakar) janganlah anda berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kami.....

Berhubung dengan ayat di atas, terdapat suatu keadaan yang menggambarkan bahawa Rasulullah s.a.w. dan Saidina Abu Bakar r.a. menumpukan perhatian dan terus menerus mengekal ingatan bahawa Allah s.w.t. adalah berserta dengan mereka dan mereka tidak perlu bimbang, takut dan berdukacita.

Perkara yang hendak dinyatakan di sini ialah terdapat suatu isyarat yang dikenali sebagai *muraqabah al-ma'iyyah* yang diamalkan dalam Tarekat Naqsyabandiyah, iaitu menumpukan perhatian serta terus menerus berkeyakinan bahawa Allah s.w.t. berserta dengan diri seseorang itu di mana sahaja dia berada seperti firman Allah s.w.t. *و هو معكم اينما كنتم ...*

Maksudnya: *dan Dia (Allah s.w.t) adalah berserta dengan kamu di mana sahaja kamu berada.*

Dalam konteks ini walaupun Tarekat Naqsyabandiyah dinisbahkan kepada Sheikh Muhammad Baha' al-Din, tetapi kepada ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. yang kemudiannya mengikut salasilah bahawa Saidina Abu Bakar r.a. menduduki tempat pertama mengikut susur galur selepas Rasulullah s.a.w. (lihat urutan salasilah hal:105)

Keadaan ini sama juga dengan mazhab-mazhab yang terdapat ilmu fikih umpamanya *Syafiiyah* yang dinisbahkan kepada Imam Ahmad ibn Idris al-Shafie, *Hambaliyah* yang dinisbahkan kepada Imam Ahmad ibn Hanbal, *Malikiyah* yang dinisbahkan kepada Imam Anas ibn Malik, *Hanafiyyah* yang dinisbahkan kepada Imam Abu Hanifah al-Nu'man ibn Thabit.

Dalam ilmu tauhid juga sama keadaannya seperti *Ash'irah* dinisbahkan kepada Abu al-Hasan al-Ash'ari, *Maturidiyah* dinisbahkan kepada Abu Mansur al-Maturidi. Walaupun mazhab-mazhab ini dinisbahkan kepada tokoh-tokoh tertentu, tetapi pada hakikatnya ia merujuk kepada ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Merujuk kepada sejarah perkembangan Tarikat Naqsyabandiyah terdapat gelaran-gelaran nama yang berbeza, yang dinisbahkan kepadanya. Antara gelaran-gelaran yang dikaitkan kepada tarikat ini dapat disusun seperti berikut:

Siddiqiyah. Pada zaman Saidina Abu Bakar al-Siddiq sehingga kepada Syeikh Taifur Abu Yazid bin 'Isa al-Bistami.

Taifuriyah. Pada zaman Syeikh Taifur sehingga kepada Syeikh `Abd al-Khalid al-Ghujdawani.

Khawajakaniyah. Pada zaman Syeikh `Abd al-Khalid al-Ghujdawani sehingga kepada Syeikh Muhammad Baha` al-Din al-Husaini al-Hasani al-Uwaisi al-Bukhara.

Naqsyabandiyah. Pada zaman Syeikh Muhammad Baha` al-Din sehingga kepada `Ubaid Allah al-Ahrar.

Ahrariyah. Pada zaman `Ubaid Allah al-Ahrar sehingga kepada Imam Rabbani Syeikh Ahman Farukhi.

Mujaddidiyah. Pada zaman Ahmad Farukhi sehingga kepada maulana Syeikh Khalid al-Kurdi.

Khalidiyah. Pada zaman maulana Syeikh Khalid al-Kurdi sehingga kini.²⁴

Sehingga kini, reformasi-reformasi yang telah dilakukan oleh Syeikh Khalid al-Kurdi merupakan reformasi yang terakhir yang berlaku terhadap Tarekat Naqsyabandiyah. Justeru itu nama maulana Syeikh Khalid

dihubungkan dengan Tarekat Naqsyabandiyah sehingga tarikat tersebut dikenali dengan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah.

2.3. SALASILAH TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH.

Salasilah sesebuah tarekat tasawuf merupakan sesuatu hujah yang penting untuk membuktikan kebenaran atau kepalsuan sesebuah ajaran tarekat tasawwuf tersebut. Di samping itu salasilah juga mempunyai fungsi kerohanian yang jauh lebih penting iaitu pengaliran keberkatan daripada Rasulullah s.a.w. menerusi ahli salasilah tersebut sehingga sampai kepada nama-nama syeikh yang mu'tabar yang memimpin dan mentarbiahkan pengikutnya.

Merujuk kepada Tarekat Naqsyabandiyah, susunan nama-nama pemimpin Tarekat Naqsyabandiyah yang berurutan sehingga kepada Rasulullah s.a.w. perlu diteliti bagi menentukan pengamalan tarikat tersebut diperturunkan melalui kaedah dan tatacara yang bertepatan dengan kehendak kerohanian dalam Islam.

Salasilah Tarekat Naqsyabandiyah seperti yang dicatatkan oleh Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi dan Syeikh Ahmad Khalid bin Abdul Latif dapat disusun seperti berikut:²⁵

1. Allah `Azawajalla
2. Jibril `Alaihi Salam
3. Nabi Muhammad s.a.w. (w.11 H/632 M)
4. Abu Bakar al-Siddiq (m.13 H/634 M)
5. Salman Farisi (m. 33 H atau 34 H/ 664 M atau 665 M)
6. Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar al-Siddiq (m.108 H atau 109 H/727 M atau 728 M)
7. Imam Ja`far al-Sadiq (m. 148 H/ 776 M)
8. Syeikh Abu Yazid Taifur `Isa bin Ahmad bin Sarusyan al-Bistami (Abu Yazid al-Bistami)-(188 H-261 H/ 801 M-874 M)
9. Abu Hassan `Ali bin Ja`far al-Kharqani (m.425 H/1034 M)
10. Abu `Ali al-Fadhlal bin Muhammad al-Tusi al-Farmadi (m. 477 H/1084 M)
11. Abu Ya`qub Yusuf al-Hamdani Aiyub bin Yusof bin Hussain (440H-535H atau 536H/1048M-1140M atau 1141M)
12. `Abd al-Khalid al-Ghujdawani bin al-Imam `Abd al-Jamil (m.617H/1220M)
13. `Arif al-Riyukuri (m. 657 H/1259 atau 1260 M)

14. Muhammad al-Anjiru al-Faghrawi (m. 670H/1272 M)
15. `Ali al-Ramithani (Syeikh Azizan) - (m. 705H atau 721H/
1306M atau 1322 M)
16. Muhammad Baba al-Sammasi (m. 740 H atau 755 H/
1340 M atau 1354 M)
17. Amir Kulal bin Syed Hamzah (m. 772 H/1317 M)
18. Baha` al-Din Naqsyaband (717 H-791 H/1318 M-1389 M)
19. Muhammad Bukhari (m. 802 H/1400 M)
20. Ya`qub Yarki Hishari (m. 851 H/1447 M)
21. `Abd Allah Samarkandi/`Ubaid Allah Ahrar (806 H-895H/
1404 M-1490 M)
22. Muhammad Zahid
23. Muhammad Darwis
24. Khawajaki al-Amkani
25. Muhammad Baqi Bi Allah (971 H-1012 H/1563 M-1603 M)
26. Muhammad Farukhi al-Sirhindi (Imam Mujaddid
Alfi Thoni) (971 H-1034 H/1564 M-1624 M)
27. Muhammad Ma`sum (m. 1079 H/1668 M)
28. `Abd Allah Hindi (1117 H-1176 H/1703 M-1762 M)
29. Diya al-Haqqi (m. 1242 H/1827 M)
30. Ismail Jamil al-Minangkabawi
31. `Abd Allah Afandi

- 32.Syeikh Sulaiman Qurimi
- 33.Syeikh Sulaiman Zuhdi.
- 34.Syeikh `Abd al-Wahab Rokan al-Khalidi Naqsyabandi
(1230 H-1354 H/1811 M-1926 M)
- 35.Syeikh Daud bin Abd al-Wahab Rokan (m.1389 H/1971 M)
- 36.Syeikh Muhammad Yusof bin Abbas Panai(m. 1397 H/197M)

Merujuk kepada tempoh tahun-tahun dalam salasilah di atas didapati sandaran dan hubungan salasilah (sanad) tersebut tidak bersambung atau terputus, umpamanya Abu Yazid al-Bistami, hayatnya tidak sezaman dengan Imam Ja`far al-Sadiq, begitu juga Abu al-Hassan `Ali bin Ja`far al-Kharqani tidak sezaman dengan Abu Yazid al-Bistami.

Seperti yang ditegaskan oleh al-Nabhani bahawa Imam Ja`far al-Sadiq meninggal pada tahun 148 H manakala Abu Yazid al-Bistami pula meninggal pada tahun 261 H dalam usia 73 tahun.²⁶ Ini menunjukkan Abu Yazid al-Bistami lahir pada tahun 188 H, iaitu setelah 40 tahun Imam Ja`far al-Sadiq meninggal.

Menyentuh tentang Abu al-Hassan al-Kharqani pula, Syeikh Fariduddin al-Attar menegaskan bahawa al-Kharqani telah menyatakan bahawa beliau dilahirkan setelah tiga puluh sembilan tahun, al-Bistami meninggal.²⁷

Berpandukan ilmu mustalah al-hadith, sandaran dan hubungan salasilah (sanad) yang terputus seperti ini dikenali sebagai 'mursal'. Syeikh Muhammad al-Zargani menerangkan dengan pernyataan berikut:

وَقِيلَ لِهِرْسُلٍ مَا سَقْطٌ مِّنْ سَنْدٍ وَلَوْ
وَاحِدًا أَوْ أَكْثَرَ سَوَاءً كَانَ مِنْ أَوْلَهُ
أَمْ مِنْ آخِرِهِ أَمْ بَيْنَهُمَا .

²⁸

Bermaksud: dikatakan mursal itu ialah apa yang gugur dari sanadnya (tidak disebut periwayatnya) walaupun seorang atau lebih sama ada periwayat yang gugur itu terdapat pada permulaannya, pada akhirnya atau ditengahnya.

Berhubung dengan 'mursal', ulamak telah berselisih pendapat. Sebahagian ulamak bersetuju ianya dijadikan hujah, sebaliknya sebahagian yang lain menolaknya. Syeikh Muhammad al-Zargani menegaskan:

وَانْتَلَفُوا فِي لِاْحْتِجَاجِ بِالْمَرْسُلِ فَذَهَبَ مَالِكٌ
وَأَحْمَدٌ فِي الشَّهُورِ عَنْهُمَا وَأَبُو حَنِيفَةَ وَأَتَبَا
عَنْهُمْ مِّنَ الْقَفَهَاءِ وَلَاْ وَصُولَيْبَيْنَ وَالْمَحْدُثَيْنَ
إِلَى الْاْحْتِجَاجِ بِهِ فِي الْاْحْكَامِ وَغَيْرِهَا .²⁹

Bermaksud:

dan bercanggahan pendapat mereka (ulamak) tentang berhujah dengan mursal ini, Imam Malik dan Imam Ahmad pada pendapat yang masyhur, dari kedua-duanya, Abu Hanifah dan juga pengikut-pengikut mereka yang terdiri daripada fuqaha', ahli usul fekah dan ahli hadis berpendapat bahawa ia (mursal) boleh dijadikan hujah dalam masalah hukum dan lainnya.

Dalam hal ini, Syeikh Shamsuddin Muhammad al-Hanafi al-Tibrizi menekankan bahawa:

وَالْأُولَى أَنْ يُقَالُ أَنَّهُ أَنْ صَحُّ مَجِينَهُ مِنْ وَجْهِ
آخِرِ مَسْتَنْدَأِ مِنْ غَيْرِ رِجَالِ الْأُولَى فَهُوَ حَجَّهُ
وَالْأَخْلَاقُ خَلَقُ.

Bermaksud:³⁰

dan yang lebih utama dikatakan sah dengan adanya (sanad) dari jalan yang lain yang bukan menerusi sanad yang pertama maka boleh dijadikan hujah dan jika tiada maka tidak boleh dijadikan hujah.

Dengan penjelasan daripada al-Tibrizi ini menunjukkan bahawa salasilah yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi dan Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif seperti di atas dapat diterima dan dijadikan hujah. Ketetapan ini diambil setelah penulis merujuk kepada pernyataan al-Khani yang menjelaskan bahawa Syeikh Abu Ali al-Farmadi mempunyai sanad yang lain yang tidak melalui Syeikh Abu al- Hassan Khargani iaitu:³¹

1. Rasulullah s.a.w.
2. Ali ibn Abi Talib
3. Imam al-Hussein
4. Imam Zain al-'Abidin
5. Imam Muhammad al-Baqir
6. Imam Ja`far al-Sadiq
7. Imam Musa al-Kazim
8. Imam `Ali al-Rida
9. Syeikh Ma`ruf al-Karakhi
10. Syeikh al-Sari al-Saqati
11. Syeikh Abu al-Qasim al-Junaid al-Baghdadi
12. Syeikh Abu `Ali al-Rudhbar
13. Syeikh Abu `Ali al-Katib
14. Syeikh Abu Uthman al-maghribi
15. Syeikh Abu al-Qasim al-Karqani
16. Syeikh Abu Ali al-Farmadi.

Salasilah Tarikat Naqsyabandiyah ini telah dijulang sebagai silsilah *al-Zahab* (salasilah emas) kerana terdapat urutan salasilah daripada Rasulullah s.a.w., sahabat serta keluarga baginda, dan tokoh-tokoh tasawwuf yang terkenal yang turut menerima dan mewarisinya selepas

dari pad a Rasulullah s.a.w. sehingga kepada pengasasnya iaitu Syeikh Muhammad Baha' al-Din Naqsyaband.³²

Merujuk kepada teori ilmu tasawuf dan ajaran Tarekat Naqsyabandiyah, hubungan di antara salasilah yang terputus tidak menjelaskan kesahihan ajaran tersebut. Ini kerana pengijazahan ajaran sesebuah tarekat bukan hanya diperturunkan melalui pertemuan dengan guru semasa hayatnya tetapi juga boleh diperlakukan melalui rohaniah atau secara *berzakiyah*.³³

Mengikut Syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah juga bahawa, setiap pewaris yang menerima tarekat secara rohaniah daripada seorang syeikh ia dikenali sebagai *Uwaisi* (hubungan kepada Uwais al-Qarni).³⁴

Pada pandangan mereka nisbah secara rohaniah adalah lebih kuat persambungannya daripada nisbah jasmaniah. Dengan ini kedua-kedua tokoh (Syeikh Abu al-Hassan Kharqani dan Syeikh Abu Yazid al-Bistami) dinisbahkan kepada Syeikh yang mengijazahkan kedua-duanya secara rohaniah.

Menurut Mohd Sulaiman Bin Hj. Yasin bahawa pertermuan syeikh-syeikh ini dengan Rasulullah s.a.w. biasanya dalam mimpi yang benar, yang merupakan suatu hal yang lumrah dan biasa di kalangan para masyayikh. Perhubungan dan ikatan antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. sangat erat. Malah beliau menambah bahawa para masyayikh adalah warisan Rasulullah s.a.w. yang mewarisi bukan sahaja ilmu tetapi juga mewarisi keberkatan Rasulullah s.a.w.³⁵

Rumusan daripada Drs. Imron Aba menjelaskan bahawa salasilah yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi di atas adalah bersambung pada hakikatnya walaupun terputus secara zahirnya.³⁶ Tambahan pula salasilah tersebut berpunca daripada Rasulullah s.a.w. walaupun ia mempunyai salasilah yang agak panjang dan terputus pada zahirnya, oleh itu salasilah seumpama ini adalah diterima dari segi pendidikan Ilmu Tasawuf.³⁷ Selanjutnya apabila dilihat salasilah Tarekat Naqsyabandiyah ini dikaitkan kepada seorang sahabat yang agung iaitu Saidina Abu Bakar al-Siddiq dan merupakan salah satu daripada tarikat yang lebih dekat kepada ahli sunnah wa al-Jamaah.³⁸

2.4. PERKEMBANGAN DAN PENYEBARAN TAREKAT NAQSYABANDIYAH

Tarekat Naqsyabandiyah merupakan sebuah tarekat yang bersifat terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin mempelajari dan mengamalkannya. Pendokong-pendokong tarekat ini tidak melarang sesiapa pun mempelajari dan mengamalkannya. Fenomena ini menyebabkan Tarikat Naqsyabandiyah Khalidiyah telah berkembang ke merata pelusuk dunia.

Semenjak diasaskan, perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah merebak menghala ke arah Barat dan langsung ke negeri-negeri Soviet Union melalui Turki dan Turkestan.³⁹ Melalui Turki atau Empayar Ottoman ini juga tarikat ini berkembang pula ke Balkan, Macedonia, Kosovo dan Albania.⁴⁰ Tarekat ini terus berkembang dengan cepat di Asia Tengah ke timur Persia dan negara Afghanistan.⁴¹

Perkembangan ini juga berlaku di sebelah timur yang melibatkan negara-negara seperti Mesir, India, China dan daerah-daerah di Nusantara.⁴² Sheikh Muhammad Hisham Kabbani menegaskan bahawa tarikat ini bertapak kuat di negeri China dan ajaran-ajarannya terus diamalkan sehingga hari ini.

Di India hasil pertapakan tarekat ini kemudian telah melahirkan beberapa orang tokoh yang penting dalam memimpin dan menerajui tarekat ini.⁴³

Penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah di kalangan kaum Muslimin di Soviet Union adalah melalui pengamal-pengamal Tarikat Qadariyyah dan Yasawiyyah. Lokasi awal yang menerima tarekat ini ialah daerah Volga Tengah antara abad ke 15 M dan 16 M. Selanjutnya dalam abad ke 16 M tarikat tersebar dan berpengaruh di Turkestan.⁴⁴

Di Turkestan, tarekat ini berkembang dan beroperasi di bandar Kashgar. Di sini merupakan pusat kegiatar amalan tarekat ini yang sangat aktif. Antara pendokong dan pemimpin tarekat tersebut di sini ialah Ali Shir Nara'i, Abd al-Rahman Jami', Mahtum Quli dan Zelili.⁴⁵ Tokoh-tokoh ini dirakamkan sebagai pejuang-pejuang atau pendakwah yang sangat sabar dan tabah dalam menghadapi cabaran dan dugaan untuk mengembangkan tarikat ini.

Dalam abad 17 M dan 18 M Tarekat Naqsyabandiyah secara beransur-ansur telah mempengaruhi pengikut tarikat Yasawiyyah di wilayah Kirghizia, Soviet Union dan pada

abad ke 19 M Tarekat Naqsyabandiyah sudah mendapat tempat di hati pengikut Tarekat Yasawiyyah. Perkembangan dan pengaruh tarekat ini tersebar dengan cepat ke Khorezm yang akhirnya mengalih pandangan pengikut Tarekat Kubrawiyyah yang telah lama diamalkan penduduk Islam di situ untuk mengamalkan Tarekat Naqsyabandiyah.⁴⁶

Pada akhir abad ke 18 M, tarekat ini berkembang dan tersebar pengaruhnya pula di Daghestan yang diusahakan oleh bangsa Shirva dan Kurdi. Selanjutnya pada pertengahan abad ke 19 M Tarekat Naqsyabandiyah terus berkembang melewati wilayah Chechenia dan bahagian barat Caucasus. Fenomena seterusnya dirakamkan bahawa Tarekat Naqsyabandiyah telah mendapat sambutan di seluruh petempatan dan daerah-daerah Islam di Soviet Union, terutama di Daghestan, bahagian utara Azerbaijan, bahagian timur wilayah Chechenia dan di wilayah Cherkes iaitu di bahagian Barat Daya Caucasus.⁴⁷ Kekuatan pegangan dan amalan tarekat ini terbukti menyerlah dan terus hidup di seluruh wilayah Islam di Soviet Union walaupun terdapat ancaman dan penindasan daripada pihak pemerintah yang bersifat anti Islam. Umpamanya yang berlaku ke atas wilayah Chechenia dan Bosnia Hezegovina baru-baru ini.⁴⁸

Di Turki Tarekat Naqsyabandiyah mula bertapak sejak abad ke 14 lagi, iaitu semenjak pemerintahan kerajaan Ottoman manakala abad-abad seterusnya merupakan tempoh perkembangan dan pengukuhannya.⁴⁹ Sirdar Iqbal Ali Shah menjelaskan bahawa dalam abad ke 15 tarekat ini dikembangkan ke Turki melalui inisiatif 52 orang tentera-tentera Islam yang menyertai perperangan Constantinople pada tahun 1453.⁵⁰

Antara tokoh yang menonjol ialah Sheikh Ahmad al-Bukhari Takiasi (m. 922H/1516M) terkenal dengan panggilan Sheikh Ahmad al-Bukhari Alahi.⁵¹ Beliau digambarkan sebagai seorang pejuang Islam yang gigih dalam menyebarkan ajaran Tarekat Naqsyabandiyah di kalangan penduduk Islam Turki. Terdapat beberapa pusat gerakan Tarekat Naqsyabandiyah di Turki antaranya yang penting ialah Brusa iaitu bandar yang terletak berdekatan dengan Istambul.

Di pusat-pusat ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan khususnya kepada ahli-ahli Tarekat Naqsyabandiyah dan kaum Muslimin seluruhnya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian dan menjalankan amalan-amalan tarikat.⁵²

Di Pusat Brusa telah melahirkan beberapa orang tokoh pemimpin Tarekat Naqsyabandiyah, antara yang menonjol ialah Mahmud Lami'i Shalabi (m. 933H/1532M).⁵³ Ajaran atau amalan Tarekat Naqsyabandiyah telah meninggalkan kesan dalaman yang tebal di kalangan penduduk Islam di Turki.

Kesan ini dapat dilihat sejak dari pemerintahan kerajaan Ottoman lagi, di mana kekuatan dalaman ini menjadi daya penggerak dan benteng pertahanan untuk mereka berjuang dan berkorban jiwa dan harta benda dalam mempertahankan Islam dari ancaman kuasa luar umpamanya ancaman semasa pemerintahan Crarist di Caucasia dari Rusia.⁵⁴ Kekuatan dalaman hasil pegangan dan amalan Tarekat Naqsyabandiyah ini juga telah menjadi benteng yang mempertahankan Islam daripada serangan sekularism yang diimport dari Barat.⁵⁵

Sheikh Muhammad Hisham Kabbani merakamkan hasil tinjauan yang dibuat ke atas umat Islam di Eropah dan Amerika Syarikat bahawa tarekat ini tersebar di sana sejak dua dekad lepas (tahun 1970an dan 1980an).

Di sana terdapat beberapa buah pusat untuk kegiatan Tarekat Naqsyabandiyah telah didirikan antaranya ialah yang

terdapat di Abiquiu, New Mexico, Woodstock, New York dan di gereja St. Ann's, London yang telah diubahsuai sebagai markaz gerakan Islam di sana. Pusat-pusat ini sering dikunjungi oleh seorang Syeikh yang besar dalam Tarekat Naqsyabandiyah, iaitu Sheikh Muhammad Nazim Adil al-Haqqani an-Naqshabandi dari Lefke, Cyprus.⁵⁶

Perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah di sebelah barat adalah tersebar melalui kekerasan atau pererangan untuk mendapat tempat, keadaan ini berbeza dengan perkembangan dan penyebaran di negara-negara di sebelah timur. Tuan Haji Mohd Yatim bin Haji Ismail menegaskan bahawa penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah ke negara-negara sebelah timur adalah melalui kaedah dakwah secara diplomasi.⁵⁷

Sementara Abd al-Rahman Badawi merakamkan bahawa penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah di negeri-negeri sebelah timur khususnya India adalah dengan perantaraan kehebatan tokoh-tokoh sufi yang berbekalkan ajaran dan amalan tarikat yang masyhur.

Tokoh-tokoh sufi ini digambarkan telah berusaha dengan gigih mengajar dan membimbing penduduk tempatan dengan

ajaran-ajaran Tarekat Naqsyabandiyah ini tanpa mengenal penat lelah dan dengan tidak mengharapkan sebarang ganjaran kerana matlamat mereka ialah kerana Allah s.w.t.⁵⁸

Annemarie Schimmel mencatatkan bahawa kemasukan Tarekat Naqsyabandiyah ke India ialah pada abad ke 16 M dan India merupakan negara pertama di sebelah timur yang menerima ajaran tarekat ini.⁵⁹

Selain daripada Tarekat Naqsyabandiyah terdapat juga beberapa tarekat masyhur yang lain turut berkembang di India selari dengan perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah antaranya Tarekat Qadiriyyah, Tarekat Shattariyyah, Tarikat Firdausiyyah, Tarekat Suhrawardiyyah, Tarekat Kubrawiyyah dan Tarekat Chistiyyah.⁶⁰

Tokoh yang bertanggungjawab terhadap perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah di India ialah Khawaja Muhammad Baqi Billah (971h-1012h/1563 m-1603 m)⁶¹ Seorang Syeikh Mursyid yang terkenal dalam senarai pendokong Tarekat Naqsyabandiyah. Mengikut salasilah, beliau adalah murid kepada Khawaja Nasiruddin Ubaidullah Ahrar yang menerima tarikat ini daripada Sheikh Ya`kub Yarki Hishari.⁶²

Seorang lagi tokoh yang memainkan peranan penting dalam perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah di India ialah sheikh Ahmad Farukhi Sirhindi, beliau lebih dikenali dengan Imam Rabbani Mujaddid Alfi Thani Sheikh Ahmad bin Abdul Farukhi Walid Farukhi Sirhindi (m. 107 H/1668 M).⁶³

Sheikh Muhammad Hisham Kabbani mencatatkan bahawa pengaruh Islam yang disebarluaskan melalui Tarekat Naqsyabandiyah adalah begitu berkesan dalam sistem politik dan sosial umpamanya semasa pemerintahan kerajaan Moghul di India, pemerintahan kerajaan Ming dan Ching di China.⁶⁴ Dengan adanya kekuatan dalaman atau kerohanian yang dididik oleh tarikat ini, mereka meletakkan Islam sebagai formula atau panduan dalam melaksanakan sistem politik dan sosial mereka.

Walaupun pengaruh Tarekat Naqsyabandiyah tersebar keseluruh negara-negara Islam tetapi perkembangannya agak perlahan dan hanya tertumpu kepada beberapa bahagian sahaja di benua Afrika iaitu di bahagian Afrika Tengah dan Afrika Utara. Di sini walaupun pergerakan organisasi tarikat ini tidak begitu menonjol tetapi pengaruh Tarekat Naqsyabandiyah tetap ada iaitu dikembang sebarkan oleh pertubuhan Dar al-Islam.

Motto pertubuhan ini ialah penyatuan hati manusia dengan penciptaNya (Allah s.w.t.). Penyatuan hati manusia dengan Allah ini adalah melalui nama-nama Allah yang dikatakan terukir atau terpahat di hati manusia seperti terukir atau tercetak di atas kain.⁶⁵

Perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah di kalangan umat Islam Afrika di utara khusus di Mesir berlaku dalam tiga peringkat atau tiga corak penerimaannya. Dalam peringkat pertama tarekat ini dikembangkan abad ke 16 M oleh seorang pengamal Tarekat Naqsyabandiyah berketurunan Sudan bernama al-Sharif Ismail al-Sunnari.

Pada mulanya beliau mengajar tarekat ini di Cairo tetapi tidak mendapat sambutan di kalangan penduduk Islam di situ. Dengan tidak berputus asa beliau berpatah balik ke Sudan dan mengajar ajaran tarekat ini di Dunqula. Dengan bantuan Kadi Dunqula ajaran Tarekat Naqsyabandiyah yang dikembangkan olehnya dan diterima oleh penduduk Islam di bahagian utara Mesir. Al-Sharif Ismail al-Sunnari telah melantik Kadi Dunqula iaitu Musa Mu'awwad sebagai Khalifahnya.⁶⁶

Perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah ini di bumi Mesir semakin mendapat sambutan terutama setelah Kadi Dunqula Musa Muhammad berhijrah dan menetap di sana iaitu di Binbah, suatu lokasi di bahagian utara Aswan. Perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah di sini semakin meluas apabila penduduk-penduduk Islam yang tinggal di antara Aswan dan Isna iaitu di sekitar Ja`fira turut menerima dan mengamalkan tarekat ini. Pada tahun 1888M cucunda kepada al-Sharif Ismail al-Sunnari iaitu Muhammad al-Laythi telah dilantik menjadi khalifah Tarekat Naqsyabandiyah di sana setelah kematian Musa Mu`awwad.⁶⁷

Pada peringkat kedua dalam siri perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah di Mesir dipelopori oleh Juda Ibrahim (1264 H-1351 H/1848 M-1934 M) juga seorang pengikut Tarekat Naqsyabandiyah. Beliau mengembang Tarekat Naqsyabandiyah ini di sebuah daerah di sekitar Minya al-Qamh.⁶⁸

Sementara pada peringkat ketiga pula proses perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah di Mesir dilakukan Syeikh Muhammad Najm Amin al-Kurdi di sekitar tahun 1840 M-1913 M.

Beliau adalah seorang pengamal Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah dan beliau menjadi khalifah di sana. Lokasi kaum muslim yang menerima ajaran tarekat beliau ialah kawasan utara daripada bandar Cairo dan al-Qalyubiyya menjadi pusat gerakan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah pada masa itu.

Negeri-negeri di Nusantara juga tidak terlepas daripada menerima ajaran-ajaran Tarekat Naqsyabandiyah walaupun agak terkebelakang berbanding dengan negara-negara Islam yang lain. Penyebaran ajaran tarekat mula berpusat di Minangkabau pada abad ke 18M.⁶⁹

Penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah ke Nusantara adalah berbeza dengan penyebarannya' ke wilayah-wilayah Islam yang lain sama ada ke negeri-negeri Barat atau Timur. Ini kerana di rantau ini golongan pemerintah memainkan peranan penting dalam menyebar dan mengajar tarekat ini. Penglibatan dan kesungguhan mereka dalam mengamalkan Tarekat Naqsyabandiyah ini, sehingga seolah-olah menampakkan bahawa tarekat ini adalah amalan golongan pemerintah.⁷⁰

Hawash Abdullah mencatatkan bahawa tokoh yang bertanggungjawab dalam pengembangan dan penyebaran Tarikat Naqsyabandiyah di Nusantara ialah Syeikh Ismail al-Minangkabawi.⁷¹ Beliau merupakan seorang ulamak tasawuf dan tokoh agama yang sangat dihormati pada zamannya.

Pada abad ke 19 M pengembangan dan penyebaran Tarikat Naqsyabandiyah di wilayah-wilayah kepulauan Melayu berpusat di Pulau Penyengat iaitu pada zaman pemerintahan Yang Di Pertuan Muda Raja Ali di antara tahun-tahun 1845 M.⁷² Virginia Matheson Hooker mencatatkan bahawa Yang di Pertuan Muda Raja Ali adalah murid kepada Syeikh Ismail al-Minangkabawi, di mana beliau telah mendidik baginda sehingga mampu memimpin tarikat ini dan layak dikategorikan sebagai *Syeikh Murshid*.⁷³

Antara tokoh pemerintah lain yang mendapat didikan Tarikat Naqsyabandiyah daripada Syeikh Ismail al-Minangkabawi ialah Raja Abdullah yang dikenali sebagai Engku Haji Muda. Baginda merupakan tokoh yang sangat dihormati dan disegani sama ada daripada pemerintah atau rakyat biasa.

Baginda juga turut dikategorikan sebagai Syeikh Mursyid. Pengajaran dan amalan-amalan Tarekat Naqsyabandiyah. Di Pulau Penyengat terus dipraktikkan dan dipelihara di bawah perhatian golongan pemerintah di situ sehingga ke zaman pemerintahan Raja Mohammad Yusof (1858 M-1899 M).⁷⁴

Haji Wan Muhd Shaghir Abdullah menegaskan bahawa tokoh-tokoh pemerintah ini iaitu Raja Ali, Raja Abdullah dan Raja Mohammad Yusof yang menjadi Yang Di Pertuan Riau juga sebagai imam kerohanian Pulau Penyengat, adalah tokoh-tokoh yang berusaha gigih mengembangkan dan mengajar Tarekat Naqsyabandiyah di Pulau Penyengat dan wilayah-wilayah ke pulauan Melayu sekitarnya. Daripada usaha mereka menyebabkan Tarekat Naqsyabandiyah berkembang dan tersebar ke wilayah-wilayah Minangkabau, Sumatera Barat sehingga Bengkulu, Jambi dan Riau.⁷⁵

Perkembangan tarekat ini tergendala setelah kemangkatan Raja Muhammad Yusof pada tahun 1899 M yang selama ini bukan sahaja memberi sokongan malah turut serta mengambil bahagian dalam aktiviti penyebaran dan pengajaran.

Pengganti Raja Muhammad Yusof iaitu Sultan Abdul Rahman tidak mengamalkan Tarekat Naqsyabandiyah dan mempunyai reaksi yang tidak menggalakkan terhadap perkembangan dan penyebarannya. Tindak-tanduk baginda sebagai seorang pemerintah Pulau Penyengat lebih kepada menekan dan menggugat perjalanan tarekat ini di kepulauan Melayu.⁷⁶ Suasana di perkarangan istana sudah menjadi medan hiburan yang dipenuhi dengan dendangan irama muzik menggantikan keheningan dan kadang-kadang dengungan daripada penghayatan amalan-amalan kerohanian.⁷⁷

Daripada fenomena ini pihak penjajah Belanda telah mengambil kesempatan untuk campur tangan dalam urusan-urusan pemerintahan yang akhirnya telah melemahkan dan menguburkan perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah di Pulau Penyengat khususnya serta kepulauan Melayu amnya.⁷⁸

Perkembangan dan penyebaran Tarekat Naqsyabandiyah yang wujud di Nusantara seterusnya secara khususnya tidak melalui Pulau Penyengat, walaupun dahulunya Pulau Penyengat merupakan pusat keagungan bagi Tarekat Naqsyabandiyah. Di wilayah Sumatera Utara perkembangan dan pewarisan salasilah Tarekat Naqsyabandiyah adalah melalui Mekah, iaitu dikembangkan oleh Sheikh Abdul Wahab Rokan.

Syed Naguib al-Attas menegaskan bahawa Syeikh Abdul Wahab Rokan yang berasal dari Rokan, Sumatera Utara telah menerima Tarekat Naqsyabandiyah daripada Syeikh Sulaiman Zuhdi di Jabal Qubis, Mekah. Beliau dinyatakan bahawa telah menjalani suluk atau riadah dalam tarikat ini selama 6 tahun.⁷⁹

Setelah kepulangannya dari Mekah, beliau telah mendirikan pusat pengembangan dan pengajaran Tarekat Naqsyabandiyah ini di Babussalam, Langkat, Sumatera Utara pada 1882 M.⁸⁰ Mengikut salasilah Syeikh Abdul Wahab Rokan menerima tarekat ini daripada Syeikh Sulaiman Zuhdi yang menerimanya daripada Syeikh Sulaiman al-Quraimi yang menerimanya daripada Syeikh Abdullah Affandi. Syeikh Abdullah Affandi telah membuka pusat kegiatan tarikat ini di Mekah.

Beliau adalah murid kepada Syeikh Khalid al-Kurdi.⁸¹ Mengikut catatan salasilah Tarekat Naqsyabandiyah bermula dengan Syeikh Khalid al-Kurdi inilah wujud Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah (telah dibincangkan dengan terpeinci dalam bahagian reformasi dalam Tarekat Naqsyabandiyah 2.2)

Dalam usaha memperkembangkan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ke rantau ini Syeikh Abdul Wahab Rokan telah melantik beberapa orang pembantunya sebagai 'khalifah' di beberapa buah wilayah di rantau ini untuk memimpin pengikut-pengikut melaksanakan amalan-amalan dalam tarikat ini.

H.A. Fuad Said mencatatkan bahawa terdapat 63 orang khalifah telah dilantik di Riau, 42 orang di Sumatera Utara, 8 orang di Semenanjung Malaysia, 4 orang di Sumatera Barat, 2 orang di Jawa Barat, seorang di Aceh dan seorang di China.⁶² Khalifah-khalifah yang dilantik ini adalah di bawah perhatian dan mempunyai hubungan dengan pusat di Babussalam, Langkat, Sumatera Utara.

Selain daripada Syeikh Abdul Wahab Rokan, Syeikh Abd al-Qadir Semarang juga terlibat dalam usaha pengembangan dan pengajaran Tarekat Naqsyabandiyah ini. Martin Van Brunessen mencatatkan bahawa terdapat seramai 28 khalifah telah dilantik di beberapa daerah di kawasan Semarang.

Di antara khalifah-khalifah itu termasuk anak beliau sendiri (anak Syeikh Abd al-Qadir Semarang) iaitu khalifah Mansor yang menerajui tarikat ini di pusat tarekat berhampiran dengan Solo. Manakala seorang lagi iaitu khalifah Muhammad Ilyas di pusat tarikat di daerah Bayumas, Jawa Tengah.⁸³

Selanjutnya Martin Van Bruinessen menegaskan bahawa Tarekat Naqsyabandiyah ini juga tersebar dan berjalan dengan aktif di kalangan umat Islam di Sunda, di Jawa Barat, terutamanya di Kabupaten Bogor dan Cianjur.⁸⁴

Tokoh-tokoh lain yang turut sama terlibat dalam usaha ini ialah Syeikh Muhammad Jamil, Syeikh Abdul Majid, Syeikh Abdul Manan, Syeikh Tuanku, Syeikh Muhammad Saman dan lain-lain lagi. Mereka ini juga dikatakan menerima ijazah Tarekat Naqsyabandiyah daripada Syeikh Sulaiman Zuhdi. Kegiatan mereka tertumpu di daerah-daerah sekitar Minangkabau.⁸⁵

2.5. PERKEMBANGAN TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH KE MALAYSIA.

Pertapakan dan perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Malaysia adalah melalui usaha khalifah-khalifah tarikat tersebut yang menuntut ilmu dari tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berada di Indonesia dan juga di Mekah.

Syed Naquib al-Attas mencatatkan bahawa Syeikh Muar al-Khalidi bin Haji Muhammad yang memimpin tarekat ini yang berpusat di Batu Pahat, Johor adalah seorang khalifah yang dilantik oleh Tuan Guru Syeikh Abdul Wahab Rokan. Beliau menerima tarekat ini sewaktu Syeikh Abdul Wahab menetap di Batu Pahat, Johor pada tahun 1888.⁸⁶

Pusat-pusat lain di Semenanjung Malaysia yang mengamalkan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ialah di Surau Jeram Bangkin, Dong Raub, Pahang yang diperintah oleh Tuan Guru Imam Haji Ishaq bin Mohammad 'Arif.⁸⁷

Pusat Pondok Upeh, Balik Pulau, Pulau Pinang dipelopori oleh Tuan Guru Haji Mohammad Ja'afar Abdullah, Pusat di Surau Suluk, Kampung Baru, Lenggong, Negeri Sembilan dipelopori oleh Haji Ma'ruf Ya'qub.⁸⁸

Lain-lain pusat seperti yang terletak di Kajang, Selangor, pusat di Kuala Lukut, Negeri Sembilan, pusat Temong di Kuala Kangsar, Perak, pusat Kota Perlis, Perlis⁸⁹ dan pusat di Tanjung Pauh, Jitra Kedah yang dipelopori oleh Tuan Haji Muhammad Yatim.

Prof. Madya Dr. Haji Jahid Sidek telah merakamkan salasilah Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang masyhur yang terdapat di Malaysia yang dapat diringkaskan dan dikelaskan seperti berikut.

Pertama:

Salasilah daripada Haji Ishaq bin Mohammad Arif yang mengambilnya daripada Tuan Guru Haji 'Umar bin Haji Mohammad bin Haji Tun Sulung bin Tun Surati bin Tun Jinah yang mengambilnya daripada Syeikh Abdul Wahab Rokan yang mengambilnya daripada Syeikh Sulaiman Zuhdi yang mengambilnya daripada Syeikh Sulaiman al-Quraimi.

Syeikh Sulaiman al-Quraiimi mengambilnya daripada Syeikh `Abdullah Affandi yang mengambilnya daripada Syeikh Kholid al-Kurdi.⁹⁰

Kedua:

Salasilah daripada Hj. Ma'ruf bin Ya'qub yang mengambilnya daripada Haji Ahmad bin Mohammad Baqir yang mengambilnya daripada Syeikh `Ali al-Reda yang mengambilnya daripada Syeikh Osman al-Baruzi yang mengambilnya daripada Syeikh Sulaiman Zuhdi yang mengambilnya daripada Syeikh Sulaiman al-Quraiimi yang mengambilnya daripada Syeikh `Abdullah Affandi yang mengambilnya daripada Syeikh Kholid al-Kurdi.⁹¹

Ketiga:

Salasilah daripada Tuan Guru Haji Mohammad Ja`afar yang mengambilnya daripada Tuan Guru Haji Mohammad Taib yang mengambilnya daripada Syeikh Muhammad Yahya yang mengambilnya daripada Syeikh `Abdullah Hilmi yang mengambilnya daripada Syeikh Yahya al-Daghestani yang mengambilnya daripada Syeikh Abdullah Affandi yang mengambilnya daripada Syeikh Khalid al-Kurdi.⁹²

2.6. AJARAN-AJARAN DASAR/DOKTRIN ASAS TAREKAT NAQSYABANDIYAH

Dalam Tarekat Naqsyabandiyah terdapat sebelas perkara ajaran dasar atau doktrin asas yang termaktub yang disusun oleh tokoh-tokoh terdahulu bagi memudahkan perlaksanaan amalan tarikat tersebut oleh pengikutnya.

Dalam sebelas perkara tersebut, lapan daripadanya dalam bahasa Parsi yang disusun oleh Syeikh 'Abd al-Khalid al-Ghujdawani iaitu *Huwasy Dar Dam*, *Nazar Bar Qadam*, *Safar Dar Wathan*, *Khalwat Dar Anjaman*, *Ya dakrd*, *Baz Kasyat*, *Nakad Dasht*, *Bad Dasht*, manakala tiga perkara lagi ditambah dan dikemaskini oleh Syeikh Baha' al-Din Naqsyaband iaitu *Wuquf Zamani*, *Wuquf Qalbi* dan *Wuquf Adadi*.⁹³

Syeikh waliyullah al-Dahlawi menegaskan bahawa perkara-perkara tersebut ada yang berorientasikan kepada amalan-amalan yang dilakukan dalam tarekat ini, sementara sebahagiannya lagi memaparkan syarat-syarat dalam melaksanakan amalan-amalan tersebut supaya ia dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada pengamalnya.⁹⁴

Memandangkan bahawa perkara-perkara tersebut mempunyai pengertian dan maksud yang menjadi doktrin asas dalam Tarikat Naqsyabandiyah, maka difikirkan perlu diperjelaskan tiap satu perkara-perkara tersebut.

Pertama: *Huwasy Dar Dam*, terdiri daripada tiga perkataan iaitu *Huwasy*, *Dar* dan *Dam*; Perkataan *Huwasy* bererti akal , perkataan *Dar* bererti 'di dalam' dan perkataan *Dam* bererti 'nafas'. Maksud *Huwasy Dar Dam* ialah 'akal dalam nafas'.⁹⁵

Huwasy Dar Dam dapat diperjelaskan bahawa memelihara hati dari sebarang kelalaian semasa nafas keluar dan masuk. Ini menjadi tradisi tarikat ini untuk menjaga hati supaya sentiasa hadir bersama Allah s.w.t. pada setiap kali keluar masuk nafas, kerana setiap nafas yang keluar dan masuk yang disertai dengan keadaan hadir hati bersama Allah s.w.t. adalah dianggap sebagai hidup dan dihubungkan dengan ingatan kepada Allah s.w.t.

Sebaliknya setiap nafas yang keluar dan masuk tanpa hadir hati kepada Allah s.w.t. iaitu dengan kelalaian, dianggap mati serta terputus dari ingatan terhadap Allah s.w.t.

Al-Dahlawi menegaskan bahawa para pengamal tarikat ini terus menjaga nafas dari terlalai. Ia dapat dilakukan secara berperingkat-peringkat hingga sampai kesuatu tahap yang dikatakan hati sentiasa hadir bersama-sama Allah s.w.t. Beliau menambah, menjaga nafas dari terlalai ini adalah untuk para pengamal yang berada pada peringkat permulaan (mubtadi').⁹⁶

Sementara kepada mereka yang telah mencapai peringkat pertengahan (mutawassit) perlu bermuhasabah diri pada setiap jangka masa tertentu sehingga mereka sampai ke tahap sentiasa hadir hati kepada Allah s.w.t. fenomena ini juga dinamakan *Wuquf Zamani*.⁹⁷

Al-Khani menambah bahawa *Huwasy Dar Dam* merupakan gambaran kepada orang yang berzikir yang tidak lalai hatinya dari manghayati erti zikir pada tiap kali berzikir kerana

tujuan berzikir ialah supaya sentiasa dapat menghayati makna zikir tersebut, dengan ini membawa kepada *tajalli* atau menzahirkan makna zikir tersebut di dalam hati.⁹⁸

Ini kerana bagi Allah s.w.t. ada *tajalliyat* sebilangan nafas makhluk, maka sesiapa yang memelihara nafasnya daripada terlalai, dia adalah orang yang hadir hatinya bersama Allah s.w.t. dan dapat menyaksikan sebahagian dari *tajalliyat* itu ⁹⁹.

Kedua: *Nazar Bar Qadam*. Terdiri daripada tiga perkataan iaitu *Nazar*, *Bar* dan *Qadam*. Perkataan *Nazar* bererti 'melihat atau memandang', perkataan *Bar*, bererti 'di atas' dan perkataan *Qadam* bererti 'kaki'.¹⁰⁰ Oleh itu ungkapan ini bermaksud 'melihat ke arah kaki', iaitu bagi mereka yang sedang menjalani suluk, ketika berjalan hendaklah menundukkan kepala melihat ke arah kaki.

Ketika sedang duduk pula tidak boleh memandang ke kiri atau ke kanan. Mesti mengawal penglihatannya untuk menjaga hati daripada unsur-unsur yang boleh melalaikan yang terdapat di sekelilingnya.

Keadaan ini terutamanya ditekankan kepada mereka yang berada pada peringkat permulaan (mubtadi) yang lazimnya akan terganggu hatinya dengan sebab *tafriqah* (hilang konsentrasi hati) yang timbul dari penglihatannya apabila melihat benda-benda sekelilingnya. Ini kerana kemampuan mereka dalam memelihara hati belum lagi mantap.

Al-Dahlawi menekankan bahawa seseorang pengamal Tarekat Naqsyabandi bukan sahaja dikehendaki menjaga penglihatannya tetapi juga mesti menjaga pendengarannya daripada mendengar percakapan atau perkataan kosong, beliau juga menambah bahawa ayahandanya (Syeikh 'Abd al-Rahim) berkata memelihara penglihatan dan juga pandangan amat diperlukan terutama kepada para pengamal yang berada pada peringkat permulaan (mubtadi).¹⁰¹

Selanjutnya al-Khani menjelaskan bahawa *Nazar Bar Qadam* merupakan *kinayah* yang menggambarkan sifat *tawaddu'* iaitu merendah diri, kerana lazimnya orang yang angkuh tidak memandang ke bawah. Ini sebagai ikutan kepada sunnah Rasulullah s.a.w. sewaktu berjalan tidak memandang ke kanan atau ke kiri, baginda melihat ke arah kakinya dengan menuju kehadapan serta berjalan dengan cepat.¹⁰²

Ini sebagai perlambangan kepada ketinggian hemah, kerana orang yang berhemah tidak memandang kepada sesuatu yang lain dari Allah s.w.t. untuk mengisyaratkan kepada ketekunan dan kecepatan para pengamal Tarekat Naqsyabandiyah dalam menjalani jarak kewujudan yang tidak sebenar (*al-wujud al-mauhum*) menuju kewujudan sebenar (*al-wujud al-haqiqi*) iaitu wujud Allah.¹⁰³

Ketiga: *Safar Dar Watan*. Terdiri daripada tiga perkataan, iaitu *Safar*, *Dar* dan *Watan*. Perkataan *Safar* bererti `perjalanan atau pengembaraan dari satu tempat ke satu tempat atau dari kelahirannya'. Perkataan *Dar* bererti `di dalam` dan perkataan *Watan* bererti `tempat yang didiami iaitu rumah atau negeri`.¹⁰⁴

Jadi *Safar Dar Watan* dapat diertikan sebagai `perjalanan atau pengembaraan yang dilakukan terhadap diri sendiri` iaitu perpindahan dari sifat-sifat kemanusiaan yang rendah kepada sifat-sifat malaikat yang terpuji. Pengamal Tarekat Naqsyabandiyah dikehendaki melakukan perjalanan batin dengan meninggalkan segala bentuk sifat-sifat tercela dan menghiasi diri dengan sifat terpuji.

Al-Kurdi menjelaskan *Safar Dar Watan* sebagai perpindahan dari sifat-sifat kemanusiaan yang rendah atau hina kepada sifat-sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) yang terpuji.¹⁰⁵ Al-Dahlawi pula menambah bahawa untuk melakukan perkara ini pengamal-pengamal tarekat ini hendaklah sentiasa bermuhasabah diri untuk memastikan sama ada masih wujud cebisan rasa kasih kepada sebarang makhluk, sekiranya ada maka perlu diperbaharui dengan taubah serta menyedari bahawa makhluk hanya kejadian Allah s.w.t. sahaja dan Allah s.w.t. merupakan hakikat sebenar. Seterusnya mereka ini dikehendaki mengucap kalimah tauhid (ﷺ) لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) untuk menolak hatinya dari mengasihi makhluk kepada kasihkan Allah s.w.t.¹⁰⁶

Menurut Al-Dahlawi lagi bahawa Syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah membahagikan perjalanan atau pengembaraan ini kepada dua. Pertama, pengembaraan zahir dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mencari syeikh *mursyid* bagi mendidik muridnya. Kedua, perjalanan batin iaitu meninggalkan hawa nafsu dan syahwat. Berhubung dengan perjalanan (pengembaraan) dan menetap ini, syeikh-syeikh Tarekat

Naqsyabandiyah menekankan, pengamal (murid) pada permulaannya hendaklah mengembara (mencari) syeikh *mursyid* yang kamil sehingga menemuinya.

Seterusnya ia menetap di situ dan bersahabat serta berkhidmat dengannya. Jika pengamal (murid) mendapati syeikh *mursyid* yang kamil ada di sesuatu tempat itu, maka dia tidak perlu lagi mengembara sebaliknya dia segera berkhidmat dan belajar daripadanya dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat *malakah al-hudur* (keadaan sentiasa hadir atau ingat kepada Allah s.w.t.) Apabila dia mencapai tahap *tahaqqiq* (sifat-sifat malakiyyah) dan sudah meninggalkan sifat-sifat rendah atau hina, ketika ini menetap dan berpindah adalah sama sahaja baginya.¹⁰⁷

Keempat: *Khalwat Dar Anjaman*. Terdiri daripada tiga perkataan iaitu *Khalwat*, *Dar* dan *Anjaman*. Perkataan *Khalwat* bererti 'mengasingkan diri', perkataan *Dar* bererti 'di dalam' dan perkataan *Anjaman* bererti 'pergaulan atau keramaian'. Oleh itu *Khalwat Dar Anjaman* bermaksud 'ber*Khalwat* di tengah keramaian'.¹⁰⁸

Al-Kurdi menjelaskan lagi bahawa maksud ungkapan ini ialah setiap hati murid atau pengamal tarekat ini hendak sentiasa hadir bersama Allah dalam semua keadaan dan hilang ingatannya (mengalami ghaibah) terhadap makhluk walaupun ia berada dalam kumpulan yang ramai.¹⁰⁹

Al-Khani telah membahagikan *Khalwat* ini kepada dua bahagian iaitu *Khalwat zahir* dan *Khalwat batin*.¹¹⁰

Pertama: *Khalwat zahir*, iaitu orang yang sedang bersuluk mengasingkan diri di sesebuah tempat yang terasing daripada orang ramai. Di sini ia melakukan `ibadah, riyadah, mujahadah, zikir dan muraqabah, supaya ia dapat memerhati dan mengalami alam malakut (martabat af`al) serta menyaksikan (shuhud) `alam jabarut (martabat sifat).

Keadaan ini akan terhasil apabila pancaindera zahir dikawal dan hati dikonsentrasikan kepada Allah s.w.t. maka hijab akan terbuka bagi memerhatikan (mutalaah) tanda-tanda malakut dan mendedahkan (mukashafah) rahsia-rahsia jabarut. (alam ketuhanan yang mengandungi kebesaranNya dari segi asma` dan sifat)

Kedua : *Khalwat batin* iaitu hati atau pandangan basirah (melihat sesuatu dengan mata hati) dapat menyaksikan kebesaran Allah s.w.t. Walaupun pengamal berkenaan berada dalam kelompok makhluk. Dengan kata lain pengamal sentiasa bermusyahadah terhadap berbagai hakikat rahsia-rahsia Allah s.w.t. (asrarullah), walaupun pada zahir ia sedang melakukan muamalah dengan manusia.¹¹⁰

Al-Khani menambah bahawa pengertian yang kedua ini sama maksudnya dengan muraqabah,¹¹¹ Syeikh Baha al-Din al-Naqshabandi menegaskan bahawa *Khalwat* seumpama inilah yang dianjurkan dalam firman Allah s.w.t.

رجاٰل لَا تَلْهُوْهُمْ تجْرِي وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللهِ

112

Maksudnya: Iaitu orang-orang yang kuat iman mereka yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan berjual-beli dari mengingati Allah.

Rasulullah s.a.w. juga secara tidak langsung menekankan kelebihan khalwat batin ini dalam sabdanya :

المؤمن الذي يخالط الناس ويصبر
على اذ اهم خير من المؤمن الذي
لم يخالط الناس.¹¹³

Maksudnya: *Orang mukmin yang bergaul dengan manusia dan bersabar terhadap kerendah mereka adalah lebih baik daripada orang mukmin yang tidak bergaul dengan manusia.*

Tokoh-tokoh tarekat Naqsyabandiah lebih menekankan kepada *Khalwat* batin berbanding *Khalwat zahir*, ini kerana *khalwat zahir* lazimnya membawa kepada kemasyhuran nama atau riaik kepada orang yang ber*Khalwat*, sedangkan kemasyhuran adalah punca kepada penyakit hati. Syeikh Baha al-Din al-Naqsyabandiyah telah mengungkapkan dengan maksud:

*kemasyhuran terdapat pada khalwat dan pada kemasyhuran itu ada penyakit hati manakala kebaikan ada pada perhimpunan atau pergaulan dan pergaulan ada pada persahabatan tetapi dengan syarat kamu berada dalam keadaan fana`di kalaangan kamu.*¹¹⁴

Abu Said al-Kharraz menambah dengan kata-katanya yang bermaksud:

Bukanlah orang yang sempurna (kamil) itu orang yang berlaku pada dirinya berbagai jenis kekeramatan tetapi orang yang sempurna itu ialah orang yang duduk di antara makhluk, berjual beli bersama mereka berkeluarga dan bercampur dengan manusia tetapi dia tidak lupa dari mengingati Allah, walaupun sebentar.¹¹⁵

Ini menunjukkan bahawa khalwat batin adalah lebih baik kerana dalam masa mereka bergaul atau bermuamalah dengan manusia mereka tidak lupa kepada Allah s.w.t. dan bukan sempurna seseorang itu berdasar kepada perkara-perkara yang luar biasa yang terjadi kepadanya.

Kelima: *Yad Kard*. Menurut al-Kurdi perkataan *Yad Kard* ini bermaksud sentiasa mengulangi zikir sama ada zikir ism al-zat (الله) atau zikir nafi ithbat (الله يحيى الله يحيى) zikir ini hendaklah diulang-ulang supaya hati terpahat dengan ingatan kepada Allah s.w.t.¹¹⁶

Al-Khani pula' menjelaskan bahawa perkataan ini ditujukan kepada pengamal tarikat ini, supaya berzikir iaitu zikir nafi *ithbat* secara lisan pada setiap hari dengan bilangan tertentu umpamanya lima ribu atau sepuluh ribu bagi mencapai martabat muraqabah.¹¹⁷

Zikir ini disyaratkan kepada ahli pada martabat ini ialah untuk menjaga hati yang lazimnya hati sentiasa keras dan lalai kepada mengingati Allah s.w.t. Ini berpunca daripada pergantungan hati tersebut kepada unsur-unsur kebendaan yang membentuk tubuh badan manusia.¹¹⁸

Jadi apabila pengamal tarekat ini berzikir dengan zikir nafi *ithbat* secara lisan dapat menyucikan dan menjernihkan jiwanya kepada mengingati Allah s.w.t. dan seterusnya meningkatkan martabat mushahadat.¹¹⁹ Al-Khani juga menambah bahawa ada juga pendapat yang mengaitkan Yad Kard sebagai zikir nafi *ithbat* secara *sirr* (zikir di dalam hati). Iaitu merupakan suatu teknik atau tatacara (*kaifiyyat*) zikir yang khusus dalam Tarekat Naqsyabandiyah.¹²⁰

Keenam: *Baz Kashat.* Iaitu pengamal Tarekat Naqsyabandiyah yang berzikir dengan zikir ism al-zat (الله) atau zikir nafi ithbat (الله لا إلّا هُوَ) dikehendaki melakukan munajat selepas menghembuskan nafasnya iaitu dengan berkata:

الله انت مقصودي ورضاك مطلوبى

Bermaksud: *Tuhanku Engkaulah tujuanku dan keredaan Engkaulah tuntutanku.*¹²¹

Al-Kurdi menjelaskan bahawa dengan konsentrasi terhadap doa munajat ini dapat menguatkan kesan zikir ism al-zat atau zikir nafi ithbat di hati orang yang berzikir. Iaitu rasa keesaan dan kewujudan makhluk di hatinya dan ingatannya hanya kepada Allah s.w.t.¹²²

Al-Khani menegaskan bahawa pengamal tarekat ini di peringkat permulaan (mubtadi) adalah tidak wajar meninggalkan munajat tersebut kerana dia belum dapat menghayati kandungan munajat berkenaan untuk menzahirkan rasa tauhid dan rasa kehambaan atau ubudiyah serta kepatuhan kepada Allah s.w.t.¹²³

Al-Khani menambah bahawa *Baz Kashf* juga merujuk kepada kembalinya orang yang berzikir kepada Allah semasa berzikir dengan menyatakan kelemahan dan kekurangan dirinya dalam berzikir. Sesungguhnya seseorang itu tidak mampu berzikir dengan sebenar-benarnya kecuali dengan pertolongan Allah s.w.t. untuk membuka *hijab* hatinya menyelami makna dan rahsia-rahsia zikir.¹²⁴

Ini bermakna berzikir kepada Allah berserta Allah iaitu dengan *qudrat*, *iradat* dan *rahmat* Allah, tidak dengan daya keupayaan dan kemahuan dirinya semata-mata. Bagi Al-Dahlawi, *Baz Kashf* ini membawa maksud orang yang berzikir bermunajat kepada Allah s.w.t. sebanyak tiga atau lima kali selepas selesai setiap kali himpunan dalam jumlah tertentu. Iaitu dengan berdoa dengan penuh *khusyuk* dan *tawadduk*.

يَا رَبَّ أَنْتَ مَقْصُودِي تَرَكْتُ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

لَكَ اتَّمَ عَلَى نِعْمَتِكَ وَوَصْلَكَ الْتَّامَ¹²⁵

Maksudnya:

Wahai Tuhanaku, Engkaulah tujuanku, aku serahkan urusan dunia dan akhirat kepadamu, sempurnakanlah nikmatmu ke atasku dan kurniakanlah kepadaku wusul yang sempurna.

Ketujuh: *Nakad Dasht*. Bermaksud bahawa setiap pengamal tarikat ini mesti menjaga hatinya daripada perkara-perkara yang terlintas walaupun dalam sekelip mata. Menurut Al-Khani ungkapan ini membawa makna memelihara hati dengan memerhati dan menghayati makna nafi ithbat ketika berzikir untuk mengelak daripada lintasan hati yang berupa was-was, keadaan was-was ini menyebabkan tidak akan tercapai hadir hati bersama Allah s.w.t.¹²⁶

Beliau menambah bahawa perkataan ini juga bermaksud menjaga hati dari dilintasi hati atau *khatir* (الخاطر)¹²⁷ selama satu atau dua jam, kurang atau lebih selepas berzikir. Ia dapat disamakan dengan *wuquf qalbi* yang akan dibincangkan selepas ini.¹²⁸

Mengikut Syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah, memelihara hati dari *khatir* adalah di antara perkara yang penting malah mereka tidak mengiktiraf sebagai seorang sufi, orang yang tidak memelihara hatinya dari *khatir*. *Khatir* ini mendatangi setiap hati terutama *khatir nafsi*, tetapi pada hati sufi ia akan berlalu dengan cepat.¹²⁹

Al-Khani merakamkan pendapat Sheikh 'Abidullah Ahrar, bahawa memelihara hati dari *khatir* bukanlah bermaksud ia tidak mendatangi hati sama sekali, tetapi maksud *khatir* ini ialah tidak memberi ruang kepada lintasan hati - lintasan hati yang mengganggu hadirnya hati bersama-sama Allah s.w.t.¹³⁰

Ahli-ahli sufi juga menegaskan bahawa besar faedahnya memelihara hati dari *khatir* kerana orang yang berusaha berbuat demikian dianggap sebagai orang yang bertasawuf, manakala tasawwuf pula digambarkan sebagai kemampuan memelihara hati dari dimasuki *khatir* dan menghilangkannya dalam fikiran.¹³¹

Bagi mereka yang mampu melakukan ini, dia akan mengenal hakikat hatinya. Sebahagian dari ahli tasawuf menjelaskan bahawa orang yang mengenal hakikat hatinya dia akan mengenal Tuhananya. Seperti kata mereka:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ
¹³²

Maksudnya: *Sesiapa yang mengenal dirinya sesungguhnya dia mengenal Tuhananya.*

Kelapan: *Bad Dasht*. Bermaksud mengingat kembali, iaitu menjelaskan tentang *tawajjuh* (konsentrasi hati) kepada *nur zat Allah s.w.t.* yang *Esa*, tanpa berkata-kata. Al-Kurdi menjelaskan bahawa *musyahadah* (penyaksian) dan penumpuan perhatian kepada *zat Allah s.w.t.* tidak dapat dilakukan dengan baik kecuali sesudah pengamal tersebut mencapai *fana* (hilang kesedaran) yang sempurna.¹³³

Al-Khani pula menjelaskan bahawa *Bad Dasht* bermaksud memelihara hati dengan sentiasa menghubungkan hati kepada Allah ketika melakukan *zikir*. Beliau juga menambah bahawa perkataan ini juga merupakan simbolik yang menggambarkan perhubungan hati kepada Allah s.w.t. secara berterusan pada setiap keadaan seperti apa yang dimaksudkan dengan *muraqabah*.¹³⁴

Bagi Al-Harawi pula perkataan *Bad Dasht* ini merupakan penjelasan tentang *hudur* (*hadir hati*) bersama-sama Allah s.w.t. secara *dhawq* (*rasaan rohani*). Selanjutnya beliau menyatakan *Mushahadah* pada pandangan ahli hakikat dikaitkan

dengan penguasaan *shuhud* (penyaksian) terhadap Allah s.w.t. ke atas hati dengan perantaraan *al-hubb al-dhati* (cintakan Allah s.w.t. tanpa sebarang sebab).¹³⁵

Kesembilan: *Wuquf Zamani*. Ianya merupakan penelitian atau pemeriksaan ke atas perasaan yang dikaitkan dengan masa. Iaitu kepada pengamal tarikat ini yang menjalani suluk hendaklah memerhati keadaan dirinya setiap dua atau tiga jam sekali, jika didapati perasaannya terkawal dan tetap bersama Allah s.w.t., dia harus bersyukur dan teruskan amalannya untuk ketingkatan yang lebih baik. Sebaliknya jika didapati dia terlalai daripada mengingati Allah s.w.t., dia harus memohon keampunan dan dengan segera mengembalikan hati atau perasaan kepada Allah s.w.t.¹³⁶

Al-Khani menjelaskan maksud *Wuquf Zamani* pada sisi ahli sufi sebagai muhasabah *al-ahwal* (menghitung keadaan diri). Iaitu pengamal tarikat ini hendaklah meneliti masa yang dilalui sama ada keadaan perasaan atau hatinya *hudur* (hadir) berserta Allah s.w.t. atau *ghaflah* (lalai) dari mengingatinya.¹³⁷

Beliau menekankan bahawa pengamal tarekat ini hendaklah sentiasa berusaha bersungguh-sungguh supaya masanya tidak berlalu dengan sia-sia, tetapi dalam keadaan perhatiannya tertumpu kepada Allah s.w.t., berkeyakinan bahawa segala gerak-gerinya di bawah perhatian dan pengetahuan Allah s.w.t.¹³⁸

Al-Khani juga ada mencatatkan pendapat Syeikh Baha' al-Din al-Naqsyabandi, *Wuguf Zamani* dijelaskan sebagai pemerhatian tentang keadaan diri. Jika keadaan dirinya akur dengan syariat dan diredayai Allah s.w.t., dia hendaklah bersyukur kepada Allah, sebaliknya jika tidak, dia hendak memohon keampunan kepada Allah.¹³⁹

Syeikh Ya'qub al-Jurkhi menerangkan bahawa gurunya (Syeikh 'Alauddin al-Attar) menyarankan supaya dia *beristighfar* ketika dalam kesempitan dan bersyukur dalam keadaan senang kemudian beliau menegaskan bahawa memelihara kedua-dua keadaan ini adalah merupakan *Wuguf Zamani*.¹⁴⁰

Kesepuluh: *Wuguf 'Adadi*. Ianya bermaksud meneliti atau memelihara bilangan zikir. Al-Kurdi menjelaskan perkataan

ini sebagai meneliti bilangan zikir nafi *ithbat* supaya bilangan menjadi ganjil sama ada satu, tiga, lima sehingga bilangannya menjadi 21 kali dalam satu nafas.¹⁴¹ Teknik zikir ini dilaksanakan ialah dengan menahan nafas di bawah pusat sambil berzikir di dalam hati. Ketika hendak berhenti untuk menarik nafas yang berikut, pengamal tarikat ini hendaklah memastikan bahawa dia berhenti zikirnya pada jumlah bilangan yang ganjil. Keadaan inilah yang dimaksudkan dengan meneliti atau memelihara bilangan yang ganjil.¹⁴²

Al-Khani pula mengaitkan maksud *Wuquf Adadi* dengan orang yang berzikir dapat merasai bilangan zikir ketika berzikir. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa perkataan ini menjelaskan tentang zikir *qalbi* (zikir hati) atau zikir secara *sirr* (tidak bersuara) dengan keadaan menjaga atau memelihara bilangan zikir. Keadaan ini juga bertujuan untuk memelihara hati dan berusaha mengelak daripada hilang konsentrasi kepada Allah s.w.t.¹⁴³

Al-Khani juga menyebut tentang Syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah ada menyatakan bahawa bukanlah menjadi syarat mengenai banyaknya bilangan zikir, tetapi yang lebih penting

dan menjadi asas ialah keadaan *hudur*(hadir hati) bersama Allah s.w.t.¹⁴⁴

Keadaan ini menjadi lambang kepada penafian kewujudan makhluk ketika nafi (ي) dan memelihara kesan *jadhbah ilahiyyah* ketika *ithbat* (إِثْبَاتٍ).¹⁴⁵ *Jadhbah ilahiyyah* merupakan kekuatan kerinduan (*shawq*) atau *istiyaq* (rindu yang sangat kuat) atau *mahabbah* yang mana Allah menciptakannya di dalam hati seseorang hamba itu. Kadang-kadang ia adalah merupakan kekuatan perasaan takut (*khauf*) atau kehibatan (*haibah*) atau keagungan (*jalal*). Kekuatan ini akan mengejutkan serta mendorongnya supaya bangkit dari kelalaiannya menuju kepada mengenal dan mencari keredhaan Tuhan. Ia berfungsi mengeluarkan dirinya dari adat kebiasaan nafsu (*awaid*), syahwat dan kemahuannya.

Selanjutnya Al-Khani menyatakan bahawa pengertian *Wuquf Adadi* seperti di atas adalah ditujukan kepada pengamal tarikat ini di peringkat *mubtadi* (permulaan). Manakala mereka yang berada di peringkat *al-wasil* (telah sampai ke matlamat) *Wuquf Adadi* ditafsirkan sebagai memerhati

kewujudan Allah s.w.t. yang maha Esa yang *Haq* (sebenarnya) pada sesuatu sebagaimana dia memerhati kewujudan bilangan satu pada semua bilangan iaitu *syuhud al-wahdah fi al-kathrah* (menyaksikan yang satu dalam yang banyak)¹⁴⁶

Ke sebelas: *Wuquf Qalbi* bermaksud meneliti atau memelihara hati, iaitu hati sentiasa hadir bersama Allah s.w.t. dan tidak menyimpang daripada maksud pengertian zikir. Al-Khani menjelaskan perkataan ini mengarahkan orang yang berzikir supaya memberi tumpuan atau *tawajjuh* hati kepada Allah s.w.t. dan dalam *muraqabahnya* sentiasa berkonsentrasi makna zikir serta tidak menyimpang lain daripada Allah.¹⁴⁷

Al-Khani juga menambah bahawa keadaan demikian merupakan di antara syarat-syarat zikir yang mesti dipenuhi oleh orang yang berzikir. Ini juga disebut sebagai *hudur*, *syuhud*, *wusul* dan *wujud*.¹⁴⁸

Al-Kurdi ada merakamkan pengertian *Wuquf Qalbi* yang diberikan oleh Syeikh 'Abidullah Ahrar yang bermaksud:

*Wuquf Qalbi menerangkan tentang hadir hati bersama Allah s.w.t., tidak ada matlamat lain selain daripada Allah serta hati orang yang berzikir tidak lalai daripada meneliti makna zikir.*¹⁴⁹

Selanjutnya al-Khani juga menjelaskan Wuquf Qalbi sebagai penumpuan atau penelitian orang yang berzikir terhadap hatinya (yang terletak di dalam rongga dada sebelah kiri) ketika berzikir, iaitu dengan mengetahui keadaannya, menghidupkannya dengan zikir serta menghayati makna zikir dan tidak memberi kesempatan padanya tergelincir daripada mengingati Allah s.w.t.¹⁵⁰

Pengertian ini juga disokong oleh Syeikh Abidulah Ahrar dengan katanya yang bermaksud:

*Wuquf Qalbi ialah keadaan orang yang berzikir yang memerhati hatinya dan dia menghidup atau menyemarakkan hatinya dengan zikir serta menghayati maknanya dan berusaha supaya tidak lalai daripada berzikir dan menghayat maknanya.*¹⁵¹

Sebagai kesimpulan dapat dinyatakan bahawa sebelas doktrin asas atau ajaran dasar inilah menjadi landasan yang memandu pengamal Tarekat Naqsyabandiyah melaksanakan amalan-amalan atau membimbing ahlinya dalam sessi latihan kerohanian.

NOTA

1. Al-Kurdi, 1368 H, 515.
2. Ibid, 539.
3. H.A. Fuad Said, 1991, 13.
4. Ibid
5. M.Th. Houtsma, 1987, 841.
6. C.E. Bosworth, et. al., *The Encyclopaedia of Islam*, (Leiden, The Netherlands: E.J. Brill's, 1993) Jil.7, 933.
7. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1992, 138.
8. Al-Kurdi, 1368 H, 539.
9. Aboebakar Atjeh, Pengantar Ilmu Tarekat dan Tasawwuf, (Indonesia, CV. Ramadhani, 1986), 319.
10. Al-Nabhani, 1987, 241.
11. Ibid, 243.
12. M.Th. Houtsma, 1987, 841.
13. Al-Nabhani, 1987, 244.
14. Martin Van Bruinessen, *Tarikat Naqsyabandiyah di Indonesia Survei, Historis, Geografis dan sosiologis* (Bandung: Penerbitan Mizan, 1992) 52.
15. Ibid, 103.
16. Ibid, 126.
17. H. Harun Nasution, et. al., *Ensaiklopedia Islam Indonesia*, susun semula Syarif Hidayatullah, (Jakarta: Penerbitan Djambatan, 1992), 728.
18. M.Th. Houtsma, 1992, 841.

19. H. Harun Nasution, 1992, 728.
20. Umar Fassukh, *al-Tasawwuf fi al-Islam*, (Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-arabi, 1981), 86.
21. Sulaiman Muhammad, *al-Hadiqah al-Nadiyah fi 'Adad al-Naqsyabandiyah*, (Qahirah, 1313 H), 9.
22. Husein al-Khatib, *al-Durr al-Latif* (Beirut: t.p., 1342 H), 104.
23. Al-Quran, al-Taubah, 40.
24. Al-Kurdi, 1368 H, 515.
25. Syeikh Ahmad Khatib Bin Abdul Latif, *Fatwa Tentang Thariqat Naqsyabandiyah*, (Medan: Firman Islamiah, 1965), 7.
26. Tuan Haji Muhammad Yatim Bin Haji Ismail, Temu bual November, 1997.
27. al-Nibhani, 1987, 380.
28. Syeikh Fariduddin al-Attar, *Tazkirah al-Awliya*, Abd al-Majid Khatib, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Snd, Bhd., 1984), 149.
29. Muhammad Al-Zarqani, *al-Baiquniyyah*, 54.
30. Ibid
31. Shamsuddin Muhammad al-Hanifi al-Tibrizi, *al-Dibaj al-Mudhahhab*, 37.
32. Abd al-Majid ibn Muhammad al-Khani, *al-Hada'iq al-Wardiyyah fi Haqa'iq Ajilla' al-Naqsyabandiyah*, (Damsyiq: 1306 H), 6.
33. J. Spence, Trimingham, *The Sufi Orders In Islam*, (London: Oxford University Press, 1971), 150.

34. Trimingham, The Sufi Orders In Islam, Hamid Algar, 'A Brief History of The Naqsyabandi Order', Trucica XVIII, (Great Britain: Oxford At Clarendon Press, 1971), 3.
35. Al-Khani, 1306 H, 6.
36. Drs. Imron Aba, 1980, 42.
37. Martin Lings, *What Is sufism?*, (London: George Allen and Unwin Ltd, 1975), 38.
38. Nasrollah Pourjavady dan Peter Lamborn Wilson, *King of The Poetry And History of The Ni'matullahi Sufi Order*, (Imperial Iranian Academy of Philosophy, 1978), 19.
39. Abu Hassan Sham, "Tariqat Naqsyabandiyah Dan Peranannya Dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad Kedua Puluh" dalam *Tamadun Islam Malaysia* (Kuala Lumpur: Percetakan United Selangor Sdn. Bhd, 1980), 80.
40. Syeikh Muhammad Hisham Kabbani, *The Naqsyabandi Sufi Way, History and Guidebook of The saint of The Golden Chain*, (Chicago IL 60618, KAZI Publications, Inc, 3023W. Belmont Avenui, 1995), xxi.
41. Ibid
42. William Stoddart, 1975, 60.
43. Kabbani, 1995, xxi.
44. Alexandre Benningsen, 1985, 8.
45. Ibid, 45.
46. Ibid
47. Ibid
48. Kabbani, 1995, xxi.
49. Ibid

50. Sirdar Iqbal Ali Shah, *Islamic Sufism*, (New York: Samuel Weiser Inc. 1971), 109.
51. Ibid
52. C.E. Bosworth, Jil. 4, 1993, 936.
53. Ibid
54. Kabbani, 1995, xxii.
55. Ibid
56. Ibid, 26-42.
57. Tuan Haji Muhammad Yatim Bin Haji Ismail, Temu bual 19 November 1998.
58. Abd al-Rahman Badwi, *Tarikh al-Tasawwuf al-Islami Min al-Bidayah Hatta Nihayah al-Qurn al-Thani*, (Kuwait: Wakala al-Matbu`at, 1978), 25.
59. Annemarie Schimmel Pain And Grace: A Study of Two Mystical Orders of Eighteenth - Century Muslim India, (Leiden, The Netherland: E.J. Brill`s, 1976), 6.
60. Stewart Sutherland, et.al., *The World`s Religions*, (London: Routledge, 1988), 375.
61. Muhammad Abdul Haq Ansari, *Sufism And Shari`ah: A Study of Sheikh Ahmad Sirhindi`s Effort To Reform Sufism*, (United Kingdom: The Islamica Foundation, Leicesster, 1986), 13.
62. Saiyid Athar Abbas Rizvi, 1983, 174.
63. B. Lewis, 1971, Jil. 3, 430.
64. Kabbani, 1995, xxi.
65. Ibid, xxii.
66. F. De Jong, 1978, 140.
67. Ibid.

68. Ibid, 141.
69. Christine Dobbin, *Islamic Revivalism In A Changing Peasant Economy Central Sumatera 1784-1847*, (London: Cruzon Press Ltd. 1983), 121.
70. Martin Van Bruinessan, *Tarekat Naqsyabandiyah Di Indonesia, Geografis dan Sosiologis*, (Bandung: Penerbit Mizan, 1992), 172.
71. Hawash Abdullah, *Perkembangan Ilmu Tasawwuf Dan Tokohnya Di Nusantara*, (Surabaya: al-Ikhlas, 1980) 172.
72. Ibid
73. Ahmad Fauzi Basri, terjemahan *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu Islam* oleh Virginia Metheson Hooker, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 614.
74. Martin Van Bruinessen, 1992, 119.
75. Haji Wan Muhd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Ismail al-Minangkabawi Penyair Thariqat Naqsyabandiyah Khalidiyah*, (Indonesia: Ramadhani, Solo, 1985), 6.
76. Abu Hassan Sham, 1980, 80.
77. Raja Ali Haji Ibn Ahmad terjemahan *Tuhfat al-Nafis* oleh Virginia Matheson and Barbara Watson Andays, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982), 309.
78. Abu Hassan Sham, 1980, 80.
79. Al-Attas, 1963, 63.
80. H.A.Fuad Said, *Sheikh Abdul Wahab Tuan Guru Babussalam*, (Medan: Pustaka Babussalam, 1990), 15.
81. Haji Jahid, 1989, 217.
82. H.A.Fuad Said, 1990, 25.
83. Martin Van Bruinessen, 1992, 105.
84. Ibid, 126.

85. Ibid.
86. Al-Attas, 1963, 63.
87. Haji Jahid, 1989, viii.
88. Ibid, 216.
89. Martin Van Bruinessen, 1992, 138.
90. Haji Jahid, 1989, 217.
91. Ibid, 219.
92. Ibid, 218.
93. Al-Kurdi, 1368 H, 519.
94. Ahmad ibn `Abd al-Rahim al-Dahlawi, *al-Qawl al-Jamil fi Bayan Sawa` al-Sabil*, (t.p., t.t.) 50.
95. Muhammad ibn `Abdillah al-Khani, *al-Bahjah al-Saniyyah* (Istanbul: Maktabah al-Haqiqah, 1989 M/1409 H), 54.
96. Al-Dahlawi, t.t., 50.
97. Ibid
98. Al-Khani, 1306 H, 114.
99. Ibid
100. Al-Khani, 1989 M/ 1409 H, 54-552.
101. Al-Dahlawi, t.t. 51.
102. Al-Khani, 1306 H, 112.
103. Ibid
104. Al-Khani, 1989 M/ 1409 H, 53.
105. Al-Dahlawi, t.t., 52.
106. Al-Dahlawi, t.t., 52.

107. `Ali ibn Husein al-Harawi, *Rashahat `Ain al-Hayah*.
Edisi Syeikh Muhammad Murad ibn `Abdillah al-Qazani,
(Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah Muhammad Izdamir,
t.t.), 28-29.
108. Al-Kurdi, 1368 H, 506.
109. Ibid
110. Al-Khani, 1306 H, 115.
111. Ibid
112. Al-Quran, al-Nur, 37.
113. Muhammad Ahmad Darniqah, *al-Tariqah al-Naqsyabandiyah*
wa a`lamuha, 26.
114. Al-Khani, 1306 H, 115.
115. Muhammad Hassan al-Maltawi, *al-Sufiyyah fi Ilhamihim*,
(Qahirah, 1969), Jil. 1, 25.
116. Al-Kurdi, 1368 H, 507.
117. Al-Khani, 1306 H, 115.
118. Al-Kurdi, 1368 H, 507.
119. Ibid
120. Ibid
121. Ibid
122. Ibid
123. Al-Khani, 1368 H, 116.
124. Ibid, 117.
125. Al-Dahlawi, t.t. 54.
126. Al-Khani, 1306 H, 117.

127. lihat Prof. Madya Dr. Abdul Shukor Haji Husin, *Istilah Usuluddin Dan Falsafah Islam, Bahasa Arab - Bahasa Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 99.

(الخطاط) lintasan hati ialah gerak halus di hati yang tidak jelas diketahui sumbernya dan terbahagi kepada empat:

- i - Rabbani - lintasan tepat.
- ii - Malaki - dorongan kepada sesuatu yang baik (ilham)
- iii - Nafsani - hajisan (gerak hati).
- Vi - Syaitani- sesuatu yang menentang kebenaran.

128. Al-Khani, 1306 H, 117.

129. Ibid, 118.

130. Ibid.

131. Al-Khani, 1989 M/ 1409 H, 57.

132. Ibid.

133. Al-Kurdi, 1368 H, 507.

134. Al-Khani, 1306 H, 117.

135. Al-Harawi, t.t., 31.

136. Al-Kurdi, 1368 H, 507.

137. Al-Khani, 1989 M/ 1409 H, 53.

138. Ibid, 54.

139. Al-Khani, 1306 H, 112.

140. Ibid.

141. Al-Kurdi, 1368 H, 507.

142. *Ibid.*, 519.

143. *Al-Khani*, 1306 H, 112.

144. *Ibid.*

145. *Ibid.*

145. *Ibid.*

146. *Ibid.*

147. *Ibid.*

148. *Ibid.*

149. *Al-Kurdi*, 1368 H, 508.

150. *Al-Khani*, 1306 H, 112.

151. *Al-Kurdi*, 1368 H, 508.

BAB III

TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH, PUSAT TANJUNG PAUH,
JITRA, KEDAH.

3.0. PENDAHULUAN

Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah telah berkembang sehingga ke Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Sehubungan dengan itu penulis akan membincangkan secara khusus tentang penubuhan tarekat ini di lokasi ini, dan juga *riwayat hidup* pemimpinnya. Perbincangan juga merangkumi konsep murid, syeikh, *bai'ah*, *talqin zikir*, *tawassul* dan amalan *Khatam Khawajakan*, *Tawajjuh* dan *Tahlil* dengan mendahulukan huraihan konsep-konsep ini dari perspektif Islam serta tasawuf dan secara langsung mengaitkannya dengan pelaksanaannya oleh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di pusat ini. Seterusnya perbincangan dilengkapkan dengan syarat-syarat dan tata cara melaksanakan amalan-amalan dan konsep-konsep tersebut.

3.1 PENUBUHAN TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIAH DI TANJUNG PAUH, JITRA KEDAH dan RIWAYAT HIDUP PEMIMPINNYA

Dalam bab sebelum ini telah dinyatakan tentang kemunculan tarekat ini di Tanjung Pauh, Jitra Kedah dan juga telah disebut pemimpinnya iaitu Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail. Beliau mempunyai latar belakang daripada keluarga seorang petani yang kuat berpegang kepada ajaran Islam. Bapanya bernama Haji Ismail bin Haji Ahmad dan ibunya pula bernama Taibah binti Khatib. Beliau dilahirkan pada 1913 di sebuah desa yang bernama Kampung Numbai, Ayer Tiris Bangkenang, Wilayah Kampas sumatera Barat, Indonesia. Tuan Haji Muhammad Yatim ialah anak ke empat daripada 10 orang saudara.¹

Tuan Haji Muhammad Yatim mendapat pendidikan Islam daripada ayahnya sendiri, Haji Ismail bin Haji Ahmad secara tidak formal. Manakala secara formal pula beliau mempelajari Ilmu Islam seperti Ilmu Usuluddin Ilmu Fekah, Ilmu Tafsir dan Hadis di tempat kelahirannya sendiri dengan seorang tokoh agama yang dikenali sebagai ustaz Talib dan juga dengan abang beliau sendiri yang menjadi imam di surau kampung berkenaan.

Penulis merasakan terdapat suatu kelainan dan keistimewaan apabila Tuan Haji Muhammad Yatim menceritakan bahawa beliau mempelajari ilmu-ilmu Islam ini secara perseorangan, iaitu hanya seorang murid sahaja akan belajar berhadapan dengan guru. Dalam tempoh ini beliau berkesempatan mempelajari kitab-kitab seperti kitab Tafsir Jalalain, Fath al-Muin (fekah), Fath Qarib (fekah), Fath Majid (Tauhid) dan Irshad al-Ibad (hadis-hadis tasawwuf)²

Beliau seterusnya melanjutkan pelajarannya di Madrasah Tuwalib, Bangkenang sebuah pusat pengajaran agama Islam yang terkenal di Sumatera. Salah seorang guru yang disebut-sebut oleh beliau ialah Tuan Haji Abdul Malik yang dikatakan seorang yang alim dan cukup dedikasi yang juga menjadi mudir di madrasah ini pada ketika itu.

Di Madrasah Tawalib ini Tuan Haji Muhammad Yatim berpeluang mempelajari bahasa Arab yang merangkumi ilmu-ilmu Nahu, Saraf, Balaghah, Maani dan Mantiq. Beberapa bait syair yang menyentuh tentang kaedah Nahu bahasa Arab masih segar di dalam ingatan beliau.³ Di Madrasah ini juga beliau berpeluang mendalami ilmu-ilmu Islam seperti Ilmu Usuludin, Ilmu Fekah, Ilmu Tafsir dan Hadis yang pernah dipelajarinya dahulu.

Di sebelah petang beliau penuhi masanya dengan aktiviti perbincangan dan bermuzakarah dengan pelajar-pelajar lain di Madrasah tersebut untuk pengukuhan dan pemantapan ilmu-ilmu yang dipelajarinya.⁴

Ketika umur beliau 17 tahun (1930M) beliau mula merantau ke beberapa tempat dan meninggalkan kampung halamannya Numbai, di Sumatera. Antara tempat-tempat yang pernah didudukinya ialah Pekan Baru, Sungai Pagar, Sungai Petai, Danau Bengkuang, Penghidupan dan Perhentian Puyan. Semasa di Perantauan beliau melakukan kerja-kerja kampung dan menoreh getah. Senario di perantauan yang mencabar telah mendidik beliau menjadi seorang yang tabah dan gigih dalam mengharungi dugaan-dugaan hidup dan menguatkan lagi ketaqwaan serta tawakalnya kepada Allah s.w.t.⁵

Menurut Tuan Haji Muhammad Yatim lagi, setelah beberapa lama di perantauan beliau kembali semula ke kampung halaman asalnya, tetapi tidak kekal kerana selepas itu beliau keluar merantau semula.

Dalam siri perantauan yang kedua ini beliau melewati Sungai Pening, Bengkalis, Selat Panjang dan akhirnya tiba di Singapura pada tahun 1938 M. Dari Singapura beliau meneruskan perjalanan ke Johor dan menetap sementara di Jalan Lumbong, Kota Tinggi.⁶

Beliau kembali semula ke Singapura dan meneruskan pelayarannya ke Sabak, Jambi, Ulu Jambi dan Kubu Kandang, Sumatera. Tidak lama selepas itu beliau kembali semula ke Sabak dan bekerja di Kampung Parit Culun. Dari Sabak beliau merantau lagi ke beberapa daerah melewati Kuala Dendang dan sekali lagi tiba di Johor, lalu menetap di jalan Lumbong Kota Tinggi, Johor buat kali kedua.⁷

Di Kota Tinggi beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Shamsidar binti Khatib Ralib iaitu pada tahun 1938M. Beliau dikurniakan empat orang anak iaitu Khadijah, Bukhari, Aishah dan Hassanuddin. Hanya Aishah sahaja yang masih hidup manakala tiga lagi anak-anak beliau telah meninggal dunia. Jodohnya bersama Shamsidar hanya 12 tahun sahaja kerana isterinya telah menyahut panggilan Ilahi pada tahun 1950 M.⁸

Tuan Haji Muhammad Yatim kemudiannya berkahwin pula dengan seorang janda iaitu Aishah binti Muhammad Salleh, Aishah ketika itu sudah mempunyai enam orang anak iaitu Muhammad Yahaya, anak daripada suami pertamanya (Abdul Wahab) Taib, Hassanah, Jamaain, Bakri dan Hamid dari suami yang kedua iaitu Basir. Hasil perkahwinan dengan Tuan Haji Muhammad Yatim, dikurniakan lima orang anak lagi iaitu Roshidah, Ahmad Roshidi, Ahmad Rupaie, Ahmad Baihaqi dan Ahmad Rodhi.⁹

Haji Muhammad Yatim merantau lagi bersama keluarganya iaitu berpindah dari Kota Tinggi, Johor ke Tanjung Pauh, Jitra, Kedah pada tahun 1952. Di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah beliau menjalankan perniagaan runcit dan mengusahakan tanaman getah. Semasa menetap di sini juga beliau berpeluang mendalami lagi ilmu agama iaitu dengan belajar kepada Tuan Haji Rahman bin Abdul Latif yang ketika itu bertugas sebagai Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah.¹⁰

Dalam kesibukan ini, beliau tidak mengabaikan tugasnya untuk menegakkan syiar Islam. Di sini beliau berperanan sebagai guru al-Quran dan guru agama Fardu Ain yang mengajar masyarakat sekelilingnya.

Pengiktirafan masyarakat sekeliling terhadap beliau terbukti apabila mereka melantik beliau menjadi imam di Masjid Tanjung Pauh, Jitra Kedah pada tahun 1969 hingga 1971¹¹

Di bidang tarikat Tuan Haji Muhammad Yatim menerima ijazah Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah daripada datuk saudara beliau sendiri iaitu Tuan Guru Syeikh Muhammad Yasin pada tahun 1926 di Kampung Numbai dalam usianya 13 tahun. Beliau dapat meneruskan pendidikan tarikat ini melalui program suluk pada tahun 1965 di bawah pimpinan Syeikh Muhammad Yusof bin Khalifah Abbas Panai di Kampung Oran, Mata Air, Perlis pada tahun 1965.¹²

Berbagai-bagai pengalaman kerohanian telah dapat beliau tempuh sepanjang program-program riadah atau suluk yang disertai oleh beliau yang akhirnya melayakkan

beliau dilantik menjadi seorang khalifah dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah pada tahun 1971.¹³

Dengan kepercayaan yang diberikan oleh gurunya (Tuan Syeikh Muhammad Yusof), beliau telah membuka sebuah pusat Tarikat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Kampung Lubuk Ipoh, Jitra, Kedah. Di pusat ini Tuan Haji Muhammad Yatim menjalankan majlis-majlis ilmu dan program riadah atau suluk.¹⁴

Pusat ini kemudiannya telah dipindahkan ke Tanjung Pauh, Jitra, Kedah pada tahun 1990 iaitu di satu kawasan terletak bersebelahan dengan rumah beliau. Kawasan tanah ini adalah milik beliau sendiri dan didirikan sebuah surau yang lengkap dengan kemudahan bilik air, tempat memasak dan tempat penginapan. Di lokasi inilah segala aktiviti Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di bawah pimpinan beliau dijalankan.¹⁵

Sehingga kini mereka yang menerima ijazah Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah daripada beliau telah mencapai bilangan lebih kurang 700 orang. Mereka terdiri daripada

berbagai lapisan masyarakat yang berlatar belakang keadaan sosio ekonomi dan taraf atau bidang pendidikan yang berbeza-beza. Mereka ini dikenali sebagai murid dan mempunyai tahap pencapaian atau maqam dari segi kerohanian yang berbeza-beza.¹⁶

Menyentuh tentang susun atur organisasi Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, menurut Tuan Haji Muhammad Yatim ia tidak dapat diceritakan atau disenaraikan kerana ia tidak tetap, serta berubah, lebih-lebih lagi perkara ini berkait dengan kepimpinan yang jauh lebih sulit dan samar-samar.¹⁷ Namun begitu di pusat ini terdapat beberapa orang khalifah yang kanan dan beberapa orang pembantu kepada khalifah yang bergerak aktif. Secara keseluruhannya tunggak kepimpinan di sini ialah Tuan Haji Muhammad Yatim sendiri.

Memandangkan kepada usia Tuan Haji Muhammad Yatim yang sudah lanjut (86 tahun), penulis cuba bertanyakan tentang kepimpinan yang akan mewarisi beliau pada masa akan datang. Tuan Haji Muhammad Yatim menegaskan bahawa

perkara ini terserah kepada Allah s.w.t. Beliau menambah bahawa Allah s.w.t. lebih berhak dan maha mengetahui siapa` yang akan menggantikan beliau kelak.¹⁸

Di samping itu perkara ini beliau serahkan kepada hasil musyawarah khalifah-khalifah yang ada di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di sini untuk menentukannya. ¹⁹

3.2 MURID (SALIK) DALAM TAREKAT NAQSYABANDIYAH
KHALIDIYAH TANJUNG PAUH, JITRA KEDAH.

Murid atau *salik* atau pengamal sesuatu tarekat ialah orang yang telah melakukan *bai'ah* terhadap seseorang guru tarikat atau syeikh. Murid atau salik ini mempunyai hubungan yang rapat dengan syeikh. Ia dikaitkan dengan penyerahan kepercayaannya secara total kepada syeikh. Dia dikehendaki mentaati suruhan dan ajaran syeikhnya secara mutlak bagi melambangkan cinta yang luhur dan cinta yang sejati kepada syeikh.²⁰ Al-Kurdi menjelaskan kata-katanya yang bermaksud :

*Hendaklah kamu di sisi syeikh itu seperti mayat di hadapan pemandinya, yang membalik-balikkan mengikut kehendaknya sedangkan mayat itu terus-taat. Janganlah kamu menentang perintahnya yang kamu tidak mengetahuinya, (sebab) menentangnya itu berertilah anda mencabarnya. Terimalah apa yang anda lihat meskipun berlainan dengan syariat.*²¹

Al-Sha'roni menambah:

حَقِيقَةُ حُبِّ الشَّيْخِ، أَنْ يُحِبَّ الْأَشْيَاءَ مِنْ أَجْلِهِ وَتَكْرَهُهَا مِنْ أَجْلِهِ كَمَا هُوَ الشَّانِ من محبة ربنا عزوجل.²²

Maksudnya:

Hakikat cintakan syeikh itu ialah mencintai sesuatu kerana syeikh itu dan membenci sesuatu pun kerana syeikhnya itu. Keadaannya samalah seperti (kita) mencintai tuhan kita Yang Maha Agung.

firman Allah yang mengisahkan Nabi Khidir a.s. dan Nabi Musa a.s. seperti firmannya:

قال فان اتبعتنى فلا تسألنى عن شئ حتى

أحدث لك منه ذكرًا.²³

Maksudnya:

Ia berkata, maka sekiranya engkau mengikut aku, jangan engkau bertanya kepada aku tentang sesuatu pun sehingga aku menceritakannya kepada mu.

Kisah selanjutnya digambarkan bahawa kegagalan Nabi Musa a.s. mempelajari Ilmu Laduniyyah dari Nabi Khidir a.s. atas sebab-sebab :

i - Nabi Musa a.s. tidak sabar menjaga adab terhadap syeikhnya (Nabi Khidir a.s.)

ii - Nabi Musa a.s. telah menegur Nabi Khidir a.s. pada setiap perbuatan yang dilihatnya bertentangan dengan syariat sebanyak tiga kali berturut-turut.

Seterusnya di dalam al-Quran dicatatkan bahawa Nabi Khidir a.s. menyatakan kepada Nabi Musa a.s.

قال هذا فراق بيني وبينك سأذنبك بتاويل

ما لم تستطع عليه صبرا.²⁴

Maksudnya: *Ia berkata: Inilah perpisahan di antaraku dengan engkau (Musa a.s.), aku akan terangkan kepada mu maksud kejadian yang engkau tidak sabar atasnya.*

Berdasarkan peristiwa antara Nabi Khidir a.s. dan Nabi Musa a.s. yang diceritakan oleh Allah s.w.t. ini, tokoh-tokoh sufi menetapkan panduan bahawa mana-mana murid yang merasa ragu-ragu tentang arahan atau pengajaran daripada syeikhnya, maka dia hendaklah mengambil *i'tibar* daripada kisah ini. Tokoh-tokoh sufi berpendapat keadaan ini adalah berpunca daripada kecetekan ilmu murid tersebut berbanding dengan melautnya lautan ilmu hakikat yang dimiliki oleh syeikh mereka²⁵.

Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail menjelaskan bahawa hubungan antara murid atau pengamal tarekat dengan guru yang *mursyid* adalah begitu rapat dan melibatkan ketaatan yang tidak berbelah bagi. Beliau menambah bahawa tunjuk ajar dan bimbingan daripada guru adalah penting kerana jalan sufi atau tasawwuf adalah sangat halus dan kabur (tidak nampak dilihat, sukar diterangkan dengan logik akal). Beliau juga menegaskan bahawa guru yang *mursyid* ialah guru yang memiliki sifat-sifat terpuji yang sentiasa akur kepada perintah Allah s.w.t. dan tidak melakukan perkara-perkara yang keji serta berusaha membimbing muridnya ke jalan yang diredayai Allah s.w.t.²⁶

Seorang murid atau pengamal akan menerima ajaran-ajaran daripada syeikhnya dan dia berkewajipan mempraktikkan atau beramal dengan ajaran-ajaran tersebut dengan rela dan berkeyakinan penuh sehingga dia mencapai ke peringkat ahli ibadat, ahli makrifat dan ahli taqwa. Selanjutnya dia layak menjadi syeikh atau lebih dikenali sebagai khalifah.²⁷

Sebelum menjadi murid atau pengamal tarekat, langkah awal yang perlu diambil seperti yang dinyatakan dalam organisasi Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah antaranya ialah membetulkan `aqidah supaya tidak bercanggah dengan `aqidah *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah*. Perkara ini memang diutamakan oleh tokoh-tokoh tasawwuf antaranya Iman al-Ghazali seperti yang ditagaskan dalam kitab beliau, *Khulasah al-Tasanif fi al-Tasawwuf* yang bermaksud:

*Perkara yang mula-mula sekali yang wajib ke atasnya iaitu orang yang mahu menempuh jalan Allah ialah i'tiqad yang betul yang bersih dari bid'ah*²⁸.

Selanjutnya Abu `Ali al-Daqqaq menyatakan seperti mana yang disebut oleh Imam al-Qushairi dalam risalah beliau, *al-Risalah al-Qushairiyyah*, menekankan tentang perkara ini dengan kata-kata beliau yang bermaksud:

Mesti pada permulaannya dengan membetulkan i'tiqad atau pegangan di antara murid dengan Allah s.w.t. iaitu i'tiqad yang bersih dari zan (sangkaan) dan syubhah (keraguan) yang bebas dari kesesatan dan bid'ah, yang lahir dan bersumberkan dalil dan hujah ²⁹.

Berdasarkan daripada penjelasan di atas menunjukkan bahawa setiap orang murid atau pengamal Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah mesti berpegang dengan aqidah yang bersih daripada perkara-perkara bid'ah, zan dan syubhah. Justeru itu aqidah yang dipegang ialah aqidah yang bersumberkan ajaran Rasulullah s.a.w. yang kemudiannya diikuti oleh para sahabat, tabiin, tabi'-tabiin yang dikenali dengan aqidah ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

Berhubung dengan soal aqidah ini, murid atau pengamal Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah tidak memadai dengan bertaqlid semata-mata, dengan tidak mengetahui dan memahami dalil-dalil sama ada dalil aqli (dalil akal) atau dalil naqli (dalil al-Quran dan al-Sunnah). Dengan bertaqlid sahaja seseorang itu mudah terpedaya dengan tipu helah syaitan yang boleh menyebabkan tergelincir dari landasan aqidah yang betul.

Berhubung dengan perkara ini seorang tokoh tasawwuf iaitu Ahmad ibn Muhammad al-Jariri menyatakan dengan kata-kata beliau yang bermaksud :

Sesiapa yang tidak berdiri di atas ilmu tauhid iaitu memerhatikan, mempelajari dan memahaminya dengan satu dalil dari dalil-dalilnya nescaya tipu helah akan menggelincirkannya atau menjatuhkannya ke dalam jurang kebinasaan)³⁰.

Dengan ini seseorang itu mesti terlebih dahulu mempelajari ilmu Tauhid sehingga dia dapat memahami ilmu Tauhid tersebut sekadar mana yang difardukan ke atas dirinya, iaitu dia dapat mengetahui tentang asas-asas agama (usuluddin) untuk menghindarkan perkara-perkara bid'ah dan aqidah yang salah.

Pegangan atau aqidah ahl al-Sunnah wa al-Jamaah seperti yang diterangkan oleh al-Ghazali secara umumnya ialah:

mengenai ketuhanan, wajib mengetahui bahawa Tuhan itu Esa, yang Maha berkuasa, yang Maha berkehendak, yang Maha hidup, yang Maha berkata-kata, yang Maha mendengar, yang Maha melihat, yang Maha esa tiada sekutu baginya yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, yang suci daripada kekurangan dan kebinasaan yang Maha suci daripada segala perkara yang menunjukkan kebaharuan, kerana Allah itu satu-satunya yang bersifat dengan sifat *qidam* (くだム) dan maha suci Ia daripada segala sifat makhluk yang baharu.³¹

Berhubung dengan perkara-perkara mutashabihat pula iaitu perkara-perkara yang menimbulkan kesamaran seperti Allah s.w.t. beristiwa` di atas `arash, Allah mempunyai tangan (*al-yad*),

muka (*al-wajh*) dan lain-lain lagi seperti yang disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah dan *itiqad alh al-Sunnah wa al-Jamaah* tentang masalah ini, al-Dahlawi menjelaskan bahawa :

yang dikehendaki ialah beriman atau mempercayainya secara umum kemudian menyerahkan penafsirannya kepada Allah dan mengetahui bahawa Allah itu tidak ada sesuatu yang menyerupaiNya dan juga mengetahui bahawa perkara-perkara tersebut thabit bagi Allah sepetimana Allah menthabitkannya di dalam al-Quran).³²

Imam al-Ghazali selanjutnya menerangkan dengan lebih terperinci dengan menjelaskan hakikat mazhab al-salaf al-salih (ahl al-Sunnah wa al-Jamaah) tentang perkara ini dengan menyenaraikan tujuh perkara, iaitu:³³

- i - *Al-tagdis* (mensucikan) iaitu seseorang itu membersihkan (tanzih) Allah dari *jismiyah* dan sifat-sifatnya (berupa, berbentuk, berjisim dan seumpamanya)
- ii- *Al-tasdiq* (membenarkan) iaitu beriman atau mempercayai terhadap apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.
- iii- *Al-i'tiraf bi al-ajz* (mengakui kelemahan diri) iaitu mengakui maksud perkara-perkara tersebut bukan menjadi kemampuan dirinya dan mengetahui maknanya itu bukanlah urusan atau kerjayanya.

vi- *Al-sukut* (berdiam diri) iaitu tidak bertanya tentang makna perkara-perkara tersebut dan tidak cuba mengkaji atau menceburkan diri dalam mencari maknanya itu di samping mengetahu bahawa menanyakan tentang maknanya adalah merupakan satu perkara bid'ah. Dalam usaha menyelaminya terdapat berbagai bahaya yang berkemungkinan dia menjadi kafir sekiranya dia cuba menyelaminya sedangkan dia tidak menyedarinya.

v-*Al-Imsak* (menahan diri) iaitu tidak mengubahsuai pada lafaznya dengan merubah dan menukarnya dengan bahasa yang lain, menambahnya, menguranginya, mencantumkannya memisahkannya malah menuturkannya dengan lafaz yang asal.

vi- *Al-Kaff* (menahan) iaitu menahan batinnya dari mencari makna perkara-perkara tersebut dan berfikir tentangnya.

vii- *Al-Taslim* (menyerahkan) menyerahkan makna perkara-perkara tersebut kepada ahlinya iaitu tidak beranggapan bahawa oleh kerana perkara yang demikian itu tersembunyi dari pengetahuannya kerana kelemahan dirinya itu, maka tersembunyi juga dari pengetahuan Rasulullah s.a.w. , nabi-nabi siddiqin dan juga awliya`.

Dalam usaha membetulkan 'aqidah ini termasuk juga i'tiqat dan kepercayaan kepada nabi-nabi dan rasul-rasul a.s. dan juga perkara-perkara yang berhubung dengannya. Berhubung tentang kepercayaan kepada nabi-nabi dan rasul-rasul ini, al-Dahlawi menegaskan dengan lafaznya

bermaksud:

Hendaklah mengakui kenabian nabi-nabi a.s. secara umum dan kenabian nabi Muhammad s.a.w. secara khusus, mengakui kewajipan mematuhi apa yang diperintah dan menjauhi apa yang dilarang oleh baginda dan juga kewajipan mempercayai setiap berita yang disampaikan tentang sifat-sifat Allah, tentang kebangkitan jasmani(al-Jasmani), syurga(al-Jannah) neraka (al-Nar), perhimpunan(mahsyar) perhitungan(hisab), melihat Allah s.w.t. (ru'yatu 'Ilah) hari penghabisan dan kemusnahan dunia (Qiyamah), azab kubur dan lain-lain lagi yang diriwayatkan oleh baginda s.a.w.³⁴

Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa mengenai kenabian wajib mengetahui serta beri'tiqad bahawa Muhammad s.a.w. itu ialah hamba Allah dan utusannya yang benar. Membenarkan tentang apa yang didatangkan oleh beliau daripada Allah s.w.t. dan membenarkan tentang apa yang telah datang melalui lidahnya (menyebut) tentang perkara-perkara akhirat. Kemudian wajib mengetahui masalah-masalah yang terkumpul dalam syiar al-sunnah.³⁵

Tujuan membetulkan pegangan dan perjalanan syariatnya murid atau pengamal tarekat ini, mesti mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan suruhan-suruhan Allah s.w.t. yang diwajibkan kepadanya supaya dia dapat menunaikannya.

Murid atau pengamal tarikat ini juga wajib mengetahui perkara-perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. supaya dia dapat menjauhinya. Ini menunjukkan bahawa murid atau pengamal tarikat ini perlu mempelajari Ilmu Syariat atau Ilmu Fekah, dengan kadar dia dapat melaksanakan kewajippan-kewajipan yang ditentukan oleh Allah s.w.t. dan meninggalkan larangan-laranganNya.

Berhubung dengan perkara ini Imam al-Ghazali menegaskan dengan kata-kata beliau yang bermaksud:

Ada pun yang tertentu (mesti dipelajari) dari Ilmu Syariat ialah setiap apa yang diwajibkan ke atas seseorang melaksanakannya maka wajiblah diketahui supaya ia dapat menunaikannya seperti bersuci, sembahyang dan puasa. Manakala haji, zakat dan jihad, jika tertentu terhadap kamu kewajipannya maka wajiblah kamu mengetahui supaya dapat kamu menunaikannya sekiranya tidak maka, tidak.³⁶

Lanjutan daripada membetulkan aqidah ini melibatkan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan-amalan hati (syariat batin).

Dalam konteks ini perlu diketahui oleh seseorang itu tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan hati. Ini memerlukan kepada Ilmu Sirr atau Ilmu Tasawuf yang membincangkan tentang amalan hati tersebut.

Imam al-Ghazali telah menyatakan bahawa:

Tahap yang wajib ke atas seseorang itu mempelajrinya ialah sekadar ia dapat mengetahui kewajipan-kewajipan hati dan larangan-larangannya sehingga tercapainya ta'zim (rasa keagungan Allah) ikhlas dalam melakukan amalan-amalan dan bersih amalan-amalan tersebut dari sesuatu yang merosakkannya.³⁷

Seterusnya sebagai seorang murid atau pengamal tarikat ini, mesti menjadi *abid* kepada Allah s.w.t. kerana dalam pendidikan tarikat tasawwuf seperti ini perkaitan murid yang *abid* amat ditekankan. Setiap murid adalah *abid*, setiap *abid* adalah murid, sekiranya seorang murid tidak menjadi *abid* maka dia *zindiq*, dan jika *abid* tidak menjadi murid maka dia *munafiq*.³⁸

Bagi setiap murid atau pengamal tarikat ini juga ditekankan supaya membetulkan niatnya, semata-mata kerana Allah s.w.t. Mengharapkan keredaan dan rahmatNya dan sebagai bekalan dihari akhirat kelak. Bukan untuk *riya'*, mendapat ilmu batin, menyingkapkan *kasyaf* dan sebagainya. Imam al-Ghazali telah menegaskan :

*Setiap orang murid atau salik yang tidak bersungguh-sungguh dengan akhirat dan tidak menuntut untuk bertemu dengan Allah s.w.t., sesungguhnya dia tidak beriman dengan Allah s.w.t. dan hari akhirat.*³⁹

Prof. Syed Naguib al-Attas menyatakan bahawa seseorang murid yang mematuhi syarat-syarat serta disiplin-disiplin tarikat, menghidupkan zikir-zikir dengan ikhlas, maka syeikhnya boleh mempertimbangkan kebenaran kepadanya untuk mengajar atau mengembangkan tarekat tersebut. Murid tersebut juga layak mengambil tempat syeikhnya sewaktu syeikhnya dalam keadaan uzur atau meninggal dunia.⁴⁰

Di antara syarat-syarat umum bagi seseorang murid atau salik untuk menyertai Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah.

- i- Mesti menerima ijazah tarekat ini dengan sebenarnya dan bersungguh-sungguh mengamalkannya.
- ii- Seseorang murid mesti menjauhi diri dari masyarakat ramai yang boleh melalaikan ingatannya kepada Allah s.w.t. dan perkara-perkara dosa. Sentiasa mengawal diri dengan berpuasa dan berjaga, berkekalan zikirullah dan menjadi pesuruh gurunya yang setia.

- iii- Mesti menjauhi sifat-sifat tercela seperti hasad, ghaibah, engkar, menipu berbohong, sompong dan berburuk sangka.
- iv - Berazam bersungguh-sungguh untuk mematuhi segala perintah Allah s.w.t. dan perintah guru. Malah tekun beramal sehingga tercapai maqam-maqam yang tertentu.
- v -Sebagai seorang murid atau pengamal tarekat ini mesti menjaga hatinya supaya mencintai syeikh yang benar-benar seorang hamba kepada Allah. Kerana syeikh seperti itu sangat mencintai Allah s.w.t. Jika tidak ada perasaan mencintai syeikh dalam hati seorang murid, lazimnya ia juga berat untuk mencintai Allah s.w.t.

Allah berfirman:

⁴²

يَا يَهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا
اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ

Maksudnya :

Wahai orang-orang yang beriman takutkan Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kamu kepadaNya.

Firman Allah lagi:

يَا يَهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ
وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.⁴³

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman takutkan Allah dan bersama-sama lahir dengan orang-orang yang benar.

Konsep bersama-sama dengan orang-orang yang benar di sini ialah bersama-sama dalam hal iman mereka, janji-janji mereka dengan Allah s.w.t. taubat mereka dan seluruh hal ehwal mereka dan tidak bermaksud duduk berserta dengan tubuh badan sahaja yang diutamakan dan menjadi ukuran ialah berserta dengan roh bukan jasad mereka.⁴⁴

Firman Allah lagi:

يَا يَهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا
وَرَأَبْطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ.⁴⁵

Maksudnya:

wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran (sesama) kamu dan berabitahlah kamu dan bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu beroleh kejayaan.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَنْ مِنَ النَّاسِ مُفَاتِحٌ لِذِكْرِ اللَّهِ.⁴⁶

Maksudnya:

Sesungguhnya sesetengah daripada manusia itu adalah sebagai anak kunci (yang membuka hati) bagi mengingati Allah s.w.t. (iaitu) bila mereka itu dipandang maka ingatlah Allah (orang yang memandangnya itu)

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

لَا يَدْخُلُ النَّارَ مُسْلِمٌ رَأَنِي، وَلَا مَنْ رَأَى مِنْ رَأَنِي وَلَا مَنْ رَأَى مِنْ رَأَنِي أَيْ وَلَوْ بِسَبْعِينَ وَاسْطَةً فَإِنَّهُمْ خَلْفَائِي فِي التَّبْلِيغِ وَالْاَرْشَادِ
أَنْ اسْتَقَامُوا عَلَى شَرِيعَتِي.⁴⁷

Maksudnya:

Tidak akan masuk ke neraka orang Islam yang telah melihat Aku (Muhammad s.a.w.) dan tidak juga akan masuk ke neraka orang yang melihat akan orang yang telah melihat aku dan tidak akan masuk ke neraka orang yang melihat akan orang yang melihat aku iaitu walau pun sampai kepada 70 wasitah (lapisan/keturunan) sesungguhnya mereka itu adalah para khalifahku di dalam menyampaikan (ajaran Islam) dan asuhan Islam. Sekiranya mereka itu sentiasa istiqamah di dalam syari`atku.

vi- Mesti berusaha menambahkan ilmu pengetahuan sesuai dengan firman Allah s.w.t. yang memerintahkan Rasulullah s.a.w. supaya berdoa.

وَقُلْ رَبِّ زَدْنِيْ عِلْمًا.⁴⁸

Maksudnya:

Katalah wahai Muhammad, Tuhanku tambahkanlah aku ilmu .

Berusaha memohon supaya ditambahkan ilmu sama seperti berusaha memohon diperbaiki akhlak.

vii- Mengawasi dan berhati-hati supaya semua amalan dan tindak tanduk tidak tergelincir daripada landasan syarak, semoga perjalanan menuju kepada hakikat sebenar akan tercapai.

viii-Mesti tekun bermujahadah, banyak bersabar dalam setiap keadaan dan sentiasa beradab pada setiap waktu dan tempat.

Drs. Barmawie Umarie menambah beberapa ciri murid yang taat iaitu hendaklah ⁴⁹ :-

1. Baik sangka kepada guru dan selalu ingat kepadanya.
2. Berbuat baik kepada keluarga guru.
3. Berdekatan dengan guru dalam hal menerima ajarannya dan beramal.
4. Bergaul dengan pergaulan yang disenangi guru.
5. Berterus terang dengan guru dalam segala hal.
6. Berkhidmat kepada guru dalam erti yang luas.
7. Mengubati penyakit hatinya dengan pertolongan Allah melalui bantuan guru.

8. Menghormati, membesarkan guru lahir batin, tidak boleh menentangnya, menurut perintah guru dengan patuh dan rela.
9. Menerima keberkatan disebabkan berkat dari guru.
10. Tidak boleh banyak berbicara di hadapan guru.
11. Tidak boleh menyiarkan rahsia-rahsia guru.
12. Cepat mengerjakan perintah guru.

Selanjutnya Drs. Bermawie Umarie menambah, seorang murid hendaklah sentiasa menjaga dirinya supaya ⁵⁰:-

1. Bergaul dengan sahabat yang baik.
2. Berzikir kepada Allah secara tetap.
3. Konsentrasi fikiran sewaktu berzikir.
4. Mengawasi pancaindera dengan teliti, selalu ingat kepada mati.
5. Menjauhi perkara-perkara yang melencong daripada jalan kebenaran.
6. Menjauhi diri daripada orang yang buruk perangainya.
7. Mengambil keperluan hidup sekadar yang perlu sahaja dan dari sumber yang halal.
8. Menggunakan waktu yang ada untuk membuat kebajikan.
9. Qana`ah dan bermuhasabah terhadap diri sendiri.

10. Selalu mengingati dan memperingatkan orang kepada akhirat.

11. Tawadhu', taqwa, istighfar dan menyimpan rahsia.

Tidur yang sedikit dan tidur dalam wudhu'.

Syarat-syarat yang tertera di atas ditetapkan kepada murid atau pengamal tarikat agar dipatuhi dan diamalkannya zahir dan batin adalah bertujuan supaya proses penyucian diri ke atas murid itu dapat berjalan dengan cepat, lancar dan berkekalan. Dengan ini juga akan terhasilah peningkatan akhlak, fana dalam hakikat yang mutlak, makrifat melalui rasaan rohani dan mencapai ketenangan atau kebahagian yang abadi.

3.3 SYEIKH DALAM TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH PUSAT TANJUNG PAUH, JITRA, KEDAH.

Syeikh atau shaykh merupakan guru atau ketuanya yang mengemudikan atau memimpin sesebuah organisasi tarikat. Syeikh juga dikenali sebagai *mursyid*, wali dan *qutub*.⁵¹ Konsep syeikh adalah amat penting dalam sesebuah tarekat, malah kelahiran sesebuah tarikat itu adalah disebabkan adanya syeikh.

Syeikh dalam tarikat dijelaskan sebagai orang (mukmin) yang telah dapat mencapai darjat *ahlu'l-fadl*, sekali pun ia masih kanak-kanak. *Ahlu'l-fadl* itu ialah ulama yang bersifat *al-rasikhun* yang beramal dengan ilmunya, yang menolak keduniaan dan sentiasa beramal untuk akhirat, yang menggabungkan antara syariat dengan hakikat, yang berhias dengan mahkota kebesaran dan kemuliaan (di sisi Allah) yang mempunyai akhlak yang terpuji seperti akhlak Rasulullah s.a.w. (akhlak yang disarankan oleh al-Quran) dan mempunyai berbagai-bagai *makrifat ilahiyyah*, yang tenggelam dalam lautan keesaan Allah s.w.t.⁵²

Orang yang mendapat makrifat ilahiyyah akan mendapat kebajikan yang banyak, kerana mereka itu benar-benar mengenal Allah sehingga amalan mereka menjadi ikhlas, amalan yang benar-

benar ikhlas mendapat ganjaran yang lebih baik daripada Allah dan berlipat ganda banyaknya, mereka dikenali sebagai (ulul-adab) seperti firman Allah:

وَالَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى
جَنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
رَبُّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سَبِّحْنَاكَ فَقَنَا عَذَابَ
النَّارِ.

⁵³.

Maksudnya:

(Ulul-albab) itu ialah mereka yang sentiasa berzikrullah ketika berdiri, duduk dan ketika berbaring (sambil) memikirkan (keagungan dan kesempurnaan Allah) dalam ciptaanNya yang di langit dan di bumi. (Akhirnya) mereka berkata: Ya Tuhan kami! Engkau mencipta (seluruh) ciptaan Mu ini tidak ada yang sia-sia. Maha suci Engkau dan peliharalah kami ini dari api neraka.

Bagi pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, syeikh yang memimpin tarikat di sini ialah Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail. Beliaulah yang bertanggung jawab melakukan *bai'ah* dan mengijazahkan ajaran tarikat ini kepada murid atau seseorang pengamal yang ingin mengikuti serta mengamalkan tarikat ini.

Berdasarkan kepada partisipasi dan observasi penulis terhadap tarikat ini, penulis dapati bahawa Tuan Haji Muhammad Yatim adalah seorang yang tabah, gigih dan sangat bertanggung jawab dalam memimpin tarikat ini disini. Beliau juga merupakan seorang yang kuat mematuhi peraturan-peraturan atau adab-adab dalam tarikat ini. Oleh kerana itu menurut pandangan khalifah-khalifah, murid-muridnya yang kanan serta murid-murid yang lain, beliau adalah seorang guru mursyid.⁵⁴

Melalui pengalaman yang penulis lalui di sini, ternyata bahawa syeikh adalah sangat penting dan begitu berperanan sekali dalam mendidik dan membimbing murid-murid, kerana pendidikan tarikat merupakan pendidikan kerohanian untuk menuju hadrat Allah s.w.t.

Perjalanan kerohanian ini adalah jauh lebih sukar dan pelbagai masalah, rintangan dan penuh liku-liku yang amat membahayakan kalau tanpa bimbingan daripada syeikh. Matlamat perjalanan ini adalah untuk sampai kepada hakikat dan kemuncak kepada hakikat yang sebenar iaitu *makrifatul Allah*.⁵⁵

Pendidikan yang sempurna bukan setakat menyampaikan maklumat tentang suatu perkara yang hendak diajar sahaja, malah yang lebih penting memperlihatkan kaedah-kaedah dan tatacara perlaksanaannya yang betul. Oleh itu jelaslah betapa pentingnya guru atau syeikh pada setiap bidang pendidikan.

Dalam bidang ilmu bersifat zahir, guru diperlukan demi mencapai pendidikan yang sempurna. Maka dalam bidang ilmu tarikat ini yang sifatnya jauh lebih rumit dan lebih khusus, sudah pasti guru atau syeikh sangat-sangat diperlukan. Rasul-rasul dan nabi-nabi telah dipimpin dibimbing dan ditarbiah oleh Allah s.w.t. melalui Malaikat Jibril, para sahabat pula dibimbing dan ditarbiah oleh Baginda s.a.w. sendiri dan seterusnya generasi yang terdahulu memimpin dan mentarbiahkan generasi yang berikutnya.

Begitulah kita memerlukan pimpinan, bimbingan dan tarbiah daripada golongan yang menjadi pewaris nabi-nabi dan rasul-rasul iaitu *ulama' amilin, salihin, al-mursyidin* dan *al-ariffin*. Lebih-lebih lagi merujuk kepada

fenomena dewasa ini kita amat memerlukan khidmat mereka untuk berjaya dalam perjalanan kita menuju kepada Allah s.w.t. dan mendapat keredaan di dunia dan akhirat.

Sheikh Abd al-Wahhab al-Sha'roni menjelaskan bahawa syeikh adalah pewaris Rasulullah s.a.w. dalam usaha mentarbiahkan manusia kepada agama Islam kerana mereka mewarisi berbagai-bagai ilmu daripada Baginda dan berkewajipan memeliharanya mereka merupakan orang mukmin yang bersifat taqwa serta soleh yang sentiasa mengikut sunnah Rasulullah s.a.w., alim dalam agama melazimkan diri dengan didikan dan asuhan agama. Cuma mereka tidak ada kuasa untuk merubah atau menambah perkara-perkara agama, mereka memelihara hati daripada perkara-perkara yang tidak diredayai oleh Allah s.w.t., sentiasa pula mematuhi adab-adab sebagai hamba-hamba yang hampir kepada Allah s.w.t. dan mereka itulah 'ulama' bi-'llah.⁵⁶

Selanjutnya Imam al-Qusyairi menjelaskan:

kemudian wajiblah ke atas seseorang murid supaya dia dididik oleh syeikh atau guru, kalau sekiranya dia tidak ada guru (yang membimbangnya), selamanya dia tidak akan berjaya (dalam perjalanan menuju Allah s.w.t).⁵⁷

Sementara itu Abu 'Ali al-Daqqaq pula mengungkapkan kata-kata yang bermaksud:

*Apabila seseorang murid itu tidak ada guru yang akan membimbing perjalanannya nafas demi nafas (maqam demi maqam), maka dia akan menjadi hamba kepada nafsunya yang dia tidak mungkin berjaya (melepaskan diri darinya).*⁵⁸

Manakala Abu Yazid al-Bistami (m. 261H/874M) pula menegaskan dengan katanya:

من لا شيخ له فشيخه الشيطان⁵⁹

Maksudnya:

Sesiapa yang tidak mempunyai syeikh atau guru maka syeikh atau gurunya adalah syaitan.

Menurut al-Imam Sya'roni, dewasa ini terlalu banyak cabaran dan godaan yang menjadi penghalang kepada seseorang itu untuk beramal dengan Ilmu Islam. Ini menunjukkan bahawa kita perlu kepada seorang guru atau syeikh yang mursyid yang dapat menunjukkan jalan atau cara melenyapkan penghalang-penghalang tersebut, di samping menerangkan ilhamat dan waridat yang sahih daripada yang palsu, mengajarkan adab dan cara-cara menghiasi diri dengannya, cara melindungi diri daripada tergelincir dan juga untuk mengubati penyakit-penyakit

hati seperti riya', bongkak, cintakan dunia, hasad, dendam, nifaq dan seumpamanya dapat dijauhi.

Menurut beliau lagi, bahawa faedah syeikh adalah meringkaskan jalan bagi murid, dan beliau mengumpamakan syeikh dengan penunjuk jalan para jemaah haji ke Mekkah yang berjalan di malam yang gelap.⁶⁰

Muhammad Zakariya al-Kandahlawi ada merakamkan bahawa ulamak sufiah telah sepakat mengatakan dalam menjalani jalan menuju Allah s.w.t., dan melalui tarikat yang menyampaikan kepada hakikat dan makrifah seseorang murid atau pengamal tarikat perlu kepada bimbingan dan pimpinan serta tarbiah syeikh yang mursyid agar dengan itu lebih cepat dan mudah sampai kepada Allah s.w.t.⁶¹

Menurut Syeikh Abd al-Somad bahawa Ibrahim al-Dasuki pernah berkata:

طلب الشیخ فی طریق واجب علی کل مرید

ولو کان من اکابر العلماء.⁵²

Maksudnya:

Mendapatkan syeikh dalam tariqah adalah wajib pada setiap murid walaupun ianya terdiri dari ulamak besar sekalipun.

Menurut Qasim Ghani pula, syeikh tarekat ialah doktor hati yang arif dengan segala penyakit-penyakit hati yang bersarang dalam jiwa manusia.⁶³

Menurut Toha `Abd al-Yafi Surur; Disyaratkan pada syeikh, selain daripada seorang yang soleh, bahawa ia adalah orang yang melaut dalam ilmu-ilmu Syariat dalam pelbagai cabang yang berbeza-berbeza, orang yang `arif mengenai usul dan mazhab-mazhab yang empat dan lain-lainnya, mempunyai dalil-dalil serta memahami punca perselisihan pandangan dan mempunyai ilmu yang meliputi tentang al-Quran, yang daripadanya bercabang setiap pandangan.⁶⁴

Al-Rifa`i r.a. (m. 570H/1182M) pengasas Tarekat Rifa`iyyah menambah, syarat utama bagi seseorang syeikh ialah zahirnya syarak dan batinnya syarak.⁶⁵ Ini bererti seseorang syeikh itu wajib berlandaskan kepada hukum syarak dalam semua aspek kehidupannya, Al-Rifai` selanjutnya menegaskan bahawa seseorang syeikh itu juga mestilah sentiasa melazimi al-Kitab (al-Quran), al-Sunnah dan menjauhi perkara-perkara bid`ah.⁶⁶

Al-Imam Ghazali berkata:

Jika ditanya apakah peringkat murid(salik) berakhir dengan gugurnya sebahagian tugas-tugas ibadat daripadanya dan dibolehkan sebahagian larangan, sebagaimana didakwa oleh sebahagian masyayikh yang mempermudah dalam urusan ini. Maka ketahuilah bahawa hal ini merupakan tipuan, dan sesungguhnya para muhaqqiqin telah berkata; sekiranya anda melihat manusia boleh terbang di udara dan berjalan di atas air, tetapi ia melakukan sesuatu perkara yang bercanggah dengan syarak, maka ketahuilah sesungguhnya itu adalah syaitan.⁶⁷

Syeikh Muhammad Zakariya al-Kandahlawi pula menambah bahawa syeikh ialah orang mukmin yang bersifat taqwa serta soleh. Syeikh sentiasa mengikut sunnah Rasulullah s.a.w., alim dalam Agama Islam sekadar yang diperlukan dan telah melazimkan di bawah didikan dan asuhan seorang yang sempurna dan telah mendapat limpahan keberkatan rohani daripadanya, disukai oleh para cendiakawan dan para ulamak, sehingga sesiapa yang belajar dengannya akan mendapat kesan yang baik dan dapat pula memperbaiki keadaan muridnya.⁶⁸

Dari segi syariat Allah s.w.t. berfirman:

وَاتَّبِعُ سَبِيلَ مَنْ أَنْابَ إِلَيَّ.⁶⁹

Maksudnya:

Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kepadaKu (dengan tauhid dan amalan-amalan soleh).

Firman Allah s.w.t. lagi:

قد كان لكم اسوة حسنة في
ابراهيم والذين معه.^{٧٠}

Maksudnya:

Sesungguhnya adalah bagi kamu pada bawaan nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya, contoh ikutan yang baik.

Firman Allah s.w.t.

ولكل قوم هاد.^{٧١}

Maksudnya:

Dan tiap-tiap umat ada yang memimpin ke jalan yang benar.

Firman Allah s.w.t.

فاسأعلوا أهل الذكر.^{٧٢}

Maksudnya:

Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang berpegetahuan.

FirmanNya lagi:

الرحمن فاسأله خبيرا.^{٧٣}

Maksudnya:

*Ar-Rahman (tuhan yang maha pemurah)
maka bertanyalah akan hal kepada
yang mengetahui.*

Firman Allah s.w.t.

اولئك الذين هدى الله فبهدهم اقتده⁷⁴.

Maksudnya:

*Mereka (nabi-nabi) itulah orang yang
telah diberi petunjuk oleh Allah, maka
tuntutlah olehmu akan petunjuk
mereka.*

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Khatib
bin Abdul Rahman bin 'Uqbah, Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا يَدْخُلُ النَّارَ مُسْلِمٌ رَائِنِي وَلَا مِنْ رَأْيِ
مِنْ رَائِنِي وَلَا مِنْ رَأْيِ مِنْ رَائِنِي أَيْ وَلَوْ
بِسْعِينَ وَاسْطَةً فَإِنَّهُمْ خَلْفَائِي فِي
الْتَّبَابِيْغِ وَالْأَعْرَشَادِ إِنْ اسْتَقَامُوا عَلَى
شَرِيعَتِيْ .⁷⁵

Maksudnya:

Tidak akan masuk ke neraka orang Islam yang melihat aku, dan tidak juga akan masuk ke neraka orang yang melihat orang yang telah melihat aku, dan tidak juga akan masuk ke neraka orang melihat orang yang telah melihat aku, sekalipun dengan 70 lapisan atau keturunan. Sesungguhnya mereka itu adalah para khalifahku dalam menyampaikan (Islam atau sunnahku) mengasuh dan mendidik manusia, sekiranya mereka itu tetap terus beristiqamah di dalam syari'atku.

Berbalik pula kepada syeikh di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh Jitra, Kedah. Perlantikan syeikh di sini masih tertakluk kepada cara yang ditetapkan oleh pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah bagi Nusantara iaitu di Babussalam, Langkat, Sumatera Utara, antaranya ada menyatakan :

Bagi melantik syeikh (mursyid), H.A.Fuad Said merujuk pendapat Syeikh Sulaiman Zuhdi dalam kitabnya *Majmu'atur Rasail*, adalah sebagai berikut:-⁷⁶

- i-Dengan perintah (amar) dari Syeikh (mursyid) sebelumnya.
- ii-Dengan wasiat syeikh (mursyid) sebelumnya.
- iii-Dilantik oleh para khalifah dan murid dengan sebulat suara.

iv - Dilantik oleh mursyid lain, bagi daerah yang belum ada mursyid di situ.

Syarat-syarat tambahan bagi perlantikan syeikh (mursyid) ini seperti yang telah diputuskan dalam Musyawarah Alim Ulama Kabupaten Langkat pada 24 Ogos 1952 adalah seperti berikut:

i - Sah kedudukan mursyid dengan datangnya ke suatu tempat yang tidak ada mursyidnya di situ.

ii - Jika berbilang perintah (amar) dan wasiat didahului perlantikan sesiapa yang terdahulu menerima perintah dan wasiat.

iii- Jika tidak diketahui siapa yang terdahulu pemilihan dilakukan oleh khalifah-khalifah dan murid-murid mursyid yang meninggal.

iv- Tidak boleh berbilang-bilang mursyid pada suatu tempat.

v- Kedudukan mursyid yang sudah sah tidak boleh diubah.

vi- Mursyid akan jatuh dengan sendirinya jika tidak memenuhi atau menyempurnakan syarat-syarat yang masyhur pada ahli-ahli tarikat.

vii-Mursyid tidak jatuh kedudukannya, sekalipun
ditarik oleh yang mengangkat yang mu'tabar
angkatannya.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, penulis
dapati bahawa syeikh di pusat Tarekat Naqsyabandiyah
Khalidiyah Tanjung Pauh, Jitra Kedah ini iaitu Tuan Haji
Muhammad Yatim telah dilantik oleh gurunya Tuan Guru
Syeikh Muhammad Yusof bin Khalifah Abbas Panai (m. 1978)
untuk memimpin Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di
Kampung Lubok Ipoh, Jitra, Kedah pada tahun 1976 yang
kemudiannya berpindah ke Tanjung Pauh pada tahun 1990.⁷⁸

Ini membuktikan bahawa dari segi perlantikannya
adalah menepati cara yang ditetapkan dalam tarikat ini.
Antara syarat-syarat syeikh yang lain seperti yang
dinyatakan oleh Prof. Madya Dr. Jahid Hj. Sidek ialah:⁷⁹

Pertama. Syeikh mestilah telah sempurna menjalani
suluk dan telah mempunyai pengalaman yang lengkap dalam
mengharungi lautan *jadhbah* dalam suluknya.

Menurut Tuan Haji Muhammad Yatim bahawa beliau menyertai program suluk pada tahun 1965 di bawah pimpinan gurunya Tuan Guru Syeikh Muhammad Yusof bin Khalifah Abbas Panai.⁸⁰

Berbagai-bagai pengalaman kerohanian telah dapat ditempuhi sepanjang program suluk yang disertai oleh beliau yang akhirnya melayakkan beliau dilantik menjadi seorang Khalifah dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah pada tahun 1971.⁸¹

Tuan Haji Muhammad Yatim memberitahu, bahawa beliau juga turut menyertai beberapa kali program suluk yang diadakan di pusat Kampung Keramat, Temong, Kuala Kangsar, Perak yang juga di bawah naungan gurunya Syeikh Muhammad Yusof.⁸²

Selanjutnya beliau menjelaskan bahawa beliau sempat beberapa kali bersama gurunya Tuan Syeikh Muhammad Yusof Panai melawat pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Babussalam, Langkat, Sumatera Utara dan sempat pula menyertai program suluk yang diadakan di sana di bawah pimpinan Tuan Syeikh Salahuddin.⁸³

Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi menegaskan tentang perkara tersebut dengan kata-katanya yang bermaksud:

.....asas terpenting bagi Tarekat Naqsyabandiyah mendahuluikan usaha zikrullah dan mendapat jadhbah menerusi pimpinan guru mursyid dari suluk itu sendiri.⁸⁴

Ini menunjukkan bahawa orang yang mendapat jadhbah tanpa menyertai program suluk yang dipimpin oleh syeikh mursyid tidak layak menjadi syeikh. Ahli-ahli tasawwuf menganggap orang yang mendapat jadhbah tanpa didikan daripada seseorang syeikh ini samalah keadaannya dengan seorang yang menjadi kaya raya kerana menemui harta karun.⁸⁵

Kedua. Syeikh itu mestilah mempunyai salasilah yang sah dan benar iaitu muttasil (yang bersambung-sambung) hingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. tanpa terputus. Menurut Tuan Haji Muhammad Yatim bahawa beliau mempunyai pertalian salasilah dengan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Babussalam, Langkat, Sumatera dan seterusnya dengan syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Jabal Kubis, Mekah sehingga kepada Rasulullah s.a.w.

Tuan Haji Muhammad Yatim adalah murid kepada Syeikh Muhammd Yusof bin Abbas Panai (m.1397H/1978M), Syeikh Muhammad Yusof pula murid kepada Syeikh Daud bin Abd al-Wahab Rokan (m. 1389H/1971M) yang berpusat di Babussalam, Langkat. Manakala Syeikh Daud bin Abd al-Wahab Rokan adalah murid kepada Syeikh Abd al-Wahab Rokan al-Khalidi Naqsyabandi (1203H-1345H/1811M-1926M). Selanjutnya Syeikh Abd al-Wahab Rokan adalah murid kepada Syeikh Sulaiman Zuhdi yang berpusat di Jabal Kubis, Mekah. Salasilah seterusnya berturutan sampai kepada Rasulullah s.a.w.⁸⁶

Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi menegaskan berhubung dengan perkara ini dengan kata-kata beliau yang bermaksud:

*Sesiapa yang salasilahnya tidak bersambung sampai kepada Rasulullah s.a.w sesungguhnya ia terputus dari limpahan rohani itu dan ia bukanlah waris Rasulullah s.a.w. yang sebenar.*⁸⁷

Selain daripada syarat-syarat ini beberapa syarat lain untuk melayakkan seseorang itu menjadi syeikh dapat diringkaskan seperti berikut:

- i - Mengetahui tentang hal ehwal perjalanan tarekat serta mahir dengannya.

- ii - Pernah menempuh dengan sendiri jalan-jalan tarekat ini.
- iii - Berkemampuan menjelaskan tahap kedudukan seseorang murid atau pengamal yang menjalani perjalanan tarikat ini yang di bawah pimpinannya.
- iv - Alim dengan perintah-perintah syariat dan adab-adab tarikat ini serta mematuhiinya dengan sempurna.
- v - Merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam setiap perkara dan bukan daripada ideanya sendiri.
- vi - Mendapat pendidikan ilmu zahir dan batin yang sah.
- vii- Mempunyai ilmu yang sempurna, iaitu merangkumi ilmu syariat dan hakikat.
- viii-Bertindak sebagai seorang doktor hati yang ahli tentang masalah-masalah dan urusan hati. Mengetahui tentang asal usul hati serta memahami berkenaan hati yang baik, buruk, sihat dan hati yang sakit.
- ix- Mengetahui tentang ahwal dan makrifat yang sebenar.
- x- Mengenepikan hawa nafsu.
- xi - Sentiasa jujur, ikhlas dan luhur dalam setiap hal dan masa.
- xii- Memelihara adab dengan Allah s.w.t. dan bersopan santun dengan pengamal tarekat di bawah pimpinannya (murid) sama ada zahir dan batin.

Selain daripada syarat-syarat di atas ada lagi beberapa adab yang ditetapkan merujuk kepada sesuatu keadaan. Kadang-kadang adab-adab ini merupakan perincian daripada syarat-syarat utama yang telah disebut di atas kesemua ini bertujuan untuk menentukan kesahihan dan kewibawaan seseorang syeikh tersebut.

Merujuk kepada Syeikh Najm al-Din Amin al-Kurdi dalam kitab ‘Tanwirul Qulub’ halaman 525 -527 syarat tambahan adalah seperti berikut:-⁸⁹

i- Syeikh (mursyid) mesti bersifat belas kasihan kepada sesama orang Islam, terutama kepada murid-murid yang dipimpinnya. Apabila dilihat mereka tidak sanggup melawan hawa nafsu dan tidak berdaya meninggalkan kejahatan maka hendaklah dimaafkan sesudah diberinya petunjuk dan nasihat-nasihat.

ii- Syeikh (mursyid) tidak boleh memutuskan atau menutup jalan murid dan tidak boleh berburuk sangka tehadap mereka. Dia harus berusaha memimpin mereka sehingga mereka mendapat petunjuk.

iii- Syeikh (mursyid) harus menyembunyikan aib murid-murid.

iv - Tidak tersangkut hatinya kepada harta benda murid dan tidak boleh rakus kepada apa yang ada di tangan mereka.

v - Setiap perintah yang diterima, harus disampaikan kepada murid dan menyampaikan larangan apa yang dilarang, sehingga ucapannya amat berkesan dalam hati murid.

vi - Tidak boleh duduk-duduk bersama-sama dengan murid-murid, melainkan sekadar hajat.

Vii - Ucapannya bersih dari senda gurau atau olok-lolok dan tidak mengucapkan sesuatu yang tidak perlu.

Viii - Mursyid tidak boleh meminta supaya dihormati dipuji atau disanjung-sanjung. Tidak membebani murid-murid dengan sesuatu yang mereka tidak sanggup melakukannya dan tidak menyusahkan urusan mereka.

Berdasarkan kepada syarat-syarat ini, tentulah untuk menjadi syeikh tasawuf atau guru tarekat bukanlah mudah, semudah yang difahami oleh orang-orang awam. Kadang-kadang orang yang mendakwa dirinya guru tasawuf atau guru tarekat malah ada yang telah sesat dan

menyesatkan murid-muridnya kerana menolak syariat dan yang mengutamakan fakta berdasarkan *kasyaf* dan ilham yang bertentangan dengan nas al-Quran dan al-Sunnah serta Ijmak.

Sepanjang penglibatan penulis di pusat ini, sama ada melalui tinjauan langsung atau tidak langsung sekadar yang mampu penulis laksanakan, penulis dapati syeikh disini masih terikat (terpelihara) dengan tradisi dan disiplin-disiplin tarekat yang diwarisi daripada Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah pusat iaitu di Babussalam, Langkat, Sumatera dan Tarekat Naqsyabandiyah yang asal seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Muhammad Najm al-Din Amin al-Kurdi dalam kitab *Tanwir al-Qulub* dan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah serta Ijmak sebagai sumber rujukan.

3.4 BAI`AH DAN TALQIN ZIKIR

Sebelum seseorang itu mengamalkan sesuatu bentuk amalan kerohanian maka terlebih dahulu ia mesti mengikat perjanjian kerohanian antara dirinya dengan syeikhnya. Perjanjian ini bertujuan melahirkan tanda kesediaan dan kerelaan antara kedua-kedua belah pihak. Maka dengan ini diadakan seperti satu upacara yang dikenali sebagai *bai`ah*.

Perkataan *bai`ah* (البَيْعَةُ) adalah ambilan daripada perkataan *al-bai`ah* (البَيْعُ) yang bermaksud jual-beli. Prof. Madya Mohd Sulaiman Haji Yasin menjelaskan bahawa menurut al-Quran setiap mukmin yang menyimpul tali ikatan Iman kepada Allah s.w.t. dengan lafaz:

ا ش ه د ا ن لَا إ لٰهَ مَا إ لٰهُ وَ ا ش ه د ا ن

مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Bererti ia telah menyimpul tali ikatan janji setia untuk menjual harta dan dirinya kepada Allah s.w.t. yang bersedia untuk membelinya dengan harga yang tidak ternilai.⁹⁰

seperti firman Allah s.w.t. dalam al-Quran:

ان الله اشتري من المؤمنين أنفسهم
واموالهم بان لهم الجنة^{٩١}

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah telah membeli daripada para mukmin akan harta dan diri mereka dengan syurga yang dijanjikan kepadanya.

Bai`ah ini merupakan suatu tradisi yang diwarisi turun temurun dalam mana-mana tarekat tasawwuf. Prof. Madya Mohd Sulaiman Haji Yasin juga menegaskan bahawa tradisi ini bukan suatu perkara yang diluar dari tradisi Islam. Bahkan tradisi yang diamalkan oleh tarikat merupakan satu usaha yang menghidupkan salah satu ciri Islam. Bai`ah dalam tasawuf mempunyai asas sejarahnya dalam Islam. Tanpa adanya asas sejarah ini ahli sufi tidak sanggup menjadikannya tradisi yang diamalkan.^{٩٢} Allah s.w.t. menegaskan, firmanNya:

لقد رضى الله عن المؤمنين اذ يبأيعونك

تحت الشجرة فعلم ما في قلوبهم فانزل

^{٩٣} السكينة عليهم

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah s.w.t. telah merelai orang-orang yang beriman ketika mereka berbai'ah denganmu (Muhammad) di bawah pohon Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka lalu Allah memberi ketenangan kepada mereka.

Ibn Abbas r.a. meriwayatkan sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang menyentuh perkara ini:

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ :
شَهِدْتُ الصَّلَاةَ يَوْمَ الْفَطْرِ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
فَكَلَّمَهُمْ يَصْلِيْهَا قَبْلَ الْخُطْبَةِ ثُمَّ يَخْطُبُ بَعْدَ
فَنَزَلَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَانَ
أَنْظَرَ إِلَيْهِ حِينَ يَجْلِسُ الرِّجَالُ بِيَدِهِ ثُمَّ
أَقْبَلَ يَشْقَمُهُ حَتَّى أَنْتَ النِّسَاءَ مَعَ بَلَالٍ ...⁹⁴

Maksudnya:

Dari Ibn Abbas r.a. telah berkat Aku telah menghadiri sembahyang hari raya Aidilfitri bersama-sama Rasulullah s.a.w. kemudian mereka menunaikan sembahyang sebelum khutbah, setelah itu khutbah dibaca. Setelah selesai khutbah, Rasulullah s.a.w. terus berdiri. Sesungguhnya aku lihat ke arahnya (Rasulullah) ketika para sahabat dari pihak lelaki duduk bersalaman dengan Baginda (melakukan bai'ah) kemudian Baginda menerima dengan menggenggam tangan mereka sehingga datang pula giliran sahabat dari kalangan wanita bersama-sama Bilal...

Dalam hadis di atas menggambarkan bahawa Rasulullah s.a.w. menerima bai'ah daripada para sahabat dari pihak lelaki dan apabila sahabat dari kaum wanita yang ingin melakukan bai'ah yang dipimpin oleh Bilal, Rasulullah s.a.w. melakukannya dengan cara yang berbeza. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina 'Aishah r.a.

قال ععروة قالت عاشرة فمن أقر بهذه
الشرط من الموعمنات قال لها رسول الله
صلى الله عليه وسلم قد بايتك كلاما ولا
و والله ما مامست يده يد امرأة قطفى
المبايعة ما يباعهن الا بقوله قد
بايتك على ذلك.⁹⁵

Maksudnya:

'Aishah berkata sesiapa yang berikrar dengan syarat ini dari kalangan kaum wanita Islam, Rasulullah s.a.w. akan menjawab kepadanya, sesungguhnya aku terima bai'ah kaum dengan percakapan dan tidak demi Allah Rasulullah s.a.w tidak menyentuh tangannya dengan tangan wanita sekalipun sewaktu upacara bai'ah dijalankan. Baginda tidak menerima bai'ah dari kalangan wanita kecuali dengan percakapan, iaitu "sesungguhnya aku terima bai'ah kaum yang demikian".

Al-Kandahlawi ada mencatatkan dalam kitab beliau, *Hayah al-Sahabah*, terdapat beberapa bentuk bai`ah yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. antaranya ialah bai`ah untuk menganut agama Islam⁹⁶ bai`ah untuk melaksanakan amalan-amalan atau rukun Islam⁹⁷ bai`ah untuk menyertai hijrah⁹⁸ bai`ah untuk membantu atau menolong Rasulullah s.a.w.⁹⁹ bai`ah untuk berjihad,¹⁰⁰ bai`ah untuk mati syahid pada jalan Allah s.w.t.¹⁰¹ dan bai`ah untuk mendengar dan mematuhi kepada Rasulullah s.a.w.¹⁰²

Merujuk kepada hadis-hadis dan apa yang dicatatkan oleh Al-Kandahlawi di atas yang merakamkan bai`ah yang berlaku antara Rasulullah s.a.w. dengan para sahabat, membuktikan bahawa bai`ah tidak sahaja tertentu kepada bai`ah *khilafah* iaitu bai`ah perlantikan khalifah (bai`ah yang diketahui umum), malah termasuk dalam kategori bai`ah apa sahaja bentuk perjanjian persetiaan untuk bertaqwa kepada Allah s.w.t.

Al-Kandahlawi menambah bahawa bai`ah adalah merangkumi beberapa aspek, antaranya bai`ah untuk menjauhi dari maksiat, bai`ah untuk bersungguh-sungguh melaksanakan perintah Allah s.w.t., dan meninggalkan

laranganNya pada zahir dan batin serta menumpukan pergantungan hati semata-mata kepada Allah s.w.t. dan bai`ah untuk mendapatkan *tabarruk* (keberkatan) dalam salasilah orang yang soleh.¹⁰³

Oleh kerana para sahabat melakukan bai`ah dengan Rasulullah s.a.w. semasa hayat Baginda, maka bai`ah ini diamalkan pula oleh pemimpin-pemimpin atau syeikh-syeikh tarikat tasawwuf. Para masyayikh tasawwuf adalah manusia yang mewarisi dakwah kepada Allah sama ada secara umum atau pun secara khusus, mewarisi *shahadat al-Haq* dan mewarisi keberkatannya.¹⁰⁴

Maka merekalah orang-orang yang layak untuk menjadi saksi terhadap ikatan atau simpulan janji setia atau bai`ah. Bai`ah dengan syeikh yang sah dalam mentaati Allah s.w.t. dan mencari keredaanNya adalah termasuk dalam makna umum seperti yang terbayang dalam ayat di bawah iaitu mengikut bai`ah dengan Allah.¹⁰⁵

انَّ الَّذِينَ يَبَايِعُونَكُمْ إِنَّ اللَّهَ يَدْ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ
فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكَثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَىٰ
بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فِي وَعْدِهِ أَجْرًا عَظِيمًا .¹⁰⁶

Maksudnya:

Bahwasanya orang-orang yang berjanji setia (bai`ah) kepada kamu sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah. Tangan Allah di atas tangan mereka. Maka barang siapa yang melanggar janjinya nescaya akibat dia melanggar janji itu akan menimpa dirinya sendiri dan barang siapa yang menepati janji kepada Allah, maka Allah akan memberinya pahala yang besar.

Amalan bai`ah yang dikaitkan dengan tarekat tasawuf seperti Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah adalah bertujuan menyatakan kesanggupan dan kesetiaan seorang murid terhadap syeikhnya dalam melaksanakan ajaran, arahan dan perintah yang dikeluarkan daripada gurunya. Begitu juga sebaliknya sebagai tanda persetujuan dan kesediaan daripada seorang syeikh untuk mengajar dan mendidik muridnya.

Ikatan persetiaan seumpama ini adalah sebagai titik permulaan perhubungan antara seorang murid untuk dididik dan ditingkatkan kerohanianya mengenal dan mencintai Allah s.w.t. seterusnya mendapat keredaanNya. Bagi mencapai matlamat yang murni ini sudah semestinya daripada pihak syeikhnya menerima murid ini dengan penuh tanggung jawab dan dengan ikhlas kerana Allah yang akhirnya kedua-dua pihak ini mendapat restu dan keredaan Allah s.w.t.

Ikatan persetiaan ini sekali pandang merupakan perjanjian persetiaan antara seorang murid dengan syeikhnya, tetapi pada hakikatnya adalah merupakan perjanjian persetiaan seorang mukmin kepada Allah. Ini kerana syeikh adalah pewaris Nabi yang mewarisi dakwah dan keberkatan Nabi s.a.w. Berbai`ah untuk mentaati dan mencintai syeikh bererti mentaati dan mencintai nabi dan seterus kepada Allah. Dalam hal ini syeikh merupakan wasilah atau orang yang layak menerima persetiaan tersebut untuk mencari keredhaan Allah s.w.t. Seperti firman Allah s.w.t. :

ان الذين يبايعونك انما يبايعون الله...¹⁰⁷

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang berbai`ah dengan engkau (wahai Muhammad) mereka itu sebenarnya berbai`ah dengan Allah s.w.t.

Seperti yang dijelaskan di atas bahawa bai`ah bermaksud suatu ikatan persetiaan antara murid dengan syeikhnya. Manakala syeikh pula mendidik muridnya supaya mentaati Allah s.w.t. iaitu dengan meninggalkan laranganNya dan melaksanakan suruhanNya. Keadaan seumpama ini akan mendapat keampunan dan keredaan daripada Allah s.w.t. Firman Allah:

يَا يَهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمَوْعِدَ مِنْتَ يَبْا يَعْنَكَ
عَلَى أَنَّهُ لَا يُشْرِكُنَ بِاللهِ شَيْئًا وَلَا يُسْرِقُنَ وَلَا
يُقْتَلُنَ أُولَدُهُنَ وَلَا يَأْتِيَنَ بِبَهْتَنَ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ
أَيْدِيهِنَ وَأَرْجُلَهُنَ وَلَا يَعْصِيَنَ فِي مَعْرُوفٍ
فِي مَعْرُوفٍ وَاسْتَغْفِرُ لَهُنَ اللَّهُ أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ¹⁰⁸

Maksudnya:

Wahai Nabi, jika para mukminat datang menemuimu untuk mengambil bai'ah atau mengikat perjanjian persetiaan, iaitu agar tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu pun, tidak mencuri, tidak membunuh anak-anaknya, tidak membuat dusta dan tidak menderhaka pada segala yang makruf maka hendaklah engkau bai'ahkan mereka dan pohonkanlah kepada Allah mengampuni dosa mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha mengasihani.

Justeru itu setiap orang yang hendak menjadi murid atau menyertai sesuatu tarikat tasawuf dimestikan melakukan bai'ah ini dan dia dikehendaki mematuhi serta menunaikan apa yang dijanjikan itu. Dengan ini dia akan mendapat ganjaran yang besar dari Allah s.w.t.

Perlu ditegaskan di sini bahawa mana-mana murid yang melakukan bai'ah tidak sahaja dikehendaki mematuhi bai'ah tersebut tetapi ditegah sama sekali melanggar

atau mengenepikan bai`ah tersebut kerana ditakuti balasan buruk akan menimpanya. Seperti firman Allah:

... فَمَنْ نَكِثَ فَإِنَّمَا يُنكِثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ وَمَنْ

أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسِيرُ وَعْدَهُ أَجْرًا

¹⁰⁹ عظيما.

Maksudnya:

Sesiapa yang mengingkari perjanjian tersebut nescaya akibat dia melanggar persetiaan tersebut, akan menimpa dirinya sendiri dan sesiapa yang mematuhi perjanjian yang dibuatnya dengan Allah maka Allah akan mengkurniakan kepadanya ganjaran yang besar.

Dalam sejarah dakwah umumnya dan sejarah ahli tasawuf khususnya bahawa bai`ah yang dilakukan dengan syeikh atau oleh syeikh telah memberi natijah yang sungguh berkesan walaupun orang yang mengikat bai`ah dengan syeikh itu tidak semestinya seratus peratus akan setia tetapi suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan daripada mereka yang mengikat bai`ah akan patuh dan setia kepada bai`ahnya.¹¹⁰

Kesan yang sedemikian dalam jiwa untuk memelihara apa yang dibai`ahkan itu pada hakikatnya bukanlah kerana bai`ah itu sendiri, tetapi adalah kerana keberkatan

syeikh yang membai`ahkan itu, kerana dia merupakan wakil dan saksi ke atas bai`ah tersebut. Sesungguhnya konsep orang-orang yang talih (طالح) (orang yang jauh dengan Allah atau orang yang jahat) dengan orang yang salih (صالح) adalah berbeza.

Dari segi psikologi sudah tentu berbeza antara penyaksian orang yang hampir dengan Allah s.w.t. dengan orang yang jauh dari Allah. Kehangatan imannya, kepenuhan penyerahan dirinya kepada Allah, kebenaran dan keikhlasannya pada ilmu dan amal, dekat hubungannya dengan Allah, kepadatan rasa cintanya kepada Allah merupakan tenaga yang menghasilkan kesan tersebut.¹¹¹

Cara bai`ah yang dilakukan dalam organisasi-organisasi tarekat tasawuf adalah hampir sama iaitu sama ada seorang murid berjabat tangan dengan seorang syeikh sahaja atau berjabat tangan dengan syeikh serta diletakkan tangan syeikh di atas kepalanya.¹¹² Dalam masa berjabat tangan ini, syeikh akan talqinkan (mengajar) ajaran-ajaran kepada muridnya. Lazimnya di akhir upacara bai`ah iaitu selepas talqin daripada syeikh, syeikh akan membaca sepotong ayat al-Quran iaitu:

ان الذين يبايعونك انما يبايعون الله فوق
 أيديهم فمن نكث فانما ينكث على نفسه ومن
 أوفى بما عهد عليه الله فسيواعته أجر
 عظيما .¹¹³

Talqin dalam tarekat tasawwuf bermaksud peringatan atau pengajaran seorang syeikh atau guru kepada muridnya.¹¹⁴ Talqin ini dilaksanakan adalah sebagai mewarisi apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Syeikh Yusof al-'Ajami menerangkan bahawa 'Ali ibn Abi Talib r.a. ada meminta daripada Rasulullah s.a.w. supaya menunjukkan kepadanya jalan yang paling hampir untuk menuju kepada Allah s.w.t. katanya

قلت: يا رسول الله، دلني على أقرب الطرق إلى الله عز وجل وأسهلها على العباد وأفضلها عند الله تعالى، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ، يا علي، عليك بمداومة ذكر الله عز وجل سراً وجهراً، فقال على رضي الله عنه : كل الناس ذاكرون يا رسول الله، وإن ما أريد أن تخصني بشيء .

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ، مه يا
 على ، أفضل ما قالت أنا والنبيون من قبلى ،
 لا إله إلا الله ، ولو أن السماوات السبع
 والأرضين السبع في كفة ولا إله إلا الله في
 كفة لرجحت لا إله إلا الله يا على لا تقوم
 الساعة وعلى وجه الأرض من يقول الله .¹¹⁵

Maksudnya:

Telah berkata ('Ali): Wahai Rasulullah,
 tunjukkanlah kepada aku jalan yang paling hampir
 kepada Allah, yang paling mudah bagi hamba-
 hambanya dan yang paling afdal disisi Allah
 s.w.t. , maka Rasulullah s.a.w. pun berkata:
 Wahai 'Ali, engkau hendaklah sentiasa
 berzikrullah (mengingati Allah) secara sirr (di
 dalam hati) atau secara terang, 'Ali r.a. pun
 berkata: setiap orang berzikir wahai Rasulullah
 s.a.w. sesungguhnya aku mahu supaya engkau
 mengkhususkan aku dengan sesuatu Rasulullah
 s.a.w. pun berkata: Mari ke sini wahai 'Ali,
 sesuatu yang paling afdal yang aku kata dan juga
 nabi-nabi sebelumku ialah (لا إله إلا الله)
 sekiranya langit tujuh lapis dan bumi tujuh lapis
 berada pada sebelah neraca dan (لا إله إلا الله)
 berada pada sebelah yang lain nescaya (لا إله إلا الله)
 lebih berat، wahai 'Ali، tidak berlaku qiamat
 sedangkan di atas muka bumi ini masih ada orang
 yang berkata: Allah.

Selanjutnya Syeikh Yusof al-Ajami menambah bahawa 'Ali kemudianya telah meminta talqin dari Rasulullah s.a.w. dengan katanya:

كيف أذكر؟ فقال رسول الله صلى عليه وسلم :
أغمض عينيك وأسمع مني مرات ثم قل انت، لا
الله الا الله، ثلاث مرات وأنا أسمع، فقال
رسول الله صلى عليه وسلم ثلاث مرات، لا الله
الا الله مغمضا عينه رافعا صوته وعلى رضى
الله عنه يسمع، ثم قال على رضى الله عنه لا
الله الا الله ثلاث مرات مغمضا عينيه هرافعا
صوته والنبي صلى الله عليه وسلم يسمع.¹¹⁶

Maksudnya:

Bagaimana cara berzikir? Rasulullah s.a.w. bersabda: Pejamkan kedua-kedua matamu dan dengarlah dariKu tiga kali,kemudian engkau katalah (لا الله الا الله) tiga kali dan Aku mendengar, maka Rasulullah s.a.w. pun berkata tiga kali (لا الله الا الله) dalam keadaan memejamkan kedua-kedua matanya serta mengangkat suaranya dan 'Ali r.a. mendengar, kemudian 'Ali berkata (لا الله الا الله) tiga kali dalam keadaan memejamkan kedua-kedua matanya serta mengangkat suaranya dan Nabi s.a.w. mendengar.

Abd Wahhab al-Sya'roni juga mencatatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengajar atau menterangkan kalimah tauhid kepada para sahabat sama ada secara berkumpulan atau secara individu. Talqin secara berkumpulan seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Bazzar, al-Tabrani dan lain-lain lagi, di mana pada suatu hari Rasulullah s.a.w. telah berkumpul bersama sahabat-sahabatnya lalu baginda bertanya:

هُلْ فِيهِمْ غَرِيبٌ؟ يَعْنِي أَهْلَ الْكِتَابِ،
قَالُوا: لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَأَمَرَ بِغَلَقِ الْبَابِ
وَقَالَ: ارْفِعُوا إِيْدِيهِمْ وَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا
الله.

Maksudnya:

Adakah bersama-sama kamu ini orang asing? (maksud baginda ialah ahli kitab iaitu orang Yahudi dan Nasrani), Para sahabat menjawab: Tidak ada wahai Rasulullah, lalu baginda menyuruh supaya ditutup pintu kemudian baginda berkata: Angkatlah tangan kamu dan katakanlah (لا إله إلّا الله).

Perawi hadis ini (salah seorang sahabat, Shaddad ibn Aus) menceritakan bahawa selepas itu mereka telah mengangkat tangan dan berkata (عَلَّمَنَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ) kemudian Rasulullah s.a.w. berdoa dengan katanya:

اللَّهُمَّ إِنِّي بَعْثَتْنِي بِهَذِهِ الْكَلِمَةِ وَأَمْرَتْنِي
بِهَا وَوَعَدْتْنِي عَلَيْهَا الْجَنَّةَ .

Maksudnya:

Ya Allah, sesungguhnya Engkau telah mengutuskan aku dengan kalimah ini dan Engkau menyuruh aku dengannya (menyampaikannya) dan Engkau menjanjikannya kepada aku syurga.

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَلَا أَبْشِرُوكُمْ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَدْ غَفَرَ لَكُمْ .¹¹⁸

Maksudnya:

Bergembiralah kerana sesungguhnya Allah telah mengampunkan kamu.

Upacara bai'ah dan talqin merupakan suatu perkara yang penting bukan sahaja dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah malah amalan ini menjadi penting dalam semua tarekat Sufiyah. Umpamanya tarikat Qadariyah, Rifaiyah

Baktisiyah dan Maulawiyah menjadikan ikrar sebagai talqin yang ringkas dalam mengakhiri upacara bai`ah yang mesti dilaksanakan oleh sesiapa yang ingin mengikuti tarekat mereka.¹¹⁹

Dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah upacara ini dilaksanakan oleh seorang syeikh atau guru yang *kamil mukammil* (syeikh yang mencapai maqam kerohanian yang sempurna dan diberikan pula untuk mendidik orang lain). Ini merujuk kepada kata-kata Syeikh Baha' al-Din Naqsyaband yang bermaksud:

*"Talqin zikir sepatutnya dilakukan oleh syeikh yang kamil mukammil supaya ia dapat meninggalkan kesan(pada diri murid) dan tercapai natijahnya.*¹²⁰

Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, upacara bai`ah dan talqin ini dilakukan oleh syeikhnya sendiri iaitu Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail dan dibantu oleh khalifahnya Haji Habib Syah. Cara menerima bai`ah tarekat ini adalah seperti berikut:¹²¹

1. Individu (murid) yang akan menerima tarekat ini terlebih dahulu diminta mandi taubat dan mengambil wuduk.

2. Sembahyang sunat taubat dua rakaat dengan niat bertaubat dari segala dosa-dosa. Selepas sembahyang, murid hendaklah ingat di dalam hati bahawa dia banyak berdosa dan memohon ampun serta bertaubat kepada Allah s.w.t.
3. Selepas sembahyang sunat taubat datang kehadapan syeikh dengan duduk *tawarruk* seperti duduk dalam *tashahhud akhir*, tetapi diterbalikkan dengan melipat kedua-kedua kaki di sebelah kiri dan duduk di sebelah kanan kemudian mengucap salam kepada syeikh.
4. Syeikh akan menyambut salam itu dan mengarahkan murid meletakkan tangan di atas pahanya (murid) sambil tangan kanan memegang tasbih.
5. Syeikh akan menerangkan kepada murid di mana letaknya hati (*latifah al-Qalbi*). Kedudukan hati ialah lebih kurang dua jari di bawah tetek sebelah kiri murid tersebut.
6. Kemudian syeikh membaca *istighfar* sekurang-kurangnya tiga kali atau lebih tetapi dalam bilangan yang ganjil dan diminta murid mengikutinya.

7. Seterusnya syeikh membaca surah al-Fatiyah sekali dan surah al-Ikhlas sebanyak tiga kali serta menghadiahkan pahala bacaan kedua-duanya kepada Rasulullah s.a.w. dan juga kepada imam tarikat Naqsyabandiyah iaitu Syeikh Muhammad Baha' al-Din Naqsyaband al-Uwaisi al-Bukhari dan diminta murid mengikutinya.
8. Syeikh akan meminta murid memandang atau bertawajuh kepada hati (latifah al-Qalbi) secara khayalan (isyarat).
9. Syeikh akan mengajarkan atau mentalginkan kepada murid tersebut zikir *Ism al-zat*($\ddot{\text{a}}\text{l}$) pada latifah al-Qalbi. Murid dikehendaki mengamal kannya sebanyak lima ribu kali dalam sehari semalam.

Tata cara bai`ah dan talqin seperti yang dinyatakan di atas adalah untuk murid lelaki. Bagi murid perempuan yang muhram dengan syeikh maka caranya adalah sama seperti di atas. Bagi murid perempuan yang bukan muhram dengan syeikh bai`ah dan talqin akan dilakukan disebalik tabir.¹²² Mana-mana individu yang telah menerima bai`ah dan talqin zikir ini maka dia sudah menjadi seorang murid

atau salik yang *mubtadi'* (yang berada pada peringkat permulaan) dalam Tarekat Naqsyabandiyah ini.

Melalui bai`ah dan talqin yang dilakukan ini maka bermulalah hubungan kerohanian di antara murid dengan syeikh. Syeikh atau khalifah juga pembantu-pembantu yang lain akan mengajar kepada murid tentang adab-adab dan syarat-syarat dalam mengamalkan tarekat ini.

Murid dikehendaki mematuhi adab-adab yang ditetapkan supaya hubungan kerohanian ini bertambah baik dan murid akan mencapai ketingkatan kerohanian yang lebih tinggi.

Tuan Haji Muhammad Yatim menegaskan bahawa tujuan perjalanan kerohanian tidak akan tercapai kecuali dengan mematuhi adab-adab dan syarat-syarat tersebut.¹²³ Adab-adab ini merangkumi adab murid dengan syeikh. Adab-adab terhadap diri sendiri, adab-adab yang berkaitan dengan perhubungan dan pergaulan di antara dirinya dengan murid yang lain. Adab-adab ini akan dibincangkan dengan terperinci dalam bab berikutnya.

Suatu senario yang penulis ingin jelaskan di sini ialah upacara bai`ah dan talqin yang dilakukan di Pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah ialah dalam keadaan tertutup daripada pandangan orang ramai, iaitu di dalam surau yang ditutup pintu dan tingkap tetapi lampu-lampu di dalamnya tetap dinyalakan.¹²⁴ Hal ini dikenali sebagai 'menutup pintu' di kalangan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah.

Merujuk kepada Syeikh Muhammad ibn `Abdillah al-Khani bahawa 'menutup pintu' merupakan syarat-syarat yang paling penting khusus kepada Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ini.¹²⁵ Keadaan seumpama ini dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin tarekat ini adalah berpandukan kepada apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ketika baginda mentalqinkan kalimah tauhid kepada sekumpulan para sahabat seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini.

Syeikh `Abd al-Wahab al-Sya`roni telah merakamkan pernyataan Syeikh Yusuf al-Ajami yang mengulas hadis di atas yang menyentuh tentang Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan supaya 'menutup pintu' sebelum baginda

mengajar atau mentalqinkan kepada mereka kalimah tauhid dengan menyatakan:

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya ditutup pintu, adalah untuk mengingatkan bahawa jalan golongan sufiyah adalah berdasarkan kepada sembunyi (tertutup atau rahsia) dan ini adalah berbeza dari syariat kerana itu seseorang ahli tarikat itu tidak sepatutnya bercakap tentang hakikat di hadapan orang yang tidak mempercayainya kerana ditakuti dia akan mengingkarinya sehingga menyebabkan dia dimurkai (oleh Allah).¹²⁶

Berdasarkan kepada partisipasi dan observasi penulis di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, penulis dapati terdapat dua golongan murid yang berbeza di sini iaitu :-

Pertama - Golongan murid yang hanya melakukan bai`ah dan menerima talqin zikir tarekat ini sahaja.

Kedua - Golongan murid yang melakukan bai`ah dan talqin zikir serta turut mengikuti program suluk atau riadah.

Fenomena seperti ini juga berlaku di pusat induk Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Nusantara iaitu di Babussalam, Langkat, Sumatera Utara di bawah pimpinan Syeikh Abdul Wahab Rokan al-Khalidi Naqsyabandi.¹²⁷

3.5 TAWASSUL

Perkataan **tawassul** berasal daripada perkataan tawassala (توسل), wasala (وصل) dan waassala (وصل) ertinya mendekatkan diri menurut al-Jawhari:

الوسيلة ما يتقرب به الغير والجمع
الوسائل.¹²⁸

Bermaksud: *Al-wasilah ialah apa yang dengannya kita mendekati orang lain. Jamaknya al-wasil dan al-wasail.*

Pengertian wasilah atau **tawassul** menurut istilah syarak pula ialah mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dengan mentaati serta mengibadatiNya, mengikuti para Nabi dan Rasul-rasulnya dan dengan setiap amalan yang dicintai dan diredayaNya.¹²⁹

Amalan bertawassul ini ada dinyatakan di dalam al-Quran seperti firman Allah s.w.t.

يَا يٰ هٰذِي نَّمَنْوَاتِقَ وَ ا اللَّهُ
وَ ابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَهُ فِي سَبِيلِهِ لِعِلْكَمْ
تَفْلِحُونَ.¹³⁰

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan carilah wasilah (jalan) yang menyampaikan kepadaNya dan berjihadlah kamu di jalan Allah, mudah-mudahan kamu beroleh kejayaan.

Di dalam hadis azan:

اللهم أت محمد الوسيلة

Ertinya: "Ya Allah, berikanlah kepada Muhammad al-wasilah".

Ini bermaksud dekat kepada Allah s.w.t, ada pendapat yang mengatakan membawa erti syafaat pada hari kiamat dan juga ada yang mengatakan ia adalah salah satu kedudukan daripada kedudukan syurga.¹³¹

وَالْوَسِيلَةُ بِالْأَعْمَالِ الصَّالِحةِ وَلَا تَكُنِ الْأَعْمَالُ
الصَّالِحةُ إِلَّا بِالْإِحْلَامِ وَلَا تَكُونُ الْأَعْمَالُ
الصَّالِحةُ مُخْلَصَةٌ إِلَّا إِذَا خَلَ عَنِ الشَّوَائِبِ.
وَقَدْ حَصَلَ لَنَا بِالتجْرِيَةِ أَنَّا إِذَا أَشْتَغَلْنَا
بِالرَّابِطَةِ خَلَتْ أَعْمَالُنَا عَنِ شَوَائِبِ الْغَفْلَةِ.

وَالْعَمَلُ مَعَ الْغَفْلَةِ غَيْرُ مُعْتَدٍ بِهِ لَأَنَّهُ
يُكْتَبُ لِلنَّبِيِّ مِنْ صَلَاتِهِ مَا عَقَلَ مِنْهَا . فَهِيَ أُى
الرَّابِطَةِ مِنَ الْوَسَائِلِ الْمُوجَبَةِ زُوَّالُ الْغَفْلَةِ .
وَزُوَّالُ الْغَفْلَةِ مَقْصُودٌ وَمَا وَصَلَ إِلَى الْمَقْصُودِ
مَقْصُودٌ وَمَنْ لَازَمَ زُوَّالَ الْغَفْلَةِ الْحَضُورُ وَهُوَ مِنْ
أَشْرَفِ الْوَسَائِلِ فَالرَّابِطَةُ الْمُوجَبَةُ زُوَّالُ
الْغَفْلَةِ الْحَضُورُ مِنْ أَشْرَفِ الْوَسَائِلِ .¹³²

Maksudnya:

Dan wasilah kepada Allah itu ialah berbagai amalan salih. Berbagai amal perbuatan itu tidak akan menjadi amalan salih kecuali (bila dikerjakan) dengan ikhlas. Berbagai amalan salih itu tidak akan menjadi amalan yang ikhlas kecuali bila amalan tersebut bersih daripada berbagai unsur yang mengotorkannya. Sesungguhnya menerusi pengalaman/percubaan, iaitu bila kami menumpukan amalan rabitah, maka kami dapat natijah iaitu amalan-amalan kami itu bersih daripada unsur kekotoran (ghaflah) lalai. Amalan yang dilakukan dengan keadaan ghaflah hati itu tidaklah dikira atau tidak diterima, kerana hukum telah menetapkan bahawa tidak akan ditulis pahala bagi seseorang hamba daripada amalan sembahyangnya itu kecuali setakat yang ia ingat sahaja. Rabitah itu adalah sebahagian daripada berbagai wasilah yang dapat memastikan terhapusnya sifat ghaflah atau tidak ingatkan Allah. Terhapusnya sifat ghaflah itu adalah menjadi maksud atau matlamat (daripada amalan dan iman kita).

Dan sesuatu yang dapat menyampaikan kepada maksud atau matlamat itu adalah dikira sebagai maksud atau matlamat juga. Dan sebahagian daripada perkara yang lazim ada daripada hilangnya sifat ghaflah itu ialah sifat hudur atau hati itu sentiasa menumpu kepada mengingati Allah dan sifat hudur itu adalah merupakan sebaik-baik wasilah. Oleh itu maka rabitah yang dapat memastikan terhapusnya sifat ghaflah dan memestikan pula tercapainya hudur itu adalah merupakan sebahagian daripada wasilah yang sebaik-baiknya.

Perkataan seorang mukmin yang menyeru wahai polan ketika berada di dalam kesusahan, termasuk dalam tawassul yang diseru kepada Allah. Dan diseru itu hanya majaz, bukan hakikat. Maknanya wahai polan, aku minta dengan sebabmu, pada Tuhanmu, agar Dia melepaskan kesusahanku atau mengembalikan barangku yang hilang dari ku, yang diminta dari Allah s.w.t.

Hanya diucapkan kepada Nabi atau wali sebagai majaz dan perhubungan antara keduanya, maka niat meminta pada Nabi hanyalah sebab sahaja. Dan diucapkan kepada yang harus pada syarak dan adat, umpamanya meminta tolong kepada isteri memasak nasi sebenarnya kita meminta pertolongan dengan sebab isteri, pada Tuhan agar Dia menolong kita. Sebab kita yakin bahawa kuasa untuk memasak datangnya daripada Allah s.w.t.

Siapa yang yakin isterinya ada kuasa sendiri untuk memasak, maka itu boleh membawa kepada syirik.

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Thabrani bahawa:

عَنْ عُثْبَةَ بْنِ عَزْوَانٍ عَنْ نَبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا أَضْلَلْتَ أَحَدَكُمْ شَيْئًا أَوْ أَرَادَ عَوْنَاهُ وَهُوَ بِأَرْضٍ لَيْسَ بِهَا أَنِيْسٌ فَلَا يُقْلَلُ يَا عَبَادَ اللَّهِ أَعِثُّونَى فَإِنَّ اللَّهَ عَبَادًا لَا نَرَا هُوَ قَدْ جَرَبَ ذَلِكَ.¹³³

Maksudnya:

Dari 'Utbah ibni Ghazuan, "Apabila telah menyesatkan kamu akan sesuatu atau ingin meminta pertolongan, sedangkan dia berada di satu bumi yang tidak ada padanya kawan, maka hendaklah dia berkata, "wahai hamba-hamba Allah, tolong aku," maka sesungguhnya bagi Allah itu ada hamba-hamba yang tidak dapat dilihat.

Riwayat Thabrani.

Di dalam hadis lain al-Thabrani meriwayatkan bahawa:

وَعَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ مَلَائِكَةٌ فِي الْأَرْضِ سُوا الْحَفْظَةِ يُكْتَبُونَ مَا يُسْفَطُ مِنْ وَرْقِ الشَّجَرِ فَإِذَا أَصَابَ أَحَدَكُمْ عَرْجَهُ بِأَرْضِ فَلَادَةٍ فَلِيَنْادِيَ اللَّهَ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ¹³⁴.

Maksudnya:

Dari Ibnu Abbas, sesungguhnya bagi Allah itu ada malaikat selain hafazah, mereka menulis apa yang jatuh dari daun pokok. Apabila menimpa kepincangan di bumi yang luas, hendaklah dia menyeru, tolong aku wahai hamba Allah.

Abu Ya'la dan al-Thabrani juga meriwayatkan bahawa:

وَعَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُسْعُودٍ أَنَّهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا انْفَلَتْ دَابَّةٌ أَحَدَكُمْ بِأَرْضِ فَلَادَةٍ فَلِيَنْادِيَ اللَّهَ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْسِبُوهُ أَيْ عَبَادَ اللَّهِ احْسِبُوهُ فَإِنَّ اللَّهَ حَاضِرٌ فِي الْأَرْضِ سِيَّاحٌ.

Maksudnya:

Dari Abdullah Ibnu Mas'ud, dia berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w. apabila terlepas binatang salah seorang kamu di satu bumi yang luas, maka dia hendaklah menyeru, wahai hamba-hamba Allah, kurung oleh mu, maka bagi Allah itu ada hamba-hambanya yang akan mengurung.

Saidina Umar ibni Khattab ketika berdoa pernah melakukan dengan cara berwasilah seperti yang diriwayatkan oleh Anas bahawa:

ان عمر ابن الخطاب رضي الله عنه كان
اذا مخطوا استفسى بالعباس ابن العبد
المطلب فقال: اللهم انا كنا فتوسل
الىك بنبينا صلى الله عليه وسلم
فتسلقينا وانا فتوسل اليك بعم نبينا
فاسقنا قال فيس قون.¹³⁶.

Sahih Bukhari hal. 321.

Maksudnya:

Dari Anas bahawasanya Umar ibn Khattab adalah ketika musim kemarau meminta hujan dengan berkat Abbas bin Mutalib dan doanya: Hai Tuhan kita, kami dahulu meminta dengan berkat Nabi Engkau, sekarang kami bertawassul dengan bapa saudara Nabi kami, maka turunlah hujan.

Tawassul hanya kepada hamba-hamba Allah yang layak untuk diseru. Meminta pertolongan kepada mereka itu, sebenarnya ialah kerana mereka ialah orang-orang Allah yang memang ditugaskan untuk itu.

Sebab Allah s.w.t. hendak memberi pertolongan kepada manusia itu, bukan secara langsung tetapi ada perantaraannya. Malaikat Jibril menghantar wahyu, Mikail pula menurunkan (memberi) rezeki, Izrael mengambil nyawa (semua jenis makhluk), Israfil meniup sangkakala dan begitulah seterusnya dengan lain-lain malaikat yang memiliki tugas masing-masing.

Antara dalil ma`thur daripada Nabi s.a.w. seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Majah yang meriwayatkan daripada Abi Sa`id al-Khurdi r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang maksudnya:

"Barang siapa yang keluar daripada rumahnya menuju (masjid) untuk sembahyang sambil membaca (doa di bawah ini) melainkan Allah akan menugaskan tujuh puluh ribu malaikat bagi meminta keampunan baginya dan Allah menghadap kepadanya dengan wajahnya sehingga ia selesai daripada sembahyangnya."

اللهم انى اسألك بحق السائلين عليك
 وأسألك بحق مشاى هذا فانى لم اخرج شرا
 ولا بطرا ولا رياء ولا سمعة وخرجت اتقاء
 سخطك وابتغاء مرضتك فاشالك ان تندننى من
 النار وأن تدخلنى الجنة وأن تغفر لى
 ذنبى انه لا يغفر الذنب الا أنت.¹³⁷

Maksudnya:

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu dengan hak orang-orang yang memohon kepadaMu dan hak berjalannya aku ini, sesungguhnya aku tidak keluar untuk berbuat kejahatan, menyombong, menunjuk-nunjuk atau pun mencari nama, tetapi aku keluar untuk berlindung dari kemurkaanMu dan mencari keredaanMu. Aku memohon kepada Mu supaya Engkau menyelamatkan aku daripada api neraka dan supaya Engkau mengampuni segala dosaku, sesungguhnya tidak ada yang boleh mengampuni dosa selain daripada Engkau.

Musa Muhammad Ali menyatakan bahawa al-Hafiz al-Mundhiri telah mengambil pengesahan hadis ini daripada salah seorang syeikhnya bahawa hadis ini adalah

hasan dan begitu juga disahkan demikian oleh al-Iraqi di dalam kitabnya *al-Mughni*.¹³⁸

Daripada kenyataan ini, menunjukkan bahawa doa bertawassul itu boleh diertikan sebagai "memohon kepada Allah s.w.t. dengan mengingatkan sesuatu hal yang dikasihi atau diredayai Allah s.w.t."¹³⁹ Hubungan ini dapat disamakan seperti apa yang dinyatakan oleh Musa Muhammad Ali sebagai:

كُلُّ مَا جَعَلَهُ اللَّهُ سبِيلًا فِي الْقُرْبَى عَنْدَهُ
وَوَصَّلَةُ إِلَى قَضَاءِ الْحَوَاجِزِ مِنْهُ.

Maksudnya:

Tiap-tiap sesuatu yang telah dijadikan oleh Allah sebagai sebab untuk menghampirkan diri kepadaNya dan sebagai jalan yang menyampaikan pelbagai hajat kepada Allah s.w.t.

Musa Muhammad Ali selanjutkan menegaskan bahawa "meminta dengan Rasulullah s.a.w. bukan bererti meminta kepada Rasulullah s.a.w., tetapi meminta

kepada Allah dengannya. Apabila kita dibolehkan meminta dengan amalan (meminta dengan bertawassul dengan amalan), sedangkan amalan adalah makhluk, maka meminta dengan bertawassul dengan Rasulullah s.a.w. tentunya lebih utama untuk dibolehkan.¹⁴¹

Al-Imam al-Baihaqi di dalam kitabnya *Dala'il al-Nubuwwah*, al-Tibrani di dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Saghir* dan al-Hakim di dalam kitabnya *al-Mustadrak* telah meriwayatkan hadis dari 'Umar ibn al-Khattab r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لما اقترف آدم الخطيئة قال: يا رب
أسألك بحق محمد الا غفرت لى. فقال الله
تعالى: يا آدم كيف عرفت محمدًا ولم أخلقه.
قال: يا رب انك لما خلقتني رأيتك
على قوائمه العرش مكتوبا لا إله الا الله
محمد رسول الله فعلمت أنك. لم تضف إلى
اسمائك الا احب الخلق إليك. فقال الله:

صَدَقْتُ يَا آدَمَ إِنَّهُ لَأَحَبُّ الْخَلْقِ إِلَيَّ فَإِذَا

سَأَلْتَنِي بِحَقِّهِ غَفَرْتَ لِكَ.^{١٤٢}

Maksudnya:

Ketika Adam a.s. melakukan kesalahan beliau berkata dengan berdoa: wahai Tuhan, aku memohon kepada Engkau dengan hak Muhammad supaya Engkau ampuni aku. Maka Allah s.w.t. berfirman : Wahai Adam, bagaimana Engkau boleh mengenal Muhammad sedangkan Aku belum menciptanya lagi? Adam menjawab: Ya tuhanmu, sesungguhnya ketika Engkau sedang menjadikan aku, aku telah mengangkat kepalaiku maka aku melihat di atas tiang-tiang 'Arasy tulisan : La ilaha ill' llah Muhammadur Rasulullah. Maka (kerana itu) aku tahu bahawa Engkau tidak akan menyertakan nama Engkau kecuali kepada orang yang paling Engkau cintai. Maka Allah s.w.t. berfirman : Benar engkau hai Adam: sesungguhnya ia (Muhammad) adalah makhluk yang paling Aku cintai, dan apabila engkau memohon kepada Aku dengan haknya, Aku akan ipunkan (dosa) engkau itu.

Berdasarkan hadis ini menunjukkan bahawa Nabi Adam a.s. telah bertawassul dengan Rasulullah s.a.w. sebelum baginda diutuskan dan sebelum dilahirkan lagi ke dunia ini. Sheikh Musa Muhammad Ali merumuskan berdasarkan hadis tersebut dengan katanya :

وفي هذا الحديث التوسل برسول الله صلى الله عليه وسلم ثبل أن يتشرف هذا العالم بوجوده وأن المدار في صحة التوسل أنه لا يشترط كونه حيا في دار الدنيا ، ويعلم من هذا أن القول بأن التوسل لا يصح باحد إلا وقت حياته في دار الدنيا قول من اتبع ¹⁴³ هو اه بغير هدى من الله.

Maksudnya:

Di dalam hadis tersebut, (telah diamalkan bertawassul dengan Rasulullah s.a.w. sebelum alam ini menyaksikah kewujudan (dirinya). Dan dasar sahnya bertawassul itu tidaklah disyaratkan kepada Nabi itu hidup di dunia ini. Dari fakta ini dapat diketahui bahawa pendapat yang mengatakan bahawa bertawassul dengan seseorang itu tidak sah kecuali di masa hidupnya di dunia ini, adalah merupakan pendapat yang tidak tepat.

Lanjutan daripada ini juga dijelaskan bahawa bertawassul dengan baginda s.a.w. adalah diharuskan sama ada semasa hidupnya atau selepas kewafatannya.

Merujuk kepada firman Allah s.w.t.

ولو انهم اذ ظلموا أنفسهم جاءوك
فاستغفروا الله واستغفروا لهم الرسول
لوجدوا الله توابا رحيمـا .^{١٤٤}

Maksudnya:

Jika mereka yang menganiyai diri mereka itu (berbuat dosa) datang kepada engkau (Muhammad) lalu mereka meminta keampunan kepada Allah dan rasul juga memohon keampunan untuk mereka, tentulah mereka mendapatkan Allah itu maha penerima taubat lagi penyayang.

Kenyataan yang digambarkan oleh ayat ini menunjukkan bahawa amalan doa yang baik ialah berdoa di hadapan Rasulullah s.a.w. semasa baginda masih hidup, dan yang terlebih baik ialah baginda juga turut berdoa bagi orang yang mahukan sesuatu daripada Allah. Fenomena berdampingan dengan Rasulullah s.a.w. ini adalah wasilah dan doa baginda itu juga wasilah.

Sesudah Rasulullah s.a.w. wafat amalan **bertawassul** diteruskan iaitu dengan berdoa dimakam baginda, kerana kewafatan baginda tidak bererti telah terputus pangkat

kerasulan dan keberkatannya. Berdasarkan kepada pegangan ahl al-Sunnah wa al-Jamaah bahawa baginda s.a.w. adalah ‘hidup’ di dalam kuburnya dan mendengar salam orang yang memberi salam. Seperti yang ditegaskan oleh al-Imam al-Subki dengan katanya:

فَقَدْ ثَبَتَ عَلَىٰ كُلِّ تَقْدِيرٍ أَنَّ الْأَمْرُورُ الْثَّلَاثَةَ
الْمَذْكُورَةُ فِي الْآيَةِ حَاصلَةٌ لِمَنْ يَجْئِي إِلَيْهِ
صَلَوةُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ مُسْتَغْفِرًا فِي حَيَاتِهِ
وَبَعْدَ مَمَاتَهُ.¹⁴⁵

Maksudnya:

Dipandang dari sudut mana sekali pun, sesungguhnya telah sabitlah tiga perkara yang tersebut di dalam itu (datang menemui Rasulullah s.a.w. meminta keampunan bagi orang yang berdoa hadapannya itu) akan tercapai bagi setiap orang yang datang menemui Rasulullah s.a.w. untuk meminta keampunan dari Allah pada masa hayatnya dan selepas kewafatannya.

Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan jawapan Imam Malik terhadap pertanyaan Khalifah Abu Ja`afar al-Mansur iaitu sama ada baginda berdoa dengan menghadap kiblat atau menghadap Rasulullah s.a.w. Dialog ini

terucap sewaktu baginda melawat kota Madinah dan menziarahi makam Rasulullah s.a.w. pada zaman pemerintahannya. Imam Malik menjawab dengan berkata:

فلا تصرف وجهك عنه وهو وسيلك وسيلة
أتيك آدم إلى الله بل استقبله واستشفع به
فيشفعه الله فيك قال تعالى ولو أنهم اذ
ظلموا أنفسهم جاءوك فاستغفروا الله
واستغفر لهم الرسول لوجدوا الله توابا
رحيمـا.

Maksudnya:

Jangan engkau palingkan mukamu daripadanya (Nabi) kerana Baginda itu adalah wasilah engkau dan bapa engkau Adam a.s. kepada Allah. Hendaklah engkau mengadapkan kepadanya dan minta syafaat dengannya, Allah akan memberi syafaatnya kepada engkau. Allah berfirman: Jika mereka yang menganiayai diri mereka (dengan berbuat dosa) datang menemui engkau (Muhammad) lalu mereka meminta keampunan kepada Allah, dan rasul juga meminta keampunan Allah untuk mereka, nescaya mereka mendapatkan Allah itu Maha Pengampun dan Maha Penyayang.

Yusof Ibn Ismail al-Nibhani merakamkan peristiwa Al-Imam al-Shafi`i ketika menziarahi makam Imam Abu Hanifah di Baghdad, setelah beliau memberi salam maka beliau berdoa dengan **bertawassul** kepada Imam Abu Hanifah, supaya hajatnya dikabulkan oleh Allah s.w.t.¹⁴⁷ Selanjutnya Yusof Ibn Ismail al-Nibhani menambah bahawa Imam al-Shafi`i tidak menegah bila mengetahui bahawa penduduk Maghribi **bertawassul** dengan Imam Malik. Imam Ahmad ibn Hanbal juga dicatatkan telah **bertawassul** dengan Imam al-Shafi`i sehingga timbul perasaan kehairanan pada puteranya, Abdullah.¹⁴⁸

Yusof al-Nibhani juga ada menyatakan bahawa Al-`Allamah ibn Hajar menyebut dalam kitabnya *al-Sawa`iq al-Muhriqah* bahawa Imam al-Shafi`i **bertawassul** dengan ahli keluarga Nabi Muhammad s.a.w. sehingga ia menyebut keadaan ini dalam syair beliau:

آل النبی ذریغتی # و هم الیه و سیلتی
أرجو به أعطي غدا # بيد اليمين صحيفتی

Maksudnya:

Keluarga Nabi itu adalah perisaiku, mereka itu adalah wasilah kepada Allah s.w.t., dengan mereka itu aku berharap semoga aku diberikan buku catatan amalanku di tangan kanan.¹⁴⁹

Dalam amalan al-Imam al-Tirmizi beliau sering bertawassul dengan menyarankan para sahabatnya supaya mengamalkannya, doanya seperti berikut:

الهـى بـحـرـمـة الـحـسـن وـأـخـيـه وـجـدـه وـبـنـيـه وـأـمـه
وـأـبـيـه نـجـنـى مـن الـغـمـ الـذـى أـنـا فـيـه
يـا حـىـ يـا قـيـوـمـ يـا ذـا جـلـالـ وـالـأـكـرـامـ
أـسـالـكـ أـنـ تـحـيـ قـلـبـيـ بـنـورـ مـعـرـفـتـكـ يـا اللهـ
يـا اللهـ يـا اللهـ يـا أـرـحـمـ الرـاحـمـينـ.¹⁵⁰

Maksudnya:

Ya Tuhan, dengan kemuliaan al-Hasan dan saudara lelakinya, dan datuknya dan anak-anaknya dan emaknya dan bapanya keluarkanlah aku daripada kesusahan yang sedang aku harungi ya Allah ya Tuhan Yang Hidup, ya Tuhan Yang Berdiri Sendiri, ya Tuhan yang mempunyai Keagungan dan Kemuliaan, aku memohon kepada Engkau hidupkan hatiku dengan cahaya makrifah Mu ya Allah, ya Allah, ya Allah ya Tuhan yang sangat Penyayang.

Begitu juga al-Imam Abu al-Hassan ada menyarankan supaya umat Islam bertawassul dengan al-Imam al-Ghazali dengan katanya:

من كانت له الى الله تعالى حاجة وأراد
فضاءها فليتوسل الى الله بالامام
الغزالى.¹⁵¹

Maksudnya:

Sesiapa yang ada sesuatu hajat kepada Allah dan ia berkehendak supaya Allah s.w.t. mengkabulkannya, maka hendaklah ia bertawassul kepada Allah dengan al-Imam al-Ghazali.

Menurut Tuan Haji Mohammad Yatim, sesiapa yang ingin bertawassul dengan Imam al-Ghazali terlebih dahulu mesti kenal Imam al-Ghazali, mesti faham dan berpegang dengan ajaran beliau dan tidak boleh bertawassul membabi buta.¹⁵²

Seorang tokoh tasawuf iaitu al-Imam Zarruq ada mengemukakan doa tawassul dengan para wali yang dikenali sebagai al-akhyar, doa itu ialah:

اللهم انا نتوسل اليك بهم فا عنهم أحبوك
 وما أحبوك حتى أحببتهـم ، فيحبك ايـا هـم
 وصلـوا الى حـبك ونـحن لم نـصل الى حـبـهم
 فيـك فـتـمـ لـنا ذـلـكـ مـعـ الـعـافـيـةـ الـكـامـلـةـ
 حتى نـلـقـاكـ يـاـ أـرـحـمـ الرـاحـمـيـنـ .¹⁵³

Maksudnya:

Ya Allah, sesungguhnya kami bertawassul kepada Engkau dengan mereka (wali-wali al-akhyar) itu, kerana sesungguhnya mereka itu mencintai Engkau mereka tidak mencintai Engkau sehingga Engkau sendiri mencintai mereka. Maka dengan kecintaan Engkau terhadap mereka itu, mereka mencapai rasa cinta terhadap Engkau. Kami belum lagi mencapai (darjat) kecintaan seperti kecintaan mereka terhadap Engkau itu, maka sempurnakanlah kecintaan tersebut bagi kami berserta dengan `afiah yang sempurna sepenuhnya, sehingga kami menemui Engkau ya Allah Yang Tersangat Penyayang.

Berpandukan kepada keterangan-keterangan di atas maka didapati bahawa amalan bertawassul bukanlah suatu amalan yang salah atau bid`ah, malah amalan tersebut memang wujud dalam Islam.

Prof. Madya Hj. Jahid Sidek menegaskan amalan **bertawassul** pada mulanya adalah merupakan amalan yang diterima baik oleh seluruh ulamak Islam sehingga sampai ke zaman Ibn Taimiyah, yang dikatakan mulai zaman beliau itulah amalan **bertawassul** itu menjadi satu perkara khilafiyah.¹⁵⁴

Namun begitu, amalan **tawassul** tetap diamalkan. Konsep **tawassul** menurut, Ibn Taimiyah seperti yang dijelaskan dalam kitab *Qa'idah Jalilah fi al-Tawassul wa al-Wasilah* menekankan **tawassul** adalah melalui tiga prosedur:¹⁵⁵

1. **Tawassul** dengan ketaatan dan kepatuhan terhadap perintah-perintah agama iaitu melakukan amalan-amalan untuk kesempurnaan iman.
2. **Tawassul** dengan doa dan syafaat Rasulullah s.a.w. dan para salihin.
3. **Tawassul** dengan sumpahan nama Allah s.w.t., disertakan dengan sandaran doa kepada sifat atau perbuatan Allah s.w.t.

Berhubung dengan amalan **bertawassul** dengan syeikh mursyid yang menjadi suatu amalan yang mesti dilakukan oleh para pengamal tarekat yang bertujuan untuk mendapat keberkatan dan mendapat limpahan nur hidayat daripada Allah s.w.t. ianya bukan amalan bid'ah, kerana bid'ah (bid'ah dalalah) ialah menambah agama, sesuatu yang tidak ada sama sekali pada agama itu ditokok tambah ke dalam agama. Sementara jika amalan **bertawassul** dengan syeikh mursyid ini menjadi satu khilafiah, ia khilafiah yang tidak bolah dianggap sebagai bid'ah.¹⁵⁶

Prof. Madya Hj. Jahid Sidek telah menggariskan beberapa kesimpulan tentang amalan doa **bertawassul**:¹⁵⁷

1. Orang yang **bertawassul** itu semata-mata meminta kepada Allah dan tidak niat dan perbuatan meminta selain daripada Allah s.w.t.
2. Orang yang **bertawassul** itu juga tidak menyembah atau memuja selain daripada Allah, bukan menyembah atau memuja Nabi s.a.w. , syeikh atau wali Allah.

3. Orang yang bertawassul itu tidak melakukan seruan-seruan terhadap Nabi s.a.w. atau syeikh wali Allah bersama atau beserta Allah.¹⁴² seperti yang dilarang oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya:

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ اللَّهُ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ
158. أَحَدًا.

Maksudnya:

Dan sesungguhnya masjid-masjid itu hanya untuk Allah semata-mata (kerana itu) jangan kamu seru sesiapa juapun berserta Allah.

4. Orang yang bertawassul itu benar-benar menginsafi dan menyedari kehinaan diri, kekotoran diri dengan berbagai dosa, berbagai sifat kelemahan dan kekurangan sehingga terasa dirinya tidak layak untuk menerima kurnia dari Allah, kecuali dengan keberkatan orang yang Allah cintai itu.

5. Orang yang bertawassul itu telah menjaga adab-adab doa seperti yang Allah ajarkan. Kita boleh berdoa di mana-mana tempat, di rumah, di masjid dan sebagainya, tetapi Allah menjelaskan jika seseorang Islam yang

melakukan dosa itu berdoa di hadapan Nabi s.a.w. adalah lebih baik dan dijamin akan diterima oleh Allah.

Adab doa tersebut tidak ada bezanya semasa hayat Nabi dengan sesudah wafatnya atau semasa hayat seseorang syeikh mursyid dengan sesudah kewafatannya.

6. Tujuan bertawassul itu hanya untuk mendapat keberkatan (tabarruk) dengan mengingati para kekasih Allah.

Berdasarkan kepada partisipasi dan observasi penulis terhadap Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di pusat Tanjung Pauh ini, penulis dapati **tawassul** yang dipraktikkan oleh Tuan Haji Muhammad Yatim dan murid-muridnya di sini adalah tawassul untuk mendapatkan tabarruk atau mengambil berkat. Selain daripada itu, **tawassul** juga dilakukan melalui memperbanyakkan perlaksanaan amalan-amalan salih.

Tuan Haji Muhammad Yatim menjelaskan bahawa tawassul yang dibolehkan oleh syarak berdasarkan kepada dua prosedur iaitu:¹⁵⁹

1. *Tawassul* melalui pelaksanaan amalan-amalan salih iaitu dengan mengerjakan apa yang diperintah dan dilengkapkan dengan amalan-amalan sunat.
2. *Tawassul* melalui doa dan syafaat Rasulullah s.a.w dan awliya' Allah s.w.t atau orang-orang salih.

Berdasarkan kepada kedua-dua prosedur ini, Tuan Haji Muhammad Yatim bersama khalifah-khalifahnya membimbang murid-murid di sini supaya mematuhi perintah syariat dengan keutamaan yang diberikan kepada pelaksanaan amalan-amalan wajib serta memperbanyakkan amalan-amalan sunat dengan harapan untuk mendapat keredaan Allah s.w.t.

Amalan berdoa dan munajat juga amat ditekankan oleh Tuan Haji Muhammad Yatim kepada murid-murid di sini (menepati sasaran prosedur yang kedua). Lazimnya amalan doa dan munajat ini dilakukan sebelum, semasa dan selepas amalan zikir yang ditentukan kepada murid tunaikan setiap hari.

Amalan ini juga dapat disertakan bersama ibadat-ibadat harian yang lain seperti solat fardu, solat sunat, sebelum dan selepas makan, ketika dalam kesusahan dan sebagainya.

Tawassul melalui doa dan syafaat Rasulullah s.a.w. dan para salihin adalah merujuk kepada firman Allah:

الا الله الذين اتخدوا من
دونه اولياء ما نعبد هم الا
ليقربونا الى الله زلفى ان الله يحكم
بینهم فی ما هم فيه یختلفون ان الله لا
یهدى من هو کاذب.¹⁶⁰

Maksudnya:

Sesungguhnya kepunyaan Allah agama yang bersih tetapi orang yang menganggap selain daripadaNya beberapa tuhan (berkata) kami tidak sembah mereka melainkan supaya mereka hampirkan kami satu kehampiran kepada Allah. Sesungguhnya Allah akan menghukum di antara mereka dalam apa yang mereka berselisihan padanya, sesungguhnya Allah tidak memimpin seseorang yang pendusta yang sangat kufur.

3.6 MENGAMALKAN ZIKIR

Selepas seseorang murid menerima bai`ah dan talqin zikir Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah daripada syeikh, maka dia dikehendaki melakukan zikir Ism al-zat (۴۱ ,۴۱) pada *Latifah Qalbi* secara khafi atau sirr (tarpa suara) sebanyak lima ribu kali dalam masa sehari semalam dan mesti diamalkan tiap-tiap hari. Zikir ini merupakan zikir yang pertama diajarkan kepada murid di peringkat permulaan dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah. Sebelum memulakan amalan zikir ini murid atau pengamal tarekat ini, dikehendaki menjaga adab-adab dan mematuhi tatacara atau kaifiat zikir yang telah ditentukan.

Kepatuhan kepada adab-adab dan tatacara atau kaifiat zikir adalah bertujuan agar murid dapat melakukan zikir dengan baik tanpa sebarang gangguan sama ada gangguan dalaman atau gangguan luaran. Juga supaya tujuan berzikir iaitu membersihkan zahir dan batin murid serta mengharapkan keredaan daripada Allah s.w.t. terkabul.

Adab-adab dan kaifiat zikir yang diamalkan oleh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di pusat Tanjung Pauh, adalah seperti berikut:-

Pertama - Bersih, murid hendaklah berkeadaan bersih dari segi badan, pakaian dan tempat duduk iaitu bersih dari sebarang najis. Ia juga hendaklah suci dari hadas, sama ada hadas kecil atau hadas besar. Menyucikan diri dari hadas dengan berwuduk merupakan sebab yang membolehkan dosa seseorang itu dihapuskan seperti hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, sabda Rasulullah s.a.w.

الوضوء يكفر الذنوب.¹⁶¹

Maksudnya: *Wuduk itu dapat menghapuskan (mengkifaratkan) dosa-dosa.*

Kedua - Murid digalakkan supaya menunaikan solat sunat dua rakaat iaitu sunat wuduk atau sunat taubat. Perbuatan ini adalah menjadi sebab yang melayakkan seseorang itu mendapat keampunan daripada Allah s.w.t. sepertimana yang dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, al-Nasai, ibn Majah, al-Baihaqi dan al-Tirmizi sabda Rasulullah s.a.w.

ما من رجل بذنب ذنب فيقوم فيتظاهر ثم

يصلی ثم يستغفر الله الا لا غفر الله ...¹⁶²

Maksudnya:

Tidak ada seorang lelaki pun (dan juga wanita) yang melakukan dosa lalu dia bangun bersuci atau berwuduk kemudian dia solat dan memohon keampunan daripada Allah s.w.t. melainkan Allah mengampuni dosanya itu.

Ketiga - Semasa malakukan zikir ini, murid dikehendaki berada di tempat yang sunyi, iaitu sunyi daripada sebarang gangguan. Berzikir di tempat sunyi adalah lebih berupaya bagi memelihara diri daripada sebarang gangguan terutama untuk konsentrasi terhadap makna zikir dan dapat memelihara diri daripada perasaan yang tidak baik seperti riak dan sebagainya.¹⁶³ Berzikir di tempat sunyi juga dapat meninggalkan kesan yang sangat mendalam dan kelebihan yang banyak terhadap seseorang individu itu seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, sabda Rasulullah s.a.w.

... وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِبًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ .¹⁶⁴

Maksudnya:

(antara orang yang mendapat lindungan 'arash pada hari kiamat ialah) seorang lelaki (juga perempuan) yang mengingati Allah s.w.t. dalam keadaan berkhawat (di tempat sunyi) lalu berlinangan air matanya.

Keempat - Murid dikehendaki menutup kepala dengan selubung. Hal ini ialah untuk menjaga pandangan matanya dari melihat sesuatu yang boleh menganggu konsentrasinya terhadap zikir.

Merujuk kepada peryataan Imam al-Ghazali ada mengatakan bahawa :

" Tidak sempurna khalwat kecuali pada tempat yang gelap dan sesiapa yang tidak ada tempat yang gelap maka hendaklah dia memasukkan kepala ke dalam bajunya (jubah) atau dia berselimut dengan pakaian (kisa') atau kain sarungnya (izar)¹⁶⁵

Kelima - Murid dikehendaki menghadapkan dirinya ke arah kiblat. Seperti yang ditegaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani. Sabda Rasulullah s.a.w

خِيرُ الْمَجَالِسِ مَا اسْتَقْبَلَ بِهِ الْقِبْلَةُ.¹⁶⁶

Maksudnya: Sebaik-baik majlis itu ialah yang di hadapkan ke arah kiblat.

Keenam - Murid dikehendaki duduk tawarruk iaitu seperti keadaan duduk semasa tasyahhud akhir tetapi diterbalikkan, dengan duduk di sebelah kanan dan melipatkan kaki di sebelah kiri. Al-Kurdi menyatakan bahawa duduk tawarruk ini adalah lebih bersifat tawadduk di samping dapat mengawal dan menjaga semua pancaindera dengan lebih teratur.¹⁶⁷

Ketujuh - Mengumpulkan segala pengenalan ke dalam hati sanubari iaitu murid dikehendaki menghilangkan atau mengosongkan semua fikiran kepada yang lain seperti rumah tangga, kampung halaman dan harta benda. Konsentrasi hanya ditujukan dan dibulatkan kepada *Latifah Qalbi*. Menurut Tuan Haji Muhammad Yatim *Latifah Qalbi* terletak di dalam rongga dada sebelah kiri di mana kedudukannya ialah sekadar dua jari di bawah tetek manusia.¹⁶⁸

Kelapan - Murid dikehendaki ingat akan zat Allah yang Maha Suci. Menurut Syeikh Tajuddin ibn Sheikh Daud al-Wahab Rokan;

"*Zat Allah itu wajib kita ingati, ingat itu di dalam hati jangan di kepala, kepala itu bukan tempat ingat, Firman Allah s.w.t. dalam hadis Qudsi:*

¹⁶⁹ قلوب المومنين بيته.

Maksudnya: *Hati orang mukmin itu tempat mengingat akan Aku.*

Kesembilan - Mengucap istighfar iaitu memohon keampunan dari Allah s.w.t. dari segala maksiat dan dosa. Mengucap istighfar ini adalah sebanyak 5 kali, 15 kali atau 25 kali.

Cara beristighfar, lidah mengucap sedang hati memohon ampun kepada Allah s.w.t. atas semua dosa zahir dan batin dengan bersungguh-sungguh hati sehingga timbul perasaan seolah-olah segala dosa-dosa tersebut keluar memancut melalui liang-liang rompa. Begitulah disarankan cara beristighfar sama ada di dalam zikir atau di luar zikir.¹⁷⁰

Istighfar berfungsi membersihkan hati dari dosa yang menutup hati manusia sehingga ia menjadi gelap dan keras dan selanjutnya tidak dapat menerima cahaya petunjuk dari Allah. Dengan taubat dan istighfar hati yang gelap akan menjadi bersih kembali. Selain itu dengan melazimi istighfar akan beroleh beberapa faedah seperti yang dinyatakan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Hakim sabda Rasulullah s.a.w.

من لازم الاستغفار جعل الله له من

كل ضيق مخرجا ومن كل هم فرجا

ورزقه من حيث لا يحتسب.¹⁷¹

Maksudnya:

Sesiapa yang membiasakan dirinya dengan beristighfar, maka Allah s.w.t. menjadikan jalan keluar dari setiap kesempitan dan pelepasan dari setiap kesusahan dan Allah mengurniakannya rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangka.

Kesepuluh - Membaca surah al-Fatihah sekali dan surah al-Ikhlas tiga kali, dibaca dengan perlahan serta menghadiahkan pahala bacaan tersebut kepada semua roh syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah khususnya Syeikh Baha al-Din al-Naqsyabandi.

Cara menghadiahkannya ialah murid niatkan di dalam hati : Assalamualaikum Ya Syah Naqsyabandi, inilah al-Fatihah dan al-Ikhlas saya bacakan, saya hadiahkan pahalanya kepada tuan, saya berharap kepada tuan supaya tuan pinta kepada Allah s.w.t.

- i- Supaya Allah membuka pintu hati saya suka mengerjakan kebajikan.
- ii- Supaya Allah s.w.t. menerangkan **rabitah** saya.
- iii- Supaya hampir atau sampai makrifah saya kepada Allah s.w.t.¹⁷²

Kesebelas - Memejamkan kedua-kedua kelopak mata dan menongkatkan lidah kelangit-langit mulut dengan kedua-kedua bibir dan gigi atas dan bawah dirapatkan. Ini dilakukan supaya lebih khusyuk dan terbuka hijab hati.

Imam Sya'roni menyatakan bahawa apabila orang yang berzikir itu memejamkan kedua-dua belah matanya, maka tertutuplah jalan-jalan pancaindera yang zahir satu demi satu. Tertutupnya pancaindera itu adalah sebab bagi terbukanya pancaindera hati.¹⁷³

Kedua belas - Murid dikehendaki ingat kepada mati iaitu suatu usaha mengingati, membayangkan dan merasakan mati. Murid dapat lakukannya dengan cara menganggap dan merasakan bahawa dirinya mati dan jasadnya terbujur, kemudian dimandikan, dikafarkan, disembahyangkan dan dimasukkan ke dalam kubur maka tinggallah dia seorang diri. Ketika itu dia akan merasakan bahawa tidak ada sesuatu yang memberi faedah kepadanya kecuali iman dan amalan salihnya sahaja.¹⁷⁴

Mengingati mati dapat menghapuskan dosa-dosa dan menjadikan seseorang itu bersifat zuhud terhadap dunia seperti mana sabda Rasulullah s.a.w.

اَكْثُرُهُم مِّن ذِكْرِ الْمَوْتِ فَإِنَّهُ يَمْحُصُ

الذنوب ويزهد في الدنيا .¹⁷⁵

Maksudnya:

Hendaklah kamu memperbanyak mengingati mati kerana ia dapat menghapuskan dosa-dosa dan menjadikan seseorang itu bersifat zuhud terhadap dunia.

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dari Abu Hurairah

اکثرو ا ذکر هاذم الالذات.¹⁷⁶

Maksudnya:

Perbanyaklah mengingati suatu (mati) yang dapat melupakan atau menghapuskan kelazatan-kelazatan.

Ketiga belas - Melakukan *rabitah mursyid*. Perlakuan ini pada pandangan ahli-ahli tasawuf ialah menerangkan tentang menghadirkan ruhaniah para *mashayikh* salasilah Tarekat Naqsyabandiyah untuk mendapat limpahan dari kerohanian mereka bagi menolak lintasan-lintasan syaitan.¹⁷⁷

Dengan ini murid dikehendaki menghadirkan ruhaniah syeikh atau *muqabalah* (berhadap-hadapan) antara hati murid dengan hati syeikh. Hendaklah diingat rupa syeikhnya di dalam khayalannya walau pun sekelip mata sebagai mengambil berkat.

Murid mengharapkan *istimdad* (limpahan) daripada ruhaniah dan nur-nur yang ada dalam diri syeikhnya supaya dia menjadi teman di dalam perjalanan rohaninya. Murid mesti menganggap bahawa *istimdadnya* daripada syeikhnya itu sebenarnya adalah *istimdad* daripada Rasulullah s.a.w. kerana syeikh adalah sebagai perantaraan di antaranya dengan Rasulullah s.a.w.¹⁷⁸

Rabitah hanya sebagai wasilah (perantaraan) sahaja seperti wasilah yang disebut di dalam firman Allah s.w.t.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا¹⁷⁹
الَّتِي هُوَ السَّبِيلُ.

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan carilah wasilah kepadaNya.

Syeikh Muhammad ibn `Abdillah al-Khani menjelaskan terdapat enam cara untuk melakukan rabitah ini:¹⁸⁰

i- Murid menghadirkan rupa syeikhnya yang kamil di antara dua matanya dan kemudian ingat bahawa ruhaniah syeikh hadir di hadapannya walaupun sekejap.

ii- Murid menghadirkan rupa syeikhnya di antara dua rusuknya iaitu lambung kanan dan lambung kiri,

kemudian menghadapkan hatinya kepada ruhaniah syeikh tersebut.

iii - Murid menghadirkan rupa syeikhnya pada dahinya dan menetapkan rupa tersebut pada tengah dahinya itu. Cara ini dikatakan adalah lebih kuat untuk menolak lintasan-lintasan.

iv- Murid menghadirkan rupa syeikhnya pada tengah hatinya. Cara ini dapat membantu menghalang lintasan-lintasan hati.

v- Murid menghadirkan rupa syeikhnya pada dahinya kemudian menurunkannya ke tengah hatinya dan membayangkan bahawa hatinya itu merupakan satu ruang yang luas yang menolak lintasan-lintasan dan bisikan.

vi -Murid menafikan dirinya (menganggap dirinya tiada) dan mensabitkan syeikhnya.

Bagi pusat Tanjung Pauh, maksud **rabitah** seperti yang dijelaskan oleh Tuan Haji Muhammad Yatim ialah sentiasa bersahabat dan berserta dengan guru dan mengingati guru sewaktu hendak melakukan amalan untuk mendekatkan diri

kepada Allah s.w.t. umpamanya ketika hendak melakukan zikir dan ketika berhadapan dengan masalah-masalah dalam kehidupan.¹⁸¹

Tuan Haji Muhammad Yatim juga menambah bahawa rabitah tidak bermaksud untuk memuja guru atau mengangkat martabat guru setaraf dengan nabi atau Tuhan, tetapi rabitah dilakukan untuk mewujudkan suatu ikatan kerohanian seseorang murid dengan guru.¹⁸² Ikatan kerohanian ini seumpama ini tidak mencacatkan pegangan akidah seorang murid kerana murid telah ditanam pegangan bahawa Allah s.w.t. tidak menyerupai sesuatu perkara seperti firman Allah s.w.t.

لِيْسْ كَمُثْلِهِ شَيْءٌ وَ هُوَ السَّمْعُ الْبَصِيرُ .¹⁸³

Maksudnya:

Tidak ada sesuatu yang sepertiNya Dialah yang Maha mendengar lagi Maha melihat.

Kempat belas - Munajat sebanyak tiga kali.

اللَّهُ أَنْتَ مَقْصُودِي وَ رَضَاكَ مَطْلُوبِي

Maksudnya: *Wahai Tuhan Engkaulah sahaja tujuanku dan keredaan Engkaulah tuntutanku.*

Munajat ini semuanya di dalam hati sama ada lafaznya atau maknanya. Adab-adab atau kaifiyat zikir yang diajarkan dalam tarekat ini semuanya dilaksanakan di dalam hati kecuali beristighfar, membaca surah al-Fatiha dan surah al-Ikhlas yang dibaca dengan lidah. Dengan itu ilmu ini dikatakan ilmu batin atau ilmu sirr atau ilmu hati.¹⁸⁴

Munajat bukan sahaja dilakukan oleh ahli-ahli tarikat tetapi dilakukan juga oleh nabi-nabi dan wali-wali. Umpamanya nabi Allah Adam a.s. bermunajat di Sarandib (سراندیب) nabi Allah Nuh a.s. bermunajat di dalam bahtera, nabi Allah Ibrahim a.s. bermunajat di dalam api, nabi Allah Yusof a.s. bermunajat di dalam taufan, nabi Allah Yunus bermunajat dalam mikraj, begitu juga dengan wali-wali Allah turut bermunajat. Dengan sebab inilah ahli-ahli tarikat tidak meninggalkan amalan munajat.¹⁸⁵

Munajat bermaksud membisikkan suatu harapan serta janji apabila hati kita berasa sangat hampir serta khusyuk dan tawaduk kepada Allah s.w.t. Maka pada ketika itu kita bermunajat dengan penuh kesungguhan serta tulus ikhlas.¹⁸⁶

Kelima belas - Murid dikehendaki berzikir dengan zikir *Ism al-zat* (الله) di dalam hatinya, dengan ditumpukan ke hati *Latifah al-Qalbi* serta menumpukan perhatian kepada makna zikir tersebut. Jika zikir yang tidak disertakan dengan makna zikir, zikir tersebut adalah kosong dan tidak dikatakan zikir dalam Tarekat Naqsyabandiyah.¹⁸⁷

Penumpuan perhatian kepada makna zikir ism al-zat dapat dilakukan dengan memerhati, merasa dan menumpukan sepenuh perhatian serta keyakinan tentang kewujudan Allah s.w.t. yang tidak menyerupai sesuatu (لِيْس كَمُثْلِه شَيْءٌ) murid juga hendaklah merasakan bahawa Allah mengetahui dirinya zahir dan batin serta memerhati segala perlakuannya.¹⁸⁸

Zikir *Ism al-zat* ini (الله) dilakukan sebanyak lima ribu kali dan diselangai dengan munajat pada tiap-tiap seratus kali iaitu:

اللَّهُ أَنْتَ مَقْصُودِي وَرَضَاكَ مَطْلُوبِي .

Keenam belas - Sebaik sahaja selesai berzikir murid hendaklah menunggu seketika kurniaan Allah s.w.t. yang dikenali sebagai menunggu *warid* iaitu sebarang bentuk

lintasan rohani yang saling berlaku kepada murid yang melaksanakan zikir seumpama ini. Jika ia mendapat ***jadhbah*** (dorongan atau tarikan kerohanian) maka dia hendak menjaganya supaya ianya berterusan dan tidak berusaha untuk memutuskan jadhbah tersebut.¹⁸⁹

Tuan Haji Muhammad Yatim menambah bahawa warid juga boleh berlaku semasa seseorang murid itu sedang berzikir, dalam situasi ini murid hendaklah memberi perhatian kepada warid tersebut tanpa melalaikan zikir kepada Allah s.w.t. dan dia hendaklah lebih serius lagi terhadap zikir tersebut. Segala bentuk warid yang diterima hendaklah disampaikan kepada syeikh mursyid untuk mendapat penerangan dan bimbingan yang lebih sempurna lagi.¹⁹⁰

Imam al-Sya`roni ada mencatatkan penjelasan daripada Imam al-Ghazali yang menyatakan bahawa diam atau menunggu kedatangan warid ini mempunyai tiga adab yang boleh mempercepatkan seorang itu mencapai ketingkatan muraqabah, iaitu:¹⁹¹

- i- Orang yang berzikir hendaklah menghadirkan perasaan bahawa Allah s.w.t. memerhatikannya dan dia berada di hadapan Allah s.w.t.

ii- Dia hendaklah menghimpunkan semua pancaindera dan anggotanya sehingga dia tidak bergerak walau pun seurat rambut.

iii-Dia hendaklah menafikan atau menolak semua lintasan hati (khawatir) serta menghidupkan atau menumpukan perhatian hatinya kepada makna zikir.

Namun begitu sebagai manusia biasa lebih-lebih lagi yang berada di peringkat mubtadi (permulaan) dalam tarekat ini lazimnya akan mengalami berbagai-bagai halangan atau gangguan untuk mendapat konsentrasi sepenuhnya tentang makna zikir semasa berzikir.

Selain daripada menceritakan keadaan ini kepada syeikhnya terdapat beberapa tindak ikut yang telah disusun para syeikh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang boleh dilaksanakan oleh murid untuk menyelesaikan masalah ini.

i- Murid hendaklah membuka kedua-dua belah matanya dan dengan berbuat demikian gangguan tersebut akan hilang.

ii- Sekiranya masih ada gangguan-gangguan tersebut murid hendaklah membaca dan membayangkan maknanya doa ini,

(الله ناظري، الله حاضري)

Maksudnya: Allah s.w.t. sentiasa memandang kepada aku, Allah s.w.t. sentiasa hadir bersama aku.

Sekiranya gangguan-gangguan tersebut masih ada lagi, murid hendaklah berhenti berzikir dan cuba melakukan *rabitah mursyid*.

iv- Sekiranya gangguan dan halangan-halangan tersebut tidak hilang juga maka murid hendak mengambil wudu' atau mandi dan sembahyang sunat dua rakaat (sunat hajat) atau sunat taubat. Kemudian, beristighfar dan membaca doa ini:

يَا كَاشِفَ الْكَرْبَلَاءِ مُجِيبَ الْمُجَىءِ
وَيَا جَابِرَ الْعَسِيرِ وَيَا مَسِيرَ الْعَسِيرِ وَيَا
صَاحِبَ الْغَرِيبِ وَيَا مَوْعِنَسَ الْوَحِيدِ وَيَا جَامِعَ
الْكُلُّ شَمْلَ وَيَا مَقْلُوبَ الْقُلُوبِ وَيَا مَجْوُولَ الْحَالِ
لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سَبْجَانُكَ إِنِّي كُنْتَ مِنَ
الظَّالِمِينَ أَسْأَلُكَ أَنْ تَجْعَلَ لِي فَرْجًا وَمُخْرِجًا
وَأَنْ بَقْذِفَ حَبَّكَ عَلَى قَلْبِي حَتَّى لَا يَكُونَ لِي هُمْ
وَلَا فِي قَلْبِي غُمٌ وَأَنْ تَحْفَظَنِي وَتَرْحَمَنِي يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Maksudnya:

Ya Allah Tuhan yang menghapuskan segala kesusahan Ya Allah Tuhan yang memperkenankan segala doa Ya Allah Tuhan yang menolong setiap yang lemah, Ya Allah Tuhan yang memudahkan segala yang payah Ya Allah Tuhan yang menjadikan teman setiap yang dagang (merantau)

Ya Allah Tuhan yang menemani setiap yang keseorangan, Ya Allah, Tuhan yang menyatukan setiap yang berpecah, Ya Allah Tuhan yang membalik-balikkan setiap, hati Ya Allah Tuhan yang merubah setiap keadaan tidak ada tuhan kecuali Engkau, Maha suci Engkau, sesungguhnya aku adalah daripada golongan orang-orang yang zalim, aku meminta daripada Engkau, agar Engkau jadikan untukku kelepasan dan jalan keluar kepadaMu sehingga tidak ada lagi kepayahan dan kedukaan dalam hatiku dan Engkau memelihara serta merahmati diriku dengan rahmatMu ya Allah Tuhan yang sangat pemurah.

Apabila amalan zikir ini telah sempurna dilaksanakan, murid digalakkan membaca doa ini sebelum membuka tudung.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ التَّوْبَةَ وَالْإِعْنَابَةَ
وَالْإِسْتِقَامَةَ لِى الشَّرِيعَةَ الْفَرَاءَ وَطَرِيقَةَ
الْبَيْضَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.¹⁹³

Maksudnya:

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Engkau taubat, kembali (ke jalan yang benar) dan istiqamah (berdiri betul) atas syariat (Nabimu) yang indah dan tarikat (jalan agama) yang suci dengan rahmatMu. Wahai Tuhan yang paling Pengasih dari segala yang pengasih.

Seperti yang dijelaskan pada awal bahagian ini bahawa Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah telah menetapkan zikir Ism al-zat sebagai zikir yang pertama kepada murid di peringkat permulaan dan zikir ini ditumpukan pada

yang buruk yang bersarang di hati seperti kufur, keras hati dan lain-lain sifat keji. Fungsi zikir sebagai penyuci hati sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.

ان لكل شيء صالة وان صالة القلوب ذكر

¹⁹⁴ الله . |

Maksudnya:

Sesungguhnya bagi setiap sesuatu ada penyucinya dan sesungguhnya penyuci bagi hati itu ialah zikrullah.

Hati sanubari atau *latifah qalbi* merupakan Latifah Rabbaniyah Ruhaniyah iaitu suatu jisim yang halus dari jenis rohani yang terletak dalam jasad kita. Ia mempunyai cahaya untuk menyinari alam batin, dapat melihat alam ruh dan alam malakut apabila diri suci daripada dosa-dosa dan itulah hakikat insan. *Latifah qalbi* kekal abadi, dia dimakbul dan dipuji di sisi Allah s.w.t. juga dapat merasai nikmat yang lazat-lazat di akhirat apabila dia berubudiah kepada Allah s.w.t. Begitu juga sebaliknya, akan ditolak dan dimurkai oleh Allah s.w.t. jika dia lalai dan lupa berubudiah kepada Allah s.w.t.¹⁹⁵

Hati sanubari inilah yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah s.a.w. seperti sabda baginda:

ان في جسد ابن آدم مضحة اذا صلحت

صلح لها سائر البدن الا وهي القلب.¹⁹⁶

Maksudnya:

Sesungguhnya dalam tubuh anak Adam itu ada segumpal darah apabila ia baik maka baiklah kerananya seluruh badan, ketahuilah bahawa ia adalah hati.

Berdasarkan ilmu tasawuf, hati akan terlindung dari melihat kebesaran Allah s.w.t. kerana hati boleh menjadi gelap berpunca daripada kekotoran, maksiat dan sifat-sifat keji yang melekat pada hati dan juga bisikan syaitan yang menggoda hati manusia. Dalam sebuah hadis Rasulullah telah bersabda:

ان المؤمن اذا اذنب كانت نكته سوداء

في قلبه فان تاب واستغفر صقل قلبه

فان زاد زادت حتى يعلو قلبه.¹⁹⁷

Maksudnya:

Sesungguhnya orang mukmin apabila dia telah melakukan dosa maka satu titik hitam timbul di dalam hatinya, sekiranya dia bertaubat dan beristigfar maka hatinya, kembali bercahaya (bersih) dan sekiranya dosa bertambah maka bertambahlah titik hitam sehingga menutupi hatinya.

Justeru itu Allah s.w.t. telah memperingatkan orang-orang mukmin supaya banyak berzikir atau mengingati Allah s.w.t. kerana dengan ini Allah s.w.t. akan mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada terang iaitu daripada kesesatan kepada mendapat hidayah, seperti firmanNya:

يَا يَهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا
وَسَبِّحُوهُ بَكْرَةً وَأَصِيلًا هُوَ الَّذِي يَصْلِي عَلَيْكُمْ
وَمَلَائِكَتُهُ لِيُخْرِجُوكُمْ مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ
وَكَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا .^{١٩٨}

Maksudnya:

Hai, orang-orang beriman ingatlah Allah sebanyak banyaknya dan bertasbihlah (memuji) Allah pagi dan petang. Dia (Allah) berserta malaikat-malaikatNya yang memberi rahmat kepada kamu. Dia hendak mengeluarkan kamu daripada kegelapan kepada terang. Dan Dialah Masa penyayang kepada orang-orang beriman.

Rasulullah s.a.w juga ada bersabda tentang zikir:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ قَالَ: إِلَّا أَنْبَئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ
وَأَرْضَاهَا عِنْدَ مَلِيكِكُمْ وَأَرْفِعُهَا فِي درجاتِكُمْ
وَخَيْرٌ لَكُمْ مَا عَطَاهُ الْذَّهَابُ وَالْوَرْقُ وَمَنْ أَنْ

تاقوا أعدوكم فتضربوا أنفاسهم ويضربوا
أنفاسكم؟ قالوا وما ذاك؟ يا رسول الله قال:

ذكر الله.¹⁹⁹

Maksudnya:

Dari Abi al-Darda'. Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda: Belum pernahkah aku khabarkan kepada kamu apakah amalan kamu yang baik dan apakah harta kamu yang bersih, apakah derajat kamu yang tinggi dan apakah yang lebih baik bagi kamu daripada memberi sedekah emas dan perak. Apakah yang lebih baik daripada memusnahkan musuh kamu ketika kamu bertemu dengan mereka, bermusuhan bermati-matian, berperang-perangan dan tebas menebas batang leher? Jawab para sahabat: belum, ya Rasulullah. Lalu baginda menjawab: zikrullah (zikir mengingati Allah s.w.t.)

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

عن أبي هريرة قال رسول الله صلى عليه وسلم
يقول الله تعالى أنا عند ظن عبدي بي وأنا
معه اذا ذكرني فما عن ذكرني في نفسه ذكرني
في نفسي هان ذكرني في ملء ذكرته في ملء
خير منهم وان تقرب الى شبرا تقربت اليه
ذراعا وان تقرب الى ذراعا تقربت اليه باعا
وان أتاني يمشي اتيته هرولة.²⁰⁰

Maksudnya:

Abu Hurairah memberitahu bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, Allah s.w.t. berfirman, sesungguhnya Aku adalah sebagaimana yang disangkakan oleh hambaku, Aku adalah bersamanya apabila dia mengingat Aku jika dia mengingati Aku di dalam hatinya maka Aku mengingatinya di dalam hati Aku, jika dia mengingati Aku di dalam jamaah maka Aku ingati dia di dalam jamaah yang lebih baik (iaitu di dalam jamaah para malaikat yang maksum dan suci dari segala dosa), apabila hambaku mendekati Aku sejengkal maka Aku mendekatinya sehasta, apabila dia mendekati Aku sehasta maka Aku dekati dia sedepa dan apabila dia datang mendekati Aku dengan berjalan, maka Aku dekati dia dengan berlari.

Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah di bawah pimpinan Tuan Haji Muhammad Yatim telah memilih zikir Ism al-zat iaitu kalimah "Allah", "Allah" "Allah" (الله الله الله) zikir Nafi Isbat "La illaha illallah (الله لا إله إلا ه)" sebagai zikir penting dalam mentarbiakan murid-muridnya.²⁰¹ Kedua-dua zikir ini dipilih untuk diamalkan di sini adalah berdasarkan tradisi amalan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang terdahulu seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Najm al-Din Amin al-Kurdi yang bermaksud:

"Ketahuilah sesungguhnya zikir qalbi terbahagi kepada dua bahagian iaitu ism al-zat dan nafi isbat".²⁰²

Penekanan kepada zikir qalbi atau khafi ini adalah berdasarkan kepada pandangan pemimpin-pemimpin tarikat ini bahawa ia adalah sebaik-sebaik teknik untuk mendatangkan kesan terhadap keimanan dan ketaqwaan. Syeikh Abd al-Qadir Isa menegaskan dengan kata-katanya yang bermaksud:

*Sebaik-baik zikir ialah zikir khafi, sebaik-baik rezeki ialah apa yang mencukupkan kerana zikir khafi boleh menyampaikan kepada ikhlas dengan segera dan lebih cepat pula untuk diterima.*²⁰³

Zikir Ism al-zat secara khafi didahulukan dalam tarekat ini adalah kerana asas tarikat ini adalah mendahulukan usaha untuk mendapatkan *jadhbah* (dorongan atau tarikan kerohanian) sebelum menjalani suluk. Kedudukan ini disebut oleh pemimpin tarekat ini, Syeikh Baha al-Din al-Naqsyabandi dengan katanya:

بِدَايَةِ طَرِيقَتِنَا نَهَايَةُ سَائِرِ الْطُّرُقِ.

Maksudnya:

Permulaan tarekat ini adalah merupakan kesudahan seluruh tarikat yang lain.

Zikir secara khafi ini boleh menyampaikan kepada ikhlas dan ikhlas merupakan faktor utama untuk mendapatkan jadhbah atau mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Ikhlas di sini bermaksud melakukan sesuatu amalan bukan untuk menunjuk dan

Aishah r.a. berkata Rasulullah s.a.w. bersabda:

(يُفَضِّلُ الذِّكْرُ) أَىٰ الْخَفْيِ (عَلَى الْذِكْرِ) أَىٰ

الجَهْرِ بِسَبْعِينِ ضَعْفًا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ رَجْعً
إِلَى الْخَلْقِ إِلَى حِسَابِهِ وَجَاءَتِ الْحَفْظَةُ بِمَا حَفَظُوا
وَكَتَبُوا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَنْظُرُوهُمْ هُلْ بَقَى لِعَبْدِي
مِنْ شَيْءٍ فَيَقُولُونَ مَا تَرَكَنَا شَيْئًا مِمَّا عَلِمْنَاهُ
وَحَفَظْنَاهُ إِلَّا وَقَدْ أَحْصَبْنَاهُ وَكَتَبْنَاهُ فَيَقُولُ اللَّهُ
تَعَالَى: إِنَّ لَكَ عِنْدَكَ حَسَنَاتٌ وَأَنَا أَجْزِيكُ بِهِ وَهُوَ
ذِكْرُ الْخَفْيِ. رَوَاهُ البَيْهَقِيُّ.²⁰⁸

Maksudnya:

Zikir khafi itu lebih baik daripada zikir jahri sebanyak tujuh puluh kali ganda. Pada hari kiamat nanti Allah s.w.t. mengumpulkan semua untuk dihisab amalan mereka, maka datanglah malaikat yang menulis amalan dengan membawa apa yang mereka tuliskan dan simpan, lalu Allah s.w.t. berfirman kepada para malaikat itu : telitianlah betul-betul adakah ada sesuatu amalan hambaku itu yang tertinggal dan belum ditulis lagi? Para malaikat itu menjawab: kami tidak ada meninggalkan sesuatu apa pun yang kami ketahui dan yang kami simpan kecuali semuanya telah kami tulis dan periksa dengan teliti. Maka Allah berfirman kepada hamba itu:

Sesungguhnya bagi anda ada mempunyai satu kebaikan yang tersimpan di sisiKu yang Aku akan memberikan balasan baiknya sendiri iaitulah zikir khafi. Diriwayatkan oleh al-Baihaqi.

Menyentuh tentang bilangan zikir yang ditentukan sebanyak lima ribu atau sebelas ribu, Syeikh Muhammad Murat al-Qazani menyatakan bahawa bilangan zikir bukanlah menjadi syarat, kerana pemimpin-pemimpin tarekat-tarekat terdahulu tidak menetapkannya tetapi mereka lebih menekankan kepada sentiasa berzikir siang dan malam. Penetapan bilangan zikir ini ditetapkan apabila pemimpin-pemimpin tarikat ini yang terkemudian mendapati keadaan murid semakin lemah dan tidak aktif berzikir. Penetuan bilangan zikir ialah berdasarkan kepada kemampuan murid dan sebagai persediaan kepada murid untuk meningkat dari satu maqam ke maqam yang lebih tinggi.²⁰⁹

Berhubung dengan tingkatan-tingkatan zikir dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah khususnya yang diamalkan di pusat Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, Tuan Haji Muhammad Yatim menjelaskan bahawa terdapat dua tingkatan atau maqam zikir, iaitu *zikir hasanat* dan *zikir darajat*. *Zikir hasanat* ialah zikir yang tidak perlu ditalqinkan dan tidak terikat dengan tatacara atau adab-adab yang khusus. Zikir ini hendaklah dilaksanakan oleh murid pada sepanjang masa.²¹⁰

Zikir ini bersamaan dengan *Wuquf Qalbi* dalam doktrin dasar Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah.²¹¹

Zikir darajat pula ialah zikir yang ditalqinkan oleh syeikh mursyid (bagi pusat Tanjung Pauh ialah Tuan Haji Muhammad Yatim). Zikir ini terikat dengan tatacara dan adab-adab tertentu.²¹² Peraturan ini adalah akur kepada prosedur Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang awal, yang menegaskan bahawa pelaksanaan zikir didahului dengan talqin daripada syeikh mursyid kepada muridnya.²¹³

Peningkatan maqam zikir darajat akan berlaku terutama kepada murid yang bersungguh-sungguh melakukan zikir dan mematuhi adab-adab yang telah ditetapkan. Peningkatan ini walaupun boleh berlaku diluar program suluk atau riadah namun lazimnya ia lebih sukar dan lebih lambat berbanding semasa menjalani *suluk* atau *riadah*.

Melalui tinjauan penulis ke atas pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini, didapati maqam-maqam zikir adalah seperti berikut:

1. *Zikir Mukashafah* iaitu maqam permulaan, zikir ism al-zat sebanyak 5,000 kali sehari semalam.²¹⁴

2. *Zikir Lata`if*, maqam *lata`if* merangkumi tujuh latifah iaitu:²¹⁵

- i- *Latifah al-Qalbi*, *zikir ism al-zat* dilaksanakan sebanyak 5,000 kali ditujukan ke bawah tetek sebelah kiri.
- ii- *Latifah al-Ruh*, *zikir ism al-zat* dilaksanakan sebanyak 1,000 kali ditujukan ke bawah tetek sebelah kanan.
- iii- *Latifah al-sirr*, *zikir Ism al-zat* dilaksanakan sebanyak 1,000 kali di atas dada sebelah kiri.
- iv- *Latifah al-Khafi*, *zikir Ism al-zat* dilaksanakan sebanyak 1,000 kali di dada sebelah kanan.
- v- *Latifah al-Akhfa*, *zikir ism al-zat* dilaksanakan sebanyak 1,000 kali di tengah-tengah dada.
- vi- *Latifah Nafs al-Natiqah*. *Zikir Ism al-zat* dilaksanakan sebanyak 1,000 kali di atas kening.
- vii- *Latifah Kulli Jasad*. *Zikir Ism al-zat* dilaksanakan sebanyak 1,000 kali di seluruh badan.

Jumlah *zikir Ism al-zat* "Allah, Allah, Allah", yang dilaksanakan pada semua maqam ini ialah sebanyak 11,000 kali.

3. *Zikir Nafi isbat*.

4. *Wuquf Qalbi*

5. *Muraqaah Ahadiyyah.*
6. *Muraqabah Ma'iyah.*
7. *Zikir Tahlil Lisan.*²¹⁶

Apabila tiba masanya menurut pandangan syeikh, maka murid yang berada dimaqam tahlil atau maqam ketujuh itu boleh diangkat menjadi khalifah. Murid yang telah diangkat menjadi khalifah dengan "Ijazah" maka dia berkewajipan menyebarkan ajaran tarikat ini dan boleh mendirikan suluk di daerah-daerah lain. Martabat maqam tertinggi bagi murid lelaki adalah khalifah dan bagi murid perempuan ialah *Tahlil*.²¹⁷

Oleh kerana peningkatan maqam-maqam ini lazimnya berlaku semasa menjalani *suluk* atau *riadah*, jadi perbincangan dengan terpeinci tentang *maqam* ini akan penulis sempurnakan dalam (Bab.4). *Suluk* atau *riadah* dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di bawah tajuk kecil iaitu peningkatan *maqam zikir*.

Apabila penulis membandingkan kedudukan maqam-maqam zikir dan perlaksanaannya yang diamalkan oleh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh,

Jitra, Kedah, dengan apa yang tercatat dalam kitab Rahsia Mutiara Tarekat Naqsyabandiyah,²¹⁸ Buletin Sinar Keemasan²¹⁹ dan buku Hakikat Tharikat Naqsyabandiyah²²⁰ yang menjadi kitab rujukan serta menerangkan amalan-amalan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di pusat Babussalam, Langkat, Sumatera Utara, didapati perkara tersebut adalah sama. Fenomena ini juga adalah sama dengan apa yang tercatat di dalam kitab Tanwir al-qulub.²²¹

Tuan Haji Muhammad Yatim menjelaskan bahawa sudah menjadi dasar dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah bahawa kedudukan maqam-maqam zikir dan perlaksanaan zikir dan perlaksanaan zikirnya adalah akur kepada yang asal, yang digubal oleh pemimpin terdahulu. Perkara ini mesti diikuti dan dipatuhi dari masa ke semasa tanpa melakukan sebarang pengurangan atau tokok tambah.²²²

Merujuk kepada bilangan zikir yang begitu dititik beratkan dalam tarekat ini iaitu menjaga supaya bilangan zikir yang dilaksanakan tidak lebih dan tidak kurang.

Ini kerana pada pandangan mereka bilangan di dalam zikir adalah umpama gigi yang terdapat pada anak kunci, jika gigi-

gigi itu bertambah atau berkurangan maka anak kunci tersebut tidak berperanan sebagai pembuka.²²³

Keadaan ini adalah sesuai seperti yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis.

من سبّح الله في دبر كل صلاة ثلاثة وثلاثين
محمد الله ثلاثة وثلاثين وكبرا الله ثلاثة وثلاثين
فتلك تسعه وتسعون وقال تمام المائه لا اله
الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد
وهو على كل شيء قادر غفرت خطایاه وان كانت
مثل زبد البحر .²²⁴

Maksudnya:

Sesiapa yang bertasbih selepas setiap kali solat sebanyak tiga puluh tiga kali bertahmid sebanyak tiga puluh tiga kali bertakbir sebanyak tiga puluh tiga kali maka yang demikian itu adalah sembilan puluh sembilan kali dan berkata sebanyak menyempurnakan bilangan seratus

(عَلَيْهِ الْحَمْدُ وَلَا إِلَهَ مِنْدُولٌ عَنْهُ شَرِيكٌ لَّهُ) maka diampunkan baginya dosa-dosanya sekalipun ia seperti buih dilautan.

‘*Khatam*’ berasal daripada bahasa Arab bermaksud penutup atau akhir dan ‘*khawajakan*’ kata jamak berasal daripada bahasa Parsi, bermaksud para syeikh. Mufradnya ‘*khawajah*’ bermaksud syeikh.²²⁵ Oleh itu *khatam khawajakan* adalah bermaksud zikir penutup para syeikh.

Khatam khawajakan adalah zikir yang dinisbahkan kepada syeikh `Abd al-Khaliq al-Ghajdawani kerana beliau adalah penyusun *khatam* tersebut. Menurut beliau dan pemuka-pemuka tarikat ini sampai kepada Syeikh Baha al-Din Naqsyaband sependapat, bahawa sesiapa yang mengamalkan zikir-zikir *khatam* ini, nescaya semua hajatnya akan diperkenankan, yang dimintanya dapat, terhindar dari berbagai bala, diangkatkan mertabatnya dan akan menyaksikan tanda-tanda kebesaran Allah s.w.t.²²⁶

Amalan *khatam khawajakan* dilaksanakan oleh syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah terdahulu hanya pada ketika-ketika tertentu sahaja, umpamanya bila ditimpa bala bencana atau musibah.

Amalan ini dilaksanakan dengan mematuhi syarat-syarat dan mengikut bilangan yang ditetapkan bagi tujuan menolak bala-bala tersebut.

Bagi syeikh-syeikh Tarekat Naqsyabandiyah terkemudian, amalan ini diamalkan sepanjang masa tanpa merujuk kepada sesuatu peristiwa tertentu kerana mereka berpendapat pada akhir-akhir ini terlalu banyak bala bencana, dan amalan ini diteruskan sebagai penebus dan pendinding bagi bala-bala tersebut.²²⁷

Di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh amalan ini dilaksanakan oleh murid lelaki sahaja. Zikir *khatam khawajakan* ini diamalkan secara berjamaah dan ahli-ahlinya duduk dalam bentuk bulatan (halaqah). Syeikh duduk menghadap ke arah kiblat dan dia didampingi oleh khalifah terkanan disebelah kanan manakala khalifah-khalifah yang lain duduk di sebelah kirinya dan diikuti oleh murid-murid yang lain. Bilangan ahli paling minima ialah seramai tujuh orang.²²⁸

Adab-adab dalam mengamalkan zikir *khatam khawajakan* yang dilaksanakan di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di

Tanjung Pauh ini adalah sama seperti yang tercatat dalam kitab Tanwir al-Qulub iaitu:-²²⁹

1. Bersih dari hadas dan najis
2. Tempat yang sunyi
3. Khusyuk dan hudur (hadir hati)
4. Keadaan murid yang hadir mendapat keizinan daripada syeikh.
5. Menutup pintu iaitu ia dilakukan dalam keadaan tertutup dari pandangan umum.
6. Memejamkan kedua-dua belah mata dari mula khatam sehingga selesai khatam tersebut.
7. Bersungguh-sungguh bermujahadah membuang berbagai lintasan hati yang jahat supaya tidak mengganggu perjalanan hati menuju kepada Allah s.w.t.
8. Duduk secara *tawarruk* (berlawanan dari cara duduk pada *tashahhud akhir dalam sembahyang*).

Antara rukun-rukun *khatam khawajakan* ini ialah:²³⁰

1. Membaca istighfar 25,15, atau 5 kali
2. Menghubung diri dengan rabitah guru mursyid
3. Membaca surah al-Fatiyah sebanyak 7 kali
4. Membaca salawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. sebanyak 100 kali.

5. Membaca surah al-Inshirah 79 kali
6. Membaca al-Ikhlas 100 kali
7. Membaca surah al-Fatiyah 7 kali
8. Membaca salawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. sebanyak 100 kali
9. Membaca doa penutup
10. Membaca beberapa potong ayat al-Quran.

Bagi memudahkan lagi perlaksanaan zikir *khatam khawajakan* di pusat Tarekat Naqsyabandadiyah Khalidiyah Tanjung Pauh ini, mereka menggunakan seratus biji batu kecil dan sepuluh biji batu yang lebih besar. Al-Qazani ada menyatakan. bahawa penggunaan batu-batu ini adalah semata-mata untuk memudahkan pengendalian *khatam khawajakan* ini.²³¹

Berdasar partisipasi dan observasi penulis terhadap Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah ini, penulis dapati cara pelaksanaan zikir *khatam khawajakan* adalah seperti berikut.

Syeikh akan memulakan amalan *khatam khawajakan* ini dengan mengambil sepuluh biji batu besar dan dua puluh satu biji batu kecil dan membahagikan batu yang selebihnya iaitu sebanyak tujuh puluh sembilan biji batu kecil kepada ahli-ahli atau murid yang lain, keutamaan pengagihan batu-batu kecil ini ialah kepada khalifah-khalifah yang ada di sebelah kanan dan kiri syeikh dahulu, kemudian syeikh akan memulakan majlis *khatam khawajakan* ini dengan membaca doa yang ma'thur dari syeikh-syeikh tarekat. Umpamanya doa seperti berikut:-

اللهم يا مفتاح الأبواب ويَا مَسْبِبِ الْأَسْبَابِ
وَيَا مَقْلُبَ الْقُلُوبِ وَالْأَبْصَارِ وَيَا دَلِيلَ
الْمُتَحَيرِينَ وَيَا غِيَاثَ الْمُسْتَغْيَثِينَ أَغْثِيْنِ.
توكلت عَلَيْكَ يَا رَبِّي وَفَوْضَتْ أَمْرِي إِلَيْكَ يَا
فَتَاحَ يَا وَهَابَ يَا بَاسِطَ وَصَلَى اللَّهُ عَلَى خَيْرِ
خَلْقِهِ سَيِّدُنَا مُحَمَّدَ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.²³²

Maksudnya:

Ya Allah, wahai Tuhan yang membuka segala pintu, wahai Tuhan yang menyebabkan segala sebab, wahai Tuhan yang mengubah segala hati dan pandangan, wahai Tuhan yang menunjukkan jalan kepada orang yang berada dalam kebingungan, wahai Tuhan yang menolong orang yang meminta pertolongan, tolonglah aku, aku bertawakkal kepadaMu wahai Tuhan dan aku menyerahkan urusanku kepada Mu, wahai Tuhan yang membuka segala pintu (al-Fattah), wahai Tuhan yang memberi (al-Wahhab), wahai Tuhan yang melapangkan (al-Basit) Allah memberi selawat ke atas sebaik-baik ciptaanNya Nabi Muhammad s.a.w. dan juga kepada keluarganya dan para sahabatnya sekalian.

Diikuti pula selepas itu syeikh akan beristighfar dengan meninggikan suara (جهر) dengan katanya (استغفار الله) sebanyak tiga kali, lantas ahli-ahli atau murid-murid yang lain turut beristighfar, juga dengan meninggikan suara. Kemudian syeikh akan berkata (رابطة شريفة) maka semua ahli atau murid hendaklah bertafakur dan melakukan *rabitah mursyid*.²³³

Syeikh seterusnya akan membahagikan enam biji batu besar kepada enam orang ahli atau murid di sebelah kanannya dan berkata (فاتحة شريفة), maka ahli-ahli yang menerima batu besar tersebut hendaklah membaca surah al-Fatiyah sekali. Selanjutnya syeikh berkata (صلوات شريفة) maka semua ahli hendaklah berselawat kepada junjungan besar Rasulullah s.a.w. sebanyak mana bilangan batu yang ada di dalam tangan mereka.

Kemudian syeikh akan berkata (الم نشرح لك شريفة) maka semua ahli hendaklah membaca surah al-Insyirah sebanyak mana bilangan batu yang ada di dalam tangan mereka. Seterusnya syeikh mengambil sebiji atau dua dari batu-batu kecil yang sejumlah dua puluh satu biji yang ada di dalam tangan itu untuk dirinya dan yang baki akan dibahagikan oleh *qasim* (orang yang ditugaskan oleh syeikh untuk membahagi batu)²³⁴ kepada ahli-ahli lain. Selanjutnya syeikh akan berkata (اخلاص شريف) maka setiap ahli hendaklah membaca surah al-Ikhlas sebanyak mana bilangan batu yang ada di dalam tangan mereka.

Syeikh akan mengulangi lagi sebutan (اخلاص شريف) ini sehingga sepuluh pusingan dan para ahli hendaklah turut membaca surah al-Ikhlas pada setiap kali pusingan yang disebut oleh syeikh.

Selepas itu syeikh akan membahagikan enam biji batu besar kepada enam orang ahli yang duduk di sebelah kirinya pula. Sheikh akan menyebut (فاتحة شريعة) maka ahli-ahli yang menerima batu besar tersebut hendaklah membaca surah al-Fatiyah sekali. Syeikh kemudiannya akan menyebut (صلوات شريفة)

maka para ahli akan berselawat kepada junjungan besar Rasulullah s.a.w. sebanyak mana bilangan batu yang ada dalam tangan mereka.

Seterusnya syeikh akan berdoa dengan doa yang ma'thur sepertinya:

الحمد لله الذي بنور جماله أضاء قلوب
العارفين ويهبها جلاله أحرق فواد العاشقين
وبلطائف عنايته عمر سر الواثلين، والصلة
والسلام على خير خلقه سيدنا محمد وعلى آله
وصحبه أجمعين اللهم بلغ وأوصل ثواب ما
قرأناه ونور ما تلوناه بعد القبول منا
بالفضل والاحسان الى روح سيدنا وطبيب قلوبنا
وقرة أعيننا محمد المصطفى صلى الله عليه وسلم
والى ارواح جميع الانبياء والمرسلين صلوات
الله وسلامه عليهم أجمعين والى جميع ارواح
مشايخ سالسل الطرق العليية، خصوصاً
النقشبندية والقادرية والكبروية

و الشهروردية والجشتية قدس الله أسرارهم
العلية خصوصا الى روح القطب الكبير والعلم
الشهير ذي الفيض النور أني و اضع هذا الختم
مو لانا عبد الخالق الغجدواني والى روح امام
الطريقة وغوث الخليقة ذي الفيض الجاري
والنور الساري السيد الشريف محمد المعروف
بشاء نقيبند الاويسى البخارى قدس الله سره
العالى . والى روح قطب الاولياء وبرهان
الأصفياء جامع نوعي الكمال الصورى والمعنىوى
الشيخ عبد الله الد هلوى قدس الله سره العالى .
والى روح الساري فى الله الراكع الساجد ذى
الجناحين فى علمي الظاهر والبطن ضياء الذين
مولانا الشيخ خالد قدس الله سره العالى اللهم
اجعلنا من المحسوبين عليهم ومن المنسوبين

اليهم ووفقنا لما تحبه ونرضاه يا أرحم
 الرحيمين. اللهم أجرنا من الخواطر النفسية
 واحفظنا من الشهوات الشيطانية، وطهرنا من
 القاذورات البشرية، وصفنا بصفاء المحبة
 الصديقية، وأرنا الحق حقاً، وارزقنا اتباعه
 وأرنا الباطل باطل، وارزقنا اجتبابة يا أرحم
 الرحيمينز اللهم أنا نسألك أن تحى قلوبنا
 وأرواحنا وأجسامنا بنور معرفتك ووصلك
²³⁵ وتجلياتك دائمًا باقبا هاديا يا الله.

Maksudnya:

Segala puji dan bagian Allah yang dengan nur
 kesempurnaanNya menerangi hati orang-orang yang
 arif, yang dengan kehebatan ketinggianNya
 membakar hati orang-orang yang asyik
 terhadapNya, yang dengan kelembutan
 pertolonganNya membangunkan sir orang-orang yang
 telah sampai kepadaNya. Selawat dan salam ke
 atas sebaik-baik ciptaanNya.

Nabi Muhammad s.a.w. dan ke atas keluarganya serta sahabat-sahabatnya sekalian. Ya Alah ya TuhanKu, sampaikan dan hubungkan pahala apa yang kami baca dan berikan nur apa yang kami bacakan setelah Engkau terima daripada kami dengan kemurahan dan ihsan Engkau kepada roh pemimpin doktor hati-hati kami juga kekasih kami, Nabi Muhammad al-Mustafa s.a.w. dan juga sampaikan kepada roh-roh para nabi dan rasul-rasul selawat dan salam ke atas mereka sekalian sampaikan juga pahala itu kepada roh-roh para syeikh kami di dalam salasilah tarikat-tarikat yang mulia khususnya Tarikat Naqsyabandiyah, al-Qadariyah, al-Kubrawiyah, al-Suhrawardiyyah al-Jasytiyah (semoga Allah menyucikan sir mereka semua) khususnya kepada roh al-Qutub yang termasyhur yang menyusun khatam ini maulana Abd al-Khaliq al-Fajdawani dan kepada roh imam tarikat ini ash-Sharif Muhammad yang terkenal dengan nama Syah Naqsyaband al-Uwaisi al-Bukhari dan kepada roh qutubkul-awliya` ash-Syeikh Abdullah al-Dahlawi dan kepada roh ash-Syeikh Khalid, ... Ya Allah ya Tuhan kami jadikanlah kami sebagai orang-orang yang diperhitungkan ke atas mereka dan juga orang-orang yang dihubungkan dengan mereka. Berilah taufik kepada kami mengenai perkara yang Engkau suka dan Engkau redai, Ya Allah ya Tuhan yang paling Pengasih, Ya Allah ya Tuhan kami, jauhkan kami dari pelbagai lintasan jiwa yang jahat, peliharalah kami dari pelbagai nafsu syahwat syaitan, bersihkanlah kami dari pelbagai kekotoran sucikanlah kami dengan sucinya cinta yang benar dan tunjukkanlah kami yang benar itu sebagai benar dan berikanlah kami mengikutinya. Tunjukkanlah kepada kami yang batil itu sebagai batil dan jauhkan daripada kami ya Allah Tuhan yang paling penyayang. Ya Allah ya Tuhan kami, kami meminta kepada Engkau agar Engkau hidupkan hati kami, roh-roh kami dan jasad-jasad kami dengan nur makrifahMu, dan tajalliMu, selama-lamanya kekal dalam hidayatMu ya Allah.

Syeikh seterusnya akan berkata (رب العالمين). Kemudian seorang khalifah atau wakil syeikh akan membaca mana-mana ayat al-Quran yang mudah. Ayat-ayat al-Quran yang dibaca lazimnya ayat-ayat yang maksudnya mempunyai kaitan dengan keimanan, kerohanian, amalan berzikir dan sekurang-kurang bilangan zikir yang mesti dilakukan adalah berdasarkan kepada maqam atau peringkat zikir yang telah ditetapkan oleh syeikh.²³⁶

Satu lagi amalan yang diamalkan di pusat ini ialah *Tawajjuh*. Sepanjang penglibatan penulis di pusat ini, penulis dapati amalan *tawajjuh* ini dilaksanakan sama ada bersama dengan amalan zikir *khatam khawajakan* atau secara berasingan. Ketika di luar program riadah atau suluk, amalan zikir *khatam khawajakan* dan *tawajjuh* dilaksanakan secara bersama pada tiap malam Selasa dan Jumaat selepas menunaikan solat Isyak iaitu dengan didahului amalan zikir *khatam khawajakan* dan diikuti pula dengan *tawajjuh*.

Ketika program riadah atau suluk berlangsung amalan zikir *khatam khawajakan* sahaja dilaksanakan, makala selepas solat zohor amalan *tawajjuh* sahaja dilaksanakan.²³⁷

Selepas solat maghrib tidak dijalankan amalan-amalan ini kerana luangan antara waktu maghrib dan isyak adalah terlalu pendek, di samping untuk menjaga keutamaan solat di awal waktu (isyak) yang ditetapkan dalam prosedur Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah.²³⁸

Amalan **tawajjuh** ini dilaksanakan oleh murid lelaki dan murid perempuan di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini. Berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian penulis ke atas pusat ini didapati murid lelaki dan murid perempuan diletakkan di tempat yang berasingan tanpa bercampur.

Kumpulan murid lelaki akan membentuk satu lingkungan atau halaqah, syeikh yang akan memimpin majlis ini berada di dalam lingkungan tersebut di mana kedudukan beliau menghadap ke arah kiblat. Di sebelah kanan dan kiri syeikh adalah tempat yang dikhatuskan kepada khalifah. Sekiranya terdapat enam orang khalifah, maka ditempatkan tiga orang di sebelah kanan dan tiga orang lagi di sebelah kiri. Seterusnya ditempatkan murid-murid yang lain yang lebih rendah maqam zikirnya sehingga melengkapi sebuah lingkungan.

Bagi murid perempuan pula susun atur mereka adalah berbeza dengan murid lelaki. Kedudukan murid perempuan adalah seperti saf dalam sembahyang dan ditempatkan diruangan sembahyang perempuan. Murid perempuan yang mencapai maqam zikir yang tertinggi seperti tahlil²³⁹ ditempatkan di sebelah kanan sekali dan diikuti dalam saf ini murid perempuan yang lain , yang lebih rendah maqam zikirnya.²⁴⁰

Amalan *tawajjuh* ini sangat penting kepada murid untuk peningkatan kerohanianya, justeru itu kepada mereka yang diistilahkan sebagai "murid" iaitu mereka yang telah menerima bai'ah dan talqin daripada syeikh sangat-sangat digalakkan melakukan amalan *tawajjuh* ini. Sebaik-baiknya pada setiap kali amalan ini diadakan atau sekurang-kurangnya sekali seminggu. Mana-mana murid yang tinggal berjauhan dari pusat ini atau menghadapi masalah-masalah lain, dia hendaklah berusaha untuk melakukan amalan tersebut di pusat ini sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan atau setidak-tidaknya sekali dalam setahun.²⁴¹

Dalam keadaan tertentu dan dengan kebenaran daripada syeikh, seseorang murid boleh melakukan *tawajjuh* di pusat lain yang mengamalkan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang

dipimpin oleh syeikh-syeikh lain seperti terdapat nya amalan ini dijalankan di pusat yang berdekatan dengan tempat tinggal murid.²⁴²

Tawajjuh merujuk kepada doktrin Tarekat Naqsyabandiyah ialah Bad dasyat²⁴³ iaitu penumpuan atau konsentrasi hati kepada nur zat Allah s.w.t. yang maha Esa tanpa berlafaz, dengan itu ia dilakukan melalui zikir secara khafi atau sir. Apa yang dapat dijelaskan di sini ialah murid hendaklah menghadirkan hatinya berserta Allah dan menyaksikan (musyahadah) nur keEsaan zat Allah s.w.t.

Tawajjuh seperti yang dijelaskan oleh Syeikh 'Ali ibn Hussein al-Harawi bermaksud syeikh *bertawajjuh* atau konsentrasi ke atas batin murid sehingga terhasil hubungan rohani antara hati murid dengan hati syeikh melalui tawassul ini dan berlaku penyertaan rohani (اتحاد) antara hati syeikh dengan hati murid. Dengan perantaraan hubungan rohani ini diharapkan terpancarlah nur-nur dari hati syeikh ke dalam hati murid.²⁴⁴

Tawajjuh pada pandangan penulis merupakan gabungan usaha daripada kedua belah pihak iaitu syeikh dan murid untuk peningkatan kerohanian murid. Daripada syeikh, merupakan sebahagian dari limpahan-limpahan keberkatan melalui doa syeikh tersebut supaya dibukakan pintu rohani muridnya. Manakala daripada murid pula ialah kesungguhan dalam melaksanakan zikir-zikir yang telah ditetapkan

Zikir *tawajjuh* ini terdiri daripada zikir yang telah ditalqinkan oleh syeikh iaitu Tuan Haji Muhammad Yatim seperti Zikir Mukashafah, Lata`if, Nafi Isbat, Wuquf Qalbi, Muraqqabah dan Zikir Tahlil. Zikir *tawajjuh* ini hendaklah mematuhi adab-adab dan prosedur mengamalkan zikir.²⁴⁵ Zikir-zikir ini boleh dilakukan secara individu atau berjamaah. Oleh kerana kedudukan maqam murid-murid tidak sama, maka amalan zikir secara berjamaah ini akan diselaraskan ketika zikir *khatam khawajakan*.²⁴⁶

Perlaksanaan majlis *tawajjuh* yang diamalkan di pusat ini adalah seperti berikut:-

Pertama: Murid yang menyertai majlis ini dikehendaki menutup kepala dan duduk secara tawarruk dengan khusyuk.

Kedua: Syeikh akan beristighfar dengan suara tinggi sebanyak tiga kali kemudian diikuti oleh murid. Seterusnya murid dikehendaki membaca surah al-Fatihah sekali, surah al-Ikhlas tiga kali, melakukan rabitah kubur, melakukan rabitah mursyid dan kemudian melaksanakan zikir mengikut tahap atau maqam yang telah diajarkan oleh syeikh.

Ketiga : Murid selanjutnya akan **ditawajjuhkannya** oleh syeikh atau khalifah-khalifahnya (wakil-wakilnya) dengan cara syeikh terdahulu melakukan tawajjuh kepada beberapa orang wakilnya dan kemudian wakil-wakil tersebut akan melakukan **tawajjuh** kepada murid-murid yang lain. **Tawajjuh** ini dilaksanakan dengan cara syeikh mendekatkan dahinya ke dahi murid yang **ditawajjuhkannya** itu. Syeikh seterusnya akan melakukan muraqabah dan membaca doa supaya diangkatkan hijab yang menutupi hati murid tersebut.

Keempat: Selepas semua murid yang menghadiri majlis ini ditawajuhkan, syeikh akan membaca doa **tawajjuh** secara perlahan-perlahan .Ini menandakan bahawa majlis **tawajjuh** ini telah selesai.

Kelima : Syeikh lazimnya akan menyambung majlis **tawajjuh** ini dengan **tahlil**. **Tahlil** ini dilaksanakan secara lisan (﴿) dan ia akan diikuti oleh murid yang lain. Murid dikehendaki mengikuti cara dan rentak **tahlil** seperti yang dilakukan oleh syeikh. Semasa melakukan **tahlil** ini, murid dibenarkan membuka kelubung dan dibenarkan duduk bersila.

Keenam : Setelah selesai bertahlil, syeikh akan membaca doa dan seterusnya murid-murid akan berselawat secara beramai-ramai. Dengan berakhirnya selawat ini bererti tamatlah **tawajjuh** dan **tahlil**.

NOTA

1. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 9 April 1999
2. Ibid
3. Contoh bait-bait syair tentang nahu yang sempat penulis rakamkan daripada Tuan Haji Muhammad Yatim ialah :

من فتح نحو فذك أخرين
وفمه فى كا علم مفرس
وان ينطر فهو المفطوع

Maksudnya: *Barang siapa yang faham tentang ilmu nahu, maka ia akan faham tentang segala ilmu. Dan ilmu itu palsu jika ia sekadar menilik dan ilmu seumpama ini adalah batal.*
4. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 9 April 1999.
5. Ibid
6. Ibid
7. Ibid
8. Ibid
9. Ibid
10. Ibid
11. Ibid
12. Ibid, 10 April 1999
14. Ibid
15. Ibid
16. Ibid
17. Ibid
19. Ibid

20. Abu al-Ula `Afifi, *al-tasawwuf: al-Thawrah al-Ruhyyah Fi al-Islam* (Qahirah: Dar al-Maarif, 1963) 267
21. Syeikh Muhammad Najm al-Din Amin al-Kurdi, *Tanwir al-Qulub*, (Mesir: Maktabah Shahirah, 1368h) 528
22. Abd al-Wahab al-Sha`roni, *al-Anwar al-Qudsyyah*, (Beirut: Maktabah al-Ma`arif, 1408 H/1988 M), 169.
23. Al-Quran, al-Kahf: 70.
24. Al-Quran, al-Kahf: 78.
25. Zakaria Stapa dan Mohamad Asin Dollah, *Islam Akidah dan kerohanian*, (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Ed. Kedua, 1998) 148 - 149
26. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 16 April 1999
27. Taj al-Din Naufal, *Hadigat al-Awliya`* Maktabah al-Turath al-Islami, Qahirah 1986, hal. 131 -132
28. Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Khulasah al-Tasanif Fi al-Tasawwuf* (dalam Majmu`ah Rasail al-Imam al-Ghazali), (Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah , t.t.) 141
29. Abd al-Karim ibn Hawazin, *al-risalah al-Qushairiyah*, Ed.Ma'ruf Zuraiq, dan `Ali Abdal-Hamid, (Beirut, Dar al-Jail ,1990M/1410H), 378
30. Ibid, 41
31. Haji Engku Ali bin Engku Endut, *Jalan Para Abid*, Jil.1 Terj. Minhaj al-Abidin oleh Imam al-Ghazali (Kuala Terengganu Perceetakan halim, Jln. Sultan Ismail, 1994) 31
32. Ahmad ibn `abd al-Rahim al-Dahlawi, *al-Qaul al-Jamil fi Bayan Sawa` al-Sabil* (t.p., t.t.) 21
33. Al-Ghazali, Iljam al-Aqam an Ilm al-Kalam (dalam Majmu`ah Rasail al-Imam al-Ghazali) (Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.) 61-62

34. Al-Dahlawi, *Al-Qaul al-Jamil*, 21
35. Haji Engku Ali bin Engku Endut, 1994, 31
36. Al-Ghazali, *Minhaj al-Abidin*, (Beirut, Dar al-Jalil, 1989M/109H) 17. Band. Haji Engku Ali bin Engku Endut. *Jalan Para Abid*, Jil. 1 Terj. Minhaj: Percetakan Halim Jln. Sultan Ismail, 1994) 32
37. Ibid, 33-34
38. Abi `Abd Allah Muhammad bin Abi Bakar bin Ayub Ibn Qayyim al-Juziyyah, *Madarij al-Salikin Baina Manazil Iyyaka Nakbudu Wa Iyyaka Nasta'in*, En. Muhammad Hamid al-Faqi, Jil.2, Beirut, Dar al-Kitab al-Arab, t.t.) 49
39. Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Ihya` `Ulum al-Din*, Jil.3 (Mesir, Maktabah Wa Matba`ah Muhammad `Ali Sabih Wa Anlaqahu, t.t.) 64
40. Syed Naguib al-Atas, *Some Aspects of Sufism As Understood And Practised Among the Malays*, 40.
41. Hasan Kamil al-Multawa, *al-Sufiyyah Fi Ilhamihim, al-'Aila Lishu'un al-Islam*, Mesir, 1972, jil. 2 hal. 52-5
42. Al-Quran, al-Maidah: 35.
43. Al-Quran, al-Taubah: 119.
44. Dr. Syed Muhammad Aqail Bin Ali al-Mahdaly, Dekan Kuliah Usuluddin, INSANIAH, Kedah, temu bual 17 Nov. 1999.
45. Al-Quran, Ali Imran: 200.
46. Ishaq Bin Muhammad `Arif, *Jami` al-Masail* (Dong, Raub, Pahang, t.p. 1989), 49.
47. Ibid, 50.
48. Al-Quran, Taha: 114.
49. Drs. Barmawie Umarie, *Sistematik Tasawwuf*, Ab Sitti Syamsiyah, Il Secoyudan 28 Solo, Yogyakarta. 1961, hal. 124-125

50. Ibid, 125.
51. Qassim Ghani, *Tarikh al-tasawwuf Fi al-Islam*: (Qahirah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1972), 317.
52. Prof. Madya Dr. Jahid Hj. Sidek, *Sheikh Dalam Ilmu Tariqah*, (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, 1997) 88
53. Al-Quran, Ali Imran: 191.
54. Haji Habib Syah (Khaliyah Tarikat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah) dan En. Zainal Abidin bin Abdul Rahman (Pengamal Tarikat Naqsyabandiyah Khalidiyah)
Temu bual 10, 11, 12 Sept. 1998
55. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998
56. Al-Sya`roni, 1408 H/ 1988 M, 73
57. Abu al-Qassim Abd al-Karim al-Qusyairi, *al-Risalah al-Qusyairiyah*, Jil. 2, ed. `Abd al-Halim bin Mahmud dan Mahmud bin al-Sharif, (Qahirah, Dar al-Kutub al-Hadithah, 1972) 735
58. Ibid
59. Ibid
60. Toha Abd al-Yafi Surur, *al-Sya`roni Wa Tasawwuf al-Islami* (Mesir, Mutabaqah al-Ulum 163, Syari`al-Khalij, t.t.) 25
61. Muhammad Zakariya al-Kandahlawi, *al-Syariah Wa al-Tariqah*, Cairo, Dar al-Rasyid, 1339 H) 138
62. Abd al-Somad al-Falimbangi, *Siyar al-Salikin*, (Pulau Pinang, Dar al-Ma`arif, t.t.) 11
63. Qasim Ghani, 1972, 331
64. Al-Yafi Surur, 1952, 26

65. Taj al-Din Naufal, *Hadiqat al-Awliya`*,
(Qahirah, Maktabah al-Turath al-Islami, 1986) 131
66. Ibid
67. Al-Yafi Surur, 1952, 66
68. Al-kandahlawi, 1339H, 65
69. Al-Quran, Luqman, 15
70. Al-Quran, al-Mumtahanah, 4
71. Al-Quran,
72. Al-Quran, an-Nahl:43.
73. Al-Quran, al-Furqan, 59
74. Al-Quran, al-An`am, 90
75. Ishaq Bin Muhammad `Arif, 1989, 49.
76. H.A.Fuad Said, *Hakikat Tharikat Naqsyabandiah*,
(Ipoh; Pustaka Muda, Jalan Tun Perak, 1991) 104-105]
77. Ibid, 106
78. Lihat (Tajuk: Perjalanan Tarikat Naqsyabandiyah
Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah) Bab. 3
79. Jahid, 1997, 103
80. Lihat (tajuk: Perjalanan Tarikat Naqsyabandiyah
Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah) Bab. 3
81. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 14 Sept. 1998
82. Ibid
83. Ibid
84. Al-Kurdi, 1368 H, 503.

85. Haji Jahid Sidek, 1997, 105-106
86. Lihat (Tajuk: Salasihal Tarikat Naqsyabandiyah) Bab. 2
87. Al-Kurdi, 1368 H, 500
88. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual. Bandingkan Ahmad bin Muhammad `Ajibah al-Husna, al-Futuh al-Ilahiyyah Fi Sharh al-Mabahith al-Asliyyah, Ed. `Abd Litaba`ah, t.t.) 89-118
89. Al-Kurdi, 1368H, 525-527
90. Mohd Sulaiman Haji Yasin, *Mengenal Ilmu Tasawwuf* 2 (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992) 81
91. Al-Quran
92. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1992, 80-81.
93. Al-Quran, al-Fath: 18
94. Al-Bukhari, *Sahih*, Kitab al-Tafsir, Bab. surah al-Mumtahanah, t.tp, t.t.: Dar wa Mutabi` al-Sha`b
95. Ibid
96. Muhammad Yusof al-Kandahlawi, *Hayah al-Sahabah*, Jld. 1 (Qahirah, Dar al-Sabuni, t.t.) 218
97. Ibid, 220
98. Ibid, 224
99. Ibid, 225
100. Ibid, 229
101. Ibid, 230
102. Ibid, 231
103. Al-Dahlawi, *Al-Qaul al-Jamil*, 1⁵
104. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1992, 87
105. Ibid

106. Al-Quran, Al-Fath: 10
107. Ibid
108. Al-Quran, al-Mumtahanah: 12
109. Al-Quran, al-Fath: 10
110. Mohd Sulaiman Haji Yasin, 1992
111. Ibid
112. John P.Brown, *The Darvishes Or Oriental Spritualism* (London; Frank Cass d Cl. Ltd. ,1968) 115
113. Al-Quran, al-Fath :10
114. Taj al-'Arifin, *Miftah al-Sudur*, (Kunci Pembuka Dada), (al-Ameen Printers, 1987M/1407H) 45
115. Al-Sya'roni, 1988, 27-28
116. Ibid, 27
117. Ibid
118. Ibid
119. John P.Brown, 1968, 209
120. Abd al-Majid ibn Muhammad al-Khani, *al-Hada`iq al-Wardiyyah fi Haqaiq Ajilla`al-Naqsyabandiyah*. (Damshiq 1306H) 133
121. Pengalaman penulis sewaktu menerima *Ba`iah* daripada Tuan Haji Muhammad Yatim, 15 Julai 1997
122. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 30 April 1999
123. Ibid
124. Pengalaman penulis sewaktu menerima *Ba`iah*, 15 Julai 1997
125. Muhammad ibn `Abdillah al-Khani, *al-Bahjah al-Saniyyah* (Istanbul, Maktabah al-Haqiqah, 1409H/1989M) 41

126. Al-Sya`roni, al-Anwar al-Qudsiyyah, 1988, 29.
127. H.A.Fuad Said, 1991, 59.
128. Dr. Musa Fatullah Harun Konsep Tawassul, Tawassul dan Rabitah dalam *Laporan Seminar sufi Peringkat Kebangsaan kali keempat*, "BHEIS, JPN, K.L. 29-30 Nov. 1998, hal. 16
129. Sayyid Muhammad Nasib al-Rifai Muas'sas al-Dakwah al-Salafiah wa khadimiha bihalib, *al-Tawassul Ila Haqiqat al-Tawassul*, al-Tabaah al-Baniah, Beirut, 1975, hal. 12
130. Al-Quran, al-Maidah :35
131. Ibn Manzur, *Lisan al-Arabi*, Darul al-Maarif 1119 al-Nil, Kaherah, 1979 hal. 4837-4838
132. Ahmad Bin Husin al-Dawsari al-Habitah Fi Zikr Ism al-Zat wa al-Rabitah (Makkah: al-Muniriyyah, 1325 H) 31-32.
133. Ibid, 148.
134. Ibid, 148.
135. Ibid, 149.
136. Sahih Bukhari hal. 321.
137. Musa Muhammad `Ali, *Haqiqah al-Tawassul wa al-wasilah*, Dar al-Thurath al-'Arabi, 1981 hal. 40
138. Ibid, hal. 61
139. Siroju'd. Din `Abbas, *Masalah Agama*, Jil.11, Pustaka Aman Press, Kelantan, 1980 hal. 111
140. Musa Muhammad `Ali, 1981, 29
141. Ibid, hal. 58
142. Ibid, hal. 30-31
143. Ibid, hal. 31

144. al-Quran, al-Nisa` : 64
145. Taqyu`d- Din al-Subki, *Shifau`s- Saqam*, Majlis Dairah Ma`arif al-Uthmaniyyah, Deccan, 1402 H/1982M. hal. 82
146. Ibid, hal. 154
147. Yusof Ibn Ismail al-Nibhani, *Syawahid al-Haqq*, Dar al-Fikr, Beirut, 1403 H/ 1983 M, hal. 166
148. Ibid
149. Ibid, hal. 167
150. Ibid.
151. Ibid, hal.166
152. Tuan Haji Muhammad Yatim, Temu bual, 24 April 1999
153. Ibid, hal. 167
154. Prof. Madya Dr. Haji Jahid Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqat*, Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur, 1997, hal. 318
155. Ibn Taimiyyah, *Qa`idah Jalilah Fi al-Tawasul wa al-Wasilah*, ed. Sayyid al-Jamili, (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1985) 70
156. Jahid, 1997
157. Haji Jahid Sidek, 1997, 297-298
158. Al-Quran, al-Jin: 18.
159. Tuan Haji Muhammad Yatim , temu bual. 24 April 1999
160. Al-Quran, al-Zummar : 3
161. Al-Kurdi, 1368 H, 511
162. Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Jil.1(t.p. 1988 M/ 1409 H) 180

163. Pengalaman penulis menjalani program Suluk 3 Jun 1998 - 7 Jun 1998
164. Al-Kurdi, 1368 H, 511.
165. Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Al-Ghazali, *Ihya `Ulum al-Din*. Jil.3, (Cairo Dar al-Kutub al-Arabiyyah, t.t.) 74.
166. Al-Kurdi, 1368 H, 511.
167. Ibid
168. Penjelasan daripada Tuan Haji Muhammad Yatim sewaktu penulis menerima talqin zikir Sept. 1997
169. Syeikh Tajuddin Ibn Syeikh Daud al-Wahab Rokan, *Kaifiyat Zikir di dalam Tarikat Naqsyabandiyah*, Indonesia Babussalam, Langkat, Tanjung Pura Sumatera Utara, 1977M/1397H), 5-6
170. Ibid, 6
171. Al-Kurdi, 1368H. 511
172. Tajuddin, 1977. 7
173. Al-Sha`roni, 1988. 37
174. Al-Kurdi, 1368 H. 512
175. Abu Hamid al-Ghazali, *Mukashafah al-Qulub al-Muqarrib ilia Hadrah Allam al-Ghuyub*, (Qahirah, al-Maktabah al-Taufiqiyah, 1988 M) 87.
176. Al-Nawawi, Yahaya ibn Sharif al-Dimashqi, *Riyad al-Salihin* (Qahirah, Matba`ah al-Anwar al-Muhammadiyah t.t.) 202
177. Muhammad Ahmad Darniqah, *al-Tariqah al-Naqsyabandiyah wa A`lamuha* (Matba`ah Jarus Press, t.t.) 28.
178. Al-Sya`roni, 1988, 37.
179. Al-Quran, al-Maidah, 35.

180. Muhammad ibn `Abdillah al-Khani, *al-Bahjah al-Saniyyah*, (Istanbul: Maktabah al-Haqiqah, 1989M/1409H) 43.
181. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999
182. Ibid
183. Al-Quran, al-Shura, 11.
184. Tajuddin, 1977, 12.
185. Ibid.
186. Ibid.
187. Tajuddin, 1977, 13.
188. Al-Kurdi, 1368 H, 513.
189. Ibid.
190. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999
191. Al-Sya`roni, 1988, 39-40.
192. Al-Kurdi, 1368 H, 513.
193. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999.
194. Nasr ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Samargandi, *Tanbih al-Ghafilin* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1406 H/1986 M) 309.
195. Tajuddin, 1977, 4-5.
196. Abu Hamid al-Ghazali, *Mukhtasar Ihya 'Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Fikr dan Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah, 1406 H/1986M) 138.
197. Ahmad ibn Abd al-Rahim al-Dahlawi, *Hujjatu Illah al-Balighah* (Ed.) al-Sayyid Sabiq, (Qahirah, Dar al-Kutub al-Hadithah, t.t.) 632.
198. Al-Quran, al-Ahzab, 41-43.

199. Ibn Majah, Abi `Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, Jil. 2, ed. Muhammad Fuad `Abd al-Baqi, (Dar Ihya` al-Turath al-`Arab., t.t.) Bab. Fadl al-Zikr.
200. Muhammad Zakaria, *Fadhal al-A`amal*, (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, Kota Bharu, 1993) 229-230.
201. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual; 21 Mei 1999
202. Al-Kurdi, 1368 H, 510.
203. Syeikh Abd al-Qadir Isa, *Haga`iq `An al-Tasawwuf* (England: Diwan Press, t.t.) 155.
204. Al-Kurdi, 1368 H, 505.
205. Imam Abu al-Qassim abd al-Karim al-Qushairi, *al-Risalah al-Qushairiyah*, Jil. 2, Ed. Abd al-Halim bin Mahmud dan Mahmud bin al-Sharif, (Qahirah: Dar al-Kitab al-Hadithah., t.t.) 446.
206. Al-Quran, al-A`raf : 205.
207. Al-Kurdi, 1368 M, 510.
208. Hj. Jahid Sidek, *Ajaran-ajaran Tariqah Naqsyabandiyah*. Terj. Tanwir al-Qulub oleh Syeikh Muhammad Najm al-Din Amin al-Kurdi (Petaling Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd, 1989) 235-236.
209. Muhammad Murad al-Qazani, *Dhail Rashahat `Ain al-Hayah*, (Turki, al-Maktabah al-Islamiyyah Muhammad Izdamir, t.t.) 203-204.
210. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999
211. Lihat, Bab 2, tajuk Doktrin Tarikat Naqsyabandiyah Khalidiyah.
212. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999
213. Lihat Bab. 3, tajuk Bai`ah dan Talqin Zikir.
214. Tuan Haji Muhammad Yatim, Penerangan sewaktu penulis menerima Bai`ah, tarikh 15 Sept. 1997 (Zikir Mukashafah)

215. Tuan Haji Muhammad Yatim. Penerangan setelah penulis dinaikkan ke maqam Lata`if sebaik sahaja penulis menjalani `peperiksaan` dalam program suluk 21 Nov.1997 Penerangan tambahan oleh Haji Habib Syah.
216. H.A.Fuad Said, 1991, 61.
217. Ibid, 59-61
218. Doktor Syeikh Haji Jalaluddin, *Rahsia Mutiara Tarikat Naqsyabandiyah*, Jld. Ketiga, (Indonesia; Sektretariat, No. 2, Djalan Berlian. Medan Dell, 1971) 6-7.
219. Doktor Syeikh Haji Jalaluddin, *Sinar Keemasan*, No. 22-23(Jakarta: No 6, Djalan Angsana, Tanah Tinggi, 1959) 1.
220. H.A. Fuad Said, 1991, 59-61.
221. Al-Kurdi, 1368 H, 513-515.
222. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999.
223. Muhammad Ahmad Darniqah, *al-Tariqah al-Naqsyabandiyah wa A`lamuha t.t.*, 39.
224. Muslim ibn al-Hajjaj, *Sahih Muslim* Jld. 1, (Qahirah: Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyyah t.t., Kitab al-Masajid wa Mawadi` al-Salah, Hadis No. 146) 418
225. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999.
226. H.A. Fuad Said, 1991, 90.
227. Muhammad Murad al-Qazani, *Dhail Rashahat 'Ain al-Hayah*, t.t. 233.
228. Tuan Haji Muhammad Yatim dan Hj.Habib Syah (khalifah kepada syeikh) 15 Mac 1997.
229. Tuan Haji Muhammad Yatim dan Hj. Habib Syah(khalifah kepada syeikh) temu bual 15 Mac 1997 bandingkan Al-Kurdi, 1368 H, 522.
230. Ibid.
231. Al-Qazani, t.t., 235.

232. Hj. Jahid Sidek, 1989, 263-264.
233. Lihat, Bab. 3, 3.6. Mengamal Zikir, *Kaifiat mengamal zikir, ketiga belas.*
234. `Qasim` ialah petugas yang membahagikan batu, dia seorang yang tinggi maqam seperti khalifah atau orang yang sudah mencapai maqam Tahlil. Lihat, H.A. Fuad Said, 1991, 99.
235. Tuan Haji Muhammad Yatim bandingkan, Haji Jahid Sidek, 1989, 264-267.
236. Tuan Haji Muhammad Yatim dan Haji Habib Syah (khalifah) Encik Zainal Abidin Abd. Rahman (murid) temu bual 21 Mei 1999.
237. Ibid.
238. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 21 Mei 1999.
239. Tahlil ialah tingkatan maqam zikir yang paling tinggi dalam susunan zikir Tarikat Naqsyabandiyah. Tingkatan zikir ini adalah seperti berikut:
1. Mukasyafah
 2. Lata`if
 - i- Latifah al-Qalbi
 - ii- Latifah al-Ruh
 - iii- Latifah al-Sirr
 - iv- Latifah al-Khafi
 - v- Latifah al-Akhfa
 - vi- Latifah Nafs al-Natiqah
 - vii- Latifah Kulli Jasad
 3. Nafi Isbat
 4. Wuquf Qalbi
 5. Muraqabah Ahadiyyah
 6. Muraqabah Maiyah
 7. Tahlil. Sebutan zikir Tahlil ialah (ٿٰڻ ۽ ڻ ۽ ڻ)
240. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 25 Jun 1999.
241. Ibid
242. Ibid

243. Lihat. Bab 2, Doktrin Tariqat Naqsyabandiyah
244. `Ali ibn Husein al-Harawi, *Rashahat `Ain al-Hayah*, (Turki, al-Maktabah al-Islamiyyah Mukhammad Izdamir, t.t.,) 195
245. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual. 25 Jun 1999
246. Ibid.

BAB IV

AMALAN RIADAH ATAU SULUK

4.0. PENDAHULUAN

Amalan *riadah* atau *suluk* merupakan tunggak kepada Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah. Amalan ini membezakan cabang tarekat ini dengan cabang-cabang yang lain dalam Tarekat Naqsyabandiyah. Daripada amalan ini juga boleh ditentukan sama ada perjalanan sesuatu Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah itu masih terikat dengan amalan yang asal atau pun sudah tergelincir. Dalam bab ini penulis membincangkan apa yang dimaksudkan dengan *riadah* atau *suluk* ini dari perspektif Islam dan tasawuf. Perbincangan seterusnya tentang kaedah bersuluk dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Tumpuan kajian adalah menyentuh amalan-amalan yang dilaksanakan dalam program *suluk*, adab-adab sebelum, semasa dan selepas *suluk*. Sebagai mengakhiri bab ini dibincangkan tentang peningkatan *maqam* atau *darjat zikir*.

4.1. RIADAH ATAU BERSULUK DALAM TAREKAT TASAWUF

Riadah atau *bersuluk* ialah suatu istilah yang merujuk kepada latihan peningkatan kerohanian yang diterima pakai dikalangan ahli-ahli tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah khususnya di Malaysia dan Indonesia. Program seumpama ini dikenali sebagai *khalwat* pada istilah tasawuf dan di samping itu terdapat beberapa istilah lain yang digunakan oleh tokoh-tokoh tasawuf bagi menerangkan tentang maksud yang sama. Antara istilah-istilah itu ialah *'uzlah* dan *i'tikaf*. Dalam bahagian ini penulis akan dahulukan penjelasan tentang maksud *khalwat*, *'uzlah* dan *i'tikaf* yang biasa digunakan oleh tokoh-tokoh tasawuf untuk mengelak kekeliruan bagi perbincangan selanjutnya.

Sheikh al-Jurjani dan Sheikh ibn Arabi menjelaskan bahawa *khalwat* bermaksud percakapan batin (muhadathah al-sirr) dengan Allah s.w.t.¹ Sementara menurut Sheikh ibn 'Ajibah pula *khalwat* membawa maksud mengasingkan diri dengan tubuh badan². Berdasarkan kedua-dua pendapat ini dapat disimpulkan bahawa *khalwat* pada istilah tasawwuf dapat dikelaskan kepada dua bahagian iaitu *khalwat zahir* dan *khalwat batin*.

Khalwat zahir bermaksud mengasingkan diri dengan tubuh badan atau jasad dari muamalah dengan manusia yang lain dan *khalwat batin* pula bermaksud mengawal hati supaya tidak bersama-sama selain daripada Allah s.w.t. Dalam ilmu tasawwuf *khalwat batin* ini adalah diutamakan dan ia merupakan *khalwat* sebenarnya.

Selain daripada penggunaan istilah *khalwat* dalam menerangkan fenomena ini, istilah '*uzlah*' juga digunakan. Menurut Sheikh Ibn 'Ajibah '*uzlah*' adalah bermaksud penumpuan hati kepada Allah s.w.t.³ Bagi Imam al-Qushairi pula, maksud sebenar '*uzlah*' ialah mengasingkan diri daripada sifat-sifat tercela (yang ditentukan oleh syariat)⁴. Dengan berpandukan kepada kedua-dua pendapat ini dapat dinyatakan bahawa istilah '*uzlah*' lebih mirip kepada *khalwat batin*.

Manakala merujuk kepada Sheikh al-Jurjani pula beliau menjelaskan bahawa '*uzlah*' adalah bermaksud menjauhkan atau mengasingkan diri dari perkumpulan bersama manusia⁵. Berdasarkan keterangan ini menunjukkan bahawa '*uzlah*' adalah sama maksudnya dengan istilah *khalwat* dan istilah ini juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu '*uzlah zahir*' dan '*uzlah batin*'.

Istilah *i'tikaf*, mengikut pendapat Dr. 'Abd al-Mun'im al-Hafni dan al-Jurjani bermaksud membersihkan hati dari kesibukan keduniaan dan sebaliknya menyerahkan serta memperhambakan diri semata-mata kepada Allah s.w.t.⁶ Fenomena ini menunjukkan bahawa *i'tikaf* bermaksud *khalwat batin*. Selanjutnya Dr. 'Abd al-Mun'im juga ada menyatakan bahawa *i'tikaf* sama erti dengan *iqamah* iaitu bermaksud menetap di sesuatu tempat dengan tidak berubah-rubah dari situ.⁷ Dengan keterangan ini pula menunjukkan bahawa *i'tikaf* bermaksud *khalwat zahir*. Daripada dua kenyataan ini dapat dinyatakan bahawa *i'tikaf* sama juga maksudnya dengan *khalwat* dan ia juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu *i'tikaf zahir* dan *i'tikaf batin*.

Istilah-istilah *khalwat*, *'uzlah* dan *i'tikaf* pada pandangan ahli tasawwuf dapat disimpulkan bahawa membawa maksud yang sama, ianya melibatkan dua fenomena iaitu fenomena pengertian *zahir* dan fenomena pengertian *batin*. Iaitu pada pengertian *zahir* bermaksud mengasingkan diri dengan tubuh badan atau jasad manakala pada pengertian *batin* pula bermaksud mengawal dan menentukan hati supaya sentiasa bersama-sama Allah s.w.t. Walaupun terdapat dua bahagian *khalwat* iaitu

khalwat zahir dan *khalwat batin* tetapi mempunyai matlamat yang satu, iaitu sebagai usaha untuk *taqarrub* (menghampirkan diri) kepada Allah s.w.t.

Menurut Tuan Haji Muhammad Yatim, *khalwat* atau *suluk* ini adalah semata-mata untuk beribadat serta berusaha menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. dengan mengawal dan mengasingkan diri daripada perkara-perkara yang melalaikan ingatan kepada Allah s.w.t.

Khalwat atau *'uzlah* atau *suluk* atau *i'tikaf* yang dilakukan adalah bersandarkan kepada dalil syarak. Antara dalil-dalil tersebut seperti firman Allah s.w.t.

وأَعْتَزِلُكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَأَدْعُوا
رَبِّي عَسْلَى أَلَا أَكُونْ بِدُعَاءِ رَبِّي شَقِيًّا (48)

Maksudnya.

Dan aku akan menjauhkan diri daripadamu dan dari apa yang kamu seru selain Allah dan aku akan berdoa kepada Tuhanmu, mudah-mudahan aku tidak akan kecewa dengan berdoa kepada Tuhanmu.

Firman Allah s.w.t. lagi

فَلَمَّا اعْتَزَلُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ
وَهُبَنَا لَهُ أَسْحَقُ وَيَعْقُوبُ وَكَلَا جَعْلَنَا
نَبِيًّا (٤٩)

Maksudnya.

Maka ketika Ibrahim sudah menjauhkan diri dari mereka dan dari apa yang mereka sembah selain Allah s.w.t. Kami anugerahkan kepadanya Ishak dan Ya'qub dan masing-masing kami angkat menjadi nabi.

Berdasarkan ayat 48 dan 49 dari surah Maryam ini Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa fenomena ini menunjukkan keberkatan amalan 'uzlah.¹⁰ Ini menunjukkan bahawa amalan 'uzlah atau khalwat memang ada dalam Islam.

Menurut Ibn Ishaq bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melakukan khalwat atau mengasingkan diri di gua Hira' selama satu bulan iaitu pada bulan Ramadan pada tiap-tiap tahun sebelum baginda dilantik menjadi rasul¹¹. Begitu juga Saidatina 'Aishah juga ada menceritakan tentang khalwat Rasulullah s.a.w. ini dengan kata-katanya

اول ما بدئ به رسول الله عليه وسلم من
 الوحي الرؤيا الصالحة في النوم فكان
 لايرى رؤيا الا جاءت مثل فلق الصبح ثم
 حبب إليه الخلا وكان يخلو بغار حراء
 فيتحنث فيه وهو التبعد إلىالي ذات
العدد .¹²

Maksudnya:

Permulaan wahyu yang datang kepada Rasulullah s.a.w. ialah mimpi-mimpi yang baik di dalam tidur dan dia tidak melihat mimpi-mimpi itu kecuali ia datang seperti cahaya subuh (kerana terangnya) kemudian dikasihkan kepadanya (menjadi gemar) berkhawatir dan dia mula berkhawatir di Gua Hira dengan bertahan huth di dalamnya iaitu ta'abbud (beribadat dengan syariat nabi Ibrahim atau tahannuth) pada beberapa malam (iaitu dinisbahkan kepada masa yang diselangi oleh baginda dengan kembali ke pangkuhan keluarga bagi mendapatkan bekalan untuk menyambung lagi khawatir tersebut kerana masa khawatir yang baginda lakukan itu ialah sebulan)

Dalam riwayat lain Rasulullah s.a.w. juga dinyatakan bahawa pernah mengasingkan diri dari isteri-isteri baginda selama sebulan iaitu baginda telah bersumpah (ila') untuk

tidak bersekedudukan dengan mereka dalam tempuh tersebut. Sepanjang tempoh tersebut dinyatakan baginda melakukan ibadat dengan tekun sehingga kaki baginda menjadi pecah-pecah. Peristiwa ini telah dirakamkan oleh Anas ibn Malik riwayatnya:

إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ
نَسَائِهِ وَكَانَتْ اَنْفَكَتْ رِجْلَهُ فَأَقَامَ فِي مَشْرِبَةٍ
لَهُ تِسْعَاً وَعَشْرِيْهِ لَيْلَةً ثُمَّ نَزَلَ فَقَالُوا: يَا
رَسُولَ اللَّهِ أَلَيْتَ شَهْرًا فَقَالَ: الشَّهْرُ تِسْعَ
وَعَشْرُونَ.¹³

Maksudnya:

Rasulullah s.a.w. telah melakukan ila` terhadap isteri-isteri baginda dan tapak kaki baginda telah menjadi pecah-pecah di mana baginda telah berada di satu bilik kecil dalam rumah baginda (mashrubah) selama dua puluh sembilan malam (kerana melakukan ibadat) kemudian baginda turun lalu mereka (isteri-isteri baginda) berkata "wahai Rasulullah, engkau telah melakukan ila` selama satu bulan", lalu baginda berkata, "sesungguhnya bulan ini adalah dua puluh sembilan hari".

Berhubung dengan perkara ini Abu Hurairah ada menyatakan dalam riwayatnya:

كان النبي صلى الله عليه وسلم ويعتكف كل عام عشرة أيام فلما كان العام الذي قبض فيه اعتكف عشرين يوما.¹⁴

Maksudnya:

Adalah Nabi s.a.w. beri'tikaf pada setiap tahun selama sepuluh hari dan pada tahun baginda wafat baginda telah beri'tikaf selama dua puluh hari.

Saidatina Aishah telah menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. beri'tikaf selama sepuluh hari pada tiap-tiap bulan Ramadan. Beliau meriwayatkan tentang i'tikaf Rasulullah s.a.w. ini melalui pernyataannya

أن النبي صلى عليه وسلم كان يعتكف العشر الأوّل من رمضان حتى توفاه الله تعالى ثم اعتكف أزواجه من بعد هـ.¹⁵

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi s.a.w. beri'tikaf pada sepuluh yang terakhir dari bulan Ramadan sehingga baginda wafat kemudian isteri-isteri baginda pula beri'itikaf selepas baginda.

Kelebihan dan keutamaan mengerjakan amalan *khalwat* telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. seperti sabda baginda:

وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ
قَالَ: رَجُلٌ أَيْ أَفْضَلُ بَنِي اِنْسَانٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟
قَالَ: مُؤْمِنٌ مَجَاهِدٌ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: ثُمَّ رَجُلٌ مُعْتَزِلٌ فِي
شَعْبٍ مِنَ الشَّعَابِ يَعْبُدُ رَبَّهُ.^{١٦}

Maksudnya:

Dari Abi Said al-Khudri (r.a) beliau berkata: Seorang sahabat telah bertanya: siapakah yang afdal wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Seorang mukmin yang berjihad dengan dirinya dan hartanya ke jalan Allah s.w.t., sahabat tersebut bertanya lagi. Kemudian siapa? Baginda menjawab: Seorang lelaki yang mengasingkan diri di lereng-lereng bukit semata-mata untuk beribadat kepada Tuhan-Nya.

Al-Ghazali menegaskan bahawa amalan *khalwat* merupakan amalan yang mulia pada pandangan tokoh-tokoh tasawuf, merujuk kepada pernyataan beliau yang bermaksud:

*"Ketika ditanya tentang khalwat kepada sesetengah tokoh sufi: ke arah manakah dilimpahkan kamu dengan zuhud dan khalwat. Mereka berkata: kepada berjinak-jinak dengan Allah s.w.t."*¹⁷

Ini menunjukkan bahawa matlamat akhir amalan khalwat ialah untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Amalan suluk atau *khalwat* merupakan satu bentuk latihan kerohanian yang mudah melahirkan sifat ikhlas. Seperti yang ditegaskan oleh Dhu al-Nun al-Misri, dengan kata-kata nya yang bermaksud:

"Tidak pernah aku temui sesuatu perkara yang lebih cepat untuk melahirkan keikhlasan selain daripada khalwah".¹⁸

Malah dengan melakukan amalan *khalwat* atau *suluk*, Allah s.w.t. akan membuka pintu hati untuk menuju ke jalan yang diredaya serta ditambahi berbagai ilmu yang bermanfaat kepada mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Shafi'e dengan katanya yang bermaksud:

"Sesiapa yang suka agar dibukakan Allah s.w.t. pintu hatinya dan ditambahi ilmu-ilmu kepadaNya maka dia hendaklah berkhawat, mengurangi makan, meninggalkan pergaulan dengan orang-orang bodoh dan meninggalkan sesetengah ahli ilmu yang tidak ada keinsafan dan adab."¹⁹

Suatu perkara yang penting yang harus ditekankan di sini ialah apa yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa orang yang berkhawlāt termasuk dalam golongan orang-orang akan mendapat naungan Allah s.w.t. pada hari kiamat kelak sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ الْنَّبِيُّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَبْعَةٌ يَظْلَمُهُمُ اللَّهُ فِي
ظَلَّهُ يَوْمَ لَا ظَلَّ إِلَّا ظَلَّهُ، اِمَامٌ عَادِلٌ، وَشَابٌ
نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مَعْلُوقٌ
بِالْمَسَاجِدِ، وَرَجُلٌ تَحَابَّ فِي اللَّهِ اجْتَمَعَ
عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَ عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ دَعَتْهُ اِمْرَأَةٌ ذَاتٌ
مَنْصِبٍ وَجَعَالَ فَقَالَ اِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ
تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ شَمَالَهُ
مَا يَنْفَقُ يَمِينَهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيَا
فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ . (مُتَفَقُ عَلَيْهِ) رواه بخارى
ومسلم .²⁰

Maksudnya:

"Warta dari Abu Hurairah r.a. yang diterima dari Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa baginda bersabda: Ada tujuh golongan orang yang akan mendapat naungan Allah dengan rahmatNya pada hari yang tiada naungan kecuali naunganNya, iaitu: pemimpin yang adil Seorang remaja yang pada masa remajanya, beribadat kepada Allah s.w.t., Seorang lelaki yang hatinya tersangkut dengan masjid-masjid. Dua orang saling mencintai kerana Allah yang keduanya berkumpul dan berpisah kerana Allah. Seorang lelaki yang ketika dirayu oleh seorang perempuan bangsawan lagi rupawan, (untuk melakukan perbuatan yang tidak baik), dia menolak dan berkata:aku takut kepada Allah s.w.t. Seorang yang bersedekah kemudian disembunyikannya, sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diperbuatkan oleh tangan kanannya. Seorang yang berzikir kepada Allah s.w.t. di tempat yang sunyi (berkhawat) kemudian kedua matanya mencucurkan air mata.

Di dalam hadis di atas diterangkan bahawa di antara golongan yang akan memperolehi naungan Allah s.w.t. pada hari kiamat adalah termasuk orang berzikir kepada Allah dengan berkhawat.

Drs. Imron Aba merakamkan pendapat sebahagian Muhadisin (ahli-ahli hadis) bahawa yang dimaksudkan dengan pengertian zikir dalam keadaan **khalwat** iaitu zikir dengan dilakukan dalam keadaan sendirian atau sunyi dari orang ramai untuk menghindari sifat riak, dan lebih membulatkan konsentrasi

kepada Allah s.w.t. Pendapat ini disokong oleh hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mubarak dan Hammad bin Zaid dengan mengaitkan susunan kalimat (ذکر الله خالبا) bermaksud berzikir kepada Allah di tempat sunyi.²¹

Sebahagian Muhadisin lain berpendapat bahawa yang dikehendaki dengan pengertian (خالبا) iaitu sunyi di dalam hadis tersebut ialah sunyi dari perhatian selain kepada Allah, meski pun zikir tersebut di tengah-tengah khalayak ramai. Pendapat ini diperkuatkan dengan hadis yang diriwayat oleh Imam Baihaqi yang menggunakan susunan kalimat (ذکر الله بین يد ه)

bermaksud berzikir kepada Allah menurut kemampuan yang ada.²²

4.2. KAEDEAH BERSULUK DALAM TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH

Suluk atau *riadah* atau *khawat* yang dijalankan oleh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ini ada dua bentuk iaitu pertamanya *Khawat harian* yang mesti dilakukan oleh pengamal tarekat ini tiap-tiap hari dan dalam waktu-waktu tertentu. *Khawat* jenis ini dilaksanakan secara individu. Kedua ialah *Khawat berjamaah* atau berkumpulan yang lebih dikenali sebagai *suluk*. *Suluk* ini merupakan amalan penting yang dilaksanakan setahun sekali atau setahun dua kali atau setahun beberapa kali. Dalam bahagian ini penulis akan membincangkan secara khusus amalan *suluk* ini.

Syeikh Muhammad Murad al-Qazani menjelaskan bahawa amalan *suluk* atau *khawat zahir* ini diperkenalkan oleh Syeikh Khalid al-Uthman al-Kurdi yang merupakan salah seorang tokoh golongan Naqsyabandiyah zaman mutakhir. Usaha melaksanakan amalan ini adalah kerana terdapat beberapa maslahah dan amalan ini terus diamalkan oleh pengikut-pengikut beliau sehingga ke hari ini. Berpunca daripada sinilah terbentuknya aliran Naqsyabandiyah Khalidiyah.²³

Amalan ini amat ditekankan terutamanya kepada murid-murid yang berada di peringkat permulaan.

Walau bagaimana pun tidak diabaikan keutamaan *khalwat batin* (Khalwat dar anjam)²⁴ seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Muhammad ibn 'Abdillah bahawa *khalwat batin* adalah khusus bagi Tarekat Naqsyabandiyah kerana pengamal tarekat ini tidak ber*khalwat* dengan *khalwat zahir* malah *khalwat* mereka adalah *khalwat batin* dalam perkumpulan atau muamalah sesama manusia.²⁵ *Khalwat batin* adalah sebenar-benar *khalwat* seperti yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya:

رَجُلٌ لَا تَلَهِيهُمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ

²⁶ ذَكْرُ اللهِ

Maksudnya:

Iaitu lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jual-beli daripada mengingatkan Allah

Kesempurnaan *khalwat batin* akan tercapai setelah seseorang murid itu terlebih dahulu melalui latihan-latihan dalam *khalwat zahir* (amalan dan adab-adab program suluk). Matlamat inilah merupakan sebahagian

daripada apa yang dimaksudkan sebagai maslahah yang berkait dengan *khalwat zahir*. Amalan suluk ini bukanlah dilakukan sepanjang masa cuma dalam beberapa hari sahaja iaitu sebagai latihan dan usaha untuk penyucian diri bagi mencapai *khalwat batin* yang menjadi tunggak dalam tarekat Naqsyabandiyah.

Tuan Haji Muhammad Yatim menjelaskan bahawa program suluk yang dijalankan di Pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra ini iaiah selama sepuluh, dua puluh, atau empat puluh hari. Bilangan-bilangan hari ini adalah akur kepada jumlah hari atau tempoh lamanya program suluk ini dijalankan oleh tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah yang terdahulu.²⁷ H.A. Fuad Said ada merakamkan pernyataan Syeikh Najmuddin Amin al-Kurdi yang tercatat di dalam kitab ‘Tanwirul Qulub’ bahawa sekurang-kurang suluk itu tiga hari, boleh juga tujuh hari dan sebulan sesuai dengan perbuatan Nabi s.a.w. Paling baik ialah empat puluh hari.²⁸ Perkara ini didasarkan kepada firman Allah s.w.t.

وَأَعْدَنَا مُوسَى ثَلَاثِينَ لَيْلَةً
وَأَتَمَّنَا هَا بِعْشَرَ فَتْمَ مِيقَاتَ رَتَّه
أَرْتَعَنِ لَيْلَه .²⁹

Maksudnya:

Dan telah kami janjikan kepada Musa (memberikan Taurat) sesudah berlalu waktu (berkhawat) tiga puluh malam, dan kami sempurnakan jumlah malam itu dengan sepuluh malam lagi, maka sempurnalah waktu yang telah ditentukan Tuhan yang empat puluh malam.

Drs. Imron Aba telah merakamkan keterangan yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir yang mutabar tentang firman Allah di atas yang mempunyai pengertian bahawa Allah s.w.t. dengan tegas memberikan janji kepada Nabi Musa a.s. setelah Fir'aun bersama pengikutnya tenggelam dalam Laut Merah, agar supaya melakukan khawat di gunung Thursina selama satu bulan dengan berpuasa iaitu tepat pada bulan Zulqa'idah dengan maksud akan diberi oleh Allah s.w.t. berupa kitab Taurat. Maka Nabi Musa a.s. melaksanakan perintah ini, dengan berkhawat sebulan penuh dengan berpuasa di gunung Thursina.³⁰

Setelah genap sebulan lamanya beliau merasa tidak enak bau mulutnya lalu mengambil kayu *huznub* untuk dibuat bersiwak (gosok gigi), maka malaikat berkata kepadanya:

كُنَا نَشْتَمِ مِنْ فِيكُ رائحةُ الْمَسَكِ

فَأَفْسَدْتَهُ بِالسُّوَاقِ.³¹

Maksudnya:

Kami telah mencium mulutmu yang baunya bagaikan wangi kasturi dan kami merasakan kehilangan (dengan mengeluh) setelah hilangnya bau mulutmu itu sebab telah kamu bersiwak.

Kemudian Allah memerintahkan Musa a.s. supaya berpuasa lagi selama sepuluh hari. Jadi genap khalwat Nabi Musa a.s. di gunung Thursina empat puluh malam.³² Ini menunjukkan bahawa amalan khalwat ini sudah dilaksanakan sejak zaman Nabi Musa a.s. dan syari`at Nabi Musa a.s. tentang khalwat ini tidak dimansukhkan malah terus dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w., sebagaimana yang diceritakan dalam sebuah hadis.

حَبَّبَ عَلَيْهِ الْخَلَاءُ وَكَانَ يَخْلُو بِغَارٍ
حَرَاءً فِي تَخْنِقَةٍ وَهُوَ التَّعْبُدُ الْلَّيَالِي
ذُوَاتُ الْعَدُدِ .³³

Maksudnya:

Nabi Muhammad s.a.w. diberi kesenangan menjalankan khalwat di Gua Hira' dengan tujuan beribadat kepada Allah s.w.t. pada beberapa malam yang tidak sebentar.

Menurut Al-Kurdi bahawa keutamaan berkhalwat empat puluh hari adalah berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dalam `Az-Zuhdi` dan Ibnu `Adli bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

من أخلص الله أربعين صباحاً تفجرت

ينابيع الحكمة من قلبه على لسانه.³⁴

Maksudnya:

Barang siapa (beramal) dengan *ikhlas* kerana Allah selama 40 (hari) pagi nescaya terpancarlah sumber-sumber hikmah dari hatinya kelidahnya.

Sebenarnya amalan *suluk* yang dilaksanakan oleh ahli-ahli Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah pada hakikatnya adalah merupakan *i'tikaf* pada anggapan ahli fekah. Persamaan ini dilihat dari segi amalan ini dilakukan di masjid-masjid sama ada di masjid jami' iaitu masjid yang didirikan sembahyang Jumaat dan masjid bukan jami' iaitu surau atau madrasah. Ulamak-ulamak yang masyhur berpendapat bahawa *i'tikaf* boleh dilakukan pada semua masjid iaitu masjid jami' dan masjid bukan jami'.

Imam Abu Hanifah dan pengikut-pengikutnya mengharuskan *i'tikaf* bukan setakat masjid jami' dan masjid bukan jami' sahaja malah *i'tikaf* juga boleh dilakukan di *masjid al-bait* iaitu tempat yang disediakan di dalam rumah untuk didirikan solat padanya, khususnya bagi wanita sahaja. Manakala Imam Shafie dan Imam Malik serta pengikut-pengikut mereka mengharuskan hal tersebut bagi lelaki dan wanita.³⁵

Pada peringkat permulaan perkembangan tarekat ini, amalan suluk dilaksanakan di masjid-masjid dan beberapa waktu selepas itu amalan ini dilaksanakan di tempat-tempat tertentu yang dikenali sebagai *zawiyah*, *ribat* atau *khanaqah*.³⁶ Mereka mendirikan tempat-tempat atau khemah-khemah kecil di dalam masjid atau surau untuk tujuan berkhalwat dan melakukan ibadah serta berzikir di dalamnya.

Pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Surau Bab al-Khairat, kampung Melayu Majidi, Johor Baharu menggunakan kelambu-kelambu kecil yang dipasang sebagai tempat berkhalwat.³⁷ Di Surau Hj. Shuib, Kelulut, Marang, Trengganu menggunakan bilik-bilik kecil yang dibina dan kelambu dipasang di dalamnya sebagai tempat khalwat.³⁸

Di Pusat Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, amalan khalwat atau suluk dilaksanakan di surau yang telah didirikan di sini. Upacara-upacara zikir dan lain-lain ibadat dijalankan di dewan sembahyang di tingkat atas surau tersebut. Manakala di tingkat bawah dibuat petak-petak dan dipasangkan kelambu untuk ahli-ahli yang datang berkhalwat atau bersuluk di sini. Berdekatan dengan surau ini didirikan sebuah balai lagi sebagai tempat memasak dan tempat makan.

Di sini juga dilengkapi dengan kemudahan tandas dan bilik air. Tempat suluk peserta lelaki dan wanita adalah diasingkan begitu juga dengan tempat memasak serta tempat makan dan juga bilik air.

Berhubung tentang pembinaan dan penyediaan tempat-tempat *khawlāt* atau suluk di dalam masjid atau di surau seperti yang dinyatakan di atas, tidak dianggap bertentangan dengan syari'at kerana Rasulullah s.a.w. sendiri pernah melakukannya pada ketika baginda melakukan *i'tikaf* sepetimana yang telah diriwayatkan oleh Aishah dengan kata-kata beliau:

كَانَ النَّبِيُّ أَللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ فِي
الْعَشْرِ الْأُوَّلَيْنَ مِنْ رَمَضَانَ فَكُنْتَ اضْرَبَ لَهُ
خَبَاءً فَيَصْلِي الصَّبَحَ ثُمَّ يَدْخُلُهُ .³⁹

Maksudnya:

Adalah Nabi s.a.w. beri'tikaf pada sepuluh yang terakhir dari bulan Ramadan dan saya telah membuat untuk baginda satu *khiba'* (*rumah* atau *khemah* kecil yang diperbuat daripada kulit biri-biri atau unta dan biasanya dibina di antara dua atau tiga tiang) lalu baginda bersembahyang subuh kemudian baginda memasukinya.

Di samping mengikut apa yang pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w., ahli-ahli Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah menyediakan atau membina tempat-tempat khusus untuk bersuluk atau berkhawlāt yang kecil dan gelap seperti ini adalah untuk lebih khusyuk semasa berkhawlāt dan dapat menghadirkan hati kepada Allah s.w.t., dapat mengawal serta memelihara pancaindera dari sebarang gangguan, menjauhkan diri dari riya' dan mengingatkan kepada keadaan di dalam kubur. Keadaan seumpama ini juga memberi peluang kepada mereka yang berkhawlāt bertafakkur (فکر) dan bermuhasabah diri dengan lebih baik.

Syeikh Ibn 'Ajibah menjelaskan dengan kata-kata beliau yang bermaksud:

*Tiada kebaikan pada 'uzlah yang tidak ada fikrah padanya dan tiada kesan yang kuat bagi fikrah yang tidak disertai dengan 'uzlah.*⁴⁰

Seterusnya beliau menjelaskan:

*Ini adalah kerana apa yang dikehendaki atau dimaksudkan dari 'uzlah itu ialah kekosongan hati (dari sebarang gangguan khawatir), apa yang dikehendaki dari kekosongan hati tersebut ialah hidupnya hati dan terhasilnya fikrah, apa yang dikehendaki dari terhasilnya fikrah itu ialah terhasilnya ilmu (makrifat) dan tetapnya ia di dalam hati, tetapnya ilmu tentang Allah (makrifah) tersebut di dalam hati adalah ubat bagi penyakit-penyakit hati dan kemuncak bagi kesihatan hati tersebut.*⁴¹

Keadaan seperti inilah dikira *suluk* atau *khalwat* atau *'uzlah* kerana menghasilkan makrifah (mengenal Allah) dan *mahabbah* (mencintai Allah). Syeikh Ibn Ajibah selanjutnya merakamkan penyataan Syeikh Abu al-Hassan al-Shazili yang menyentuh tentang faedah yang didapati dari amalan *suluk* atau *khalwat* atau *'uzlah* ini yang kira-kira bermaksud:

*Hasil amalan (suluk, khalwat atau 'uzlah) itu ialah berjaya mendapat kurniaan daripada Allah s.w.t. melalui empat saluran iaitu terbuka atau terangkatnya hijab (yang menutup hati), turunnya rahmat daripada Allah s.w.t., mencapai hakikat mahabbah dan benar lidahnya di dalam kata-kata.*⁴²

Tuan Haji Muhammad Yatim menjelaskan tentang *suluk* ini bahawa, *suluk* merupakan nadi dan penyokong kuat kepada penghayatan Tarikat Naqsyabandiyah Khalidiyah. Semasa program *suluk* dijalankan penekanan diberikan kepada pelaksanaan ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.⁴³

Beliau juga menambah bahawa anak-anak Adam tidak akan terlepas dari pujukan dan godaan syaitan, iblis, nafsu dan kelazatan dunia yang boleh melalaikan daripada mengingati Allah s.w.t. Hal-hal seumpama ini memerlukan perjuangan yang bersungguh-sungguh dan berterusan untuk

menjadi benteng bagi mempertahankan diri daripada terjerumus kepada kemurkaan Allah s.w.t.⁴⁴

Berdasarkan kepada partisipasi dan perhatian penulis terhadap program *suluk* atau *khawat* yang dilaksanakan di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra Kedah, bahawa permulaan waktu bersuluk ialah pada waktu petang iaitu selepas solat asar sebaik sahaja selesai melaksanakan zikir *Khatam Khawajakan*. Amalan ini dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pendapat Imam Malik, Imam al-Shafie, Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad mengatakan bahawa seseorang yang mahu beri'tikaf (berkhawat dan masjid) itu mamasuki tempat i'tikaf iaitu memulakan i'tikafnya sebelum tenggelam matahari apabila dia mahu beri'tikaf selama sebulan atau sepuluh hari.

Ketetapan ini diambil setelah menta'wilkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah r.a. iaitu:

إذا أراد أن يعتكف على الفجر ثم دخل معتكفة ^{45.}

Maksudnya:

Apabila baginda mahu beri'tikaff baginda solat fajar (subuh) terlebih dahulu dan kemudian baginda memasuki tempat i'tikaf baginda.

Dalam syarah hadis tersebut dinyatakan bahawa Rasulullah telah pun beritikaf dan berada dalam ruangan masjid sebelum maghrib dan apabila solat subuh maka baginda mula menyendiri atau berkhawlwat.⁴⁶

Program suluk ini akan berakhir pada hari terakhir tempoh suluk yang dicadangkan sama ada hari yang ke sepuluh, dua puluh atau empat puluh, juga selepas solat asar dan selesai melaksanakan zikir *Khatam Khawajakan*.

4.3. AMALAN-AMALAN DALAM SULUK

Semasa program suluk ini berlangsung, pengamal yang menyertai program ini akan memencarkan diri daripada orang ramai dan melakukan riadah serta mujahadah bersungguh-sungguh sebagai usaha untuk penyucian diri. Di samping itu dia harus banyak memikirkan tentang penciptaan Tuhan, mengenal dirinya sebagai hamba yang banyak dosa dan kesalahan, yang jika tidak diampunkan Allah, sudah tentu dia berada di dalam kecelakaan.

Dengan timbulnya perasaan-perasaan seumpama ini di dalam suluk, akan menguatkan lagi keimanannya kepada Allah s.w.t. dan bertambah keyakinannya bahawa Allah s.w.t. akan mengampuninya melalui peringkat-peringkat penyucian diri seterusnya dia berkeyakinan bahawa suluk merupakan salah satu kaedah untuk menuju kepada Allah s.w.t.

Salik (peserta yang menyertai program suluk atau berkhawat) mestilah dengan niat yang suci untuk mendapat keredaan Allah semata-mata atau untuk kepentingan akhirat

bukan untuk menunjukkan-nunjuk atau berbangga atau kerana inginkan kemasyhuran atau inginkan kekeramat dan sebagainya selain daripada kerana Allah s.w.t.

Niat yang baik merupakan asas amalan yang baik dan menjadi sia-sia amalan yang dibina atas asas niat yang tidak betul Allah berfirman:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرثَ الْآخِرَةِ نَزَدَ لَهُ فِي
حَرثِهِ، وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرثَ الدُّنْيَا نَوْتَهُ
مِنْهَا، وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ.⁴⁷

Maksudnya:

Barang siapa yang menghendaki keuntungan di akhirat akan kami tambah keuntungan itu baginya dan barang siapa yang menghendaki keuntungan di dunia kami berikan kepadanya dari keuntungan dunia dan tidak ada baginya suatu bahagian pun di akhirat.

Salik juga hendaklah bersedia serta sanggup meninggalkan kesenangan dan kemewahan hidup, malah sanggup menempuh kesukaran dan kepayahan kerana memilih jalan akhirat kerana jalan ini boleh menyampaikan kepada Allah s.w.t. Syeikh Abdul Qadir al-Jailani menyatakan:

Bahawa salik (hendaklah menganggap dirinya seolah-olah sedang berada di dalam kubur, telah meninggal dunia dan dia hanya berhatup keredhaan Allah semata-mata kerana orang yang berada di dalam kubur itu, sudah habis tugasnya untuk beramal, maka ingatannya kepada Allah s.w.t. akan menjadi lebih teguh dan harapannya semakin bertambah, agar dia dapat diampunkan Allah dan diredhainya.⁴⁸

Selanjutnya beliau menambah:

Kemudian apabila dia sedar, yang dia itu sebenarnya masih belum mati dan masih hidup, maka dia akan mengubah sama sekali sikapnya yang lama dengan yang baru, seolah-olah dia telah diberikan tempoh untuk hidup yang kedua ini adalah sementara untuk membersihkan kekotoran dirinya, lalu berushalah dia dengan penuh daya upaya untuk membersihkan daki-daki dunia yang menempel pada dirinya dengan membuat ibadat-ibadat sukarela yang dapat menyampaikannya ketingkatan tertinggi di sisi Tuhan bersama-sama para muqarrabin dan salihin.⁴⁹

Dalam masa suluk ini, salik hendaklah bertafakur dan mengheningkan fikiran, bermuhasabah, menilik kelemahan dan kekurangan diri untuk diperbaiki semula.⁵⁰ Tokoh-tokoh tasawwuf amat menekankan amalan muhasabah diri ini. Imam Abu al-Qassim Abd al-Karim al-Qushayri menyatakan:

seseorang hamba dalam menempuh jalan ini (jalan kerohanian) ialah muhasabah (menghitung atau menilai diri) muraqabah (perhatian diri yang berterusan perkara yang afdal serta menjadi kelaziman kepada kepada Allah kerana mengharapkan rahmatNya dan takut pada azabNya) dan siasah amalannya (cara beribadat) dengan ilmu.⁵¹

Semasa bermuhasabah diri, para salik hendaklah medar tentang adanya kekotoran jiwa atau kekotoran batin yang terlekat pada dirinya. Kekotoran batin ini adalah berpunca daripada dosa dan kesalahan yang dilakukan termasuk sikap-sikap negatif seperti sompong, takabur, dengaki, bongkak, mengadu-domba antara manusia, fitnah, hassad, syirik dan berbagai-bagai lagi.

Kekotoran ini juga akibat daripada memakan makanan haram dan boleh juga berlaku menerusi telinga, mata, hidung, kaki, tangan dan seterusnya yang melakukan perkara-perkara terlarang di sisi Allah s.w.t.

Kekotoran batin ini tidak boleh diabaikan tanpa terurus. Oleh itu para salik disarankan bertaubat dengan taubat yang sebenar-benarnya (taubat nashuha), iaitu

menyedari dosa itu telah berlaku, dengan menyesal yang amat sangat hingga mengeluarkan air mata, dan dengan berazam serta bertekad tidak akan melakukan kesalahan atau dosa itu lagi. Juga memohon ampun kepada Allah s.w.t. disertakan dengan doa kepadaNya supaya dihindari dari dosa itu.

Taubat nashuha mesti memenuhi syarat-syaratnya, sekira tidak dipenuhi syarat-syarat tersebut, tidak diterima taubat itu. Imam al-Ghazali menegaskan:

"Taubat dengan lisan semata-mata tanpa diikuti hati dan penyesalan hati tidak berfaedah sama sekali, malah hal itu boleh membawa kepada bertambahnya celaka dan dosa lagi. Oleh yang demikian hendaklah berhati-hati dalam bertaubat.⁵²

Allah berfirman:

وَتُوبُوا إِلَيَّ أَيْمَانُكُمْ
الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .⁵³

Maksudnya:

Dan bertaubatlah (kembalilah) kepada Allah s.w.t., wahai orang-orang yang beriman sekalian, mudah-mudahan kamu akan beruntung.

Firman Allah lagi:

هذا ما توعدون لكل أواب حفيظ.⁵⁴

Maksudnya:

Inilah apa yang dijanjikan kepadamu iaitu bagi setiap hamba yang selalu kembali bertaubat (bertaubat sebenarnya kepada Allah) lagi memelihara (semua peraturan-peraturannya).

Justeru itu, hati terlebih dahulu mesti dibersihkan, kerana hanya hati yang bersih sahaja akan takut kepada Allah, taqwanya akan ketara pada segala gerak gerinya dan selanjutnya salik akan mengerjakan perbuatan yang baik-baik kerana sifat takutnya akan menghalang dan mengingatkannya tentang balasan Allah s.w.t.⁵⁵

Walaupun demikian, tidak dinafikan bahawa proses penyucian diri atau pembersihan hati ini memakan masa yang panjang dan ada kalanya para salik gagal dalam usaha tersebut dan tidak dinafikan juga bahawa jarang sekali semua salik akan berubah.

Namun begitu, sifat-sifat buruknya yang besar itu terhapus, sudah boleh dianggap berjaya. Kemudian Allah s.w.t. akan menyinari hati salik ini dengan (nur) cahaya kebaikan. Mudah-mudahan dengan bermulanya datang sinar nur atau cahaya ini sisä-sisa daki yang tertinggal dari sifat-sifat jahat itu akan terhapus kesemua sekali dan berubahlah salik menjadi orang yang suci.⁵⁶

Syeikh Abdul Qadir al-Jailani juga menjelaskan bahawa setiap orang yang dalam hatinya terdapat sifat-sifat seperti berikut, maka ia termasuk mufsidin (orang-orang yang merusak) walaupun pada lahirnya ia termasuk seorang yang soleh. Pernyataan tersebut dirakamkan dengan mengaitkan kepada hadis Rasulullah s.a.w.

كما قال (ص) (اكبر والعجب

يفسد ان اليمان) وكما قال (ص) (الغيبة

أشد من الزنا) وكما قال (ص) (الحسد

يأكل الحسنات كما تأكل النار الحطب)

وكمأ قال (ص)

(الفتنة نائمة لعن الله من أيقظها)
وقال أيضا (ص) (البخيل لا يدخل الجنة ولو كان عابدا) وقال ايضا (ص) (الريا شرك خفي وشركه كفر) قال ايضا (ص) (لا يدخل الجنة نمام) وغير ذالك من الأحاديث الواردة في دم الاخلاق الدمية فهذا محل الاحتياط.⁵⁷

Maksudnya:

Nabi s.a.w. bersabda: "Sombong dan ujub merusakkan iman." Sabda Nabi s.a.w. "Hasad itu menghancurkan kebaikan seperti halnya api menghancurkan kayu bakar." Sabda Nabi s.a.w. "Fitnah itu sesuatu yang tertidur, Allah melaknat orang-orang yang membangunkannya." Sabda Nabi s.a.w. "Orang yang kikir tidak akan masuk syurga, walaupun iaahli ibadat". Sabda Nabi s.a.w. "Riya' adalah syirik khafi, menyekutukanNya adalah kufur." Sabda Nabi s.a.w. "Tidak akan masuk syurga orang yang mengumpat".

Amalan suluk ini bertujuan untuk membersihkan hati daripada perkara-perkara tersebut, menahan nafsu dan hawa nafsu dengan melazimkan berzikir, taubat dengan ikhlas kepada Allah s.w.t. Hal ini adalah Sunnah dan mengikuti jejak-jejak orang yang soleh, para Tabi'in, Tabi'ini-tabi'in, para masyaikh dan para ulama 'amilin.

Allah s.w.t. yang maha pemurah dan penyayang telah menegaskan bahawa Dia akan memberi petunjuk, tanda-tanda atau isyarat yang jelas yang mendorong ke jalan yang benar kepada siapa yang berusaha dan berjuang bersungguh-sungguh seperti firmanNya:

وَالَّذِينَ جَاءُهُدًى فِي نَا لَنْهَدِيهُمْ

⁵⁸. سبّلنا

Maksudnya:

Dan orang-orang yang bermujahadah (pada perjalanan) menuju kami, nanti kami akan menunjuki mereka jalan-jalan (yang menyampaikan mereka) kepada kami.

Pembersihan kerohanian atau penyucian diri yang batin atau rohani ini memerlukan mujahadah terhadap nafsu. Nafsu merupakan penggerak kepada jiwa dan hati. Terlalu akur kepada hal-hal kenafsuhan dan kebendaan akan mengerasakan hati, melemahkan akal fikiran, menimbulkan tabiat tamak dan haloba serta menarik manusia kepada panjang angan-angan. Semua tabiat-tabiat ini bagaikan penyakit yang kronik yang apabila terjangkit di jiwa alamat binasalah diri.

Tuan Haji Muhammad Yatim menegaskan bahawa amalan-amalan dalam suluk memerlukan mujahadah dan riadah yang berterusan, rapi dan bersungguh-sungguh. Perjuangan dan latihan-latihan seumpama ini menurut beliau, akan membawa hasil yang baik yang akan meresap ke dalam jiwa salik dan akan menjadi benteng kepada mereka dalam mengharungi liku-liku kehidupan di dunia ini.

Syeikh Abdul Qadir al-Jailani juga menjelaskan bahawa:

hendaklah memerangi nafsumu, hingga sampai dia mati, kemudian hidupkanlah dia dalam kehidupan yang baru, dalam bentuk yang diredhai Allah s.w.t. dengan menariknya

supaya menjadi seorang faqih, iaitu orang yang tahu selok belok hukum atau sebagai seorang yang alim, iaitu mengerti tentang perundangan syariat Islam moga-moga hatimu akan menjadi tenang dan tenteram. Orang yang itu harus mengamalkan apa yang dituntutnya dan dengan itu nanti dia akan menjauhi kesemua pintu-pintu nafsu dan syahwatnya terletak kepada apa yang disuruh oleh Allah dan dianjurkanNya. Nanti dedaunan nafsu dan syahwatnya akan menjadi runtuk dan layu. Di sinilah, baru boleh datang kepada hati itu sirr atau kebatinan yang suci penuh dengan segala macam rahsia-rahsianya, lalu benar-benarlah hati itu menjadi Qalbun Mu'minun⁵⁹ iaitu hati yang diserapi oleh nur keimanann.

4.4.1. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DILAKSANAKAN SEBELUM SULUK/KHALWAT

Perkara-perkara yang perlu dilaksanakan sebelum suluk atau khalwat termasuk dalam adab-adab yang perlu dijaga dan dipatuhi oleh salik. Dalam Tarekat Naqsyabandiyah, mematuhi adab-adab merupakan latihan untuk menjana akhlak yang mulia yang terangkum dalam tujuan bersuluk dan tujuan bertarekat. Dengan itu tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah telah menyusun beberapa kategori adab yang meliputi adab sebelum suluk.

Adab sebelum suluk ini, melibatkan beberapa perkara yang mesti dilaksanakan, yang dianggap sebagai pra syarat bagi kesempurnaan suluk atau khalwat yang akan diikuti. Menurut Tuan Haji Muhammad Yatim adab sebelum suluk ini menjadi suatu kewajipan awal yang mesti ditunai oleh salik yang ingin mengikuti program suluk. Tuan Haji Muhammad Yatim menambah bahawa dengan mematuhi adab-adab sebelum suluk yang telah disusun ini akan memberi ketenangan dan kesempurnaan serta salik dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada latihan kerohanian yang disertainya.⁶⁰

Sebenarnya adab sebelum suluk ini lebih merupakan kepada pembinaan asas dan disiplin diri. Juga berupa penyelesaian tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling.

Antara adab-adab atau perkara tersebut yang perlu diketahui dan dilaksanakan ialah sebaik-baiknya seseorang salik itu melatih atau membiasakan dirinya dengan menghadkan pergaulan dan mengasingkan diri, mengurangi tidur malah membanyakkan ibadah pada waktu malam (qiyam al-lail), mengurangi makan dan memperbanyak zikir kepada Allah s.w.t.⁶¹

Salik mesti mengurus dan menyelesaikan perkara-perkara yang boleh mengganggu perlaksanaan amalan kerohanianya, sama ada yang berkaitan dengan manusia seperti hutang yang mesti dijelaskan dan sebagainya dan juga perkara yang berkaitan dengan Allah seperti qada' sembahyang atau puasa yang belum ditunaikan dan sebagainya.⁶²

Salik mesti menjauhi dan membersihkan dirinya dari semua amalan-amalan kebatinan yang sesat seperti amalan sihir atau amalan yang ada hubungan dengan jin dan makhluk halus dan juga amalan-amalan yang lain yang serupa dengannya. Menurut Tuan Haji Muhammad Yatim, amalan-amalan tersebut akan menjadi penghalang kepada salik daripada mencapai peningkatan kerohanian seterusnya. Sebaliknya makhluk-makhluk halus yang berselindung di sebalik amalan-amalan sesat itu akan berusaha mengganggu salik tersebut.⁶³

Tuan Haji Muhammad Yatim juga menambah bahawa murid atau salik yang masih mengamalkan amalan-amalan kebatinan yang sesat seperti ini dan masih belum membersihkan diri dari amalan tersebut, dia tidak dapat melaksanakan zikir Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah dengan sempurna kerana dia diganggu oleh makhluk halus itu sehingga kadang-kadang dia tidak dapat berzikir sama sekali.⁶⁴

Persiapan untuk perbelanjaan dan kegunaan semasa program suluk berlangsung mestilah datang dari sumber rezeki yang halal, suci dan bersih. Umpamanya makanan, kerana ia akan menjadi darah dan daging seterusnya memberi tenaga dan

kekuatan semasa menjalani latihan kerohanian, Sahl ibn Abdillah al-Tustari mengingatkan bahawa:

وَلَا تَصْحُ الْخَلْوَةُ إِلَّا بِأَكْلِ الْحَلَالِ.⁶⁵

Maksudnya:

Tidak sah khawatit kecuali dengan memakan makanan yang halal.

Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa dimestikan menggunakan perbelanjaan dan perbekalan yang halal kepada mereka yang ingin menempuh jalan Allah kerana:

Pertama: Mereka yang memakan makanan yang haram dan shubhah (diragui) adalah terhalang dan tidak diberi taufiq oleh Allah s.w.t. untuk melakukan ibadah kerana tidak sesuai untuk berkhidmat kepada Allah s.w.t. kecuali mereka yang bersih atau suci.

Kedua: Mereka yang memakan makanan yang haram dan shubhah juga adalah diharamkan daripada perbuatan kebajikan. Perbuatan seumpama ini tidak diterima oleh Allah s.w.t. dan tidak mendapat sesuatu dari amalannya, yang didapati hanya kepenatan dan kesukaran mengerjakan perbuatan tersebut.⁶⁶

Murid atau salik dikehendaki mencari seorang guru yang benar yang mempelajari ilmu dan mendapat pendidikan tarikat serta menerima ijazah tarekat daripada syeikh atau guru mursyid yang sah dan mempunyai salasilah yang benar. Perlu juga diperhatikan bahawa guru tersebut adalah seorang yang zuhud, tidak mencintai dunia.⁶⁷

Murid atau salik hendaklah menganggapkan atau merasakan bahawa pemergiannya untuk menyertai suluk adalah seumpama pergi untuk menghadapi mati dan seterusnya masuk ke dalam kubur (barzakh). Lantaran itu salik hendaklah berkelakuan seperti orang yang hendak mati, maka ia perlu berbanyak memohon keampunan dan taubat kepada Allah, begitu juga ia perlu memohon kemaafan daripada kedua ibu bapanya serta anggota keluarganya.⁶⁸

Murid atau salik hendak mengaku dan bersikap sebagai orang yang memikul dosa yang tidak terhingga banyaknya dan mengharapkan keampunan dan pertolongan Allah s.w.t. yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang terhadap hamba-hambanya.⁶⁹

Murid atau salik dikehendaki menghormati dan merendah diri apabila bertemu dengan guru untuk bersuluk. Murid dilarang sama sekali menyombong diri atau merasa besar diri dihadapan guru walau pun pada zahirnya atau pada pandangan mata masyarakat kedudukannya adalah lebih tinggi daripada guru.⁷⁰

Di Pusat suluk Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, penerangan dan penjelasan tentang adab-adab sebelum suluk ini disampaikan oleh Tuan Haji Muhammad Yatim pada malam pertama suluk bermula iaitu dalam majlis kuliah ilmu. Peranan yang sama juga dimainkan oleh khalifah-khalifahnya sama ada secara formal atau tidak formal.

4.4.2. ADAB-ADAB SEMASA SULUK

Pertama: Melakukan taubat daripada segala dosa zahir dan batin. Pelaksanaan taubat yang disarankan oleh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di pusat Tanjung Pauh ini ialah dengan terlebih dahulu melakukan mandi taubat dengan lafaz niat.

نویت الغسل للتوبۃ عن المعصیۃ

Maksudnya:

*Saya berniat untuk mandi kerana
bertaubat dari maksiat.*

Sebelum mandi adalah digalakkan supaya salik atau murid beristighfar dan juga bersalawat sebanyak lima kali atau dua puluh lima kali. Semasa mandi, salik atau murid diminta membersihkan tubuh mereka dengan limau nipis yang telah didoakan oleh syeikh.

Setelah mandi taubat, salik atau murid dikehendaki melaksanakan solat sunat taubat dua rakaat dengan lafaz niat:

اصلی رکعتین توبة عن المعااصی اللہ تعالیٰ.

Maksudnya:

Saya menunaikan sembahyang dua rakaat, taubat daripada segala maksiat kerana Allah Taala.

Pada rakaat pertama selepas membaca al-Fatiyah, salik atau murid disarankan membaca surah al-Kafirun dan pada rakaat kedua sesudah membaca al-Fatiyah disarankan pula membaca surah al-Ikhlas.

Selesai sahaja salam daripada solat taubat ini, salik hendaklah beristighfar (memohon keampunan dari Allah s.w.t.) dengan mengucap (استغفر الله) sebanyak seribu kali atau seratus kali atau sekurang-kurangnya dua puluh lima kali, dengan niat serta mengharapkan keampunan daripada Allah s.w.t. terhadap dosa-dosa yang lalu dan memutus tekad, tidak akan mengulangi lagi perbuatan maksiat untuk selama-lama.⁷¹

Sesudah itu salik hendaklah bersalawat sebanyak seribu kali atau seratus kali seperti salawat berikut atau salawat-salawat seumpama dengannya:

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا
وَمَوْلَانَا مُحَمَّدَ نَبِيِّ الْأَمَّٰمِ وَعَلٰى الْهُ وَصَحْبِهِ
عَدُدٌ خَلْقَكَ.

Maksudnya:

Ya Allah, rahmatilah, sejahterakanlah dan berkatilah Nabi Muhammad s.a.w., Nabi yang ummi (tidak tahu menulis dan tidak membaca) dan kepada keluarg serta sahabat-sahabatnya sebanyak bilangan makhlukMu.

Kedua: Salik atau murid hendaklah memohon keizinan dari syeikh untuk berkhawat atau bersuluk di bawah pimpinannya serta meminta syeikh tersebut supaya memimpin, menjaga dan mendoakannya. Seseorang salik tidak boleh beramal dengan amalan tarikat tanpa keizinan dari syeikh selagi dia masih berada di bawah pimpinan syeikh tersebut.⁷² Selepas mendapat keizinan dari syeikh salik hendak berniat untuk memulakan suluk atau khalwat.

Ketiga: Sepanjang tempoh suluk murid atau salik hendaklah mengekalkan wuduk, supaya terselamat daripada gangguan syaitan dan iblis tetapi sebaliknya akan didekati oleh para

Malaikat Rahmaniah.⁷³ Dengan berwuduk juga sebagai usaha untuk membersihkan dosa, lebih-lebih lagi wuduk itu sentiasa diperbaharui seperti yang dinyatakan di dalam hadis Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ فَغَسَلَ وَجْهَهُ خَرَجَ مِنْ وَجْهِهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ إِلَيْهَا بَعَيْنِيهِ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا فَسَلَ يَدَيْهِ خَرَجَ مِنْ يَدَيْهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ كَانَ بَطْشَنَاهَا يَدَاهُ مَعَ الْمَاءِ أَهْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا غَسَلَ رِجْلَيْهِ خَرَجَتْ كُلُّ خَطِيئَةٍ مُشْتَهَا رِجْلَاهُ مَعَ الْمَاءِ أَهْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ حَتَّى يَجْرِي نَقِيَاً مِنَ الذُّنُوبِ.⁷⁴

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seorang Muslim berwuduk, lalu dibasuhnya mukanya, keluarlah dari mukanya setiap kesalahan yang disebabkan penglihatan matanya bersama air atau bersama titik air yang terakhir. Apabila dia membasuh kedua tangannya, maka keluarlah dari tangannya setiap kesalahan yang dikerjakan oleh kedua tangannya, bersama air atau titik

air yang terakhir. Apabila dia membasuh kedua kakinya, maka keluarlah setiap kesalahan yang disebabkan perjalanan kedua kakinya, bersama air atau titik air yang terakhir sehingga selesai berwuduk, dia dalam keadaan bersih dari dosa.

Selain daripada mendapat penghapusan dosa, dengan berwuduk juga akan dinaikkan darjat seperti sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَلَا
أَدْلَكُمْ عَلَى مَا يَمْحُوا اللَّهُ بِهِ الْخَطَايَا وَيُرَفِّعُ بِهِ
الدَّرَجَاتِ قَالُوا بَلِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ اسْبَاغُ
الوَضْوَءَ عَلَى الْمَكَارِهِ وَكَثْرَةُ الْخَطَا إِلَى الْمَسْجَدِ
وَانتِظَارُ الصَّلَاةِ بَعْدِ الصَّلَاةِ فَذَلِكُمُ الرِّبَاطُ.⁷⁵

Maksudnya:

Dari abu Hurairah r.a. katanya: Apakah tidak lebih baik, aku tunjukkan kepadamu apa yang dapat menghapuskan kesalahan dan menaikkan darajat. Mereka menjawab: "Ya (bahkan), ya Rasulullah". Baginda bersabda" menyempurnakan wuduk di musim dingin, banyak langkah ke masjid menanti sembahyang sesudah sembahyang dan itulah pertahanan yang kuat.

Keempat: Murid atau salik dikehendaki terus menerus berzikir tanpa terputus terutama zikir yang ditalqinkan oleh syeikh seperti *zikir hasanat* atau *zikir darajat*.⁷⁴ Keadaan ini bertepatan dengan firman Allah:

فَاذكُرُوا اللَّهَ قِياماً وَقَعْدَا وَعَلَى جُنُوبِكُمْ .⁷⁷

Maksudnya:

... ... ingatlah Allah di waktu berdiri,
di waktu duduk dan di waktu berbaring.

Kesimpulan ayat ini ialah, hendaklah menjadikan masa berzikir atau mengingati Allah s.w.t. itu pada setiap gerak dan detik. Ketika berdiri dan duduk, ketika berjalan dan berbaring kerama perbuatan itu menambah taqarrub atau hampir kepada siapa yang disebut dan diingat.

Kelima: Murid atau salik dikehendaki berkekalan wuquf qalbi iaitu menghilang pemikiran dan perasaan selain daripada Allah s.w.t. Tumpuannya hanya kepada Allah, kepada sifat-sifatNya seperti kebesaranNya, keagonganNya, Pemurah dan PenyayangNya.⁷⁸

Allah berfirman:

الذين يذكرون الله قياما وقعودا وعلى
جنوبهم ويتفكرون في خلق السموات
والارض، ربنا ما خلقت هذا بطلاق، سبحانك فقنا
عذاب النار.⁷⁹

Maksudnya:

Orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri dan duduk dan dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi seraya berkata: Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka.

Keenam: salik hendaklah membersihkan hati dari semua cita-cita, meskipun cita-cita yang bersangkutan dengan akhirat.⁸⁰

Salik yang memilih jalan kesufian hendaklah mempunyai keazaman yang kuat, benar dan betul bukan cuba-cubaan atau kepura-puraan. Jalan yang ditempuhi ini sangat sulit, penuh dengan ranjau yang berupa penyiksaan dan dugaan kepada diri. Sufi itu ialah bersih dan suci, kebersihan yang pertama ialah kebersihan dari selain Allah untuk menghadapkan wajah

kepada Allah s.w.t. Perkara utama yang menjadi penghalang kepada usaha ini ialah ingatannya kepada dunia dan *zahratul-hayatiddunia* yang sering menjadi ujian pertama terhadap dirinya.⁸¹

Salik perlu berusaha menceraikan hatinya dari dunia ini, supaya hati tidak diseleweng dari jalan Allah. Matlamatnya hanya satu, hanya Allah. Salik mesti mengikhlaskan niatnya bahawa segala perlakuan dan amalannya semata-mata kerana Allah s.w.t., menginginkan ‘hampir’ dengan Allah dan menginginkan keredhaan Allah, juga sebagai melahirkan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah, tidak ada tujuan-tujuan lain seperti ingin mendapat ganjaran atau imbuhan yang istimewa di dunia ini dan sebagainya.⁸²

Orang yang masih berbelah bagi dalam tujuannya kepada Allah s.w.t. dianggap orang yang masih belum teguh atau serius dalam suluknya dan belum boleh dipanggil salik.⁸³ Malah hati yang masih menginginkan yang lain daripada Dia maka terkeluar dari golongan orang yang berada di *Hadrat* Allah s.w.t.⁸⁴

Ketujuh: Apabila mengalami perubahan pada badan atau menyaksikan sesuatu pandangan pada waktu berzikir, salik hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada syeikh atau wakilnya. Dilarang memberitahu kepada orang lain walaupun kawan rapat, serta tidak boleh mentafsirkan dengan sendiri sebarang perubahan atau pandangan yang dialami oleh seseorang salik.⁸⁵

Langkah ini adalah disebabkan syeikh diakui sebagai guru dan salik telah berbai`ah dengan syeikh tersebut. Sementara itu syeikh adalah orang yang akan membimbing salik, mengijazahkan atau mentalqinkan zikir-zikir seterusnya dan syeikh diiktiraf sebagai orang yang berpengalaman serta berpengetahuan tentang mentafsir dan mencerakinkan hal-hal seperti ini.

Kelapan: Apabila mengalami perubahan perasaan atau melihat sesuatu dalam berzikir, maka hendaklah dinafikan (ditolak) secara bersungguh-sungguh tanpa memutuskan zikir. Dilarang berlengah atau lalai kerana mengalami perasaan atau

penglihatan itu, semuanya adalah cubaan dan hijab (pendinding) bagi salik. Tetapi hendaklah memperbanyakkan zikir dan wuquf qalbi.⁸⁶

Kesembilan: Salik hendaklah terus menerus mengekalkan ikatan *rabitah* kepada guru.⁸⁷ Iaitu pada setiap kali hendak memulakan zikir mesti ingatkan kepada guru dan juga pada bila-bila masa sama ada ketika menghadapi sebarang masalah dan pada ketika-ketika yang lain.

Keadaan ini menunjukkan bahawa *rabitah* atau guru itu adalah sebagai wasilah, guru sebagai pembimbing untuk mengenal Allah dan penunjuk cara untuk mendapat limpahan-limpahan (hidayah dan lain-lain) daripada Allah. Apabila murid mencapai suatu tahap yang mampu mendapat limpahan-limpahan ia boleh berhubung terus dengan Allah. Walau bagaimana sebagai menjaga adab ia tetap juga berabitah dengan gurunya.

Murid atau salik memerlukan *rabitah* selamamana murid atau salik tersebut tidak memperolehi 'limpahan-limpahan' daripada Allah s.w.t. tanpa dia (*rabitah*), tetapi jika salik

tersebut sudah mampu memperolehi 'limpahan' tanpa rabitah maka pada ketika itu dia boleh meninggalkan rabitah, sebab sibuk dengan rabitah pada ketika itu sama ertinya dengan turun dari tempat yang tinggi, sedangkan martabat hijab (pandangan tembus) lebih kuat atau lebih tinggi daripada makam syahad (penyaksian)⁸⁸

Syeikh Khalid An-Naqsyabandi menjelaskan bahawa pendokong-pendokong tarikat ini menetapkan ikatan kepada rabitah adalah berdasarkan Allah:

يَا يَهَا الَّذِينَ امْنَوْا وَاتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

⁸⁹.

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama-sama dengan orang yang benar.

Syeikh Ubaidullah menyatakan bahawa maksud ayat itu ialah kita diperintah supaya bersama-sama dengan orang yang benar, baik pada rupa mahu pun pada makna. Malah menurut tafsirannya "jadilah kamu bersama-sama orang yang benar" dari segi maknanya ialah rabitah.

Kesepuluh: Salik hendaklah hadir terlebih dahulu di tempat zikir, sebelum guru tiba dan seboleh-bolehnya hendaklah menjadi salik yang pertama daripada semua jamaah lain hadir ke tempat zikir kerana dia dikira salik yang paling baik.⁹⁰

Iaitu dari segi memelihara adab yang melambangkan kesungguhannya dalam usaha membersih, mentarbiah dan membina dirinya ke arah keikhlasan dan seterusnya ke arah makrifahtullah.

Kesebelas: Salik tidak boleh terlebih dahulu meninggalkan tempat zikir sebelum daripada syeikh berbuat demikian. Paling afdal salik hendaklah menjadi orang yang terakhir meninggalkan majlis daripada semua jamaah.⁹¹

Kedua belas: Salik tidak boleh bersandar kepada sesuatu, ketika berzikir sama ada berzikir seorang diri atau secara berjamaah.⁹²

Ketiga belas: Salik dikehendaki mengawal lidah daripada banyak bercakap walaupun sesama jamaah. Dibolehkan bercakap-cakap dengan seseorang yang tidak suluk sebanyak tujuh

kalimat dan bercakap-cakap dengan sesama jamaah suluk, sebanyak empat belas kalimat.⁹³

Keutamaan kurang bercakap ialah untuk menjaga hati supaya sibuk mengingati Allah dan menjaga fikiran supaya tidak celaru. Bercakap hanya bila terlalu perlu sahaja. Kelonggaran boleh bercakap sesama ahli suluk dengan jumlah perkataan melebihi daripada orang yang tidak bersuluk kerana orang yang bersuluk dianggap sebagai orang yang berada dalam proses penyucian, bermujahadah dan mengawal diri daripada sifat-sifat tercela, mereka berada di dalam persekitaran yang tertutup serta dikawal oleh syeikh dan khalifah-khalifah. Manakala orang yang tidak bersuluk pula berada di persekitaran yang terbuka dan mudah dipengaruhi oleh berbagai-bagai anasir.

Salik juga ditegah daripada banyak bercakap kerana ditakuti bercakap tentang perkara-perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah. Lidah itu adalah alat yang indah untuk memuja dan memuji Allah, menyebut nama-namanya dan memperkatakan keesaanNya.

Menggunakan lidah untuk perkara-perkara yang sia-sia bererti mensia-siakan nikmat Allah. Lebih-lebih lagi menggunakan lidah untuk menyebut atau melakukan perkara-perkara yang dimurkai oleh Allah s.w.t.⁹⁴

Keempat belas: Salik hendaklah sentiasa menjaga keadaan diri supaya sentiasa berada di dalam keadaan pertengahan sahaja iaitu tidak terlalu lapar dan tidak terlalu kenyang.⁹⁵

Kelima belas: Salik tidak boleh meninggalkan tempat suluk kecuali kerana uzur.⁹⁶

keenam belas: Apabila keluar daripada tempat suluk, salik hendaklah menunduk ke bawah dan menutupkan kepala supaya tidak terkena panas matahari dan tiupan angin kerana hal ini boleh membawa penyakit.⁹⁷

Perlakuan menundukkan kepala ke bawah iaitu dengan melihat ibu jari kaki adalah sebagai menjaga adab untuk menjaga pandangan mata dan menjaga konsentrasi kepada Allah serta supaya cepat terbuka hijab. Manakala menutup kepala

pula ialah untuk menjaga perubahan suhu badan akibat zikir. Telah ditetapkan juga bahawa selepas berzikir tidak dibenarkan cepat-cepat mendedahkan badan (buka badan) sebab badan dan suhu di luar adalah tidak sama.

Al-Sya'roni menambah bahawa sebaik-baik sahaja selepas zikir ditegah meminum air yang sejuk kerana zikir meninggalkan kesan terbakar (kepanasan) goncangan dan kerinduan kepada Allah. Meminum air yang sejuk akan segera menghilangkan kesan zikir tersebut.⁹⁸

Ketujuh belas: Salik hendaklah sentiasa sedar dan ingatkan empat musuhnya iaitu syaitan, dunia, hawa dan nafsu. Ini dapat dilakukan dengan baiknya dengan cara salik memberi tahu kepada syeikhnya apa juga yang ia nampak.⁹⁹

Kelapan belas: Salik tidak boleh tidur kecuali berasa tersangat mengantuk dan mestilah di dalam keadaan bersih dari hadas. Tidaklah ia boleh tidur yang bertujuan untuk merehatkan tubuh badan sahaja. Jika salik itu boleh tidur dengan duduk tanpa meletakkan lambungnya ke lantai, maka adalah lebih baik melakukan seperti itu.¹⁰⁰

Kesembilan belas: Salik tidak boleh membuka pintu tempat *khalwatnya* atau kelambunya kepada orang lain, sekalipun untuk bercakap-cakap dan tidak boleh membenarkan orang lain masuk ke tempat *khalwatnya*.¹⁰¹

Kedua puluh : Salik hendaklah berbuat baik kepada temannya dan beradab kepada khalifah di bawah guru, seperti beradab kepada guru sendiri.¹⁰²

Kedua puluh satu: Salik hendaklah sentiasa memohon rahmat daripada Allah s.w.t. pada semua tingkahlaku dan keadaannya.¹⁰³

Kedua puluh dua: Salik hendaklah memperbanyakkan sedekah selama suluk dibandingkan sebelum suluk supaya segera terbuka hijab.¹⁰⁴

Kedua puluh tiga: Salik hendaklah meninggalkan wirid yang sunat kerana memperbanyakkan zikir.¹⁰⁵

Kedua puluh empat: Salik mesti mengekalkan solat berjamaah lima waktu dan juga menjaga sembahyang Jumaat sebab tujuan yang utama dari berkhawat ialah untuk mengikut sunnah Rasulullah s.a.w.

Kedua puluh lima: Meninggalkan makanan yang berdarah atau bernyawa semasa mengikuti program suluk. Tuan Haji Muhammad Yatim menjelaskan bahawa bagi pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini, tidak memakan benda-benda berdarah atau bernyawa pada hari-hari bersuluk kecuali pada hari-hari yang telah diharuskan sahaja. Amalan ini dikenali sebagai berpantang.¹⁰⁶

Tempoh paling lama amalan berpantang yang diamalkan di pusat ini ialah selama dua puluh hari sahaja daripada keseluruhan bilangan hari suluk yang genap empat puluh hari, ini disebabkan pada hari yang ke dua puluh para salik akan dihidangkan dengan makanan berdarah seperti daging kambing, ayam dan ikan.

Para salik akan membuka pantang ini sekali sahaja iaitu pada hari yang dua puluh, kemudian mereka akan meneruskan amalan berpantang sehingga selesai program suluk iaitu pada hari yang ke empat puluh.¹⁰⁷

Pada hari ke empat puluh sekali lagi para salik akan berbuka pantang iaitu dengan memakan makanan berdarah sebagai tanda tamat latihan suluk. Bagi suluk dua puluh dan

sepuluh hari, hari berbuka pantang ialah pada hari tamat suluk. Amalan berpantang ini adalah akur kepada prosedur Tarekat Naqsyabandiyah yang asal dan amalan ini mestilah dipatuhi. Jika terdapat mana-mana organisasi Tarekat Naqsyabandiyah yang meninggalkan amalan berpantang ini terutama kepada salik yang belum mencapai ke *maqam tahlil* atau *khalifah*, ia dikira sebagai terpesong daripada ajaran Tarekat Naqsyabandiyah yang sebenar.¹⁰⁸

Ini bermakna semasa program suluk berlangsung salik tidak terus berpantang makan daging selama empat puluh hari dan tidak pula berkekalan makan daging selama empat puluh hari. Bertepatan dengan ungkapan Saidina Ali r.a.

من دوام لحمه أربعين يوماً قسى قلبه : ومن
ترك لحمه أربعين يوماً خلقه .¹⁰⁹

Maksudnya:

Barang siapa berkekalan makan daging selama empat puluh hari kesat (keras) hatinya, dan barang siapa meninggalkan makan daging selama empat puluh hari jahat perangainya.

Amalan berpantang semasa suluk adalah bertujuan untuk melemahkan nafsu, kerana nafsu lebih gemar kepada perkara-perkara buas dan liar. Bila nafsu sudah lemah memudahkan kepada usaha untuk pembersihan hati dan melembutkannya supaya mudah menerima segala ajaran yang baik. Di samping berusaha menanam sifat-sifat yang baik seperti qana`ah, syukur, sabar, reda dan berlapang dada.¹¹⁰

4.4.3. ADAB-ADAB SELEPAS SULUK

Pertama: Hendaklah melazimi dan banyak berzikir pada kesempatan-kesempatan yang terluang seperti menjelang waktu maghrib.

Kedua: Hendaklah selalu menghadiri berjamaah dan majlis zikir yang diadakan pada setiap malam Selasa dan malam Jumaat.

Ketiga: Hendaklah memelihara dan menyayangi sesuatu yang diperolehi dalam suluk melebihi daripada menjaga emas dan perak, kerena emas dan perak akan ditinggalkan apabila ia mati. Sedangkan perkara-perkara yang diperolehi di dalam suluk akan mengiringinya semasa mati dan memeliharanya dari siksa kubur.

Perkara-perkara yang diperolehi semasa suluk, termasuklah lintasan-lintasan gerak hati, perubahan perasaan, *warid* (hakikat kerohanian atau ghaib yang diilhamkan ke dalam hati seseorang salik tanpa mengetahui

lebih awal kedatangannya) dan sebagainya yang dianggap sebagai limpahan atau kurnian Allah s.w.t. khusus kepada hamba-hambanya.

Keempat: Hendaklah banyak mengerjakan amal ibadat dan amal salih, tidak mengulangi kerja-kerja yang sia-sia yang pernah dilakukan sebelum suluk.

Kelima: Tidak bersahabat dengan orang-orang yang mencela amalan suluk malah memandang mulia amalan ini kerana ia adalah amalan Nabi-nabi dan ulama' pilihan.

Keenam: Hendaklah berusaha bersungguh-sungguh memujuk orang lain supaya ikut serta bersuluk.

Ketujuh: Hendaklah mengekalkan kelakuan seperti kelakuan yang diamalkan dalam suluk.

Kelapan: Hendaklah selalu bergaul dengan guru dan berazam
tidak akan berpisah dengannya sehingga akhir hayat.

Kesembilan:Hendaklah beriktikad bahawa guru sebagai khalifah
Rasulullah s.a.w. di dunia ini, walau pun usianya
masih muda.¹¹¹

4.5. PENINGKATAN MAQAM ATAU DARJAT ZIKIR

Seperti yang dinyatakan dalam bab yang lalu bahawa peningkatan *maqam* atau *darjat zikir* akan berlaku semasa menjalani *suluk*. Jadi salik atau murid yang bersungguh-sungguh mengamalkan *zikir* seperti yang ditalqinkan oleh syeikh semasa menyertai program *suluk* akan berpeluang mendapat peningkatan *maqam zikir* ini. Namun begitu peningkatan *maqam* atau *darjat zikir* ini juga boleh berlaku di luar program *suluk* tetapi kebiasaannya adalah lebih sukar dan lebih lambat.

Maqam atau darjat zikir dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah mengikut kronologinya adalah seperti berikut:¹¹²

Pertama: *Zikir Ism al-Zat*.

Kedua: *Zikir lataif*, mengandungi tujuh latifah iaitu:

- i- *Latifah al-Qalbi*
- ii- *Latifah al-Roh*
- iii- *Latifah al-Sirr*

- i- *latifah khafi*
- ii- *latifah akhfa*
- iii- *latifah nafsi natiqah*
- iv- *latifah kulli jasad.*

Ketiga: *Zikir Nafi Ithbat*

Keempat: *Zikir Wuquf*

Kelima: *Muraqabah Ahadiyyah*

Keenam: *Muraqabah Ma`iyah*

Ketujuh: *Zikir Tahlil Lisan*

ZIKIR ISM AL-ZAT

Zikir *Ism al-zat* ialah zikir pada maqam permulaan. Cara mengerjakan zikir ini ialah dengan berzikir *ism al-zat* (الله, الله). Ia dilaksanakan dengan pancaindera batin bukan pancaindera lahir. Dimaksudkan lima pancaindera lahir ialah pemandangan dengan mata kepala, pendengaran dengan telinga, penciuman dengan hidung, perkataan dengan lidah dan rasaan sentuhan dengan anggota badan.

Perlaksanaan zikir dengan pancaindera batin; Pertama: lidah lahir dibisukan iaitu lidah ditegakkan kelangit-langit, bibir dan gigi juga geraham dirapatkan manakala lidah batin (hati sanubari) menyebut atau mengingat *Ism al-zat* (الله، إله) .

Kedua: Mata lahir dipejamkan (dibutakan), manakala mata batin seolah-olah melihat atau membayangkan zat Allah s.w.t. yang dikenali dengan empat puluh satu sifat Allah.

Ketiga: Telinga lahir dipekakkan, telinga batin mendengar firman Allah:

أَنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي
وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي.¹¹³

Maksudnya:

Sesungguhnya Akulah Allah tiada tuhan melainkan Aku, oleh itu sembahlah akan Daku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku.

Keempat: Hidung lahir dihentikan daripada menghidu-hidu benda-benda lahir tetapi sebaliknya berdoa kepada Allah semoga dapat menghidu *nur makrifat Allah*.

Kelima: Rasaan lahir dihilangkan daripada merasai lapar dan dahaga, panas dan sejuk dan dihilangkan perasan lahir, bahawa seluruh alam tidak ada, hanya pada rasaan

batin dirasai ﷺ ا لَا مُوْجُود

Maksudnya:

Tidak ada kewujudan Tuhan yang sebenar melainkan Allah.

Inilah yang dikatakan lima pancaindera batin yang berintegrasi mengingati Allah s.w.t., *Zikir Ism al-zat* ini dilaksanakan lima ribu (5,000) dalam sehari semalam.¹¹⁴

Zikir lataif

Zikir lataif ialah *zikir Ism al-zat* (ﷺ) yang juga dilakukan dengan hati (secara batin atau khayalan tanpa bersuara) pada tujuh *latifah* iaitu *Latifah*

al-Qalbi, Latifah al-Roh, Latifah al-Sirr, Latifah al-Khafi, Latifah al-Akhfa, Latifah Nafs al-Natiqah dan *Latifah Kulli Jasad* secara tertib.¹¹⁵ *Latifah-latifah* ini sebenarnya merupakan tahap-tahap pencapaian peringkat kebersihan dan kejernihan bagi roh manusia.

Manusia terdiri daripada dua unsur iaitu roh dan jasad. Roh manusia adalah dari 'alam amri' kerana roh itu adalah himpunan *qudrat ilahiyyah* (kekuasaan ketuhanan) seperti yang dijelaskan di dalam firman Allah:

ويسألونك عن الروح قل الروح من

¹¹⁶ ... أمر ربى

Maksudnya: *Dan mereka menanyakan engkau tentang roh maka katakan bahawa roh itu adalah dari urusan (perintah atau perbuatan) Tuhanmu.*

Manakala jasad manusia pula adalah dari *alam al-Khalqi*. Kedua-dua perkara ini telah dinyatakan dalam firman Allah s.w.t.

ا ل ل ه ال خ ل ق و ا الْ ا م ر ...¹¹⁷

Maksudnya:

Ketahuilah bahawa bagiNya (dalam kekuasaanNya) mencipta (khaliq) dan memerintah (amr)

Menurut Imam al-Ghazali dan juga Syeikh Muhyiddin Ibn `Arabi, yang dimaksudkan *alam al-amr* ialah apa yang tidak dapat diukur dan disukat.¹¹⁸

Syeikh Ahmad ibn Muhammad Ibn `Ajibah menyatakan bahawa roh manusia akan dikenali sebagai *nafs* iaitu ketika ia menjadi gelap disebabkan *maksiat*, dosa dan keaiban-keaiban. Dinamakan *qalb* ketika ia berada dalam keadaan tenggelam timbul di antara lalai (ghaflah) dan hadir (ingat). Dikenali sebagai roh semasa ia tenang, tenteram atau bersih dari sifat-sifat *basyariyyah* (kemanusiaan) dan dikenali sebagai *sirr* apabila ia bersih dari kegelapan pancaindera yang merangkumi penglihatan, pendengaran dan lain-lain.¹¹⁹

Latifah-latifah yang dinyatakan dalam *zikir lataif*, ada hubungan dengan suatu anggota dari anggota-anggota dalaman badan manusia. Kedudukan *Latifah qalbi* ialah dua

jari di bawah tetek sebelah kiri, *Latifah roh* berada dua jari di bawah tetek sebelah kanan, *Latifah sirr* berada pada dua jari di atas daripada tetek sebelah kiri tetapi lebih menghala ke bahagian tengah dada.¹²⁰

Latifah khafi pula berada pada dua jari di atas daripada tetek sebelah kanan serta lebih menghala ke bahagian tengah dada, *Latifah akhfa* berada di tengah-tengah dada bahagian atas di antara *Latifah sirr* dan *Latifah khafi*, dan *Latifah nafsi natiqah* berada pada ruangan (hadapan) otak. Terdapat gerakan nadi pada setiap anggota tersebut, tugas salik ialah membaja gerakan nadi ini dengan zikir *Ism al-zat* (الله, الله)¹²¹

Mereka yang berzikir dengan lafaz *Ism al-zat* (الله, الله) pada semua *Latifah* ini seolah-olah meletakkan atau mengisi zikrullah pada seluruh badan yang hasilnya akan mendapat kurniaan *jadhbah* (tarikan atau dorongan rohani) yang dinisbahkan kepada zat Allah s.w.t.¹²²

Maqam Pertama: *Latifah Qalbi*

Menurut Al-Kurdi bahawa *Latifah Qalbi* berada di bawah *qadam* nabi Adam a.s., nurnya (cahayanya) berwarna kuning. Maksud *qadam* di sini ialah sunnah, tarekat atau wilayah. Salik yang mencapai peningkatan pada *latifah* ini dan zahir kepadanya *kaifiyyah* dan hal *latifah* ini, maka dia berada di bawah *qadam* nabi tersebut. Salik yang sampai ke wilayah nabi Adam a.s. ini dinamakan *Adami al-Mashrab*.¹²³

Menurut al-Qazani bahawa *Latifah qalbi* yang lalai dan kotor adalah dikuasai oleh *nafsu lawwamah* iaitu nafsu yang bersifat mencela diri sendiri apabila melakukan kesalahan. *Nafsu Lawwamah* ini telah dinyatakan dalam al-Quran

وَلَا أَقْسِمُ بِالنَّفْسِ الظَّوَاهِرَةِ¹²⁴

Maksudnya:

Aku bersumpah dengan nafs lawwamah iaitu jiwa yang sentiasa menegur dan menempelak dirinya sendiri semasa ia berbuat baik atau berbuat jahat,

ketika berbuat baik, ia menempelak dirinya mengapa ia tidak membuat lebih banyak. Sebaliknya kalau ia melakukan kejahanan, lebih-lebih lagi tempelak dan sesalnya. (bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati).

Tokoh-tokoh sufi menyatakan bahawa perjalanan kerohanian salik pada peringkat *nafsu lawwamah* ini hendaklah semata-mata kerana Allah iaitu apabila dia melakukan ibadat hendaklah kerana Allah s.w.t.

Alam kerohanian salik pada peringkat ini ialah alam *barzakh* yang merupakan sebahagian dari alam malakut. Mana-mana salik yang dibukakan matahatinya (basirah) akan dapat melihat roh-roh di alam barzakh ini.¹²⁵

Tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah berpendapat bahawa *latifah qalbi* ini mempunyai hubungan dengan jantung manusia. Salik hendaklah memperbanyak zikir pada *latifah qalbi* ini sehingga hidup *latifah qalbinya* dengan zikir. Selanjutnya dia hendaklah memastikan bahawa apabila dia bertawajjuh ke *latifah* ini

didapatinya sedang berzikir dan hadir bersama Allah s.w.t.¹²⁶ Bilangan zikir yang sepatutnya dilakukan oleh salik pada *latifah qalbi* ini ialah tidak kurang dari lima ribu kali. Amalan zikir ini hendaklah diselang seli bagi setiap seratus kali dengan munajat dalam keadaan merendah diri dengan berkata:

الله أنت مقصودي ورضاك مطلوبى.¹²⁷

Maksudnya:

*Ya Tuhanmu Engkau adalah tujuanku
dan keredaanMu adalah tuntutanku.*

Salik hendaklah melaporkan kepada syeikh setiap apa yang dirasai atau dilihatnya ketika melakukan zikir pada *latifah qalbi* ini.

Berpandukan laporan ini, syeikh akan membuat penelitian dan penilaian terhadap diri salik, jika didapati terdapat kemajuan atau peningkatan maka salik tersebut akan dinaikkan ke peringkat atau maqam zikir berikutnya iaitu *latifah roh*. Salik tidak boleh meminta atau mendesak syeikhnya supaya menaikkan maqam zikirnya

walaupun padanya ia meresakan ia sudah layak, sebaliknya ia hendaklah menunggu sahaja arahan daripada syeikhnya.¹²⁸

Maqam kedua: *Latifah Roh*

Menurut tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah bahawa *latifah roh* ini telah dinyatakan dalam al-Quran seperti firman Allah

قُلِّ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ.¹²⁹

Maksudnya:

Katakanlah bahawa roh itu adalah dari urusan (perbuatan atau perintah Tuhan)

Menurut mereka lagi bahawa *latifah roh* ini mempunyai hubungan dengan paru-paru.¹³⁰

Mereka menjelaskan bahawa *latifah roh* ini adalah berada dibawah *qadam* nabi Nuh dan nabi Ibrahim a.s. dan nurnya adalah merah.

Salik yang mencapai peningkatan pada *latifah* ini dan zahir baginya *kaifiyyah* dan hal *latifah* ini ia berada di dalam *qadam* nabi Ibrahim a.s. Salik yang sampai ke wilayah nabi Ibrahim ini dinamakan *Ibrahim al-Mashrab*.¹³¹

Latifah roh ini merupakan tempat bagi *nafsu mulhamah*. *Nafsu Mulhamah* telah dinyatakan dalam al-Quran seperti firmannya:

وَنَفْسٌ وَمَا سُواهَا، فَاللَّهُمَّ هَا فِجُورُهَا
وَتَقْوُهَا قَدْ افْلَحَ مَنْ زَكَا هَا وَقَدْ خَابَ مَنْ

دَسَا هَا¹³².

Maksudnya:

Dan demi diri (*nafs*) dan yang menyempurnakanNya (Allah), lalu Dia (Allah) mengilhamkan kepadanya keburukan dan kebaikan. Sesungguhnya dapat kemenanganlah orang yang menyucinya (*nafs*) dan rugilah orang yang mengotorikannya (*nafs*).

Nafsu mulhamah ini ialah *nafsu* yang sudah mengalami beberapa proses penyucian dari sifat-sifat hati yang kotor dan keji sehingga terbuanglah lintasan-lintasan

fikiran yang kotor atau *khawatir* syaitan dan digantikan dengan petunjuk malaikat atau dari Allah yang dikenali sebagai ilham.¹³³

Ahli-ahli sufi berpendapat bahawa perjalanan rohani bagi ahli *nafs mulhamah* ini ialah hanya semata-mata kepada Allah s.w.t. Alam kerohanian salik pada peringkat ini ialah *alam arwah*. Antara sifat-sifat *nafs mulhamah* ini ialah pemurah (*sakhawah*), memadai dengan apa yang ada (*qana`ah*), berilmu tentang agama, merendah diri atau tawadduk, bersabar, memaaf kesalahan orang, menanggung kesukaran dan penderitaan menunjukkan kepada manusia ke arah melakukan amalan-amalan yang baik, menerima keuzuran manusia dan sebagainya.¹³⁴

Bilangan zikir yang perlu dilakukan oleh salik pada *Latifah roh* ialah sekurang-kurangnya seribu kali, tetapi salik hendaklah terlebih dahulu melaksanakan zikir pada *Latifah qalbi* sebanyak lima ribu kali dengan menjaga adab-adab atau *kaifiyat berzikir*.¹³⁵ seperti yang telah

dinyatakan dalam bab yang lalu. Salik hendaklah melaporkan setiap apa yang dirasai, didengar dan dilihatnya sewaktu melakukan zikir pada *latifah* roh ini. Selepas penelitian dalam pertimbangan syeikh, salik tersebut ditalqinkan pula zikir pada *latifah sirr*.

Maqam ketiga: *Latifah Sirr*.

Menurut tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah *latifah sirr* ini telah dinyatakan di dalam al-Quran seperti firman Allah s.w.t.

فَانْهِ يَعْلَمُ السرّ.¹³⁶

Maksudnya:

Sesungguhnya Dia (Allah) mengetahui apa yang tersembunyi.

Menurut mereka lagi bahawa *latifah sirr* ini mempunyai hubungan dengan hati.¹³⁷

Mereka menjelaskan bahawa *Latifah Sirr* ini berada dibawah qadam nabi Musa a.s. dan nurnya adalah putih. Salik yang mengalami peningkatan pada *latifah Sirr* ini dan

zahir baginya *kaifiyyah* dan hal *latifah* ini adalah berada di bawah qadam nabi Musa a.s. Salik yang sampai ke wilayah ini dinamakan *Musawi al-Mashrab*.¹³⁸

Latifah Sirr ini merupakan tempat bagi *nafs mutmainnah*, seperti yang dinyatakan di dalam firman Allah s.w.t.

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَةُ ...¹³⁹

Maksudnya: Wahai diri (*nafs*) yang tenang ...

Tokoh-tokoh sufi menyatakan bahawa perjalanan kerohanian salik pada peringkat *nafs mutmainnah* ini ialah bersama-sama Allah (الله مع). Alam kerohaniannya pada peringkat ini ialah alam *Haqiqah Muhammadiyyah*. Antara sifat-sifat *nafs mutmainnah* ini ialah sangat permurah, bertawakkal atau berserah diri kepada Allah, pemaaf terhadap kesalahan orang, kuat beribadah kepada Allah, bersyukur, redha terhadap hukum dan takdir Allah, sabar terhadap ujian Allah, berakhlak dengan akhlak Nabi s.a.w. serta mengikuti perbuatan dan perkataan baginda, takut kepada Allah s.w.t.¹⁴⁰

Bilangan zikir yang mesti dilakukan oleh salik pada *latifah Sirr* ini tidak kurang dari seribu kali.¹⁴¹ Sebelum melakukan zikir pada *latifah* ini salik hendaklah terlebih dahulu mengisi zikir pada *latifah-latifah* sebelumnya iaitu *latifah qalbi* sebanyak lima ribu kali dan *Latifah roh* sebanyak seribu kali dengan menjaga adab-adab (kaifiyyat) berzikir dan kemudian dia hendaklah meneruskan zikir tersebut pada *latifah sirr* ini.¹⁴²

Salik hendaklah bersungguh-sungguh berzikir pada *latifah sirr* ini sehingga hidup zikir pada *latifah* ini dan hadir berserta Allah s.w.t. Salik hendaklah melaporkan kepada syeikh apa yang dirasai dan dilihat semasa berada dalam tempoh zikir pada *latifah* ini. Berdasarkan kepada pemerhatian dan pertimbangan syeikh dan didapati terdapat kemajuan maka salik tersebut akan ditalqinkan pula dengan zikir pada *latifah khafi*.¹⁴³

Maqam keempat: *Latifah khafi*

Berdasarkan pandangan tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah, *latifah khafi* telah dinyatakan oleh Allah s.w.t. seperti firmanNya:

اَنَّهُ يَعْلَمُ الْجَهْرَ وَمَا يَخْفِيٌ.¹⁴⁴

Maksudnya:

Sesungguhnya Dia (Allah) mengetahui apa yang terang dan apa yang tersembunyi.

Menurut mereka lagi bahawa *latifah khafi* ini berada di bawah *qadam* nabi Isa a.s. dan nurnya ialah hitam. Salik yang mencapai peningkatan pada *latifah* ini dan zahir baginya *kaifiyyah* dan hal *latifah* ini ia berada di bawah *qadam* nabi Isa a.s. yang dinamakan *'Isawi al-Mashrab*.¹⁴⁵

Latifah khafi ini adalah merupakan tempat bagi sifat-sifat kesyaitanan (syaitaniyah). Sifat-sifat kesyaitanan ini adalah merupakan penyalah gunaan terhadap kebijaksanaan, kemampuan membezakan antara yang baik dengan buruk dan kemampuan berfikir, bercakap serta

mengetahui sesuatu, yang dikurniakan oleh Allah, di mana kekuatan-kekuatan tersebut digunakan bukan pada tempatnya.¹⁴⁶ Oleh sebab itu *latifah* ini perlu dijaga bersungguh-sungguh, dihidupkan dan dibajai dengan zikir supaya dapat kembali kepada Tuhan dalam keadaan redha dan diredhai, kerana *Latifah khafi* ini juga adalah tempat bagi *nafs mardiyah*. *Nafs mardiyah* ini dinyatakan dalam firman Allah:

ارجعى الى ربك راضية مرضية .¹⁴⁷

Maksudnya:

Kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha (kepada Allah) lagi diredhai (oleh Allah).

Tokoh-tokoh sufi menjelaskan bahawa perjalanan kerohanian pada peringkat ini ialah *alam ajsad* atau *alam ajsam*. Sifat-sifat *nafs mardiyah* ialah berakhlak mulia, meninggalkan sesuatu selain dari Allah s.w.t., belas kasihan terhadap makhluk, cenderung supaya makhluk berdamai dan berbaik-baik, memaafkan kesalahan makhluk, cenderung untuk memimpin makhluk daripada kegelapan kepada petunjuk.¹⁴⁸

Tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah menyatakan bahawa *Latifah khafi* ini mempunyai hubungan dengan limpa. Bilangan zikir yang mesti dilakukan oleh Salik pada *latifah khafi* ini ialah tidak kurang dari seribu kali.¹⁴⁹ Sebelum melakukan zikir pada *latifah* ini salik terlebih dahulu melaksanakan zikir pada *latifah-latifah* sebelumnya iaitu *latifah qalbi* sebanyak lima ribu kali dan *latifah roh* sebanyak seribu kali dan *latifah sirr* sebanyak seribu kali dengan menjaga adab-adab (*kaifiyyat*) berzikir dan kemudian dia hendaklah meneruskan zikir pada *Latifah khafi* ini.¹⁵⁰

Salik hendaklah bersungguh-sungguh berzikir pada *latifah khafi* ini sehingga hidup zikir pada *latifah* ini dan hadir berserta Allah s.w.t. Salik hendaklah melaporkan kepada syeikh apa yang dirasai atau dilihat semasa berada dalam tempoh zikir pada *latifah* ini. Berdasarkan kepada pemerhatian dan pertimbangan syeikh dan jika didapati kemajuan maka salik tersebut akan ditalqinkan pula dengan zikir pada *latifah akhfa*.¹⁵¹

Maqam kelima: Latifah akhfa

Menurut pandangan tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah *latifah akhfa* ini telah dinyatakan di dalam al-Quran seperti firman Allah s.w.t.

فَانْهِ يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَىٰ.¹⁵²

Maksudnya:

Sesungguhnya Dia (Allah) mengetahui apa yang tersembunyi (sirr) dan lebih tersembunyi.

Menurut mereka lagi bahawa *latifah akhfa* berada di bawah *qadam* nabi Muhammad s.a.w. dan nurnya ialah hijau. Salik yang mengalami peningkatan pada *latifah* ini dan zahir baginya *kaifiyyah* dan hal *latifah* ini adalah berada di bawah *qadam* nabi Muhammad s.a.w. dan dinamakan *Muhammadi al-Mashrab*.¹⁵³

Latifah akhfa ini merupakan tempat bagi sifat-sifat ketuhanan (rabbaniyyah) dan keakuan (ananiyyah). Sifat-sifat ketuhanan dan keakuan ini ialah merupakan kemahuan untuk menguasai dan mengatasi orang lain, bebas dari

kongkongan dan martabat yang rendah, keinginan untuk mengetahui semua perkara dan mengakui dirinya mengetahui semua perkara itu serta berbangga apabila dikatakan berilmu dan berdukacita apabila dikatakan sebaliknya.¹⁵⁴

Oleh itu salik perlu berwaspada, mendidik dirinya supaya dapat menjauhkan daripada sifat-sifat ini. Salik perlu memperbanyak zikir pada latifah akhfa ini untuk melembutkan hatinya dan tunduk kepada kebesaran Allah s.w.t. serta supaya perjalanan nafsu yang ada pada latifah ini sesuai sebagai nafsu hamba Allah yang kamil, kerana latifah ini juga adalah tempat bagi *nafs kamilah*.

Menurut pandangan tokoh-tokoh sufi bahawa perjalanan kerohanian *nafs kamilah* ini ialah dengan Allah (الله) ia itu dengan qudratNya, iradahNya dan seumpamanya. Keadaan kerohanian bagi *nafs kamilah* ini ialah baga' billah dan sifat-sifatnya ialah semua sifat-sifat kebaikan yang terdapat pada martabat-martabat *nafs sebelumnya.*¹⁵⁵

Tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah berpendapat bahawa *latifah akhfa* ini mempunyai hubungan dengan hempedu. Bilangan zikir yang mesti dilakukan oleh salik pada *latifah akhfa* ini tidak kurang daripada seribu kali.¹⁵⁶ Sebelum salik melakukan zikir pada *latifah* ini beliau hendaklah terlebih dahulu melaksanakan zikir-zikir pada *latifah* sebelumnya iaitu *latifah qalbi* lima ribu kali, *latifah roh* seribu kali, *latifah sirr* seribu kali dan *latifah khafi* seribu kali dengan memelihara adab-adab (kaifiyyat) berzikir.¹⁵⁷

Salik hendaklah melaksanakan zikir ini dengan bersungguh-sungguh sehingga hidup zikir pada *latifah akhfa* ini dan sentiasa hadir berserta Allah s.w.t.

Salik hendaklah melaporkan kepada syeikh apa yang dirasai atau dilihat semasa berada dalam tempoh zikir ini. Berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh syeikh dan kemajuan yang memuaskan yang dicapai oleh salik maka salik tersebut akan dinaikkan ke maqam yang berikutnya iaitu *latifah nafsi natiqah*.

Maqam keenam: Latifah nafsi natiqah.

Tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah menjelaskan bahawa latifah nafsi natiqah ini telah dinyatakan di dalam al-Quran seperti firman Allah s.w.t.

بِأَيْهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَنْظُرْ

نفس ما قدمت لغد...¹⁵⁸

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan hendaklah diri (nafs) seseorang itu memerhatikan atau merenung apa yang telah dilakukannya untuk (menghadapi) hari esok (qiamat).

Menurut Drs. Imron Aba bahawa latifah nafsi natiqah adalah merupakan tempat bagi nafs ammarah. Nafs ammarah ini telah dinyatakan di dalam al-Quran seperti firman Allah s.w.t.

إِنَّ النَّفْسَ لَامَارَةٌ بِالسُّوءِ.¹⁵⁹

Maksudnya:

Sesungguhnya nafsu itu adalah benar-benar menyuruh melakukan kejahatan.

Tokoh-tokoh sufi menyatakan perjalanan kerohanian bagi *nafs ammarah* ini ialah *alam shahadah* atau *alam ajsam*. Keadaan *nafs ammarah* ini cenderung kepada melakukan kejahatan dan di antara sifat-sifat *nafs ammarah* ini ialah kedekut, tamak serta cintakan kepada harta dunia, dengki, jahil, sompong, menurut kemahuan hawa *nafsu*, pemarah, dendam, panjang angan-angan, inginkan kemasyhuran dan pangkat, khianat, lalai dari maengingati Allah dan sebagainya.¹⁶⁰

Tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah menerangkan bahawa *latifah nafsi natiqah* mempunyai hubungan dengan otak dan kedudukannya ialah di antara dua kening. Bilangan zikir yang mesti dilakukan pada latifah ini ialah tidak kurang dari seribu kali.¹⁶¹ Sebelum melakukan zikir pada *latifah nafsi natiqah* ini, salik hendaklah terlebih dahulu melaksanakan zikir pada *latifah-latifah* sebelumnya iaitu pada *latifah qalbi* sebanyak lima ribu kali, *latifah roh* sebanyak seribu kali, *latifah sirr* sebanyak seribu kali, *latifah khafi* sebanyak seribu kali, *latifah akhfa* sebanyak seribu kali,

dengan menjaga adab-adab (kaifiyyat) berzikir, kemudian dia hendaklah meneruskan zikir pada *latifah nafsi natiqah* ini.¹⁶²

Salik hendaklah melaksanakan zikir pada *latifah nafsi natiqah* dengan bersungguh-sungguh sehingga hidup zikir ini pada *latifah* tersebut dan sentiasa hadir berserta Allah s.w.t. Kemudian salik hendak melaporkan kepada syeikh apa yang dirasai atau dialami semasa berada dalam tempoh zikir ini. Berdasarkan kepada penilaian yang dilakukan oleh syeikh dan peningkatan kemajuan yang dicapai oleh salik, maka salik tersebut akan dinaikkan kemaqam yang berikutnya iaitu maqam *latifah kulli jasad*.

Maqam ketujuh: *Latifah kulli jasad.*

Aboe Bakar Atjeh menjelaskan bahawa *latifah kulli jasad* ini dikaitkan dengan firman Allah s.w.t.:

... شَمْ تَلِينْ جَلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَى ذِكْرِ

¹⁶³ الله .

Maksudnya:

...Kemudian kulit-kulit (seluruh tubuh)
dan hati-hati mereka menjadi lembut
(tenteram) dengan mengingati Allah.

Menurut beliau lagi bahawa *Latifah kulli jasad* ini adalah bertempat pada seluruh badan.¹⁶⁴

Latifah kulli jasad ini pada hakikatnya terdiri daripada latifah-latifah unsur tanah, air , api dan angin. Nur bagi *latifah kulli jasad* ini adalah sangat terang dan tidak dapat digambarkan. Pada latifah ini merupakan tempat bagi sifat kejahilan dan kelalaian dan latifah ini juga merupakan tempat bagi ilmu dan amal.¹⁶⁵

Latifah ini merupakan tempat bagi *nafsu radiyah*. *Nafsu radiyah* ini telah dinyatakan di dalam al-Quran seperti firman Allah s.w.t.

ارجى الى ربک راضیة مرضیة .¹⁶⁶

Maksudnya:

Kembalikah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha (terhadapNya) lagi diredhai (olehNya)

Tokoh-tokoh sufi menyatakan bahawa alam kerohanian bagi *nafs radiyah* ini ialah alam lahit iaitu *martabat ahadiyah* (zat Allah semata-mata) dengan menyaksikan (shuhud) zat Allah s.w.t. tanpa *i'tibar sifat, asma'* dan *af'al*.¹⁶⁷

Antara sifat-sifat *nafs radiyah* ini ialah zuhud pada sesuatu selain daripada Allah, ikhlas kerana Allah, wara' iaitu memelihara diri dari sesuatu yang haram dan syubhah, lupa dari sesuatu yang lain dari Allah, redha dengan tidak membantah takdir dan tidak menolak sesuatu yang tidak disukai oleh nafsunya, fana' pada memandang sifat-sifat keindahan (jamal) Allah, menunjukkan kepada manusia jalan kebaikan, menasihati mereka, menyuruh mereka melakukan kebaikan dan menegah mereka dari melakukan kejahatan dan sebagainya.¹⁶⁸

Sebelum melakukan zikir pada latifah ini salik hendaklah terlebih dahulu melaksanakan zikir pada latifah-latifah sebelumnya iaitu *latifah galbi* sebanyak lima ribu kali, *latifah roh* sebanyak seribu kali, *latifah*

sirr sebanyak seribu kali, *latifah khafi* sebanyak seribu kali, *latifah akhfa* sebanyak seribu kali dan *latifah nafsi natiqah* sebanyak seribu kali dengan menjaga adab-adab (kaifiyyat) berzikir. Kemudian dia hendaklah meneruskan zikir pada *latifah kulli jasad ini*.

Salik hendaklah melaksanakan zikir pada *latifah kulli jasad* ini dengan bersunguh-sungguh sehingga hidup zikir pada *latifah* tersebut dan sentiasa hadir berserta Allah s.w.t.

Kemudian salik hendaklah melaporkan kepada syeikh apa yang dirasai atau dialami semasa berada di dalam tempoh zikir ini. Berdasarkan kepada penilaian yang dilakukan oleh syeikh dan peningkatan kemajuan yang dicapai oleh salik tersebut maka salik itu akan ditalqinkan pula dengan *zikir nafi* dan *ithbat*.

NOTA

1. `Ali bin Muhammad al-Jurjani *al-Ta`rifat*, Dar al-Kutub al-Kutub al-Arabi, Beirut, 1985, hal. 101.
2. Ahmad bin Muhammad Ibn Ajibah *Iqaz al-Himam Fi Sharh al-Hikam*, Jld. 1, (Beirut, Dar al-Kitab al-Arabi, 1983 M/1403 H) 38
3. Ibid.
4. Al-Qushairi, `Abd al-Karim ibn Hawazin, *al-Risalah al-Qushairiyyah*, ed. Ma`ruf Zuraiq dan `Ali `Abd al-Hamid, Dar al-Jail, Beirut 1990 M/1410, hal. 102.
5. Ibid, Al-Jurjani, *al-Ta`rifat*, hal. 150.
6. Abd al-Mun`im al-Hafni, *Mu`jam Mustalahat al-Sufiyyah* (Beirut, Dar al-Masirah, 1980 M/1400 H) 18.
7. Ibid.
8. al-Quran, Maryam :48
9. al-Quran, Maryam :49
10. al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya `Ulum al-Din*, Jil. 2, Maktabah wa Matba`ah Muhammad `Ali Sabih wa Auladuhu, Mesir , t.t. hal. 224.
11. Ibn Hisyam, `abd al-Malik, *al-Sirah al-Nabawiyyah*, Ed. Muhammad Muhyi al-Din `Abd al-Hamid, Jil. 1, (Mesir; Dar al-Bayan al-Arabi,t.t.) 154.
12. Ahmad ibn Ali Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Jil. 1, (Qahirah; Dar al-Riyyan ,t.t.) 30.

13. Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Jil. 9, 335.
14. Ibn Majah, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini, *Sunan Ibn Majah*, Jil. 1, Ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, (Qahirah; Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.) 562.
15. Ibid, Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Jil. 4, hal. 318.
16. Imam Muhaddis al-Hafiz, Mahyu al-Din Abi Zakaria Yahaya bin Sharif al-Nawawi, *Riyad al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*, Ed. Riduan Muhammed Riduan, (Beirut; Dar al-Kitab al-Arabi, 1973) Bab Istihabab al-'Uzlah 'An fasad al-as wa al-zaman.
17. Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, Jil. 2, 227.
18. al-Qushayri, *al-Risalah al-Qushairiyyah*, 340.
19. Abd al-Qadir 'Isa, *Haqaiq 'An al-Tasawwuf*, (England: Diwan Press, t.t.) 255.
20. H.A. Fuad Said, *Hakikat Tharikat Naqsyabandiah*, (Ipoh: Pustaka Muda, Jalan Tun Perak, 1991) 79.
21. Drs. Imron Aba, *Di Sekitar Masalah Thariqat Naqsyabandiyah* (Indonesia: Menara Kudus, 1980) 53-54.
22. Ibid, 54.
23. Muhammad Murad al-Qazani, *Dhail Rashahat 'Ain Al-Hayah* (Turki; al-Maktabah al-Islamiyyah Muhammad Izdamir, t.t.) 201.
24. Lihat, Bab. 2. Doktrin Tarekat Naqsyabandiyah.
25. Muhammad ibn 'Abdillah al-Khani, *al-Bahjah al-Saniyyah*, (Istanbul, Maktabah al-Haqiqah, 1989 M/1409 H) 56.

26. Al-Quran, An-Nur: 37
27. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 18 Jun 1999
28. H.A. Fuad Said, 1991, 76.
29. Al-Quran, Al-A`raf. 142.
30. Drs. Imron Aba, 1980, 51.
31. Ibid, bandingkan H.A.Fuad, 1991, 78.
32. Ibid, 52.
33. Al-Bukhari, *Sahih*, t.t, Jil. 1, t.tp. : Dar Wa Mutabil al-Sha'b., 7.
34. Syeikh Muhammad Najm al-Din al-Kurdi, *Tanwir al-Qulub*, (Mesir: Maktabah Shahirah, 1368 H) 493.
35. Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Jil. 4. (Eds) Muhammad Fu`ad `Abd `al-Baqi dan Muhibb al-Din al-Khatib, (Qahirah, Dar al-Rayyan, 1407 H/1987 M) 319.
36. Dr. Abdullah Muhammad Zin, *Tasawuf Dan Tariqat Dalam Kehidupan Masyarakat Islam Di Malaysia Kini: Permasalahan Dan Cabaran* dalam Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali ke lapan, di Marang, Terengganu, (K. Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992) 6, bandingkan Y.M. Prof. Madya Dr. Engku Ibrahim Bin Engku Ismail, *Sejarah Perkembangan Tariqat/Tasauf Di Malaysia Dan Sikap masyarakat Terhadapnya dalam Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan kali ke empat*, (K. Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1988) 37 bandingkan Zakaria Stapa, *Beberapa Konsep Utama dalam Tarekat Tasawuf: Satu Analisis, kertas kerja bengkel Peningkatan Kefahaman Akidah Islamiah*, (K. Lumpur Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri 1993) 7.

37. Saudara Abdullah, peserta suluk dari Johor, temu bual semasa program suluk berlangsung pada 21 Nov. 1997.
38. Ibid
39. Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Jil. 4, 1407 H/ 1987 M, 323.
40. Ibn Ajibah, t.t. 38.
41. Ibid.
42. Ibid.
43. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998
44. Ibid.
45. Yahaya ibn Syarf al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim* Jil. 3, Juz. 8. (Qahirah: Dar al-rayyan, 1407 H/ 1987 M), 68.
46. Ibid, 69.
47. Al-Quran, As-Syura :20
48. Syed Ahmad Semait, *Rahasia Sufi*, Ditahkik dan ditulis semula, Abdul Majid Haji Khatib Terj. 'Sirrul-Asrar fi Ma yahtaju ilaihil - Abrar oleh (Syeikh Abdul Qadir Jailani) (Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1997) 198. Nasional Pte. Ltd., 1997) 198.
49. Ibid, 199.
50. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998.
51. Imam Abu al-Qassim 'Abd al-Karim al-Qushayri *al-Risalah al-Qushairiyah*, Jil. 2. Ed. 'Abd al-Halim bin Mahmud dan Mahmud bin al-Sharif, (Qahirah: Dar al-Kitab al-Hadithah, t.t) 523.
52. Syed Ahmad Semait, *Taubat dan Liku-likunya*, (Singapura, Pustaka Nasional Pte,Ltd, 1996, 100.

53. Al-Quran, An-Nur: 31
54. Al-Quran, Qaf: 32
55. Syed Ahmad Semait, 1997, 202
56. Ibid, 147-148
57. K.H.Zezen Zaenal Abidin Zayadi Bazul Asyhab, Terj.
Sirrul Asrar oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani,
(Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 123, Jalan
Jasa Tiga, Taman Jasa, Sungai Tua, 68100 Batu Caves,
1997) 160-161.
58. Al-Quran, A-Ankabut: 69
59. Syed Ahmad Semait, 1997, 147-148
60. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998
61. Syeikh Muhammad Najm al-Din al-Kurdi,
Tanwir al-Qulub, (Mesir: Maktabah Shahirah,
1368 H) 493-494
62. H.A. Fuad Said, *Hakikat Tharikat Naqsyabandiah*,
(Ipoh: Pustaka Muda, 38, Jalan Tun Perak, 1991) 83
63. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998
64. Ibid
65. Al-Qushari, *al-Risalah* hal. 103
66. Al-Ghazali, *Minhaj al-Abidin*, 80
67. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998
bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 83
68. Ibid
69. Ibid
70. Ibid

71. Haji Habib Syah (Khalifah kepada Syeikh) Penerangan semasa penulis menyertai program suluk di Pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah surau Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, Ogos 1998, bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 84-85
72. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept, 1998.
73. Ibid, bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 86
74. Fachruddin H.S. , Terjemahan Hadits Shahih Muslim, Jil. 111 (Jakarta: Bulan Bintang, 1979) 23
75. Ibid, 26
76. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998 bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 86.
77. Al-Quran, An-Nisa` , 103
78. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998 bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 86
79. Al-Quran, Ali Imran, 191.
80. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998 bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 86.
81. Syed Ahmad Semait, 1987, 250.
82. Ibid, 251.
83. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 16 April 1999
84. Syed Ahmad Semait, 1997, 251.
85. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998 bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 86.
86. Ibid
87. Ibid
88. H.A. Fuad Said, 1991, 71.
89. Al-Quran, Al-Taubah, 119.

90. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998 bandingkan, H.A. Fuad Said, 1991, 86.
91. Ibid
92. Ibid, bandingkan Haji Jahid Sidek, 1989, 196.
93. Ibid, 87.
94. Syed Ahmad Semait, 1997, 204.
95. Haji Jahid Haji Sidek, 1989, 197.
96. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998 bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 87.
97. Ibid, bandingkan Haji Jahid Haji Sidek, 1989, 196.
98. `Abd al-Wahab al-Sya`roni, *al-Anwar al-Qudsiyah* (Beirut: Maktabah al-Ma`arif, 1988), 40.
99. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998 bandingkan Haji Jahid Sidek, 1989, 196.
100. Ibid.
101. Ibid.
102. Ibid, bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 87.
103. Ibid.
104. Ibid.
105. Ibid.
106. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998.
107. Ibid.
108. Ibid.

109. Dr. Syeikh Hj. Jalaluddin, Pertahanan Tarikat Naqsyabandiyah, Jil. 1, (Pahang: Pustaka al-Huds, Raub, 1981) 126.
110. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 12 Sept. 1998,
111. Ibid, bandingkan H.A. Fuad Said, 1991, 87-88.
112. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 19 November 1998, bandingkan Najm al-Din Amin al-Kurdi, *Tanwir al-Qulub fi Muamalat 'Alam al-Ghuyub* (Mesir: Maktabah Shahirah, 1368H) 510, bandingkan Muhammad Murad al-Gazani, Dhail Rashahat 'Ain al-Hayah (Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah Muhammad Izdamir, t.t.) 199.
113. Al-Quran: Toha, 14.
114. Syeikh Haji Jalaluddin, *Rahsia Mutiara Tarikat Naqsyabandiyah*, Jld. Ketiga, (Indonesia: Sekretariat, No. 2, Djalan Berlian, Medan Dell, 1971) 5-6.
115. Tuan Haji Muhammad Yatim. Penerangan setelah penulis dinaikkan kemaqam Lataif sebaik sahaja penulis menjalani 'peperiksaan' dalam program suluk pada 21 Nov. 1997. Penerangan tambahan oleh Haji Habib (khalifah kepada syeikh) bandingkan al-Qazam, t.t., 199.
116. Al-Quran, al-Isra': 85.
117. Al-Quran, al-A`raf: 54.
118. Al-Qazani, t.t. 206.
119. Ahmad ibn Muhammad Ibn 'Ajibah, *Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam* (Beirut, Dar al-Kitab al-Arabi, 1983 M/ 1403 H) 111.
120. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998 bandingkan, H.A. Fuad Said, *Hakikat Tharikat Naqsyabandiyah*, (Ipoh: Pustaka Muda, Jalan Tun Perak, 1991) 61.
121. Ibid.

122. Syeikh Muhammad Najm al-Din Amin al-Kurdi, *Tanwir al-Qulub* (Mesir: Maktabah Shahirah, 1368 H) 513.
123. Ibid, 514. Bandingkan Al-Qazani t.t. 207.
124. Al-Quran, al-Qiyamah: 2
125. Drs. Imron Aba, 1980, 75-76. Bandingkan Mustafa al-Jayasi (al-Ahmadi) *Mengenal Diri Dan Waliyyullah* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1985) 32 dan 62-63.
126. Al-Qazani, t.t. 202.
127. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 12 Sept. 1998
128. Ibid.
129. Al-Quran, al-Isra': 85
130. Aboe Bakar Atjeh, Pengantar Ilmu Tarekat Dan Tasauf (Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1985) 330, Al-Kurdi, 1364 H, 514.
131. Ibid.
132. Al-Quran, al-Shams: 7
133. Mustafa Muhammad al-Jayasi (al-Ahmadi), 1985, 33-34
134. Ibid, bandingkan Drs. Imron Aba, 1980, 87-88.
135. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 19 November 1998.
136. Al-Quran, Toha: 7.
137. Aboe Bakar Atjeh, 1985, 331, Al-Kurdi, 1368 H, 514.
138. Ibid.
139. Al-Quran, al-Fajr: 27.
140. Drs. Imron Aba, 1980, 79 bandingkan al-Jiyasi, 1985, 35-36 dan 67-68.

141. Tuan Haji Muhammad Yatim temu bual, 19 November 1998 bandingkan Aboe Bakar Atjeh, 1985, 331, Al-Kurdi, 1368 H, 514.
142. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 19 November, 1998.
143. Ibid.
144. Al-Quran, al-A`la: 7.
145. Al-Kurdi, 1368 H, 514, Aboe Bakar Atjeh, 1985, 332.
146. Drs. Imron Aba, 1980, 80, bandingkan al-Jiyasi, 1985, 41 dan 90-91.
147. Al-Quran, al-Fajr: 28.
148. Drs. Imron Aba, 1980, 80, bandingkan al-Jiyasi, 1985, 92.
149. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual bandingkan Aboe Bakar Atjeh, 1985, 332, Al-Kurdi, 1368 H, 514.
150. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual, 19 Noverber 1998.
151. Ibid.
152. Al-Quran, Toha: 7.
153. Al-Kurdi, 1368 H, 514 bandingkan Aboe Bakar Atjeh, 1985, 332.
154. Drs. Imron Aba, 1980, 81-82 bandingkan al-Jiyasi, 1985, 92.
155. Ibid.
156. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual 19 November 1998. Bandingkan Aboe Bakar Atjeh, 1985, 332. Al-Kurdi, 1368 H, 514.
157. Ibid.

158. Al-Quran, al-Hasr: 18.
159. Al-Quran, Yusof: 53.
160. Aba, 1980, 82-84, bandingkan Al-Jiyasi 1985,
29 dan 61-62.
161. Aboe Bakar Atjeh, 1985, 332, bandingkan Al-Kurdi,
1368 H, 514.
162. Tuan Haji Muhammad Yatim, temu bual
19 November 1998.
163. Al-Quran, al-Zumar: 23.
164. Aboe Bakar Atjeh, 1985, 333, bandingkan Al-Kurdi,
1368 H, 514.
165. Ibid.
166. Al-Quran, al-Fajr: 28.
167. Aba, 1980, 84, bandingkan al-Jiyasi 1985,
37-38 dan 89.
168. Ibid.

BAB V

5.1. RUMUSAN

Untuk menilai sesuatu tarekat tasawuf itu samada boleh diterima pakai atau tidak ia perlu dirujuk kepada sesuatu kayu ukur. Kayu ukur yang akan digunakan untuk menilai organisasi Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh di bawah pimpinan Tuan Haji Muhammad Yatim bin Ismail ialah suatu resolusi tarekat tasawuf yang *mu'tabar* atau yang berautoritatif dan merupakan formula yang dapat menjadi penimbang atau pengukur untuk menentukan kedudukan sesuatu tarekat itu.

Istilah *mu'tabar* yang digunakan dalam pendekatan ini bermaksud sesuatu yang boleh diambil kira dan boleh dijadikan pegangan (akidah) dan amalan secara sah dan diakui sebagai suatu yang benar, yang ianya didasarkan kepada beberapa ukuran (kaedah tertentu) atau prinsip yang diakui secara sepakat iaitu al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma, al-Qiyas dan kaedah-kaedah yang diperakukan oleh ahli Sunnah wa-Jamaah.¹

Antara konsep tarekat tasawuf yang mu'tabar ialah:⁻²

1. Bila ianya tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Sebarang badan tarikat yang bertentangan dengan kedua-duanya atau salah satu daripada keduanya, ia tetap tidak diterima oleh Islam dan dikira terkeluar daripada ajaran kedua-duanya sekaligus, serta haram bagi setiap individu dan kumpulan beramal dengannya. Kaedah ini wajib diguna pakai kerana mendahulu hukum syarak adalah wajib, sebabnya ialah syarak adalah asas tasawuf, tasawuf tanpa syarak adalah batil.
2. Dasar pegangan (akidah) adalah bersumberkan akidah Islam atau ajaran ahli Sunnah wa Jamaah. Sebarang ajaran atau kepercayaan yang dipegang yang berlawanan dengan kedua-duanya samada sebahagian atau dengan keseluruhannya, maka ia dikira sebagai tarekat yang tidak mu'tabar. Ini menunjukkan bahawa *kasyaf* tidak ada autoriti untuk mengubah hukum syarak.

Kalaupun dibukakan cara ini (iaitu *kasyaf* dapat dipakai untuk menentukan sesuatu hukum syarak) tentu berlakunya hukum-hukum syarak itu saling bertentangan atau bercanggahan dan seterusnya rosaklah peraturan syar'iah.

Walau bagaimanapun ditetapkan bahawa semua akidah atau *kasyaf* yang bersabit dengan tarekat tasawuf wajiblah disesuaikan dengan al-Quran, al-Sunnah atau aliran ahli Sunnah wa Jamaah. Jika akidah atau *kasyaf* itu bercanggah atau berlawanan dan tidak sesuai dengannya wajib diketepikan, kerana tarekat tasawuf yang hakiki (sebenar-benar tarekat) ialah tidak terpisah dan bergantung dari al-Quran, al-Hadis dan pegangan ahli Sunnah wa Jamaah, dan juga sebenar-benar ulamak tasawuf itu tidak terkeluar dari batas pertunjuk al-Quran, al-Sunnah dan Ijma'.

3.1. (**الآخر**) yang (**وارىع**) iaitu sesuatu yang disandarkan atau pandangan-pandangan daripada salaf al-salih dan yang beredar dalam lingkungan al-Quran al-Karim dan al-Sunnah Nabawiyah.

- 3.2. Apa-apa yang datang daripada Rasulullah s.a.w.
- 3.3. Apa-apa yang datang daripada suluk (perlakuan ibadat) sahabat Rasulullah s.a.w.
- 3.4. Apa-apa yang datang daripada suluk tokoh-tokoh ahli al-Salaf.

Walau bagaimanpun punca dasar (المصدر الأساس)

tetap tidak berganjak dari ajaran (pertunjuk) al-Quran dan al-Sunnah. Sementara sumber-sumber lain ia hanya sebagai pengurai untuk cara-cara beramal dan bersuluk yang tidak boleh terkeluar daripada punca pengambilan asalnya.

4. Kemu'tabaran sesebuah tarekat tasawuf itu dilihat juga dari sudut atau fenomena tarikat itu sendiri. Misalnya tasawuf Islam yang hakiki adalah berlaku atas perlakuan akhlak yang baik, sistem ibadatnya adalah terangkai dan tersusun yang benar-benar berpunca dari ajaran wahyu serta terkawal dalam batas-batas halal dan haram (mana yang halal diamalkan, mana yang haram ditinggalkan) dan tetap patuh kepada dasar suruhan

Allah serta larangannya. Bukan terjadi atas dasar perintah dan tegahan guru yang bersikap bebas tanpa prinsip.

5. Penelitian terhadap arah matlamatnya. Apakah cara (الغاية) dan matlamat tarekat itu selaras dengan cara pembawaan tasawuf Islam. Cara bertasawuf secara Islam adalah melalui ilmu, iman dan amal salih.

Berasaskan syariat dan matlamatnya ialah untuk menguasai maqam ihsan seperti yang ditunjukkan oleh hadis Rasulullah s.a.w. iaitu ikhlas ibadat untuk mencapai keredhaan Allah (مرضاة الله، راضية مرضية)

6. Tarekat tasawuf yang mu'tabar mempunyai kecenderungan kepada penghayatan ketiga-tiga aspek hidup insan yang utama iaitu memelihara jasad badan (حفظ النفس) memelihara akal (حفظ عقل) atau perkembangan

intelektualisma dan memelihara kepentingan jiwa atau kerohanian, seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah dan ianya termasuk dalam konsep wajib menjaga enam jenis kepentingan umat Islam

(رَعِيْهِ او حفظ الكلمات السُّتُّ) iaitu agama,

nyawa, akal, maruah, keturunan dan harta.

7. Dalam kontek hubungan guru dan murid, ia lebih merupakan suatu harakah sufiyah yang mempunyai wasilah untuk pembersihan hati, pendidikan akhlak dan keindahan bersuluk disertai pula dengan membimbing murid mengikuti amalan Rasulullah s.a.w. untuk menjadi mukmin sebenar, muslim yang benar selaras dengan arahan wahyu Allah dalam surah al-Taubah ayat 119:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا

مَعَ الصَّادِقِينَ

Guru hendaklah menyampaikan mesej tasawuf Islam sebenar, memberikan tasawwur yang betul bahawa tasawuf Islam adalah aktif dan dinamik dan bukannya

sebagai cara untuk hidup malas (تکا سل),

bertawakkal (التو اکل) bukannya tawakkul

(التوکل) dan meninggalkan tanggungjawab hidup.

Sebabnya ialah sikap hidup yang pasif seperti ini tidak boleh dihubungkan dengan ajaran Islam sebenar dan ia tidak bersifat representatif lagi.

8. Berhubung dengan salasilah tarekat ia seharusnya (sepaututnya) mempunyai pertalian yang berterusan secara turutan mengikut masa, iaitu tentang ajarannya secara susur galur hingga sampai kepada sahabat Rasulullah s.a.w. iaitu Saidina Ali karamallah wajhah atau Saidina Abu Bakar r.a. dan kedua-dua sahabat ini pula menerima ajaran itu daripada Rasulullah s.a.w.

Melalui kajian yang dilakukan, penulis dapati bahawa tarekat tasawuf mempunyai suatu kedudukan yang penting kerana ia merupakan suatu cara atau jalan untuk mencapai maqam atau darjat Ihsan. Tarekat Tasawuf dan sistematik yang dikenali sebagai *tazkiyat al-nafs*. *Tazkiyat al-nafs* mencakupi tiga aspek utama iaitu *takhalli, tahalli dan tajalli*. Ketiga-tiga aspek ini mesti dilalui oleh seseorang pengamal bagi mencapai objektifnya.

Melalui pemerhatian dan penglibatan penulis secara langsung dan juga berdasarkan kepada penyelidikan yang dibuat ke atas organisasi Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah, di bawah pimpinan Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail serta dibantu oleh beberapa kajian perpustakaan maka beberapa kesimpulan dapat dihasilkan sebagai perbandingan kepada konsep

tarekat tasawuf yang *mu'tabar* seperti yang dikemukakan.

1. Di pusat Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini, al-Quran dan al-Sunnah dijadikan sumber dan dasar kepada perjalanan tarekat ini. Di samping itu terdapat juga ijtihad-ijtihad para sahabat, *tabi'* dan *tabi' tabi'in*. Semua ajaran dalam tarekat ini adalah selaras dengan ajaran yang telah ditetapkan oleh kedua-dua sumber tersebut. Tuan Haji Muhammad Yatim menegaskan bahawa lain-lain sumber tidak berautoriti dalam hal ini.

2. Dasar pegangan akidah tarekat ini adalah *selari* dengan perintah syariat dan mengikuti aliran Ahli *Sunnah wa Jamaah* iaitu salah satu dari mazhab yang *mu'tabar* seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hambali.

Tasawuf pula mengikut ajaran ulamak salaf dan khalaf. Oleh itu tarikat ini telah mendapat sambutan yang baik dan tersebar luas di kalangan pelbagai lapisan masyarakat Islam yang bebeza status ekonomi serta taraf pendidikan dari merata tempat.

3. Untuk menjadi pengamal Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh ini secara rasmi dan supaya memperolehi keberkesanan rohani, seseorang itu mestilah ditalqinkan terlebih dahulu amalan-amalan tarekat oleh syeikh tarekat yang mursyid yang memperolehi ijazah yang diberikan oleh syeikh-syeikh terdahulu. Di pusat ini upacara mentalqinkan murid dilakukan oleh Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail sendiri.

Konsep berguru dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ini ialah mematuhi segala perintah dan arahan guru serta meninggalkan larangan-larangannya. Guru atau syeikh dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah adalah orang yang memiliki sifat-sifat terpuji yang sentiasa patuh kepada perintah Allah s.w.t. dan tidak melakukan perkara-perkara

yang keji serta berusaha membimbing muridnya ke jalan yang diredhai Allah s.w.t.

Mereka juga adalah alim tentang ilmu agama namun demikian, mereka tidak berautoriti untuk merubah atau menambah perkara-perkara dalam hal agama, mereka ini layak digelar 'ulama' bi-'llah, yang mempunyai ciri-ciri seperti firman Allah

انما يخشى الله من عباده العلماء^٣

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang paling takut kepada Allah s.w.t. di antara hamba-hambanya ialah 'ulama'

4. Amalan-amalan yang diamalkan di sini antaranya zikir, tawajuh, khatam khawajakan dan program suluk. Zikir menjadi tunggak utama dalam tarekat ini. Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ini mempunyai beberapa jenis zikir mengikut tingkatan-tingkatannya yang mempunyai kelebihan-kelebihan tersendiri. Amalan berzikir bertujuan mengingati Allah s.w.t. kerana umat Islam dikehendaki bersungguh-sungguh mengingati Allah s.w.t. lantaran Allah sentiasa memerhatikan kita dalam segenap aspek dan kita adalah di bawah genggamanNya.

Amalan berzikir juga bertujuan untuk membersih jiwa para pengamalnya serta sebagai ibadat kepadaNya sesuai dengan penciptaan manusia itu sendiri seperti firman Allah s.w.t.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْأَنْسَابَ إِلَّا لِيَعْدُونَ.^٤

Maksudnya:

Tidak Aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk beribadat.

5. Organisasi Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah amnya dan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang berpusat di Tanjung Pauh khususnya amat menekankan kepada pembersihan hati atau jiwa kerana hati yang ada dalam diri manusia adalah menjadi penggerak utama kepada perlakuan manusia.

Apabila hati tersebut menjadi baik akan membawa tindakan yang baik yang dapat dilihat sama ada melalui perlakuan anggota zahir atau apa yang tersemat dalam batin manusia seperti ikhlas, jujur, niat baik dan sebagainya. Sebaliknya jika hati telah rosak maka rosaklah seluruh tindakan atau perbuatannya sama ada perbuatan zahir dan juga batin seperti dendam, hasad dengki, niat jahat dan sebagainya.

Penyakit hati ini bukan sahaja merosakkan diri individu berkenaan sahaja malah lebih parah lagi akan mencetuskan beberapa penyakit sosial yang lain yang mengancam umat Islam khususnya dan dunia sejagat amnya. Puncanya ialah kelalaian umat Islam sendiri mengabaikan pembersihan hati atau penjernihan jiwa di samping terdapatnya pelbagai usaha yang licin oleh pihak musuh untuk menghancurkan kedaulatan Islam di muka bumi ini. Hal ini telah diisyarat di dalam hadis Rasulullah s.a.w.

ان فی جسد ابن ادم مضغة اذا صلحت صلح
لها سائر البدن الا وهي القلب.⁵

Maksudnya:

Sesungguh dalam tubuh anak Adam (manusia) itu ada segumpal darah apabila ia baik, maka baiklah kerananya seluruh badan, ketahuilah bahawa ia adalah hati.

Fenomena ini juga menunjukkan bahawa kepentingan kerohanian kepada tiap individu dan masyarakat tidak dapat dinafikan lagi kerana kemajuan dan pembangunan fizikal akan menjadi lebih teguh apabila dikendalikan oleh tenaga manusia yang dapat mengawal diri daripada tuntutan hawa nafsu yang jahat.

Begitulah juga dikhawatiri pelaksanaan sesuatu ibadat akan menjadi kosong dan tidak bernilai sekiranya ia tidak berdasarkan kepada aspek kerohanian yang suci.

6. Bagi umat Islam yang melibatkan diri dengan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah sebagai memilih jalan kerohanian ini untuk mencapai kepada darjah tasawwuf harus sedar dan memahami bahawa kejayaan menempuh jalan ini bukanlah bergantung kepada kekuatan usaha seseorang, malah ia semata-mata kurniaan daripada Allah s.w.t. Sementara itu di antara seorang dengan seorang yang lain mungkin berbeza pencapaiannya, ada yang mencapainya dalam masa singkat dan ada yang mencapainya dalam masa yang agak panjang malah ada yang tidak mencapainya sama sekali.

Sebenarnya jalan menuju kepada mengenal Allah ini bukannya seperti ruang atau jarak dari segi dekat atau jauhnya yang dapat dilintasi oleh manusia dengan berjalan kaki berdasarkan kuat atau lemahnya seseorang itu, tetapi ia adalah jalan rohani yang ditempuh oleh hati dengan melintasinya dengan menggunakan daya fikiran atau fikrah berdasarkan pegangan atau 'aqidah dan pandangan matahati.

Jalan rohani ini adalah berasaskan kepada Nur samawi dan nazar ilahi atau pandangan ketuhanan yang jatuh ke dalam hati hamba. Dengannya ia dapat memandang dengan satu pandangan yang dapat melihat perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat secara hakikat atau sebenarnya.

Perkara-perkara yang boleh diusahakan oleh pengamal tarikat ini adalah melalui *mujahadah* dan *riyadah nafs* dikenali sebagai maqamat. Namun begitu usaha ini adalah tertakluk kepada takdir Allah s.w.t. Setiap pengamal tarikat ini akan melalui maqamat ini dengan cara masing-masing sama ada disedari atau tidak. Perkara-perkara yang terangkum dalam maqamat ini antaranya ialah taubat, takwa, tawakkal, sabar, syukur dan redha.

Manakala tingkah-laku pengamal yang lahir semasa atau selepas sesuatu amalan dikenali sebagai ahwal. Ahwal sentiasa berubah-ubah tidak menentu keadaannya. Ahwal ini tidak boleh diusahakan melalui *mujahadah* dan *riyadah al-nafs* seperti yang berlaku dalam maqamat kerana ahwal merupakan

makrifah, Allah s.w.t. jelas dalam kehidupannya. Demikianlah proses yang bermula dengan al-takhalli melalui al-tahalli dan berkesudahan dengan al-tajalli.

Dalam menjalani proses ini keutamaan yang dituntut ialah meninggalkan larangan iaitu menjauhkan diri dari maksiat atau dikenali sebagai riyadah. Riyadah ialah latihan untuk *tasfiyah al-qalb* (disiplin untuk penyucian hati daripada perkara-perkara selain daripada Allah s.w.t.) dan *tazkiyah al-nafs* (pernyucian hati) dari sifat-sifat yang negatif atau sifat mazmumah. Seterusnya berusaha mengerjakan suruhan dengan beramal kebajikan yang diistilah sebagai mujahadah iaitu perjuangan mewarnakan dan menghiaskan hati dengan sifat-sifat mahmudah.

8. Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di sini juga mengamalkan konsep tawassul yang dibolehkan oleh syarak di dalam doa-doa sebagai mengambil tabarruk (berkat). Umpamanya bertawassul sama ada dengan zat dan asma' Allah s.w.t., dengan Rasulullah s.a.w. para anbiya', para sahabat, para awliya', para solihin serta amalan-amalan soleh mereka. ini sebagai wasilah supaya doa, permintaan dan hajat-hajat mereka dimaqbulkan oleh Allah s.w.t.

Begitulah juga dikhawatiri pelaksanaan sesuatu ibadat akan menjadi kosong dan tidak bernilai sekiranya ia tidak berdasarkan kepada aspek kerohanian yang suci.

6. Bagi umat Islam yang melibatkan diri dengan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah sebagai memilih jalan kerohanian ini untuk mencapai kepada darjah tasawwuf harus sedar dan memahami bahawa kejayaan menempuh jalan ini bukanlah bergantung kepada kekuatan usaha seseorang, malah ia semata-mata kurniaan daripada Allah s.w.t. Sementara itu di antara seorang dengan seorang yang lain mungkin berbeza pencapaiannya, ada yang mencapainya dalam masa singkat dan ada yang mencapainya dalam masa yang agak panjang malah ada yang tidak mencapainya sama sekali.

Sebenarnya jalan menuju kepada mengenal Allah ini bukannya seperti ruang atau jarak dari segi dekat atau jauhnya yang dapat dilintasi oleh manusia dengan berjalan kaki berdasarkan kuat atau lemahnya seseorang itu, tetapi ia adalah jalan rohani yang ditempuh oleh hati dengan melintasinya dengan menggunakan daya fikiran atau fikrah berdasarkan pegangan atau 'aqidah dan pandangan matahati.

Jalan rohani ini adalah berasaskan kepada Nur samawi dan nazar ilahi atau pandangan ketuhanan yang jatuh ke dalam hati hamba. Dengannya ia dapat memandang dengan satu pandangan yang dapat melihat perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat secara hakikat atau sebenarnya.

Perkara-perkara yang boleh diusahakan oleh pengamal tarikat ini adalah melalui *mujahadah* dan *riyadah nafs* dikenali sebagai maqamat. Namun begitu usaha ini adalah tertakluk kepada takdir Allah s.w.t. Setiap pengamal tarikat ini akan melalui maqamat ini dengan cara masing-masing sama ada disedari atau tidak. Perkara-perkara yang terangkum dalam maqamat ini antaranya ialah taubat, takwa, tawakkal, sabar, syukur dan redha.

Manakala tingkah-laku pengamal yang lahir semasa atau selepas sesuatu amalan dikenali sebagai ahwal. Ahwal sentiasa berubah-ubah tidak menentu keadaannya. Ahwal ini tidak boleh diusahakan melalui *mujahadah* dan *riyadah al-nafs* seperti yang berlaku dalam maqamat kerana ahwal merupakan

satu limpahan atau anugerah daripada Allah s.w.t. Perkara-perkara yang diterangkan dalam ahwal adalah sama seperti yang ada dalam maqamat.

Perbezaan antara *maqamat* dan *ahwal* akan ternyata apabila perkara tersebut berada dalam diri seorang pengamal itu pada sesuatu masa. Jika perkara tersebut diperolehi dengan kekuatan *mujahadah* diri dikenali *maqamat* umpamanya sabar dalam menunaikan perintah Allah s.w.t. dan menjauhi larangan-larangannya. Sebaliknya jika perkara tersebut dihadapi bukan dengan kemampuan usaha pengamal tersebut ia dikenali sebagai *ahwal* umpamanya sabar menanggung bala yang menimpa serta redha dengan ujian tersebut.

Ahwal atau *jadhbah* tersebut merupakan kesan langsung daripada zikir qalbi (zikir hati) yang dilaksanakan oleh pengamal tarikat. Kesan ini merupakan matlamat bertarikat iaitu *makrifatullah* yang mampu dicapai dengan sempurna. Makrifatullah yang sebenar hanya akan dicapai berdasarkan ikutan atau panduan syariat Islam yang sebenar.

7. Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di bawah pimpinan Tuan Haji Muhammad Yatim turut membicarakan tentang ketuhanan, melalui sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagiNya. Ia juga menekankan tentang hal ehwal nafsu dan sifat-sifatnya seperti sifat-sifat *mazmumah* yang perlu dijauhi dan ditinggalkan dan sifat-sifat *mahmudah* untuk didekati dan dilaksanakan. Dengan istilah lain ia merupakan proses pelaksanaan *al-takhalli*, *al-tahalli* dan *al-tajalli*.

Maksud *al-takhalli* ialah melepaskan diri atau pengosongan jiwa daripada sifat-sifat dan perangai yang tercela iaitu sifat-sifat kesyaitanan dan sifat-sifat kehaiwanan. Sifat-sifat inilah yang menjadi debu-debu dan pengotor jiwa dan hati. Manakala *al-tahalli* pula ialah pengisian jiwa dan hati dengan sifat-sifat yang tinggi dan mulia atau akhlak yang terpuji.

Setelah melalui dua proses tersebut (*al-takhalli* dan *al-tahalli*) jiwa dan hati akan mencapai peringkat kejernihan dan keheningan (*al-safa`*) yang seterusnya akan melayakkannya untuk mencapai *maqam al-tajjali* iaitu penyaksian dan

5.2. KESAN DAN PENGARUH TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH

Tokoh-tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah dan pengamal-pengamalnya secara umum telah cuba membentuk suatu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan rohaniah Islamiah di kalangan masyarakat serta mencapai ridwanu'llah (keredhaan Allah s.w.t). Untuk mencapai matlamat ini, mereka membentuk tarekat yang sesuai dengan jiwa manusia dan sosio budaya masyarakat yang mempunyai susun lapis yang berbeza di samping bersetujuan pula dengan nilai-nilai masyarakat itu sendiri.

Keadaan ini dapat dilihat kesannya bukan sahaja dalam bidang keagamaan, malah merangkumi sosial, ekonomi dan politik.

1. Keagamaan

Fitrah semula jadi yang sedia ada di dalam diri manusia menuntut supaya mereka mendekati dan mempelajari ajaran-ajaran agama sama ada dari sudut *syar'iah*, *aqidah* dan *akhlak*. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di pusat ini adalah merupakan usaha untuk mempercepatkan ke arah ini.

Penglibatan orang ramai dalam Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Pusat ini disebabkan ajaran-ajarannya yang mudah dipraktikkan di samping mempunyai kelebihan-kelebihan yang banyak. Sesiapa sahaja boleh mengamalkannya dan akan merasai kesan positif daripada zikir-zikir jika diamalkan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Pusat ini berjaya menarik minat orang ramai bukan sahaja untuk mengamalkan zikir-zikir tetapi juga untuk mempelajari ilmu Syar'iah, Usuluddin dan Tasawuf. Kesan daripada pembelajaran itu mereka berusaha meningkatkan cara hidup yang lebih sempurna sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Dalam cara berpakaian bagi lelaki dan wanita sempurna menutup aurat. Dari segi sikap, mereka rajin datang ke majlis-majlis ilmu sama ada di masjid-masjid, surau dan lain-lain tempat majlis ilmu, menghadiri solat berjamaah dan sebagainya. Senario ini dapat di lihat di kalangan pengamal-pengamal tarekat ini di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah.

2. Sosial

Dengan adanya organisasi Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di sini, mereka yang mengamalkannya semakin baik pegangan mereka kepada ajaran Islam. Perasaan takut kepada Allah lebih menguasai jiwa-jiwa sehingga mampu mengawal diri daripada melakukan perkara maksiat dan perkara keji. Sikap dan peribadi yang mulia ini lebih ketara dapat dilihat pada peribadi syeikh dan khalifah-khalifahnya serta beberapa orang ahlinya.

Melihat kepada aspek hubungan sosial didapati ahli-ahli Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di sini tidak terkongkong dengan permikiran negatif sesetengah ahli sufi. Mereka tidak mengasingkan diri dari masyarakat luar dengan hanya tinggal dalam bilik-bilik gelap untuk berkhawat. Berkhawat pada masa-masa tertentu sahaja.

Mereka digalakkan bergaul dengan orang ramai, bermuamalah dan sebagainya tetapi hati mereka terus menerus terikat kepada Allah s.w.t. akur kepada perintah dan laranganNya.

Hubungan persaudaraan dan kejiranan terus terjalin dengan masyarakat sekeliling umpamanya sering kedapatan masyarakat sekeliling datang menemui pemimpin tarikat di pusat ini iaitu Tuan Haji Muhammad Yatim untuk mendapatkan air penerang hati dan air penawar bagi mengubat sesuatu penyakit.

3. **Ekonomi dan Politik**

Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah tidak menghalang ahli-ahlinya bergiat dalam kegiatan ekonomi dan politik, malah dalam ajaran Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah tidak membenarkan berpeluk tubuh sahaja tanpa berusaha untuk meningkatkan ekonomi mereka. Mereka pula bekerja untuk mendapat sumber rezeki diri dan keluarga di samping tidak cuai beribadat kepada Allah s.w.t.

Mereka digalakkan hidup zuhud tetapi bukan bererti supaya tidak memenuhi keperluan hidup sebagaimana yang difahami oleh sesetengah orang. Mereka juga tidak boleh terlalu mementingkan kehidupan dunia, sehingga terlupa menyediakan bekalan akhirat. Konsep keseimbangan antara dunia dan akhirat adalah menjadi amalan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di sini.

Tuan Haji Muhammad Yatim sendiri pernah berkebun getah dan berniaga. Begitu juga dengan ahli-ahli yang lain yang terdiri dari ahli-ahli korporat, pegawai kerajaan, kaki tangan swasta, pengusaha-pengusaha perusahaan kecil, peniaga, petani, nelayan, pelajar dan sebagainya.

Melalui didikan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah telah melahirkan manusia yang baik, jujur, membentuk kekuatan rohani yang kental dan sanggup berkorban untuk agama dan bangsa seperti yang dapat dilihat peranan tokoh Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah dalam bidang politik kerajaan Melayu Riau sehingga awal abad kedua puluh khususnya Pulau Penyengat. Sumbangan Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Pulau Penyengat kepada golongan pemerintahnya yang menjadi pendokong tarekat ini begitu menonjol seperti Raja Ali, Raja Haji Abdullah dan Raja Mohd Yusuf sebagai Yang Di Pertuan Muda Riau.⁶

Ketiga-tiga mereka merupakan tokoh agama yang disegani pada masa itu disamping memegang tampuk pemerintahan negeri. Rakyat menumpukan taat setia kepada mereka bukan sahaja sebagai ketua pentadbir tetapi juga sebagai pemimpin agama mereka.⁷

Pemimpin-pemimpin selepas mereka yang anti kepada pendidikan kerohanian telah menukar upacara-upacara zikir yang dengungannya selama ini memenuhi ruang istana dengan dengungan muzik-muzik yang melalaikan dan tarian-tarian yang mengasyikkan sehingga melalaikan mereka menjalankan tugas. Akhirnya kegemilangan dan keagungan Pulau Penyengat telah musnah di tangan penjajah.

5.3 FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN OBJEKTIF TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH TIDAK MENCAPAI SERATUS PERATUS.

Secara umumnya tidak semua umat Islam yang menyertai Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah ini berjaya seratus peratus dalam pendidikan kerohaniannya, walau pun demikian sebahagian besarnya telah berubah ke arah kejayaan.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kejayaan pendidikan kerohanianya tidak mencapai seratus peratus ialah:

1. Tiada kesungguhan dalam mengamalkan ajaran tarekat ini atau pun tidak memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan dan mereka mengamalkan sambil lewa sahaja serta tidak pula tetap waktunya kerana kurang memahami bahawa kesungguhan dan ketertiban itulah mampu membawa mereka ke matlamat bertarekat.
2. Kesibukan ahli berkenaan dengan tugas-tugas harian dan kealpaan mereka menunaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah kerana asyik mengejarkan kemewahan dunia.

5.4. FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN TAREKAT NAQSYABANDIYAH KHALIDIYAH KURANG MENDAPAT SAMBUTAN DI KALANGAN MASYARAKAT.

1. Pengetahuan dan kefahaman masyarakat yang sempit tentang ajaran tasawuf dan tarekat. Ditambah pula mereka mendapat pendidikan dan pendedahan daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti orang-orang yang ada kepentingan-kepentingan tertentu, serta tidak mahir tentang ajaran tersebut.
2. Masyarakat bimbang akan terjerumus ke dalam ajaran sesat sekiranya mereka ikut serta dalam ajaran tarekat kerana kedapatan banyak ajaran kebatinan yang menyeleweng yang muncul di negara kita dan dunia.
3. Masyarakat tidak didedahkan dengan pengetahuan yang jelas tentang matlamat, tujuan, dasar dan sumber ajaran tarekat sehingga mereka tidak berminat untuk menyertainya.

5.5. SARANAN

Berdasarkan kesimpulan-kesimpulan di atas maka diperturunkan beberapa saranan :

Pihak-pihak Berkenaan Seperti Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Islam.

1. Perlu memainkan peranan yang sewajarnya dalam meningkatkan lagi usaha-usaha untuk mengembalikan zaman kegemilangan tasawuf seperti yang pernah berlaku pada abad sebelum abad ke 8 Hijrah seperti mengadakan semula seminar-seminar sufi di peringkat Kebangsaan yang terhenti sejak kebelakangan ini dan juga mengadakan pula seminar yang serupa di peringkat negeri untuk membolehkan masyarakat tempatan hadir dan menambah ilmu pengetahuan mereka tentang sufi.
2. Perlu menyediakan penceramah-penceramah ke kampung-kampung untuk menerangkan tentang ilmu tasawuf yang sebenar bagi mengelakkan masyarakat dari terjebak dalam ajaran sesat. Lazimnya masyarakat kampung yang rata-ratanya taraf pendidikan mereka rendah mudah terpengaruh dengan ajaran-ajaran seumpama ini.

3. Menyediakan guru-guru yang berkelayakan dan bertauliah untuk menerangkan konsep-konsep yang menjadi tunggak dalam tarekat tasawuf seperti *tawassul*, *jadhbah (ahwal)*, *maqamat*, *fana'* dan lain-lain kerana masyarakat umum mahu pun pengamal-pengamal tarikat sendiri sering memberi tindak balas yang negatif yang boleh membawa kepada penaburan fitnah kepada mereka dan mudah terjerumus ke dalam lembah kesesatan.
4. Usaha-usaha juga perlu dijalankan untuk menerangkan kelebihan-kelebihan mempelajari ilmu tasawuf dan beramal dengan amalan-amalan tarekat tasawuf ini seperti untuk melahirkan keikhlasan, kesungguhan dan kerajinan untuk melakukan ibadat serta mengaitkan dengan anugerah-anugerah atau limpahan daripada Allah s.w.t. seperti *kasyaf* dan *karamah* kepada hamba-hamba yang dikasihi dan menjadi pilihanNya.
5. Memberi penerangan yang jelas kepada orang ramai tentang ajaran-ajaran sesat yang berleluasa dalam masyarakat sama ada secara lisan atau bahan bercetak.

Perlu juga menyenarai hitamkan nama-nama kumpulan atau organisasi ajaran sesat di samping nama-nama kumpulan atau organisasi tarekat yang benar dan menyebarkannya kepada masyarakat.

6. Mengorganisasikan usaha-usaha untuk menterjemah lebih banyak buku tasawuf daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia. Dengan memperbanyakkan bahan-bahan rujukan tentang tasawuf dalam bahasa Malaysia, dapat memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat di sini mendalami bidang tarikat tasawuf ini.
7. Bersama-sama dengan pihak kerajaan merangka dan mengaturkan supaya pendidikan tasawuf dijadikan mata pelajaran wajib di institusi pendidikan menengah dan tinggi. Ini merupakan langkah untuk memperkenalkan tasawuf Islam yang sebenar dalam usaha membentuk rohaniah dan akhlak para pelajar sesuai dengan orientasi rohaniah Islamiah.
8. Mengorganisasikan penyelidikan dan kajian yang lebih menyeluruh dan berterusan tentang tarekat, khususnya Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiah ini, yang sedang

berkembang luas ke seluruh pelusuk di Malaysia. Juga di luar Malaysia seperti di Indonesia, Mesir, Turki sebagainya untuk mempastikan ianya berjalan di atas landasan yang benar dan tidak mengamalkan perkara-perkara yang bertentangan dengan syari`at.

Pihak Individu Muslim dan Masyarakat Islam Umum

1. Sejarah telah membuktikan bahawa tarekat tasawuf mampu menyemai dan menghidupkan roh Islamiah yang kental dan kuat. Sebenarnya kekuatan umat Islam adalah berpunca daripada kekuatan roh seumpama ini, oleh itu masyarakat Islam harus menyedari dan bersama-sama berganding bahu untuk menyuburkan ajaran kerohanian yang sihat ini.

2. Mana-mana individu atau masyarakat Islam yang merasa ragu-ragu dan tidak puas hati tentang sesuatu tarikat, jangan terlalu cepat melemparkan tuduhan-tuduhan negatif. Sewajarnya mereka melakukan penyelidikan terhadap ciri-ciri, doktrin dan amalan-amalan yang dilakukan dengan adil dan jujur. Dalam usaha ini hendaklah berdasarkan sumber rujukan yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah juga merujuk kepada kaedah-

kaedah ilmu tasawuf yang telah diutarakan oleh ulamak-ulamak mu'tabar yang menjadi penaung tarekat dan kerohanian.

3. Masyarakat hendaklah berhati-hati dan teliti dalam memilih syeikh untuk membimbing mereka dalam perjalanan kerohanian tersebut kerana syeikh yang mursyid sahaja yang mampu membimbing mereka mencapai matlamat bertarekat. Tambahan pula dewasa ini ramai yang mengaku mereka sebagai syeikh sedangkan mereka tidak mempunyai ciri-ciri syeikh mursyid seperti yang dikehendaki dalam agama Islam.

4. Salasilah adalah salah satu syarat dalam perkembangan sesebuah tarekat dan sebagai perhubungan kepada pengaliran kerohanian dan keberkatan. Oleh itu masyarakat perlu mencari dan memastikan syeikh yang mempunyai salasilah yang betul dan sampai hubungannya kepada Rasulullah untuk memastikan bahawa bawaan tarikat adalah betul.

Pihak Ahli-ahli dan Pengamal-pengamal Tarekat
Naqsyabandiyah Khalidiyah

1. Pengamal-pengamal tarekat amnya dan pengamal Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah khususnya mesti mengikhlaskan niat memasuki tarekat semata-mata kerana Allah s.w.t. tanpa mempunyai tujuan yang terpesong umpamanya untuk dipandang tinggi oleh masyarakat, mendapat kasyaf, mendapat ilmu kebatinan dan sebagainya.
2. Pengamal-pengamal tarekat mestilah mengambil contuh teladan daripada tokoh-tokoh tarekat yang memahami Islam secara syumul dengan menjadikannya sebagai galakan dan dorongan untuk mereka menimba ilmu pengetahuan dalam ke semua bidang seperti fekah, tauhid, aqidah dan lain-lain sert tidak tertump kepada tasawuf semata-mata.
3. Pengamal-pengamal tarekat mesti mempunyai tekad untuk berusaha bersungguh-sungguh dan tekun dalam mengamalkan ajaran-ajarannya serta mematuhi arahan syeikh mursyid dalam usaha untuk mempertingkatkan kerohanian mereka.

4. Syeikh-syeikh tarekat hendaklah memasukkan lebih banyak ayat-ayat al-Quran dan doa-doa ma'thurat ke dalam wirid-wirid dan zikir tarekat dan meminta pengamal-pengamal tarekat menghafaznya. Secara tidak langsung pengamal-pengamal tarekat akan banyak usaha mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Sebagai mengakhiri penulisan ini penulis dapat menyatakan bahawa Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di bawah pimpinan Tuan Haji Muhammad Yatim bin Haji Ismail yang berpusat di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah adalah menepati dan selari dengan konsep tarekat tasawwuf yang mu'tabar.

Kewujudan masalah-masalah seperti Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di pusat ini gagal mencapai matlamat bertarikat seratus peratus tidak boleh dijadikan alasan untuk menyatakan bahawa Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di sini tidak betul atau sudah menyeleweng. Adalah tidak wajar sama sekali jika dikatakan bahawa agama Islam sudah tidak betul lantaran adanya orang-orang Islam yang tidak mendirikan solat, tidak keluarkan zakat, berzina, minum arak dan sebagainya.

Begitu juga, kita tidak boleh mengatakan bahawa Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di sini sudah tidak betul lantaran adanya pengamal tarekat tersebut yang menyeleweng dari ajaran sebenar. Wallah hu a`llam bissawab.

NOTA

1. Haji Abdul Aziz Ambak bin Haji Ismail, *Beberapa Konsep Tarikat Tasawwuf yang Mu'tabar dalam Kertas kerja Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan kali kelapan, tempat di Pusat Latihan Telekom, Rusila, Marang Terengganu. Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 3-5 Jamadil akhir 1413 H/ 27-29 November 1992) 36.*
2. Ibid. 36-48.
3. Al-Quran: al-Fatir: 28
4. Al-Quran: al-Zariyat: 56
5. Al-Ghazali, *Mukhtasar Ihya'Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Fikr dan Muassasah al-Kutub al-Thaqifiyyah 1406 H/ 1986 M) 138.
6. Abu Hassan Sham, *Tariqat Naqsyabandiyah dan Peranannya Dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad kedua Puluh dalam Tamadun Islam di Malaysia* oleh Khoo Kay Kim dan lain-lain (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980) 42.
7. Ibid.
8. Ibid.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran dan Tafsir Pimpinan al-Quran kepada Pengertian al-Quran*, Ed. Kelapan, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987.
- Abd al-Qadir Ahmad 'Ata'. *Al-Tasawwuf al-Islami Bayn al-Asalat Wa al-Iqtibas Fi 'Asr al-Nablisi*, Lebanon: Dar al-Jail, Beirut, 1987.
- Abd al-Rahman Dimashqiyah. *Al-Naqsyabandiyah 'Arad Wa Tahlil*, Riyad: Dar Tayyibah, t.t.
- Abdul Fatah Haron Ibrahim. *Ajaran Sesat* (Gerakan Sulit Wujudiah Batiniah di Malaysia) Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Shukor Haji Husin, dan Mudasir Rosdar. Terj. *Perkembangan Tasawwuf Islam*, oleh Abu al-Wafa' al-Ghanimi al-Taftazani, Kuala Lumpur. BHEIS, JPM, 1996.
- Aboebakar Atjeh. *Pengantar Ilmu Tarekat Dan Tasauf*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1985.
- Abu Hassan Sham. "Tariqat Naqsyabandiyah Dan Peranannya Dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad Kedua Puluh", dalam *Tamadun Islam Malaysia*, Selangor: Percetakan United Selangor Sdn. Bhd. 1980.
- Abu Daud, Sulaiman Bin al-Ash'ath Bin al-Azda Al-Sajistani, *Sunan Abi Daud*. Jld. 2. Ed. Ahmad Saad Ali. Mesir: Sharikah Maktabah Wa Mutabi'ah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladuhu, 1952.
- Acher, N. P. *The Sufi Mystery*. London: The Octagon Press Ltd. 1980.
- Afifi, Abu al-'Ula. *Fi al-Tasawwuf al-Islami wa Tarikhhihi*, Qahirah: Matba'ah bi Jinnah, 1969.
- Algar, Hamid. *Poliltical Aspect of Naqshabandi History Naqshabandis*. Varia Turcica XVIII. Istanbul - Paris, 1990.
- Al-Alusi, Mahmud. *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- Amidah, Abd al-Rahman. *Al-Tasawwuf al-Islam: Manhajan wa Sulukan*. Qahirah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah, t.t.

Al-Ansari, Zakariya, Fath al-Rahman, *Sharh Risalah al-Waliy Raslan*. Ed. `Abd al-Samad ibn Muhammad `Azhari Banjar al-Nageri. Singapura: Matba`ah Haji Muhammad Amin Bin Hj. Abdullah 1335 H.

Al-Attas, Syed Naguib. *Some Aspect of Sufism As Understood And Practise Among The Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.

Al-Bajuri, Ibrahim. *Sharh al-Jawharah*. Qahirah: al-Azhariyah, 1352 H.

Al-Banjari. Muhammad Nafis Ibn Iddris. *Al-Durr al-Nafis Fi Bayan Wahidah al-Af`al wa al-Asma` wa al-Sifat wa al-Zi al-Aqdas* (Pulau Pinang: Maktabah wa Matba`ah al-Ma`arif, t.t.

Badawi, Abd Rahman. *Tarikh al-Tasawwuf al-Islami min al-Bidayah Hatta Nihayah al-Qurn al-Thani*. Kuwait: Wakalah al-Matbu`at.

Barmawie Umarie, Drs., *Sistematik Tasawwuf*, Yogyakarta, Indonesia: Ab Sitti Syamsiyah, 1961.

Benningsen, Alexandre dan Wimbush, S. Endeis. *Mystics And Commissars Sufism In The Soviet Union*. London: C. Hurst & Co., 1985.

Bisuyuni, Ibrahim. *Nash`at al-Tasawwuf al-Islam*. Mesir: Dar al-Ma`arif, 1969.

Bogdon, R dan Taylor, S.J. *Introduction To Qualitative Research Method, A Phenomenological Approach To The Social Sciences*. New York. 1972.

Brown, John P., *The Dervishes Or Oriental Spiritualism*. London: Frank Cass & Co. Ltd. 1968.

Bruinessen Martin Van. *Tarekat Naqsyabandiyah Di Indonesia Survei Historis, Geografis dan Sosiologis*. Pengantar, Hamid Algar. Bandung: Penerbit Mizan, 1992.

Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr t.t.

Burhanuddin Abd. Jalal. *Ajaran Sesat Satu Ancaman Terhadap Keselamatan Negara*, Kuala Lumpur: Kor Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan, 1995.

Al-Buthi, Muhammad Said Ramadan, *Fekah Sirah*, Beirut: Darul Fikri, 1990.

Al-Dahlawi, Ahmad Ibn `Abd al-Rahim. *Hujjatu - 'Ilah al-Balighah*, Ed. Sayyid Sabiq, Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah, t.t.

Al-Dahlawi, Ahmad Ibn `Abd al-Rahim. *Al-Qaul al-Jamil Fi Bayan Sawa` al-Sabil*. t.p, t.t.

Al-Dahlawi, Muhammad Ismail al-Shahid, *'Abaqat*. Karachi, Mustajab Press & al-Majlis al-`Ilmi, 1960.

De Jong, F, in *Turuq and Turuq - Linked Istitution Nineteenth Century Egypt*. Leiden The Netherland: E.J. Brill's, 1978.

Dervish, H.A.M. *Journey With A sufi Master*. London: The Octagon Press, 1982.

Dimashqiyah, Abd Rahman. *Al-Naqsyabandiyah 'Arad wa Tahlil*, Mesir: Dar Taiyibah, t.t.

Engku Ali Bin Engku Endut. *Jalan Para Abid*. Jld, 1. Terj. Minhaj al-Abidin oleh Imam al-Ghazali. Kuala Terengganu: Percetakan Halim. 1994.

Fairuzah Hj. Basri, *Tinjauan Terhadap Kitab Asrar Al-Riffin Fi Bayan Ilmu Al-Suluk Wa Al-Tauhid karangan Hamzah Fansuri*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984.

Al-Falimbangi, Abd al-Somad, *Siyar al-Salikin*, Pulau Pinang: Dar al-Ma`arif, t.t.

Farukhi, Umar. *Al-Tasawwuf Fi al-Islami*. Beirut: Lebanon: Dar al-Kutub al-Arabi, 1981.

Fuad Said, H.A. *Hakikat Tarikat Naqsyabandiyah*, Ipoh, Perak: Pustaka Muda, 1991.

Fuad Said, H.A. *Syeikh Abd Wahab, Tuan Guru Babussalam*. Medan: Pustaka Babussalam, 1990.

Ghani, Qassim, *Tarikh al-Tasawwuf Fi al-Islam*. Qahirah:
Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1972.

Al-Ghazali, Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad. *Minhaj al-Abidin*. Beirut: Dar al-Jail, 1989.

Al-Ghazali, *Ihya` `Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma`arifah t.t.

Al-Ghazali, *Khulasah al-Tasanif Fi al-Tasawwuf*. Ed. Muhammad Amin al-Kurdi. Berirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, t.t.

Gibb, H.A.R. dan Kramers, J.H. *Shorter Encyclopedia Of Islam*. Jld. 3. Leiden, The Netherland: E.J. Brill`s, 1974.

Al-Hafni, Abd al-Mun'im, *Mustalahat al-Sufiyah*. Berirut: Dar al-Masirah, 1980 M/1400 H.

Hamdan Hassan. *Tarikat Ahmadiah Di Malaysia*. Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990.

Hanbal, Ahmad. *Kitab al-Zuhd*. Ed. Dr. Muhammad Jalal Sharf. Beirut: Dar al-Fikr, 1980.

Hanbal, Ahmad. *Musnad Imam Ahmad*. Beirut: Maktabah al-Islami. 1978.

Al-Harawi, `Ali Ibn Husein, *Roshahat `Ain al-Hayah* Ed. Sheikh Muhammad Murad Ibn Abdillah al-Qazani. Turki: al-Maktabah al-Islamiyah Muhammad Izdamir, t.t.

Hilmi, Muhammad Mustafa. *Al-Hayat al-Ruhiyah Fi Islam*. Mesir: Al-Hai`yah al-Misriyah al-`Ammah Lita` lif wa Nashr. 1970.

Houtsma, M.Th., Winsinck, A.J., Levi-Provencal, E. Gibb H.A.R. dan Heffening, W. *First Encyclopedias of Islam* 1913 - 1936. Jsd. 6. Leiden, The Netherland: E.J. Brills, 1987.

Al-Hujwiri, Ali Ibn Uthman al-Jallabi, *Kashf al-Mahjub*. Mesir: Matba`ah al-Ahram al-Tijariyah, t.t.

Al-Husayni, al-Sayyid Muhammad Abu al-Fayd al-Manufi
Jamharat al-Awliya` wa A`lam Ahl al-Tasawwuf. Qahirah:
Muassasat al-Hilbi Syarikah Li al-Nashr Wa al-Tawzi`,
1967.

Ibn Hajar, Ahmad Ibn `Ali, *Fath al-Bari*. Qahirah: Dar al-Rayyan, t.t.

Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid al-Qazwaini, *Sunan Ibn Majah*.
Ed. Muhammad Fuad Abd al-Baqi`. Qahirah: Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyah, t.t.

Ibn Taimiyah. *Qa`idah Jalilah al-Tawassul wa al-Wasilah*. Ed,
al-Sayyid al-Jamili. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Imron Aba. *Di Sekitar Masalah Thariqat Naqsyabandiyah*
Indonesia: Penerbit Menara Kudus, t.t.

Isa, Syeikh Abd al-Qadir, *Haqa`iq An al-Tasawwuf*, Aman: Al-Wataniyyah, 1401 H.

Al-Isbahani, Abu Naim Ahmad ibn `Abdillah, *Kitab Zikr Akhbar Isbahan*, Jld. 1. Leiden: Matba`ah Brill 1934.

Ishaq Bin Muhammad `Arif, *Jami` al-Masail*. Dong, Raub, Pahang, t.pt. 1989.

Jahid Haji Sidek. *Ajaran-Ajaran Tariqah Naqsyabandiyah al-Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi*, Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd. 1989.

Jahid Haji Sidek. *Sheikh Dalam Ilmu Tariqah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.

Jalaluddin, Dr. Haji. *Pertahanan Tarekat Naqsyabandiah*. Raub, Pahang: Pustaka al-Huda, 1991.

Jalaluddin, Dr. Syeikh Haji. *Rahsia Mutiara Tarikat Naqsyabandiyah*. Indonesia: Sekretariat, No. 2, Djalan Berlian, Medan Dell, 1971.

Jalaluddin, Dr. Syeikh Haji. *Sinar Keemasan*. Jakarta: No. 6, Djalan Angsana, Tanah Tinggi, 1959.

Al-Jilani, Syeikh `Abd al-Qadir, *Al-Fath al-Rabban*. Wa al-Faid al-Rahmani. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Aulidihi, 1968.

Jong, F.De. *Turuq And Turuq - linked Institutions In Nineteenth Century Egypt*. Leiden, The Netherlands: E.J. Brill's.

Al-Jurjani, al-Wayyid 'Ali Ibn Muhammad. *Al-Ta'rifat*, Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladihi, 1938.

Al-Juziyyah, Abi 'Abd Allah Muhammad Bin Abi Bakar Bin Ayub Ibn Qayyim. *Madarij al-Salikin*. Ed. Muhammad Hamid al-Faqi, Jld. 2. Beirut, Lebanon: Dar al-Kitab al-Arab, t.t.

Al-Kandahlawi, Muhammad Zakariyya. *Al-Shari'ah wa al-Tariqah*. Cairo: Dar al-Rashid, 1339 H.

Al-Kani, 'Abd al-Majid Ibn Muhammad, *Al-Hadaiq al-wardiyah Fi Haqaiq Ajilla' al-Naqsyabandiyah*. Damshiq, 1306 H.

Al-Khani, Muhammad Ibn 'Abdillah, *Al-Bahjah al-Saniyyah*. Istanbul: Maktabah al-Haqiqah, 1989 M/ 1409 H.

Kilani, Qamar. *Fi al-Tasawwuf al-Islami: Mathumah wa Tatawiruh wa Alamuh*. Beirut: Mutabi' Samna, 1962.

Al-Kurdi, Syeikh Muhammad Najm al-Din Amin. *Tanwir al-Qulub Fi Mu'amalat Alam al-Ghuyub*. Mesir: Maktabah Shahirah, 1368 H.

Al-Kurdi, Syeikh Muhammad Najm al-Din Amin *Khatimah Khulasah al-Tasanif Fi al-Tasawwuf Dalam Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Pertama. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1985.

Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Ketiga. Kuala Lumpur: BHEIS, JPM, 1987.

Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, Kuala Lumpur: BHEIS, JPM, 1988.

Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Kelima, Kuala Lumpur: BHEIS, JPM, 1989.

Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Keenam, Kuala Lumpur: BHEIS, JPM. 1990.

Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Ketujuh, Kuala Lumpur: BHEIS, JPM. 1991.

Laporan Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Kelapan, Kuala Lumpur: BHEIS, JPM, 1992.

Lewis, B. Manoge, V.L., Pella, Ch. dan Schachat, J. *The Encyclopaedia Of Islam*. Jld. 3. Leiden, The Netherlands: E.J. Brill's 1971.

Ling, Martin. *What Is Sufism ?*. London: George Allen dan Unwin Ltd., 1975.

Mackeen, A.M.M. *Sufi Qawn Movement dalam Moslem World*, Vol. LIII, No, 3. London, 1963.

Al-Mahdaly, Sayyid Muhammad Aqail Bin 'Ali. *Madkhal Ila al-Tasawwuf*. Lembah Pantai, Kuala Lumpur: Fakulti Usulluddin, Universiti Malaya. t.t.

Al-Mahdaly, Sayyid Muhammad Aqail Bin 'Ali. *Al-Rabitah Bain al-Mursyid wa Murid Fi al-Turuq al-Sufiyyah*. Kedah: Kuliyyah Usulluddin, INSANIAH, 1999.

Mahmud, Abd Halim. *Qadiyyah al-Tasawwuf al-Munqih Min al-Dalal*. Qahirah: Dar al-Ma'arif, 1985.

Mahmud Saedon Bin Awang Othman. *Sejarah Perkembangan Tarikat /Tasawwuf Dan Persoalan Mengenainya*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992.

Al-Manufi, al-Sayyid Mahmud Abu al-Faid, *Jamharah al-Awliya`*, Qahirah: Muassasah al-Halabi wa shurakaihi Li al-Nasr wa al-Tauzi`, 1967.

Mohd Sulaiman Haji Yasin. *Mengenal Ilmu Tasawwuf* (Pengantar) Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992.

Mohd Sulaiman Haji Yasin. *Mengenal Ilmu Tasawwuf* 2. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992.

Mubarak, Zaki, *Al-Tasawwuf al-Islami Fi al-Adab wa al-Akhlaq*. Jld. 1 dan 2. Saidon, Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah Litaba`ah wa al-Nashr, t.t.

Muhammad Bukhari Lubis, *The Ocean Of Unity: Wahdat Al-Wujud In Persian, Turkish And Malay Poetry*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Muhammad Zakaria, *Fadhalil al-'Amal*. Kota Bharu: Pustaka Aman ss Sdn. Bhd., 1993.

Al-Muhasibi, al-Harith Ibn Asad, *Ri`ayah Li Huquqi'llah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah 1985.

Miller, Donald E. dan Seltser, Barry Jay, *Writing And Research In Religious Studies*. New Jersey: Prentice Hall, 1992.

Al-Multawa, Hasan Kamil, *Al-Sufiyyah Fi Ilhamihimm al-A`la Lishu'un al-Islam*. Mesir: t.pt., 1972.

Al-Munjid Fi al-A`lam. Beirut, Lebanon : Dar El-Mashriq, 1976.

Al-Munjid al-Tulab, Beirut, Lebanon: Dar El-Mashriq, 1987.

Al-Muslim, Muslim Ibn Hajjaj. *Sahih Muslim Qahirah: Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyyah*, t.t.

Naufal, Taj al-Din. *Hadiqat al-Awliya`*. Qahirah: Maktabah al-Turuth al-Islam, 1986.

Al-Nawawi, Yahaya Ibn Syarf, *Sahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*. Qahirah: Dar al-Rayyan, t.t.

Al-Nawawi, Yahaya Ibn Syarf, *Syer al-Arba`in al-Nawawiyah*, Qahirah: al-Maktabah al-Taufiqiyah, t.t.

Nibhani, Yusof Bin Ismail, *Jami` Karamat al-Awliya`* Jld.1. Beirut, Lebanon : Maktabah Shi`biyyah, 1987.

Nicholson, R.A. *Studies In Islamic Mysticism*. London: Cambridge At The University Press, 1967.

Pourjavady, N. dan Wilson, P.L. *Kings of The Ni`matullahi Sufi Order*. Imperial Iranian Academy of Philosophy.

Al-Qazani, Muhammad Murad, *Dhail Rashahat `Ain al-Hayah*. Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah muhammad Izdamir, t.t.

- Al-Qusyairi, Abu Al-Qassim Abd al-Karim. *Al-Risalah al-Qusyairiyah*. Ed. Abd al-Halim Bin Mahmud Bin al-Sharif. Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1992.
- Rizvi, Sayyid Athar Abbas. *A History of Sufism In India*, Munshiram Manorlal, Pub. Ltd, 1983.
- Ross, Robert. *Research: An Introduction*. Hagerstown, New York: Barnes And Noble Book, A Division Of Harper And Row. Publishers, 1974.
- Rusell, B. *Mysticism and Logic*. New York: Modern Library, 1972
- Sabiq, Sayyid, *Fiqh al-Sunnah*. Jld. 1. Beirut, Lebanon: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1985.
- Al-Samarqandi, Nasr Ibn Muhammad Ibn Ibrahim, *Tahbih al-Ghafilin*. Ed. Ahmad Salam. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1986 M/1406 H.
- Schimmel, Annemarie. *Mystical Dimensions Of Islam*. USA, The University of North Carolina Press, 1975.
- Shah, Sirdar Iqbal Ali, *Islamic Sufism*. New York: Samuel Weiser. Inc., 1971.
- Al-Sha'roni, Abd al-Wahab, *Al-Anwar al-Qudsiyyah*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif, 1408 H/ 1988 M.
- Al-Siraj, Abi Nasr Al-Tusi. *Al-Luma'*. Ed. 'Abd al-Halim Mahmud dan Taha 'Abd. Baqi al-Baqi Surur. Mesir: Dar al-Kitab al-Hadithah. t.t.
- Smith, Margoret. *Robin The Mystic And Her Fellow. Saints In Islam*. Lahore, Pakistan. Hijra International Publishers. 1983.
- Stace, W.T., *Mysticism And Philosophy*, London: Macmillan, 1961.
- Staddart, William, *Sufism, The Mystical Doctrines And Methods of Islam*. Northhamtonshire: Thorsons Publishers Limited, Wellingborough, 1975.
- Al-Subli, Taqyud - Din. *Shifou's - Saqam*, Deccan: Dairah Ma'arif al-Uthmaniyyah, 1402 H/1992 M.

Al-Sulami, `Abd al-Rahman Muhammad al-Husein. *Kitab al-Tabaqat al-Sufiyyah*. Leiden, 1960.

Al-Taftazani, Abu al-Wafa` al-Ghanaimi. *Madkhal Ila al-Tasawwuf al-Islam*. Qahirah: t.pt., 1983 M.

Tajuddin Ibn Syeikh Daud al-Wahab Rokan, *Kaifiyat Zikir Di Dalam Tarikat Naqsyabandiyah*, Babussalam, Langkat, Sumatera Utara: t.pt., 1997.

Toha Abd al-Yafi Surur. *Al- Sya'roni wa Tasawwuf al-Islami*. Mesir: Mutabaqah al-Ulum 163, t.t.

Trimingham, J. Spencer. *The Sufi Order In Islam*. Great Britian: Oxford At Clorendon Press, 1971.

Al-Turmudhi, Imam al-Hafiz Abi `Isa Muhammad Bin Isa Bin Sawrah, *Sunan al-Turmudhi Wahama al-Jami` al-Sahih*. Jld. 3. Ed. Abd al-Rahman Muhammad Uthman. Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr, 1978.

Waly, Muhibbuddin, *Hakikat Hikmah Tauhid dan Tasawwuf (al-Hikam)*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1991.

Wan Muhammad Shagir Abdullah, ` Hamzah Fansuri Dan Muridnya Shamsudin as-Sumaterani` dalam *Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik*. Selenggaran Muhammad Daud Muhammad. Kuala Lumpur: DBP, 1976.

Zakaria Stapa dan Mohamad Asin Dollah, *Islam Akidah dan Kerohanian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Ed. Kedua. 1998.

Zaki Mubarak, *Al-Tasawwuf al-Islami Fi al-Adab wa al-Akhlag*. Jld. 2. Beirut, Lebanon: al-Maktabah al-'Asriyyah Li Taba`ah wa al-Nashr. t.t.

Zezen Zaenal Abidin Zayadi Basul Asyhab, Terj., *Sirrul Asrar* oleh As-Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani. Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 1997.